



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

laporan tahunan 2014



Ajukan persoalan yang merangsang dan mencabar minda. Jangan berpuas hati dengan kedangkalan sesuatu jawapan. Bersikap terbuka untuk tertanya-tanya dan pada masa yang sama, sasarkan segala kemusykilan kepada pengetahuan, tanpa pengecualian, untuk penelitian kritis. Dalam memenuhi mandat kami, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) berusaha ke arah peningkatan yang berterusan. Kami sentiasa mengajukan persoalan kepada diri kami – adakah kami mengamati maklumat yang betul? Adakah kami bertanya soalan yang betul? Manakah lagi ruang yang perlu diperbaiki? Hanya selepas itu, kami dapat menilai kemajuan kami, memetik kata-kata Carl Sagan "... menerusi persoalan yang kami bangkitkan dan kejelasan jawapan kami, maka, tercetuslah kesediaan kami untuk menerima apa yang benar daripada apa yang menyelesaikan."



PIDM mengutamakan pengurusan bertanggungjawab dalam setiap aspek operasi kami. Ini jelas terbukti daripada penggunaan kertas mesra alam yang dipilih khas untuk penerbitan Laporan Tahunan ini. Kertas ini disahkan oleh *Forest Stewardship Council (FSC)*, iaitu organisasi antarabangsa yang menyokong piawaian tertinggi dalam pengurusan hutan.





VISI



Menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik

MISI



Kami berusaha menggalak dan menyumbang kepada keyakinan awam terhadap kestabilan sistem kewangan negara dengan:

- melindungi deposit islam dan konvensional;
- melindungi manfaat takaful dan insurans; dan
- memenuhi mandat perlindungan konsumen kewangan kami dengan cara yang efektif dan efisien, dengan mengambil kira kepentingan pemegang kepentingan utama dan kakitangan kami.

NILAI KORPORAT



- Pengelolaan Kewangan yang Berhemat
- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan

OBJEKTIF KORPORAT



- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh
- Amalan urusan dan kewangan yang mantap
- Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan
- Persekitaran korporat yang kondusif

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

- 5 Profil Korporat
- 6 Sekilas Pandang
- 8 Komitmen kepada Kecemerlangan
- 9 Sorotan Pencapaian Kami Sepanjang Lima Tahun
- 10 Ringkasan Kewangan: Prestasi Lima Tahun
- 11 Masa Hadapan
- 12 Perutusan Pengerusi
- 15 Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil
- 20 Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 23 Carta Organisasi
- 24 Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil
- 32 Jawatankuasa Pengurusan Lain

BAHAGIAN 2: TADBIR URUS KORPORAT

- 35 Pernyataan Tadbir Urus
- 53 Pernyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

BAHAGIAN 3: PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

- 65 Persekitaran Operasi Kami
- 65 Kajian Semula Operasi dan Pencapaian Tahun 2014
- 81 Tinjauan Kewangan
- 103 Ringkasan Rancangan Korporat 2015 - 2017

BAHAGIAN 4: PENYATA KEWANGAN

- 107 Laporan Lembaga Pengarah
- 111 Pernyataan Pengarah
- 112 Akuan Berkanun
- 113 Persijilan Ketua Audit Negara
- 114 Penyata Kedudukan Kewangan
- 115 Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain
- 116 Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab
- 118 Penyata Aliran Tunai
- 119 Nota kepada Penyata Kewangan

BAHAGIAN 5: TINJAUAN KEAHLIAN

- 177 Tinjauan Keahlian

BAHAGIAN 6: ARTIKEL

- 183 Sistem Premium Berbeza – Suatu Evolusi kepada Pendekatan Matriks

BAHAGIAN 7: INISIATIF KOMUNIKASI DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

- 189 Inisiatif Komunikasi
- 194 Tanggungjawab Sosial Korporat

BAHAGIAN 8: KALENDAR PERISTIWA

- 197 Kalendar Peristiwa

LAMPIRAN

- 207 Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus
- 210 Piagam Jawatankuasa Ganjaran
- 212 Piagam Jawatankuasa Audit
- 217 Piagam Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian
- 220 Kad Skor Korporat 2015 - 2017
- 222 Senarai Institusi Ahli
- 223 Glosari Istilah
- 226 Butir-Butir Hubungan



BAHAGIAN SATU

PENGENALAN

5	Profil Korporat	12	Perutusan Pengerusi, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias
6	Sekilas Pandang	15	Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil
8	Komitmen kepada Kecemerlangan	20	Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif, Jean Pierre Sabourin
9	Sorotan Pencapaian Kami Sepanjang Lima Tahun	23	Carta Organisasi
10	Ringkasan Kewangan: Prestasi Lima Tahun	24	Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil
11	Masa Hadapan	32	Jawatankuasa Pengurusan Lain

PROFIL KORPORAT



PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM)

IALAH BADAN BERKANUN YANG DITUBUHKAN PADA TAHUN 2005 DI BAWAH AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (AKTA PIDM) 2011 UNTUK MELINDUNGI KONSUMER KEWANGAN TERTENTU. PIDM MELAPOR KEPADA PARLIMEN MENERUSI MENTERI KEWANGAN DAN DITADBIR OLEH LEMBAGA PENGARAH YANG DIANGGOTAI SEMBILAN ORANG PENGARAH. PERBADANAN JUGA DIKENALI DI PERINGKAT ANTARABANGSA SEBAGAI *MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION* (MDIC).

Sebagai sebahagian penting daripada sistem jaringan keselamatan kewangan negara, PIDM mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM melindungi pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli sehingga had yang dinyatakan dalam Akta PIDM. Perbadanan juga diberi mandat untuk menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan, serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Institusi ahli PIDM terdiri daripada:

- bank-bank perdagangan (termasuk subsidiari bank-bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
- bank-bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
- syarikat-syarikat insurans (termasuk subsidiari syarikat-syarikat insurans asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau insurans am di Malaysia; dan
- pengendali-pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau takaful am di Malaysia.

Sehingga 31 Disember 2014, keahlian PIDM terdiri daripada 43 bank ahli (27 bank perdagangan dan 16 bank Islam) dan 43 ahli penginsurans (32 syarikat insurans dan 11 pengendali takaful).

Operasi PIDM dibiayai oleh premium dan levi tahunan yang diperoleh daripada institusi ahli. Perbadanan mentadbir enam Kumpulan Dana yang berbeza secara berasingan:

1. Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam;
2. Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional;
3. Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga;
4. Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat;
5. Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am; dan
6. Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am.

Kumpulan Dana Perlindungan Islam ditadbir mengikut prinsip-prinsip Syariah.

KESTABILAN SISTEM KEWANGAN

Bagi melaksanakan mandatnya, PIDM bekerjasama rapat dengan Bank Negara Malaysia (BNM), badan pengawal selia utama. Hubungan kerja ini diperincikan dalam Akta PIDM dan Perjanjian Perikatan Strategik antara kedua-dua pihak dan membolehkan pertukaran maklumat terkini mengenai institusi ahli serta kerjasama dalam penilaian dan pemantauan risiko, serta aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

PIDM melengkapkan rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada dengan menyediakan insentif bagi institusi ahli untuk melaksanakan amalan pengurusan risiko yang wajar. Perbadanan ialah badan berkuasa resolusi di Malaysia bagi bank ahli dan ahli penginsurans, dan memiliki pelbagai kuasa perundangan untuk melaksanakan intervensi lebih awal terhadap institusi bermasalah bagi mengurangkan kemungkinan kegagalan institusi ahli. Sekiranya perlu, sebaik sahaja sesebuah institusi ahli dianggap sudah tidak berdaya maju oleh BNM, Perbadanan boleh mengambil alih kawalan ke atas institusi tersebut atau mengambil tindakan intervensi bagi melaksanakan resolusi terhadap institusi ahli tersebut dalam cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Komunikasi secara jelas dan tepat pada masa bagi memastikan keyakinan awam terhadap Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans merupakan kunci kepada usaha PIDM dalam menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Justeru, Perbadanan melaksanakan program kesedaran awam serta inisiatif pendidikan pelbagai tahun menerusi pelbagai saluran untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman mengenai manfaat, perlindungan dan had sistem perlindungan konsumen kewangan PIDM.

SEKILAS PANDANG

PIDM berjaya mencapai strategi-strategi dan memenuhi sasaran prestasi utama seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat 2014 – 2016 mengikut rancangan kewangan yang diluluskan. Asas dan kapasiti operasi Perbadanan telah diperkukuhkan lagi untuk menjadi lebih efisien dan efektif dalam mentadbir sistem perlindungan konsumer kewangan.

Bagi tahun 2014, usaha utama Perbadanan yang sejajar dengan hala tuju strategiknya ditumpukan kepada inisiatif untuk:

- mengukuhkan keberkesanan dan kesediaan operasi;
- memantapkan dan mengekalkan kecekapan kakitangan dan pengurusan tenaga kerja;
- mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama; dan
- meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan konsumer kewangan.



Sekilas Pandang

SOROTAN PENCAPAIAN PIDM PADA TAHUN 2014



PEMEGANG KEPENTINGAN

- Meneruskan pelaksanaan inisiatif Pelan Komunikasi Bersepadu, termasuk pengiklanan menerusi pelbagai saluran dan mendidik pemegang kepentingan PIDM menerusi taklimat, sesi latihan, jerayawara, pameran dan program Capaian Korporat.
- Memeterai perjanjian kerjasama dengan Money Compass untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Cina.
- Bekerjasama dengan Institut Insurans Malaysia dan institusi ahli bagi program pengiktirafan Melatih Pelatih.
- Program pendidikan berjaya melibatkan semua sekolah menengah kebangsaan di Malaysia iaitu sejumlah 2,239 sekolah. Perbadanan telah diiktiraf sebagai "Rakan Kokurikulum" oleh Kementerian Pendidikan, bukti kejayaan program pendidikan tersebut.
- Memeterai Memorandum Persefahaman lanjutan dengan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia (*Indonesia Deposit Insurance Corporation - IDIC*) dan *Deposit Protection Agency*, Thailand untuk menggalakkan kerjasama dan usaha sama.
- Menjadi tuan rumah bagi Seminar Teknikal "Mengelola Institusi Terlalu Besar untuk Gagal (*Too Big to Fail*): Mengukuhkan Kerjasama Rentas Sempadan dan Melaksanakan Pelan Pemulihan dan Resolusi Efektif" Jawatankuasa Serantau Asia-Pasifik. Kami juga menganjurkan dan menjadi tuan rumah bagi lawatan sambil belajar dan bengkel kerja untuk berkongsi dan bertukar-tukar pengetahuan mengenai perkara-perkara berkaitan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Terus mengekalkan hubungan baik dengan BNM, penginsurans deposit lain dan jaringan keselamatan di seluruh dunia menerusi penyertaan dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*) dan Forum Skim Jaminan Insurans Antarabangsa (*International Forum of Insurance Guarantee Schemes - IFIGS*).

TADBIR URUS
DAN PROSES
DALAMAN

- Mengusulkan cadangan pindaan perundangan Akta PIDM 2011 kepada Jabatan Peguam Negara.
- Mengadakan lima sesi pendidikan Lembaga Pengarah sebagai sebahagian daripada latihan dan pendidikan berterusan Lembaga Pengarah.
- Terus melaksanakan komitmen kepada program Tanggungjawab Sosial Korporat kami.
- Terus menyokong Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors' Education - FIDE*) dan alumninya, FIDE FORUM.
- Melaksanakan Model Ramalan Penarafan Sistem Amaran Awal bagi bank ahli.
- Mengeluarkan Garis Panduan Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Premium, Garis Panduan bagi Program Pengesahan: Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit Diinsuranskan serta Garis Panduan bagi Sistem Premium Berbeza.
- Menjalankan lintas semak proses dan sistem pembayaran balik sekiranya berlaku aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.
- Mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Penilaian Bagi Pematuhan oleh Ahli Penerima Deposit terhadap Akta PIDM dan Perundangan Subsidiari, serta Garis Panduan bagi Ahli Penginsurans mengenai Pengemukakan Maklumat Produk.
- Mengendalikan ujian *call-tree* "secara mengejut", yang berfungsi sebagai sokongan bagi sistem pemberitahuan kecemasan automatik, yang juga membentuk sebahagian daripada Pelan Kesenambungan Urusan.
- Mengkaji semula Matriks Autoriti PIDM, yang meringkaskan kuasa pembahagian tugas Pengurusan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi pentadbiran harian urusan dan hal ehwal Perbadanan.
- Melaksanakan Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Korporat yang menetapkan keperluan, langkah-langkah dan amalan kawalan keselamatan maklumat bagi Perbadanan.

PEMBELAJARAN
DAN PEMBANGUNAN

- Melaksanakan penilaian 360 darjah bagi Pengurusan Kanan sebagai sebahagian daripada pembangunan kepimpinan.
- Memulakan latihan penggiliran kerja bagi bahagian terpilih dan latihan inventori profil kerjaya bagi Pengurusan Kanan sebagai sebahagian daripada perancangan pengurusan kerjaya.
- Menjalankan sesi latihan mengenai resolusi syarikat insurans kepada kakitangan.
- Terus mengukuhkan nilai korporat kami dan meningkatkan pembabitan kakitangan menerusi aktiviti seperti latihan berkaitan keselamatan dan kesihatan, taklimat susulan mengenai Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tatalaku Urusan dan Etika serta aktiviti kakitangan.



PENGIKTIRAFAN LUARAN

- Menerima Anugerah "Sijil Merit", anugerah tertinggi yang disampaikan dalam kategori organisasi bukan senaraian awam bagi Laporan Tahunan 2013 PIDM, di Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards - NACRA*).

KOMITMEN KEPADA KECEMERLANGAN



2014

- Anugerah Sijil Merit oleh Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards* - NACRA 2014)

2013

- Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam oleh NACRA 2013
- Sijil Merit 2013 (Kempen Penjenamaan Terbaik) Dragons of Asia oleh *Promotion Marketing Awards of Asia* (PMAA)

2012

- Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam oleh NACRA 2012
- Anugerah Gangsa Dragon 2012 (Kempen Penjenamaan Terbaik) Dragons of Asia oleh PMAA

2011

- Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam oleh NACRA 2011
- Anugerah Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011 oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers* – IADI)
- Sijil Semakan Semula Jaminan Kualiti Institut Juruaudit Dalam Malaysia 2011

2010

- Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam oleh NACRA 2010

2009

- Laporan Tahunan Terbaik bagi Organisasi Bukan Senaraian Awam oleh NACRA 2009

2008

- Anugerah Sijil Merit oleh NACRA 2008
- Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Jabatan Audit Negara dalam Kategori Berkanun Persekutuan

2007

- Anugerah Sijil Merit oleh NACRA 2007

SOROTAN PENCAPAIAN KAMI SEPANJANG LIMA TAHUN

2010

PEMEGANG KEPENTINGAN

- Melancarkan secara rasmi program pendidikan, Projek PIDM MoneySmart.
- Melaksanakan Program Biasiswa pelbagai tahun.
- Menyertai Mesyuarat Lembaga Pengarah Tiga Pihak antara PIDM, *Deposit Protection Agency* (DPA), Thailand dan Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia (*Indonesia Deposit Insurance Corporation* - IDIC).
- Membangunkan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011.

TADBIR URUS

- Mengendalikan dua sesi pendidikan Lembaga Pengarah.
- Melaksanakan pelan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah dan mencadangkan pelantikan dua ahli Lembaga Pengarah yang baharu.
- Membangunkan dan melaksanakan tiga Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah, iaitu Polisi Risiko Kuasa Insurans, Polisi Risiko Pasaran dan Polisi Risiko Kecairan.
- Mengendalikan Kaji Selidik Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Ujian Pematuhan yang pertama.
- Menyokong Program FIDE dan penubuhan FIDE FORUM, syarikat terhad oleh jaminan untuk Alumni FIDE.

PROSES DALAMAN

- Membangunkan rangka kerja dan peraturan-peraturan Sistem Premium Berbeza yang diperkukuhkan.
- Membangunkan Fasa 1 Sistem Amaran Awal.
- Meneruskan pembangunan polisi, proses dan prosedur Intervensi dan Resolusi Kegagalan yang terperinci.
- Menjalankan latihan simulasi pertama bagi Intervensi dan Resolusi Kegagalan.
- Melaksanakan Portal Enterpris Korporat.
- Menjalankan latihan *desktop* untuk menguji Pelan Kesenambungan Urusan.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

- Mengendalikan dua sesi latihan kakitangan di seluruh organisasi bagi Rangka Kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan, Pelan Kontigensi dan dua pilihan resolusi.
- Mengajukan sesi aktiviti berpasukan luar premis yang pertama untuk kakitangan.
- Pejabat kami dipindahkan ke Quill 7, Kuala Lumpur Sentral.

PENCAPAIAN LAIN

- Membangunkan dan melaksanakan pakej peralihan untuk beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan.
- Mencadangkan Akta baharu dan membangunkan peraturan-peraturan yang diperlukan bagi menggantikan Akta PIDM 2005.
- Menjalankan pembangunan dan pelaksanaan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

PENGIKTIRAFAN LUARAN

- Menerima Anugerah "Laporan Tahunan Terbaik untuk Organisasi Bukan Senaraian Awam" bagi Laporan Tahunan 2009 oleh NACRA 2010.

2011

PEMEGANG KEPENTINGAN

- Melaksanakan program pendidikan yang dimantapkan yang merangkumi maklumat berkaitan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Melaksanakan Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011.
- Memeterai Memorandum Persefahaman dengan *Central Deposit Insurance Corporation*, Taiwan.
- Mengajukan seminar antarabangsa mengenai audit fungsi penilaian risiko.

TADBIR URUS

- Mengendalikan empat sesi pendidikan Lembaga Pengarah.
- Menyempurnakan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah bagi Risiko Reputasi, Risiko Penilaian dan Pemantauan, Risiko Strategik dan Tadbir Urus, Risiko Operasi serta Risiko Intervensi dan Resolusi Kegagalan.

PROSES DALAMAN

- Mengeluarkan garis panduan kepada ahli penginsurans dan memantapkan garis panduan yang diguna pakai oleh bank ahli.
- Membangunkan Metodologi dan Rangka Kerja Penilaian Risiko menyeluruh serta Pengesahan Pengawal Selia bagi Penyata Pengiraan Premium bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Menjalankan dua sesi simulasi ringkas dan satu latihan simulasi selama dua setengah hari.
- Menyempurnakan integrasi antara modul Sistem Pembayaran Balik dan pembangunan program audit bagi Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Deposit.
- Membangunkan Matriks Autoriti.
- Menyempurnakan pembangunan Tapak Pemulihan Bencana sementara dan menguji Pelan Kesenambungan Urusan.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

- Mengendalikan sesi latihan Intervensi dan Resolusi Kegagalan bagi semua kakitangan.
- Membangunkan rangka kerja Pengurusan Pengetahuan untuk menyokong perkongsian pengetahuan berterusan dalam kalangan kakitangan.
- Menjalankan Tinjauan Kepuasan Kerja Kakitangan dan mencapai 90% dalam Indeks Kepuasan Kerja.

PENGIKTIRAFAN LUARAN

- Menerima Anugerah "Organisasi Insurans Deposit Terbaik 2011" oleh IADI.
- Menerima Anugerah "Laporan Tahunan Terbaik untuk Organisasi Bukan Senaraian Awam" bagi Laporan Tahunan 2010 oleh NACRA 2011.
- Menerima sijil Semakan Semula Jaminan Kualiti oleh Institut Juruaudit Dalam Malaysia.

2012

PEMEGANG KEPENTINGAN

- Melaksanakan tahun pertama Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016.
- Mengendalikan sesi dialog khusus pertama untuk ahli penginsurans sempena pelancaran Laporan Tahunan 2011.
- Melaksanakan program pendidikan yang diperkukuhkan dengan komponen-komponen baharu.

TADBIR URUS

- Mengendalikan lapan sesi pendidikan Lembaga Pengarah.
- Mengeluarkan Nota mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful untuk pengendali takaful.

PROSES DALAMAN

- Membangunkan rangka kerja dan peraturan Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans konvensional.
- Melaksanakan rangka kerja Pengesahan Pengawal Selia bagi Penyata Pengiraan Premium untuk Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.
- Melaksanakan Peraturan-Peraturan PIDM (Pulangan atau Faedah atas Deposit Berkaitan Indeks yang dipegang oleh Ahli Penerima Deposit) 2012.
- Memperbadankan lima subsidiari, iaitu empat institusi perantara dan sebuah syarikat pengurusan aset, bagi tujuan Penyata Pengiraan dan Resolusi Kegagalan.
- Menjalankan latihan simulasi pertama bagi kegagalan sesebuah syarikat insurans.
- Menyempurnakan ujian percubaan pengesahan Format Fail Piawai bagi bank-bank ahli.
- Menyempurnakan penyelidikan bagi sistem dan infrastruktur pengurusan tuntutan.
- Mengaktifkan kesinambungan urusan dan mengerahkan sumber ke Tapak Pemulihan Bencana sementara susulan gempa bumi di Aceh.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

- Menyempurnakan latihan pemetaan kecekapan bagi tujuan pembangunan kakitangan.
- Susulan Tinjauan Kepuasan Kerja Kakitangan 2011, taklimat diadakan untuk memaklumkan keputusan, mengenal pasti dan menangani kekurangan.
- Mengendalikan sesi latihan berkaitan kegagalan syarikat insurans untuk kakitangan terpilih.
- Membangunkan polisi dan amalan Pengurusan Pengetahuan.

PENGIKTIRAFAN LUARAN

- Menerima Anugerah "Laporan Tahunan Terbaik untuk Organisasi Bukan Senaraian Awam" bagi Laporan Tahunan 2011 oleh NACRA 2012.
- Menerima anugerah Gangsa PMAA bagi "Anugerah Kempen Penjenamaan Terbaik" di peringkat Malaysia.
- Di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan anjuran bersama Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia, PIDM diiktiraf sebagai sebuah institusi yang kukuh dengan rangka kerja insurans deposit yang mematuhi "Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif".

2013

PEMEGANG KEPENTINGAN

- Meneruskan pelaksanaan program pendidikan yang mantap dengan tambahan komponen baharu.
- Menjadi tuan rumah seminar antarabangsa mengenai Strategi, Sistem, Proses dan Kawalan Pembayaran Balik dan Penyelesaian Tuntutan.
- Mengadakan Rumah Terbuka bagi Rantau Afrika dan lawatan sambil belajar bagi delegasi daripada IDIC.
- Memeterai Memorandum Persefahaman dengan *Philippine Deposit Insurance Corporation* dan *Korea Deposit Insurance Corporation*.
- Memeterai perjanjian kerjasama dengan Persekutuan Persatuan Cina Malaysia (atau *Hua Zong*) dan bekerjasama dengan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) untuk mendekati masyarakat.

TADBIR URUS

- Mengendalikan empat sesi pendidikan Lembaga Pengarah.
- Menubuhkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif.

PROSES DALAMAN

- Membangunkan Rangka Kerja Penilaian Risiko Takaful dan Insurans bagi pengendali takaful.
- Mengeluarkan Garis Panduan Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans konvensional dan Garis Panduan Program Pengesahan: Pengiraan Sistem Levi Berbeza dan Pengiraan Premium.
- Mengeluarkan Garis Panduan Sistem dan Pengemukaan Maklumat Deposit serta Garis Panduan Program Pengesahan bagi sistem tersebut.
- Menjalankan latihan simulasi bagi kegagalan sesebuah ahli penginsurans.
- Menjalankan latihan simulasi untuk menguji Pelan Kesenambungan Urusan dan Pelan Pemulihan Bencana di Tapak Pemulihan Bencana sementara, dengan tumpuan kepada fungsi-fungsi paling kritikal, iaitu pusat panggilan, tempat menyambut tetamu dan komunikasi dengan pemegang kepentingan berkaitan.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

- Mengajukan program latihan kepimpinan bagi kakitangan dengan peranan pengawalseliaan.
- Menjalankan sesi latihan mengenai topik berkaitan insurans bagi kakitangan terpilih.
- Mencapai 90% dalam Indeks Kepuasan Kerja Kakitangan dan 94% dalam Indeks Kepuasan Kerja Mapan.

PENGIKTIRAFAN LUARAN

- Menerima Anugerah "Laporan Tahunan Terbaik untuk Organisasi Bukan Senaraian Awam" bagi Laporan Tahunan 2012 oleh NACRA 2013.
- Menerima Sijil Merit PMAA bagi "Anugerah Kempen Penjenamaan Terbaik" di peringkat Malaysia.

2014

PEMEGANG KEPENTINGAN

- Memeterai perjanjian kerjasama dengan Money Compass untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Cina.
- Bekerjasama dengan Institut Insurans Malaysia dan institusi ahli bagi program pengiktirafan Melatih Pelatih.
- Program Pendidikan berjaya melibatkan semua sekolah menengah kebangsaan di Malaysia, dan Perbadanan menerima pengiktirafan sebagai "Rakan Kokurikulum" oleh Kementerian Pendidikan.
- Memeterai Memorandum Persefahaman yang diperkukuhkan dengan IDIC dan DPA, Thailand.
- Menjadi tuan rumah bagi Seminar Teknikal Jawatankuasa Serantau Asia-Pasifik mengenai "Mengelola Institusi Terlalu Besar untuk Gagal (*Too Big to Fail*): Mengukuhkan Kerjasama Rentas Sempadan dan Melaksanakan Pelan Pemulihan dan Resolusi Efektif".

TADBIR URUS

- Mengendalikan lima sesi pendidikan Lembaga Pengarah.
- Terus menyokong Program FIDE dan Aluminya, FIDE FORUM.
- Mengusulkan cadangan pindaan perundangan Akta PIDM kepada Jabatan Peguam Negara.

PROSES DALAMAN

- Melaksanakan Model Ramalan Penarafan Sistem Amaran Awal bagi bank-bank ahli.
- Mengeluarkan Garis Panduan Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Premium, Garis Panduan Program Pengesahan: Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit Diinsuranskan serta Garis Panduan bagi Sistem Premium Berbeza.
- Menjalankan lintas semak bagi proses dan sistem pembayaran balik sekiranya berlaku aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.
- Mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Penilaian Bagi Pematuhan oleh Ahli Penerima Deposit terhadap Akta PIDM dan Perundangan Subsidiari, serta Garis Panduan Bagi Ahli Penginsurans mengenai Pengemukaan Maklumat Produk.
- Mengkaji semula Matriks Autoriti.
- Menjalankan ujian *call-tree* "secara mengejut" bagi mengaktifkan Pelan Kesenambungan Urusan.
- Melaksanakan Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Korporat.

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN


- Melaksanakan penilaian 360 darjah bagi Pengurusan Kanan sebagai sebahagian daripada pembangunan kepimpinan.
- Memulakan latihan penggiliran pekerjaan bagi jabatan terpilih dan latihan inventori profil kerjaya bagi Pengurusan Kanan sebagai sebahagian daripada perancangan pengurusan kerjaya.
- Mengendalikan sesi latihan mengenai resolusi syarikat insurans untuk kakitangan.

PENGIKTIRAFAN LUARAN


- Menerima Anugerah "Sijil Merit" NACRA, anugerah tertinggi dalam kategori organisasi bukan senaraian awam bagi Laporan Tahunan 2013.

RINGKASAN KEWANGAN: PRESTASI LIMA TAHUN


HASIL PREMIUM (Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




PENDAPATAN PELABURAN (Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI (Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




LEBIHAN BERSIH OPERASI (Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




PERBELANJAAN MODAL YANG DIKONTRAK (Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




JUMLAH ASET (Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT (Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)




Bank-bank Konvensional



KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS (Amaun yang ditandakan dalam RM Juta)



Insurans Hayat



Takaful Am



Insurans Am



BUTIRAN TERPILIH DARIPADA PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER

Hasil Premium

Kumpulan Dana Insurans Deposit	239.7	180.3	126.5	120.5	105.7
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	71.3	64.8	87.8	80.7	-

Pendapatan Pelaburan

Kumpulan Dana Insurans Deposit	26.2	20.5	16.5	12.9	9.3
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	37.5	35.6	32.2	8.9	-

(Kerugian) / keuntungan direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan

Kumpulan Dana Insurans Deposit	-	-	-	-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	-	(0.6)	-	3.7	-

Jumlah Hasil

Jumlah Perbelanjaan Operasi

Lebihan Bersih Operasi

Wang dan pelaburan yang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans

Lebihan Bersih bagi Tahun tersebut

Keuntungan / (kerugian) bersih bagi pelaburan sedia-untuk-dijual

Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi Tahun tersebut

BUTIRAN TERPILIH DARIPADA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER

Jumlah Aset

Jumlah Liabiliti

Kumpulan Dana dan Rizab

Kumpulan Dana Insurans Deposit

Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam	141.8	107.4	83.3	68.5	56.1
Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional	831.3	660.9	533.8	450.0	374.6

Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga	18.5	13.1	8.4	4.4	-
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat	141.4	104.1	74.2	36.7	-
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am	9.1	6.5	4.1	2.1	-
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am	1,065.2	1,024.5	994.0	948.0	-

Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab

	2014	2013	2012	2011	2010
	RM Juta				
Hasil Premium	311.0	245.1	214.3	201.2	105.7
Kumpulan Dana Insurans Deposit	239.7	180.3	126.5	120.5	105.7
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	71.3	64.8	87.8	80.7	-
Pendapatan Pelaburan	63.7	56.1	48.7	21.8	9.3
Kumpulan Dana Insurans Deposit	26.2	20.5	16.5	12.9	9.3
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	37.5	35.6	32.2	8.9	-
(Kerugian) / keuntungan direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan	-	(0.6)	-	3.7	-
Kumpulan Dana Insurans Deposit	-	-	-	-	-
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	-	(0.6)	-	3.7	-
Jumlah Hasil	374.7	300.6	263.0	226.7	115.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi	83.9	82.1	75.3	69.6	54.2
Lebihan Bersih Operasi	290.8	218.5	187.7	157.1	60.8
Wang dan pelaburan yang diterima daripada Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	-	-	-	922.4	-
Lebihan Bersih bagi Tahun tersebut	290.8	218.5	187.7	1,079.5	60.8
Keuntungan / (kerugian) bersih bagi pelaburan sedia-untuk-dijual	-	0.2	0.4	(0.6)	-
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi Tahun tersebut	290.8	218.7	188.1	1,078.9	60.8
Jumlah Aset	2,218.7	1,923.5	1,706.8	1,518.1	438.0
Jumlah Liabiliti	11.4	7.0	9.0	8.4	7.3
Kumpulan Dana dan Rizab	2,207.3	1,916.5	1,697.8	1,509.7	430.7
Kumpulan Dana Insurans Deposit	973.1	768.3	617.1	518.5	430.7
Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam	141.8	107.4	83.3	68.5	56.1
Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional	831.3	660.9	533.8	450.0	374.6
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,234.2	1,148.2	1,080.7	991.2	-
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga	18.5	13.1	8.4	4.4	-
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat	141.4	104.1	74.2	36.7	-
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am	9.1	6.5	4.1	2.1	-
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am	1,065.2	1,024.5	994.0	948.0	-
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab	2,218.7	1,923.5	1,706.8	1,518.1	438.0

MASA HADAPAN



Tahun 2015 merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah Perbadanan kerana kami akan meraikan tempoh 10 tahun pencapaian dan kejayaan. Sepanjang satu dekad ini, Perbadanan telah mencatatkan kemajuan ketara dalam membentuk dan mematuhi rangka kerja tadbir urus yang mantap, sistem kawalan dalaman yang kukuh serta amalan dan proses pengurusan yang efektif. Pada masa hadapan, PIDM akan menumpukan kepada kemapanan jangka panjang dan akan terus melaksanakan inisiatif untuk mengukuhkan tahap kesediaan dan keberkesanan operasinya dalam semua bahagian. Antara keutamaan kami termasuklah membangunkan sebuah organisasi pembelajaran dan pengurusan tenaga kerja yang dinamik; mengeratkan hubungan kerja kami dengan pemegang kepentingan; serta meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan konsumen kewangan.

Rancangan Korporat 2015 - 2017 PIDM menggariskan hala tuju strategik, fokus dan keutamaan yang memacu aktiviti Perbadanan bagi tempoh perancangan tersebut. Rancangan tiga tahun ini dikemas kini setiap tahun dan merangkumi inisiatif dan sasaran prestasi masing-masing bagi memastikan mandat PIDM dapat dipenuhi. Rancangan Korporat ini juga menggariskan anggaran sumber yang diperlukan bagi Perbadanan melaksanakan aktivitinya mengikut rancangan dan unjuran kewangannya.

Satu salinan Rancangan Korporat diedarkan kepada pemegang kepentingan kami setiap tahun dan kami melaporkan prestasi kami berbanding Rancangan ini dalam Laporan Tahunan kami. Rancangan Korporat kami tersedia dalam empat bahasa dan boleh didapati menerusi laman web kami di www.pidm.gov.my.

PERUTUSAN PENGERUSI

TAN SRI DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS



Ketika saya mula menulis perutusan ini, saya teringatkan satu persoalan yang saya pernah ditanya beberapa kali semasa kursus di Kuala Lumpur yang melibatkan kajian kes tadbir urus korporat asing. Persoalannya, mengapa kita perlu prihatin dengan kajian kes kegagalan yang berlaku di negara-negara lain? Lagipun, industri perkhidmatan kewangan kita stabil. Institusi kita mempunyai permodalan yang baik; jika milik asing, dipermodalkan secara berasingan; pengeluaran kredit terkawal; peraturan-peraturan yang terkini; perniagaan perbankan kita yang tradisional; pengarah-pengarah kita memikul tanggungjawab besar bagi kegagalan institusi kewangan. Sesungguhnya pengawalseliaan bagi bank-bank dan syarikat insurans telah banyak membantu industri dan kestabilannya.

Hakikatnya, tidak mungkin wujud satu pendekatan yang boleh diguna pakai untuk menangani semua masalah, kerana bidang kuasa dan industri kita berada di tahap pembangunan yang berbeza. Kita mempunyai sejarah berbeza; pengalaman berbeza; tahap kecanggihan berbeza.

Pada masa yang sama, kita sedia maklum bahawa industri perkhidmatan kewangan bukan dan tidak akan kekal sebagai perniagaan yang kurang berkembang. Pengawalaturan, permintaan konsumer, tekanan global dan persaingan, teknologi dan inovasi dijangka memacu perubahan dalam model perniagaan

dan membawa risiko yang berbeza. Kita juga sedia maklum bahawa kewangan merupakan derivatif sektor sebenar, dan keadaan urusan sektor sebenar sememangnya penting. Risiko – dalam persekitaran yang semakin rumit dan saling berhubung – tidak boleh dipandang ringan walau sekalipun.

Justeru, jawapan kepada persoalan – mengapa kita harus mengkaji tadbir urus korporat dan kegagalan institusi kewangan melangkaui negara kita – adalah begini. Kita ingin mendapatkan pemahaman yang secukupnya untuk mengetahui bila lampu isyarat merah akan berkelip. Kita berusaha untuk memahami kerumitan, yang menjadi norma baharu dalam dunia global hari ini. Jika tercetus masalah, kita sebaik-baiknya telah mengkaji dan mempunyai idea mengenai cara untuk menanganinya. Pembelajaran diperoleh menerusi proses pemikiran yang terlibat dan pengenalanpastian pendekatan bagi menangani masalah, agar kita tidak terlalu khusyuk dalam butiran terperinci sehingga terlepas pandang konteks keseluruhannya.

Ketetapan yang sama terguna pakai kepada kami di PIDM, sebagai badan kawal selia perlindungan konsumer kewangan. Banyak pengajaran yang boleh dijadikan iktibar daripada beberapa krisis yang telah kita perhatikan. Proses dan perancangan kita harus melibatkan pengajuan persoalan-persoalan berikut kepada diri kita: Apa yang kita boleh pelajari daripada kegagalan dan krisis?

Perutusan Pengerusi

Adakah pembelajaran ini relevan kepada persekitaran kita? Apa yang perlu kita perhatikan seterusnya? Apakah risiko-risiko kita? Dengan pemahaman mendalam ini, barulah kita boleh memberi keutamaan kepada usaha untuk mencapai objektif kita dengan cara yang efektif.

TAHUN 2014

Pada tahun 2014, tiga tema utama membentuk asas usaha kami, ketika PIDM memasuki tahun ke-10 operasi.

- (a) Tadbir urus, dalaman dan luaran
- (b) Memenuhi mandat kami
- (c) Kemapanan

Ini sama sekali berkaitan dengan masa lalu, masa kini dan masa depan kami, ketika kami terus berusaha mengekalkan asas yang kukuh, memastikan mandat kami kekal relevan dan terkini serta merancang hala tuju dan pelan kami bagi masa depan.

TADBIR URUS

Sejak penubuhan kami pada tahun 2005, kami sentiasa memberi penekanan besar kepada tadbir urus korporat dan pengurusan yang baik. Tujuan utama dalam memastikan tadbir urus yang baik dalam sesebuah badan kawal selia kewangan ialah, paling pentingnya, pengurusan risiko mapan. Kewujudan tadbir urus yang baik mempersiapkan kami untuk mengharungi cabaran besar, mencapai kepuasan pemegang kepentingan, dan menetapkan haluan bagi melaksanakan pelan strategik kami dengan jayanya.

Pada tahun 2013, seperti yang kami laporkan, penasihat tadbir urus luaran menilai keberkesanan Lembaga Pengarah kami sebagai "kukuh". Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, Lembaga Pengarah kami mengkaji laporan penasihat itu, untuk mengenal pasti cara mengekalkan prestasi kami bagi masa hadapan. Kami kemudiannya membangunkan pelan tindakan, yang telah kami laksanakan. Khususnya, pada tahun 2014, Lembaga Pengarah, dengan sokongan Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian, terus mengusahakan pelan bagi peralihan lancar penggantian Ketua Pegawai Eksekutif.

Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa tempoh perkhidmatan tiga orang Ahli Lembaga Pengarah telah diperbaharui bagi memastikan kesinambungan dalam Lembaga Pengarah kami. Tempoh pelantikan Encik Alex Foong Soo Hah, Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad dan YBhg. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff dilanjutkan untuk satu penggal lagi.

Bagi tadbir urus korporat dalam industri, saya ingin merakamkan kepuasan hati saya dengan kemajuan dalam bidang ini. Setakat ini, 621 orang pengarah institusi-institusi kewangan telah menyempurnakan program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors Education* – FIDE) (dimulakan secara bersama oleh Bank Negara Malaysia dan PIDM). Saya juga berasa sukacita apabila menerima maklum pada tahun 2014 mengenai penubuhan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan untuk meningkatkan piawaian dalam industri.

Saya juga ingin menyebut tentang FIDE FORUM, rangkaian alumni pengarah-pengarah institusi kewangan, yang mana saya merupakan pengerusinya dan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM, Encik JP Sabourin, merupakan penasihat penting. Selain persidangan utama, pada tahun 2014, FIDE FORUM juga memulakan beberapa projek perintis yang akan mewujudkan impak jangka panjang. Dengan sokongan tidak ternilai daripada penaungnya, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, dan wakil-wakil BNM, FIDE FORUM telah memulakan projek daftar pengarah yang akan memastikan ketersediaan satu barisan tenaga kerja jangka panjang bagi lembaga pengarah institusi kewangan di Malaysia, dan akan menerbitkan laporan ganjaran pengarah pada tahun 2015.

Kesemua ini merupakan petunjuk yang berpotensi bagi meningkatkan piawaian tadbir urus korporat dan profesionalisme dalam industri kewangan.

MEMENUHI MANDAT KAMI

Mandat kami mempunyai beberapa elemen utama, iaitu untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit serta sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans;
- melindungi pendeposit serta pemilik polisi dan sijil takaful daripada kegagalan institusi ahli;
- menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar; dan
- menggalakkan kestabilan kewangan.

Bagi mencapai mandat kami, inisiatif utama kami pada tahun 2014 termasuk yang berikut:

- (a) pembangunan Rangka Kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful;
- (b) pembangunan Rangka Kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am;
- (c) tahap kesediaan Perbadanan bagi aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan;
- (d) kesedaran awam; dan
- (e) pelaksanaan perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif.

Saya tidak akan memperincikan inisiatif tersebut kerana maklumat ini boleh didapati dalam Laporan Tahunan ini. Adalah memadai setakat ini untuk saya nyatakan bahawa kami terus mentadbir sistem perlindungan yang menumpukan kepada keutamaan kami, dengan pemerhatian setiap masa kepada risiko, dan Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kemajuan kami.

Bagaimanapun, saya akan memaklumkan tentang pembabitan antarabangsa kami pada tahun 2014 dan menegaskan kepentingannya. Pembabitan di peringkat antarabangsa membolehkan kami mempelajari dan membina hubungan serta memantau secara tetap perkara yang wujud di persekitaran kami dan mempertimbangkan kemungkinan kami terlepas pandang konteks keseluruhan. Justeru, saya berasa sukacita untuk melaporkan bahawa Ketua Bahagian Polisi dan Antarabangsa, Cik Lee Yee Ming, sekali lagi dipilih untuk menganggotai Majlis Eksekutif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers* – IADI) bagi tempoh tiga tahun.

KEMAPANAN

Kini, saya ingin mengalihkan fokus kepada masa depan dan perancangan strategik kami bagi kemapanan jangka panjang Perbadanan, dan saya akan membincangkan pengawalaturan kewangan dalam konteks ini.

Seperti yang dibincangkan tadi, perancangan pengurusan penggantian merupakan satu inisiatif utama bagi tahun 2014, dan masih menjadi agenda Lembaga Pengarah secara berterusan. Pada tahun 2014, berdasarkan strategi dan visi jangka panjang Perbadanan, Lembaga Pengarah mempertimbangkan proses membangunkan profil Ketua Pegawai Eksekutif, garis masa penggantian dan pelan untuk menangani risiko penggantian di luar jangkaan. Pengurusan – seperti yang dikemukakan dalam perutusan Ketua Pegawai Eksekutif dan laporan ini – mencadangkan penstrukturan semula Perbadanan dan memulakan inisiatif yang sewajarnya bagi membimbing pengganti berpotensi ke arah menyandang jawatan kepimpinan, serta menangani isu pengkalan tenaga kerja bagi tempoh jangka panjang.

Ketika PIDM semakin mantap sebagai sebuah organisasi dan melangkah ke dekad operasi seterusnya, saya ingin mengambil peluang ini untuk mempertimbangkan peranannya sebagai badan kawal selia kewangan dan mengambil pandangan objektif mengenai langkah seterusnya bagi masa hadapan.

Perutusan Pengerusi

Penggubal polisi di seluruh dunia kini bingung dengan kesukaran dalam mengembalikan semula kestabilan kewangan dan pemulihan ekonomi jangka panjang. Oleh itu, kami amat menyedari bahawa pengawalturan kewangan telah menjadi semakin kompleks. Antara cabarannya termasuklah seperti berikut:

- (a) Walaupun peraturan baharu dikenakan terhadap institusi kewangan, inovasi kewangan melangkaui batasan peraturan tersebut.
- (b) Risiko-risiko – terutamanya semasa krisis – bukan hanya berpunca daripada sesebuah negara. Risiko rentas sempadan boleh menjejaskan institusi di negara asal. Perniagaan dan aliran modal rentas sempadan juga menyelubungi risiko dalam sistem kewangan kompleks hari ini.
- (c) Pemantauan risiko bagi badan kawal selia tidak lagi mudah. Dengan peningkatan saling hubungan, pengurusan risiko sering melibatkan keperluan untuk mendapatkan maklumat bukan sahaja di peringkat institusi, tetapi di peringkat sektor, negara dan serantau, malahan di peringkat global. Ini menghendaki badan-badan kawal selia bekerjasama dengan badan kawal selia dan kerajaan lain bagi mencapai matlamat bersama.

Akhir sekali, walaupun segala percubaan telah dibuat, ramalan mengenai kewujudan langkah yang terjamin keberkesannya bagi menangani krisis kewangan dalam masa terdekat, secara keseluruhannya, masih kelihatan suram. Michael Cohrs, dalam ucapan yang disampaikan oleh beliau pada tahun 2012, membuat kesimpulan berikut:

“... Boleh dikatakan setiap jenis institusi kewangan telah menjadi punca krisis pada satu detik dalam sejarah – bank-bank luar bandar pada 1825, bank-bank sedunia pada 1931, bank-bank kecil pada 1970-an, syarikat pinjaman dan tabungan pada 1980-an, bank-bank antarabangsa pada 1980-an dan 1990-an ... , malahan satu dana lindung nilai pada 1997. Hampir semua jenis institusi kewangan terlibat dalam masalah sekitar tempoh 2007/2008. Ini termasuklah syarikat insurans... seiring dengan bank pelaburan serta lebih banyak bank perdagangan dan gadai janji tradisional. Saya berasa amat sukar untuk mengenal pasti ciri persamaan (selain nisbah leveraj tinggi) dalam kalangan jenis institusi yang bergelut dengan masalah atau kesilapan yang dilakukan. Adalah tidak jelas sama ada pembaharuan yang kita laksanakan hari ini akan atau boleh, menghindari semua masalah yang dihadapi dalam krisis-krisis ini. Justeru, pengalaman menunjukkan kepada saya bahawa puncanya tidak mungkin wujud dalam sesebuah institusi dan daripada produk yang boleh kita lihat dengan jelas pada masa ini.”¹

Ramai pengulas masih bersetuju. Bagi menangani hakikat ini dan memainkan peranan dalam mengekalkan kestabilan kewangan, kami memerlukan penggubal polisi yang menumpukan fokus dalam menyelesaikan isu-isu yang sewajarnya. Penggubal polisi dan badan kawal selia perlu bekerjasama untuk memajukan sistem kewangan ke tahap pembangunan mapan. Namun, sehingga daya pemikiran dan rangka kerja baharu dibentuk untuk membantu kita memahami sistem kewangan hari ini dengan lebih baik, kita juga perlu bersedia sepanjang masa untuk menangani risiko-risiko yang masih belum diketahui dan berupaya untuk menangani cabaran pelbagai dimensi.

Mandat PIDM termasuklah menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. Sebagai badan kawal selia kewangan, kami memerlukan ahli fikir polisi yang bijak, pekerja berintegriti, penggubal keputusan dan pekerja yang boleh memberi keutamaan, bekerjasama dan melaksanakan tanggungjawab, terutamanya di bawah tekanan. Objektif strategik utama bagi PIDM pada masa hadapan adalah untuk membangun berasaskan budaya kolektif ini. Kami berusaha untuk memastikan kami memberi insentif, motivasi dan memajukan kakitangan kami untuk bekerja secara bersama, berfikir secara strategik, agar kami boleh melaksanakan mandat kami secara efektif. Kami perlu, dalam tempoh jangka panjang, berupaya melihat konteks keseluruhan dan cukup fleksibel untuk mengemudi persekitaran yang sentiasa berubah-ubah.

KESIMPULAN

PIDM kini memasuki tahun ke-10 operasinya. Kami akan terus membina asas kukuh tadbir urus dan amalan pengurusan terbaik serta meneruskan usaha kami bagi memastikan kemapanan jangka panjang dan keberkesanan operasi. Kami akan memenuhi mandat kami dengan usaha terbaik. Kami akan berusaha untuk membangun dan menyokong pasukan kakitangan berdedikasi yang mana kemapanan masa depan PIDM bergantung pada mereka.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua ahli Lembaga Pengarah atas kearifan nasihat dan komitmen mereka. Saya juga, seperti selalunya, dengan tulus ikhlas mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif kami, Encik JP Sabourin atas kepimpinan, semangat dan tenaga beliau.

Bagi badan kawal selia, rakan kongsi strategik dan pemegang kepentingan kami, saya amat berterima kasih atas sokongan padu dan sumbangan besar anda ke arah matlamat bersama kita. Kami berharap dapat terus bekerjasama dengan anda agar kita dapat menyelesaikan dengan bersama-sama isu-isu yang boleh mencabar sistem kewangan kita. Kami mengiktiraf, dalam memetik kata-kata seorang ahli fikir sistem, bahawa:

“... orang umumnya dilatih untuk menyelesaikan masalah dengan meringkaskan satu sistem kompleks, seperti sebuah organisasi, kepada bahagian-bahagian berasingan dan berusaha untuk memastikan setiap bahagian tersebut boleh mencapai kemajuan terbaik. Bagaimanapun, kejayaan setiap bahagian tidak melambangkan kejayaan secara keseluruhan. Malahan, kadangkala penambahbaikan satu bahagian sebenarnya menjadikan fungsi keseluruhan sistem kurang efektif.”²

Input anda sangat berharga dan saya berharap agar dapat meneruskan kerjasama kita pada masa hadapan bagi memastikan kestabilan sistem kewangan.



TAN SRI DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

¹ Michael Cohrs, <http://www.bankofengland.co.uk/publications/Documents/speeches/2012/speech620.pdf>; Untuk bacaan lanjut, “Investment Banker Hired to Spot Future Crises”, The Daily Telegraph, 18 Februari, 2011 <http://www.telegraph.co.uk/finance/newsbysector/banksandfinance/8331213/Investment-banker-hired-to-spot-future-lcrises.html>

² Richard Daft, The Leadership Experience (2008)

LEMBAGA PENGARAH: AHLI DAN PROFIL



TAN SRI DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS

Pengerusi

Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias dilantik sebagai Pengerusi PIDM pada 15 Ogos 2011 dan tempoh pelantikan beliau berlanjutan sehingga 14 Ogos 2017.

Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad yang merupakan seorang Felo Institute of Chartered Accountants di Australia, memiliki pengalaman luas dalam bidang pengauditan dan perakaunan. Beliau juga merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Pada tahun 2006, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad menerima pengiktirafan antarabangsa menerusi Anugerah Pencapaian di Asia daripada Association of Chartered Certified Accountants.



TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia sejak bulan Mei 2000 dan merupakan seorang daripada dua ahli *ex officio* Lembaga Pengarah.

Di Bank Negara Malaysia, Dr. Zeti memainkan peranan penting dalam menangani dengan jayanya pembaikan dan resolusi sistem kewangan semasa Krisis Kewangan Asia serta seterusnya pemulihan ekonomi Malaysia yang kukuh. Beliau juga memainkan peranan penting dalam membangunkan dan melaksanakan dua pelan sepuluh tahun berturut-turut bagi pembangunan sistem kewangan yang membawa kepada pembaharuan kewangan menyeluruh dan kejayaan penggubalan 10 perundangan utama baharu bagi sektor kewangan.

Dr. Zeti terlibat secara aktif dalam mengukuhkan kerjasama dan penyepaduan kewangan serantau di rantau Asia. Beliau mempengerusikan Mesyuarat Eksekutif Pasukan Petugas Bank-Bank Pusat Asia Pasifik Timur mengenai "Kerjasama Serantau dalam kalangan Bank-Bank Pusat di Asia" yang menyediakan laporan bagi kerjasama kewangan Bank Pusat pada masa hadapan di rantau ini. Beliau merupakan ahli pengasas Majlis Perundingan Asia bagi Asia untuk *Bank for International Settlements* (BIS) dan pengerusi bersama pertama Kumpulan Perundingan Serantau bagi Asia untuk *Financial Stability Board* (FSB). Dr. Zeti juga bergiat secara aktif dalam forum-forum antarabangsa. Beliau merupakan ahli Suruhanjaya Pakar Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pembaharuan Sistem Monetari dan Kewangan Antarabangsa pada tahun 2009, iaitu pasukan petugas peringkat tinggi yang ditubuhkan untuk mengkaji reformasi dalam sistem kewangan global. Ketika ini, Dr. Zeti merupakan pengerusi Kumpulan Tadbir Urus Bank Pusat BIS, yang mana beliau telah menjadi ahli sejak tahun 2001.

Dr. Zeti juga terlibat aktif dalam pembangunan global Kewangan Islam. Ini termasuk menganggotai pasukan Gabenor yang menubuhkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam dan Pengurusan Mudah Tunai Islam Antarabangsa. Beliau menerajui pasukan petugas yang menyediakan laporan mengenai "*Islamic Finance: Global Financial Stability*" yang mengenal pasti komponen-komponen binaan yang akan mengukuhkan lagi susunan institusional dalam sistem kewangan Islam. Di Malaysia, dekad baru-baru ini menyaksikan transformasi sistem kewangan Islam termasuk perkembangannya ke peringkat antarabangsa. Dr. Zeti juga memainkan peranan penting dalam pembangunan tenaga kerja dalam industri perkhidmatan kewangan Islam.

Dr. Zeti menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Malaya dan Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi daripada University of Pennsylvania, Amerika Syarikat.

Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil



TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR ABDULLAH

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, sejak 24 Ogos 2012, dan memegang jawatan sebagai ahli *ex officio* dalam Lembaga Pengarah PIDM.

Tan Sri Dr. Irwan memulakan kerjaya beliau dalam sektor awam di Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1984. Semasa berkhidmat di UPE, beliau menyandang pelbagai jawatan dalam bidang pembangunan bandar, tenaga dan penswastaan.

Beliau menyertai Kementerian Kewangan pada bulan Oktober 2003 dan memegang pelbagai jawatan termasuk dalam Bahagian Ekonomi, dan kemudiannya sebagai Ketua Seksyen, Timbalan Setiausaha dan Setiausaha Bahagian Analisa Ekonomi dan Antarabangsa (Ekonomi Makro). Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Polisi) dari Disember 2010 hingga Ogos 2012, sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Tan Sri Dr. Irwan juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah organisasi terkemuka termasuk Malaysian Airline System Berhad (MAS), Petrolim National Berhad (PETRONAS), MASS Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah, Bank Negara Malaysia (BNM), Razak School of Government (RSOG) dan Lembaga Tabung Haji (TH). Beliau juga merupakan Pengerusi Dana Persaraan Diperbadankan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Cyberview Sdn. Bhd.

Beliau memiliki Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan dan Polisi Tenaga daripada University of Pennsylvania, Amerika Syarikat. Beliau juga menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam jurusan Demografi daripada Universiti Malaya.



DATUK SERI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2012 bagi tempoh tiga tahun. Tempoh pelantikan beliau dilanjutkan sehingga 2 Januari 2017.

Datuk Seri Dr. Rahamat telah berkhidmat dengan Kerajaan lebih 30 tahun bermula sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan dan kemudiannya berkhidmat dalam pelbagai jawatan termasuk Pengarah Bajet di Kementerian Kewangan, Timbalan Pengarah Bahagian Ekonomi Makro di Unit Perancang Ekonomi (UPE), Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pengarah di Suruhanjaya Tenaga. Sebelum memegang jawatan sekarang sebagai Ketua Pengarah UPE, beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab bagi Bahagian Sistem dan Kawalan.

Datuk Seri Dr. Rahamat juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah dalam agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan MASS Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp). Beliau juga merupakan ahli majlis Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar, Pihak Berkuasa Pembangunan dan Pelaburan Sabah, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Datuk Seri Dr. Rahamat memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian) daripada Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada University of Western Michigan, Amerika Syarikat. Beliau juga menerima Ijazah Doktor Falsafah daripada Australian National University.

Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil

**DATO' HALIPAH ESA**

Dato' Halipah Esa dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 14 Ogos 2010 bagi tempoh tiga tahun. Tempoh pelantikan beliau telah dilanjutkan bagi tiga tahun lagi sehingga 15 Ogos 2016.

Dato' Halipah memulakan kerjaya beliau dalam sektor awam di Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1973. Semasa tempoh perkhidmatannya di UPE, beliau berkhidmat dalam pelbagai bidang seperti infrastruktur, bekalan air, tenaga, kesihatan, pendidikan, perumahan, telekomunikasi, perkhidmatan bandar, ekonomi makro, ekonomi antarabangsa, alam sekitar dan pembangunan serantau. Beliau menyandang pelbagai jawatan kanan dalam UPE dan bersara sebagai Ketua Pengarah pada tahun 2006. Beliau juga pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Polisi).

Ketika ini, beliau menjadi Ahli Lembaga Pengarah MISC Berhad, KLCC Property Holdings Berhad, KLCC REIT Management Sdn. Bhd., Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad, NCB Holdings Berhad, S P Setia Berhad, Cagamas Berhad dan Pusat Resolusi Pertikaian Industri Sekuriti. Beliau sebelum ini merupakan Pengerusi Pengurusan Aset Air Berhad dan juga Ahli Lembaga Pengarah Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) dan UDA Holdings Berhad. Beliau pernah menjadi pakar perunding untuk Bank Dunia dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan Diraja Arab Saudi mengenai perancangan ekonomi dan juga pernah menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada agensi-agensi perancangan di Vietnam, Kemboja, Indonesia dan beberapa negara Afrika.

Dato' Halipah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam jurusan Ekonomi dan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada Universiti Malaya. Beliau juga memiliki Sijil Pengurusan Ekonomi Lanjutan daripada IMF Institute, Washington dan Kiel Institute for the World Economy, Jerman serta Sijil Program Pengurusan Lanjutan daripada Adam Smith Institute, London.

**ENCIK GEORGE ANTHONY DAVID DASS**

Encik George Anthony David Dass dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 3 Februari 2009 dan tempoh pelantikan beliau telah dilanjutkan dua kali sehingga 2 Februari 2017.

Encik Dass pernah menjadi rakan kongsi di firma guaman, Shahrizat, Rashid & Lee (sebelum ini dikenali sebagai Rashid & Lee), melebihi 25 tahun. Beliau mempunyai kepakaran luas dalam pemindahhakan, perbankan, pembinaan, usaha sama, penswastaaan, kontrak dan undang-undang korporat. Beliau pernah berkhidmat sebagai pengarah dalam beberapa syarikat senaraian awam dan sebagai Pengarah Lembaga Utama Costain PLC, salah sebuah syarikat pembinaan tertua di United Kingdom, antara 1997 dan 2000. Ketika ini, beliau meneruskan penglibatan dalam khidmat perundangan bagi sebuah firma guaman setelah bersara daripada praktik perundangan aktif pada bulan Disember 2004.

Encik Dass menjadi ahli Majlis Peguam di Malaysia pada tahun 1971 dan memulakan kerjaya perundangannya di firma guaman Ng Ek Teong & Partners. Pada tahun 1975, beliau mula berkhidmat di Institut Teknologi MARA (kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA atau UiTM) sebagai pensyarah undang-undang. Pada Jun 1977, beliau melanjutkan pelajaran ke London dalam Sarjana Undang-Undang dan kemudiannya bergiat semula dalam praktik perundangan pada tahun 1979.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perundangan daripada University of Singapore dan Ijazah Sarjana Perundangan (LLM) daripada Kings College, University of London dan merupakan Bekas Presiden Kelab Rotary Damansara.

Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil



ENCIK LIM TIAN HUAT

Encik Lim Tian Huat dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 14 Ogos 2010 bagi tempoh tiga tahun. Tempoh pelantikan beliau dilanjutkan bagi tempoh tiga tahun lagi sehingga 15 Ogos 2016.

Encik Lim ialah Rakan Kongsi Pengurusan Rodgers Reidy & Co., Akauntan Bertauliah serta seorang juruaudit dan pembubar berlesen. Beliau pernah menjadi rakan kongsi Ernst & Young dari tahun 2002 hingga 2009, dan sebelum itu, sebagai rakan kongsi Arthur Andersen & Co. dari tahun 1990 hingga 2002.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Suruhanjaya Pampasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sebagai ahli Jawatankuasa Reformasi Undang-Undang Korporat di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Beliau menjadi penulis bersama sebuah buku berjudul "Undang-Undang dan Amalan Penerimaan Korporat di Malaysia dan Singapura".

Beliau merupakan Pengarah UEM Sunrise Berhad, Malaysia Building Society Berhad dan PLUS Malaysia Berhad. Beliau juga ialah Pengarah Bank of Yingkou, China.

Encik Lim merupakan Presiden pengasas Persatuan Ahli Praktik Insolvensi Malaysia (*Insolvency Practitioners Association of Malaysia* – IPAM). Beliau juga ialah ahli Institut Akauntan Malaysia, ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan juga Felo Association of Chartered Certified Accountants. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera Ekonomi (Kepujian).



ENCIK ALEX FOONG SOO HAH

Encik Alex Foong Soo Hah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 15 Ogos 2011 bagi tempoh tiga tahun. Tempoh pelantikan beliau dilanjutkan tiga tahun lagi sehingga 14 Ogos 2017.

Encik Foong merupakan ahli Lembaga Pengarah Bank Simpanan Nasional, Institut Insurans Malaysia, Quill Capita Management Sdn Bhd dan Nirvana Asia Ltd. Beliau memiliki pengalaman luas dalam industri insurans, pernah memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di sebuah syarikat insurans utama dari tahun 1996 hingga 2009 dan sebelum itu, di sebuah syarikat insurans senaraian awam. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Presiden Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Persatuan Aktuari Malaysia.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains Aktuari daripada Northeastern University, Boston dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam jurusan Matematik daripada Universiti Malaya. Beliau merupakan seorang Felo Society of Actuaries, Amerika Syarikat dan Perancang Kewangan Berdaftar dengan Majlis Perancangan Kewangan Malaysia.

Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil



ENCIK MOHAMAD ABDUL HALIM AHMAD

Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah pada 1 Januari 2012 bagi tempoh tiga tahun. Tempoh pelantikan beliau dilanjutkan tiga tahun lagi sehingga 2 Januari 2018.

Encik Mohamad Abdul Halim ialah Ketua Eksekutif Kumpulan Syarikat Peremba sehingga persaraan beliau pada 31 Januari 2014. Pada tahun 1988, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Kewangan dan Pengarah Kewangan Landmarks Berhad, yang terlibat dalam pelbagai aktiviti termasuk perniagaan hotel, pelaburan dan pembangunan hartanah, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kerja-kerja infrastruktur. Dari tahun 1996 hingga 2005, beliau dilantik menjadi Pengarah Urusan Landmarks Berhad. Dari tahun 1994 hingga 2008, beliau menjadi ahli lembaga pengarah dalam pelbagai syarikat termasuk Rashid Hussain Berhad, Saujana Consolidated Bhd, Shangri-La Hotels (Malaysia) Berhad, Landmarks Berhad dan TDM Bhd.

Encik Mohamad Abdul Halim ialah ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau mencapai kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah (*Chartered Accountant – ACA*) pada tahun 1985 dan merupakan Ahli Bersekutu Institute of Chartered Accountants of England and Wales. Encik Mohamad Abdul Halim memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian – Kelas Pertama) dalam jurusan Kejuruteraan Awam daripada Imperial College, University of London.

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

JEAN PIERRE SABOURIN



2014. Satu tahun yang mencabar, iaitu tahun yang dilanda dengan pelbagai krisis. Dunia menyaksikan dengan penuh kerisauan sesiri kejadian yang berlaku satu demi satu. Dalam dunia kewangan, para penulis dan pakar ekonomi membandingkan persekitaran lazim pada tahun 2014 dengan sejarah sebagai petanda masa depan kita.

Sambil kita membaca ramalan ini, kita juga sewajarnya mengimbas kembali pemerhatian Daniel Kahnemann, pemenang hadiah Nobel bagi ekonomi keperilakuan. Mengikuti penjelasan beliau, pemahaman manusia terhadap dunia sering kali gagal mengambil kira kerumitan, dan secara umumnya tidak mengambil kira peranan kesempatan – justeru dengan silapnya mengandaikan bahawa peristiwa masa depan akan menyerupai peristiwa yang lalu.

Ia bukanlah cadangan untuk kita menoleh ke arah bertentangan seumpama bidalan burung unta yang membenamkan kepalanya ke dalam pasir. Di PIDM, kami menyedari kepentingan

mengambil perspektif makro pada setiap masa, mensasarkan untuk memahami kerumitan risiko, dan mengambil iktibar daripada pengalaman sejarah. Tetapi yang paling pentingnya – kami juga menerima hakikat bahawa kami perlu sentiasa bersedia untuk menghadapi peristiwa luar biasa yang berlaku di luar jangkaan kami.

Bagi kami, tanggungjawab utama kami masih kekal sama. Kami menilai dan memantau risiko serta mengawal aspek yang boleh dikawal, agar kami dapat mengurangkan risiko kegagalan. Pada masa yang sama, kami perlu bersedia sepanjang masa bagi sebarang kemungkinan; kami perlu berusaha untuk mengurangkan risiko dengan usaha terbaik; dan kami harus terus berusaha ke arah memantapkan kesedaran dan pendidikan dalam kalangan konsumer kewangan. Kami perlu sentiasa bersedia. Ini sejajar dengan mandat kami untuk melindungi konsumer kewangan dan memupuk keyakinan awam dengan tujuan menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan kita.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

IMBASAN TAHUN 2014 PIDM

Kami mencatatkan kemajuan yang baik pada tahun 2014. Kami menyempurnakan inisiatif utama dan mencapai sasaran prestasi utama kami bagi tahun ini. Berikut adalah beberapa kemajuan utama kami.

Kesediaan dan keberkesanan operasi merupakan aspek penting kepada pencapaian mandat dan objektif PIDM. Tahun ini, kami mencatat kemajuan ketara dalam memantapkan dan mengkaji semula sistem kami bagi penilaian dan pemantauan risiko institusi ahli kami. Kami melaksanakan model ramalan penarafan sistem amaran awal bagi bank-bank ahli, dan kami meneruskan usaha bagi mengukuhkan sistem penilaian risiko berkaitan dengan ahli penginsurans.

Kami juga berusaha mengukuhkan Sistem Premium Berbeza bagi bank-bank ahli agar dapat menunjukkan risiko institusi dengan lebih baik lagi dalam penilaian premium kami; dan kami meneruskan pembangunan sistem berbeza bagi industri insurans, kali ini berkaitan dengan industri takaful.

Kami juga mengeluarkan beberapa garis panduan yang bertujuan memastikan bahawa institusi ahli dapat menyediakan maklumat yang tepat dan andal secara konsisten. Ini pada dasarnya memastikan agar PIDM dapat membuat pembayaran balik dengan segera kepada pendeposit institusi ahli dan mengekalkan kestabilan, sekiranya langkah sedemikian perlu diambil. Kami juga memulakan pengumpulan maklumat dan membina sistem yang akan memastikan pembayaran balik secara efektif kepada pemilik polisi dan benefisiari takaful, berkenaan dengan ahli penginsurans.

Pengurusan pemegang kepentingan. Mandat kami termasuk menyumbang kepada kestabilan dan keyakinan terhadap sistem kewangan Malaysia. Justeru, kami terus berusaha meningkatkan keyakinan, kesedaran dan pendidikan awam. Pada tahun 2014, kami melaksanakan inisiatif untuk mendidik dan memantapkan tahap pemahaman mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, khususnya tentang had, perlindungan dan produk diinsuranskan.

Keputusan kaji selidik konsumer kami di seluruh negara menunjukkan peningkatan tahap keyakinan dalam kalangan orang awam bahawa deposit mereka dilindungi, bagaimanapun, tahap kesedaran dan pemahaman mengenai aspek khusus PIDM dan sistem kami menunjukkan penurunan. Kami telah mengkaji keputusan kaji selidik itu secara terperinci bagi memantapkan strategi komunikasi kami. Selain meneruskan usaha meningkatkan keyakinan awam, kami juga perlu secara khususnya, memantapkan usaha mendidik konsumer kewangan bagi menetapkan jangkaan berkaitan dengan sistem perlindungan kami.

Pengurusan pelan penggantian dan bimbingan tenaga kerja merupakan inisiatif utama untuk mengukuhkan asas modal insan kami bagi masa depan. Dalam tempoh beberapa tahun selepas penubuhan setiap sistem perlindungan, kami sememangnya menumpukan usaha bagi melantik dan mengekalkan tenaga kerja. Memandangkan Perbadanan beralih ke fasa organisasi yang lebih mantap, pembangunan tenaga kerja dan pelan penggantian jelas sekali perlu diberi keutamaan.

Pada tahun 2014, dalam persediaan untuk peralihan operasi kami ke dekad baharu, kami melaksanakan kajian semula persekitaran kerja kami, daripada perspektif strategi, organisasi dan operasi.

Dari segi perancangan pengurusan penggantian, kami mengenal pasti pengganti bagi jawatan kepimpinan penting. Pada bulan Julai 2014, kami menstruktur semula organisasi bagi memastikan kami mempunyai individu yang bersedia untuk menyokong peralihan yang lancar dalam semua jawatan penting, apabila tiba masanya. Penilaian 360 darjah juga dilaksanakan bagi mengenal pasti pembangunan yang diperlukan oleh pengurusan kanan sejajar dengan nilai dan budaya kami.

Dalam pemerhatian kami, pembangunan tenaga kerja sering kalinya hanya terhad kepada perancangan pengurusan penggantian bagi jawatan penting sahaja. Bagaimanapun, kami percaya bahawa pembangunan tenaga kerja perlu ditumpukan – bukan sahaja pada keperluan kepimpinan dalam masa terdekat – tetapi pada organisasi secara keseluruhan.

Bagi tujuan memastikan kejayaan perancangan jangka panjang dan mengekalkan tenaga kerja, kami percaya yang kami perlu mengenal pasti pengganti berasaskan keupayaan, aspirasi serta pembabitan kakitangan dengan Perbadanan. Oleh yang demikian, pada tahun 2014, kami memulakan latihan pengurusan kerjaya bagi membantu kakitangan mengenal pasti aspirasi kerjaya mereka dan menyokong pembangunan peribadi. Sasaran latihan ini bukan sahaja untuk mengenal pasti pengganti kepimpinan tetapi juga bagi menentukan dengan lebih baik struktur organisasi paling efektif yang akan membolehkan kakitangan kami berkembang dan terus menabur khidmat. Berikutan penyempurnaan latihan ini, kami akan menyediakan lebih banyak peluang untuk pengalaman pembelajaran dan menyelaraskan struktur operasi dengan tujuan untuk memastikan kakitangan terus terbabit, kekal dalam organisasi, serta mengasah bakat terbaik mereka agar mereka terus menyumbang secara efektif kepada organisasi.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

MELANGKAH KE HADAPAN

Hala tuju strategik dan inisiatif utama kami digariskan dalam Rancangan Korporat 2015 - 2017 kami. Ini telah diedarkan dengan meluas kepada pemegang kepentingan yang berkenaan dan juga boleh didapati di laman web kami di www.pidm.gov.my, justeru saya tidak akan membincangkannya dengan lanjut.

Saya ingin ketengahkan salah satu elemen baharu dalam hala tuju strategik kami, iaitu bekerja secara bersama-sama dan saling berhubung kait. Dengan kata lain, kami merancang untuk mewujudkan persekitaran kerja yang akan menyediakan peluang kepada kakitangan kami untuk “mempelajari cara pembelajaran” dengan efektif, terutamanya menerusi kerjasama dan perkongsian maklumat. Objektifnya adalah untuk mempercepatkan kadar pembangunan mereka, membolehkan sumbangan kerja secara berpasukan, dan mencapai prestasi cemerlang bagi organisasi secara keseluruhan.

Persekitaran yang sentiasa berubah-ubah dengan kejadian luar jangkaan memerlukan sesebuah organisasi menjadi lebih fleksibel dan responsif. Dari perspektif kami, budaya bekerja secara bersama-sama untuk berkongsi maklumat dan membuat keputusan akan membolehkan kami membawa kejayaan kepada Perbadanan pada masa hadapan. Mengikuti kata-kata arif oleh Peter Senge, yang mengilhamkan konsep “organisasi pembelajaran”:

“... (M)embangunkan perusahaan yang berupaya menyesuaikan diri dengan hakikat yang sentiasa berubah-ubah jelasnya memerlukan cara pemikiran dan operasi yang baharu. Begitu juga cabaran kempanaan, ...”

KESIMPULAN

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia, Perbendaharaan, Jabatan Peguam Negara, dan rakan-rakan kongsi kami dalam pendidikan kewangan, yang bekerjasama dengan kami dan membantu dalam usaha memenuhi mandat kami. Saya amat berharap sokongan berterusan daripada Lembaga Pengarah kami, rakan kongsi strategik, institusi ahli dan peserta jaringan keselamatan lain dalam usaha kami untuk berkhidmat kepada orang awam dan masyarakat dalam persekitaran operasi kami.

Tidak dilupakan juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan kami atas komitmen dan dedikasi berterusan mereka kepada Perbadanan serta kesanggupan dan kesungguhan mereka untuk berkembang sebagai sebuah organisasi pembelajaran. Saya yakin bahawa pelaburan dalam kakitangan kami adalah strategi yang betul dan dengan cara ini, kami akan berupaya untuk terus berkhidmat kepada masyarakat dan pemegang kepentingan lain serta menghasilkan nilai terbaik bagi masa depan.



JEAN PIERRE SABOURIN

CARTA ORGANISASI



JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM dipengerusikan oleh Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am yang bukan ahli Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif merupakan ahli *ex officio* Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif. Jawatankuasa ini merupakan forum untuk perbincangan isu-isu berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Ahli-ahlinya terdiri daripada Ketua-Ketua Bahagian yang juga bertanggungjawab menyokong Lembaga Pengarah dalam menjalankan tanggungjawab tadbir urusnya. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memudahkan komunikasi yang efektif, kerja berpasukan, keupayaan menyesuaikan diri kepada perubahan dan kerjasama efektif dalam semua bahagian kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.



JEAN PIERRE SABOURIN

Ketua Pegawai Eksekutif

Jean Pierre Sabourin ialah Ketua Pegawai Eksekutif PIDM dan telah menyandang jawatan ini sejak PIDM ditubuhkan pada tahun 2005. Sepanjang tempoh kerjayanya selama 38 tahun dalam bidang insurans deposit di Malaysia dan Kanada, Encik Sabourin telah memperoleh kepakaran dan pengalaman penting dalam semua aspek insurans deposit. Pelbagai negara dari seluruh dunia telah mendapatkan bantuan beliau untuk membantu dalam penubuhan dan penambahbaikan sistem insurans deposit mereka.

Beliau juga sering memberi ceramah dalam bidang tadbir urus dalam organisasi kerajaan, intervensi dan resolusi kegagalan, kepimpinan serta tadbir urus dan pengurusan mapan bagi sistem insurans deposit yang efektif.

Antara pencapaian Encik Sabourin termasuk mempengerusikan Kajian Antarabangsa dan Kumpulan Kerja Forum Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Forum - FSF*), yang kini dikenali sebagai Lembaga Kestabilan Kewangan (*Financial Stability Board - FSB*), bagi penubuhan Sistem Insurans Deposit Efektif bermula pada tahun 1999 dan berakhir pada tahun 2001. Encik Sabourin juga mengetuai Dialog Polisi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pertama mengenai Insurans Deposit yang mengusulkan cadangan kepada Menteri-Menteri APEC bagi

pengukuhan sistem insurans deposit. Pada bulan Mei 2002, beliau menerajui pembangunan dan penubuhan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*) dan dipilih sebagai Pengerusi dan Presiden pertama Majlis Eksekutif IADI, jawatan yang dipegangnya sehingga tahun 2007. Usaha yang dilaksanakan bagi FSF serta penyelidikan dan bimbingan yang disempurnakan oleh IADI di bawah kepimpinan beliau membawa kepada pembangunan Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit Efektif, yang diguna pakai secara bersama oleh IADI dan Jawatankuasa Basel bagi Pengawalseliaan Perbankan pada tahun 2009 dan kemudiannya disokong oleh FSF.

Encik Sabourin memulakan kerjaya beliau di *Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC)* pada tahun 1976 dan beransur-ansur memegang pelbagai jawatan kanan sehingga pelantikan beliau oleh Kerajaan Kanada sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 1990, jawatan yang dipegangnya selama 15 tahun sehingga persaraan beliau pada bulan April 2005. Di bawah kepimpinan beliau, CDIC dibangunkan menjadi penginsurans deposit dengan amalan terbaik di samping berjaya mengendalikan resolusi lebih 40 kegagalan institusi kewangan. Pada tahun 2006, CDIC diiktiraf oleh ahli IADI dan menerima Anugerah Organisasi

Insurans Deposit Tahunan IADI Terbaik atas pencapaian dan sumbangannya kepada pembangunan sistem insurans deposit efektif.

Pada bulan Ogos 2005, Kerajaan Malaysia mendapatkan khidmat Encik Sabourin untuk menubuhkan PIDM dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pertamanya, jawatan yang disandang beliau sehingga sekarang. Sejak itu PIDM telah membangun menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dan resolusi yang ditadbir dan diurus dengan baik bagi bank-bank ahli, syarikat insurans dan pengendali takaful.

Pada tahun 2011, PIDM menerima Anugerah Organisasi Insurans Deposit Tahunan IADI Terbaik atas sumbangannya ke arah mengukuh dan memajukan sistem insurans deposit efektif dan juga membantu IADI mencapai objektifnya. Juga pada tahun 2011, mandat perundangan PIDM telah diperluaskan untuk melindungi pemilik polisi syarikat insurans dan pemilik sijil takaful pengendali takaful. Ketika ini PIDM mentadbir enam kumpulan dana pampasan yang berbeza secara berasingan (kumpulan dana insurans deposit konvensional dan Islam, kumpulan dana perlindungan insurans hayat dan am, serta kumpulan dana perlindungan takaful perpaduan keluarga dan am).

Di bawah kepimpinan beliau, PIDM mendapat pengiktirafan atas ketelusan dan kebertanggungjawaban kepada pemegang kepentingan utama menerusi pendedahan awam Rancangan Korporat dan prestasinya berbanding rancangan tersebut. Laporan Tahunan PIDM (2008 - 2012) menerima Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) bagi kategori organisasi bukan senaraian awam, selama lima tahun berturut-turut, bagi kualiti pendedahan dan piawaian tadbir urus korporat.

Encik Sabourin ialah ahli Lembaga Pengarah Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF yang terletak di Kuala Lumpur dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Toronto.

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli Dan Profil



LIM YAM POH³

Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am

Lim Yam Poh dilantik ke jawatan terkininya pada bulan Jun 2014 dan menyelia Bahagian Perundangan, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam, Bahagian Polisi dan Antarabangsa serta Bahagian Sumber Manusia. Bahagian-bahagian ini menyediakan khidmat guaman kepada Perbadanan; membangunkan dan melaksanakan program komunikasi serta hal ehwal awam dan aktiviti penerbitan; menumpukan kepada polisi-polisi berkaitan dengan mandat dan operasi PIDM, meletakkan Perbadanan di tahap antarabangsa untuk mencapai misi dan visinya; serta membangunkan strategi dan pelan modal insan. Beliau menyertai Perbadanan pada tahun 2006 sebagai Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat.

Yam Poh berpengalaman dalam kedua-dua sektor swasta dan awam dalam penggubalan undang-undang dan polisi. Beliau berkhidmat lebih tujuh tahun dalam praktik perundangan di Kuala Lumpur. Antara tahun 1997 dan 2000, beliau berkhidmat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan kemudiannya di Hong Kong Securities and Futures Commission dalam Pengawalseliaan Pasaran serta Bahagian Kewangan Korporat sehingga tahun 2005. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perundangan daripada University of Birmingham, England dan merupakan ahli Bar of England and Wales dan Majlis Peguam Malaysia.



RAFIZ AZUAN ABDULLAH³

Pengurus Besar Eksekutif

Rafiz Azuan Abdullah dilantik menyandang jawatan terkininya pada bulan Jun 2014 dan menyelia Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran serta Bahagian Perancangan Strategik. Beliau menyertai PIDM pada bulan Januari 2007 dan menerajui pembangunan Sistem Penilaian Risiko bagi PIDM. Pada tahun 2011, dengan peluasan mandat PIDM untuk mentadbir Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, Rafiz menerajui penubuhan rangka kerja penilaian risiko dan Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans. Di peringkat antarabangsa, Rafiz dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Insurans Deposit Islam pada tahun 2013, salah satu kumpulan dalam Jawatankuasa Penyelidikan dan Panduan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI).

Sebelum menyertai PIDM, Rafiz berkhidmat lebih 10 tahun di Agensi Penarafan Malaysia, dengan pengkhususan dalam penarafan institusi kewangan, syarikat hartanah dan pembinaan. Pada tahun 1999, Rafiz juga dipinjamkan sementara kepada Jawatankuasa Struktur Semula Hutang Korporat di Bank Negara Malaysia untuk membantu dalam struktur semula syarikat-syarikat yang bermasalah akibat kemelesetan ekonomi. Beliau menamatkan pengajian di Lancaster University, United Kingdom pada tahun 1995 dengan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan Kewangan. Beliau kemudiannya memperoleh kelayakan perakaunan profesional (ACCA) di Emily Wolf College di London dan berjaya menyempurnakan kesemua peperiksaan sekali gus pada September 1996.

³ Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli Dan Profil



NOORIDA BAHARUDDIN³

*Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar,
Kewangan dan Pentadbiran*

Noorida Baharuddin dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan pada bulan Jun 2014 dan bertanggungjawab mengurus dan mengawal fungsi-fungsi perakaunan dan perbendaharaan serta fungsi-fungsi berkaitan dengan teknologi maklumat, pentadbiran pejabat dan polisi, proses dan kawalan urusan operasi. Sebelum pelantikannya, beliau berkhidmat di Perbadanan sebagai Ketua Audit Dalaman selama lapan tahun.

Beliau memiliki pengalaman luas dalam pengauditan dalaman dan luaran, pengurusan risiko dan pembangunan polisi. Pengalaman ini diperolehnya menerusi kerjaya beliau dengan PriceWaterhouse, Malaysian Airline System Berhad, dua badan kawal selia – Suruhanjaya Sekuriti dan Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan, serta ketika dipinjamkan sementara ke Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam.

Di peringkat antarabangsa, Noorida menyumbang kepada penubuhan kumpulan perangkaan tidak formal antarabangsa bagi ketua audit dalaman dan wakil audit organisasi insurans deposit seluruh dunia, menganjurkan empat seminar antarabangsa dan juga sering menjadi penceramah di seminar-seminar ini.

Noorida memiliki Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam Perakaunan daripada University of Tasmania, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Perundangan daripada Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), Malaysia. Beliau merupakan ahli Certified Practising Accountant (Australia) dan Ahli Berkanun Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Beliau memperoleh Sijil Jaminan Pengurusan Risiko daripada Institut Juruaudit Dalaman dan juga merupakan Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia.



AFFEIZ ABDUL RAZAK³

*Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar,
Pengurusan Risiko Organisasi*

Affeiz Abdul Razak dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko pada bulan Jun 2014. Beliau bertanggungjawab bagi pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan rangka kerja Pengurusan Kesenambungan Urusan PIDM dan membantu Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan bagi memastikan risiko-risiko utama PIDM sentiasa dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan dengan sewajarnya.

Beliau memiliki pengalaman luas dalam menyediakan perkhidmatan jaminan kepada syarikat swasta dan juga syarikat senaraian awam di Malaysia dan di negara-negara seperti Hong Kong, China dan Amerika Syarikat, dengan menumpukan kepada Pengurusan Risiko Organisasi, audit dalaman, audit geran, penyiasatan wajar, dan tadbir urus korporat. Sebelum menyertai PIDM, beliau merupakan Pengurus Besar, Audit Dalaman Kumpulan Perangas Selangor Berhad dan Ketua Audit Dalaman Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia. Beliau juga pernah berkhidmat dengan IBM dan KPMG dalam Praktik Nasihat Risiko dan Khidmat Audit Dalaman.

Affeiz terlibat secara aktif dalam bidang Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan serta Pengurusan Kesenambungan Urusan yang mana beliau sering diundang sebagai penceramah di seminar dan persidangan di dalam dan di luar negara. Beliau dipilih dan berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Pentadbir Institut Juruaudit Dalaman Malaysia dari tahun 2010 hingga 2013, dan sebagai Setiausaha Kehormat pada tahun 2010 dan 2011. Selain itu, beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Pengurusan Risiko dan Insurans Malaysia sejak tahun 2013.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan kewangan dan merupakan ahli profesional yang diperakui Certified Financial Services Auditor (Amerika Syarikat), Certified Business Continuity Institute (CBCI)(UK), Ahli Berkanun Institut Juruaudit Dalaman Malaysia dan Ahli Business Continuity Institute (UK) dan Ahli Bersekutu Association of Certified Fraud Examiners (Amerika Syarikat). Beliau juga diiktiraf oleh The Institute of Internal Auditors Inc. Amerika Syarikat untuk melaksanakan Penilaian atau Pengesahan Kualiti Dalaman bagi Fungsi Audit Dalaman.

³ Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli Dan Profil



WAN AHMAD IKRAM WAN AHMAD LOTFI³

Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar, Audit dan Khidmat Perundingan

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi dilantik sebagai Ketua Audit Dalaman pada bulan Jun 2014 dan mengetuai Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Tanggungjawab utamanya termasuklah menyediakan perkhidmatan jaminan dan rundingan secara bebas dan objektif yang bertujuan meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi, kebolehpercayaan dan integriti pelaporan kewangan PIDM, serta memastikan pematuhan PIDM terhadap undang-undang dan peraturan berkenaan. Beliau juga bertanggungjawab menyemak semula, menyenggara dan melaporkan rangka kerja kawalan dalaman PIDM.

Sebelum pelantikannya, beliau merupakan Ketua Pegawai Kewangan sejak bulan Januari 2006. Ikram memulakan kerjayanya dengan Telekom Malaysia Berhad sebelum menceburi kerjaya perakaunan profesional dengan KPMG di Melbourne, Australia. Sekembalinya ke Malaysia, beliau menyertai Tahan Insurance Malaysia Berhad sebagai Ketua Audit Dalaman dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan syarikat itu pada bulan Mac 2004 sebelum menyertai PIDM pada tahun 2006.

Beliau menimba pengalaman luas sepanjang kerjayanya dalam pelbagai jawatan dengan beberapa organisasi dalam bidang audit luaran dan dalaman, pengurusan risiko, operasi dan pentadbiran pejabat, operasi perakaunan dan kewangan, pengurusan perbendaharaan dan dana, perancangan korporat, kewangan korporat, struktur semula korporat, pengurusan dan pematuhan proses perniagaan serta teknologi maklumat.

Ikram memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan daripada University of Melbourne, Australia. Beliau juga merupakan Felo Institute of Chartered Accountants di Australia dan ahli Institut Akauntan Malaysia.



LIM LEE NA³

Setiausaha Korporat

Lim Lee Na dilantik sebagai Setiausaha Korporat pada bulan Jun 2014. Beliau menyediakan khidmat sekretariat kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Beliau juga menyokong Lembaga Pengarah dalam membangun dan meneruskan amalan terbaik dalam tadbir urus dengan menyediakan penyelidikan dan memberi nasihat. Lee Na menyertai PIDM pada tahun 2007 sebagai Penasihat Undang-Undang Kanan dan menerajui pembangunan Sistem Pendaftaran Produk untuk mengautomatiskan proses semakan dan penilaian status kebolehsusunan produk deposit yang ditawarkan oleh bank serta program PIDM bagi memantau pematuhan bank-bank ahli terhadap peraturan PIDM.

Beliau memiliki pengalaman lebih 20 tahun terutamanya dalam industri perbankan dan praktik perundangan, daripada kerjayanya dengan Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Southern Bank Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Messrs Jeff Leong Poon & Wong. Beliau juga pernah menjadi penyunting undang-undang dengan Reed Elsevier. Lee Na berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam jurusan perakaunan dan Ijazah Sarjana Perundangan daripada Australian National University. Beliau menjadi ahli Majlis Peguam Malaysia pada tahun 1991.

³ Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli Dan Profil



CHUA EE LEEN

Pengurus Besar, Perancangan Strategik

Chua Ee Leen dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Perancangan Strategik pada tahun 2012. Sebelum itu, beliau mengetuai bahagian tersebut sebagai Pengurus Kanan. Beliau bertanggungjawab bagi pelaksanaan proses perancangan strategik PIDM dan membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam menetapkan hala tuju strategik dan pembangunan pelan kewangan strategik, dengan mengambil kira berlebihan dan risiko yang dihadapi oleh Perbadanan. Beliau juga bertanggungjawab memantau dan melaporkan prestasi berbanding rancangan yang diluluskan, termasuk prestasi kewangan berbanding bajet. Beliau terlibat dalam memudah cara urusan pengurusan risiko pada peringkat operasi di seluruh PIDM dan mengetuai jawatankuasa yang memberi cadangan, mengawas dan memantau pembangunan dan pelaksanaan strategi, pelan dan bajet Teknologi Maklumat.

Ee Leen sebelum ini berkhidmat di Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi PIDM dan menyokong Ketua Pegawai Risiko dalam pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM.

Sebelum menyertai PIDM pada tahun 2007, beliau mempunyai pengalaman lebih tujuh setengah tahun dalam bidang pengauditan, pengurusan risiko serta pembangunan polisi dan prosedur dalam kerjayanya di firma Ernst & Young Kuala Lumpur, termasuk penugasan sementara selama setahun di sebuah kumpulan global bagi syarikat tenaga dan petrokimia. Pengalaman pengauditannya termasuklah pengauditan dalaman dan luaran, penilaian semula pematuhan bebas Sarbanes-Oxley serta penilaian semula berkaitan pensijilan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam jurusan perakaunan dan kewangan daripada Curtin University of Technology, Perth, Western Australia. Beliau merupakan ahli Certified Practising Accountant (Australia) dan ahli Institut Akauntan Malaysia.



LEE YEE MING

Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa

Lee Yee Ming dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa pada tahun 2011. Beliau bertanggungjawab bagi bahagian polisi penting dan perhubungan antarabangsa PIDM. Tanggungjawab utama beliau adalah menilai secara proaktif, membangunkan dan mencadangkan polisi berkaitan dengan mandat dan operasi PIDM yang membantu melanjutkan pandangan dan kepentingan PIDM serta memperkukuhkan kedudukan PIDM di peringkat antarabangsa selaras dengan visi dan misinya.

Pada bulan Oktober 2014, Yee Ming telah dipilih semula menjadi ahli Majlis Eksekutif (EXCO) Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (IADI) bagi tempoh tiga tahun. Peranan EXCO IADI termasuklah mencadangkan proses untuk membangunkan dan mengukuhkan garis panduan bagi meningkatkan keberkesanan sistem insurans deposit; dan membangunkan polisi bagi khidmat nasihat berkaitan isu-isu insurans deposit. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Data dan Kaji Selidik IADI dan ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Antarabangsa Skim Jaminan Insurans (IFIGS). Tanggungjawab utama Jawatankuasa Eksekutif IFIGS adalah untuk menetapkan hala tuju aktiviti IFIGS dalam mencapai objektifnya untuk bekerjasama, menyertai dan berkongsi maklumat dalam kalangan ahli bagi pelaksanaan skim jaminan insurans yang efektif.

Sebelum menyandang jawatan terkininya, beliau merupakan Ketua Pegawai Risiko PIDM, mengetuai Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi di seluruh organisasi dan membantu Lembaga Pengarah dalam memastikan risiko-risiko utama PIDM terus dikenal pasti, dinilai, diurus dan dilaporkan.

Yee Ming memiliki pengalaman lebih 10 tahun dalam bidang perundingan dan perbankan mengenai Pengurusan Risiko Organisasi, Basel II, tadbir urus korporat dan audit dalaman. Beliau memulakan kerjaya di Amerika Syarikat di sebuah institusi kewangan di Illinois dan kemudiannya menyertai firma Ernst & Young di Kuala Lumpur, Malaysia dan Taipei, Taiwan. Beliau memberi khidmat nasihat kepada organisasi di Malaysia dan antarabangsa mengenai pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi masing-masing, dan juga membantu bank-bank di Taiwan sebagai pengurus projek dalam pelaksanaan sistem Basel II dan projek-projek berkenaan dengan pelaksanaan Basel II. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam Pentadbiran Perniagaan (summa cum laude) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam kewangan daripada Western Michigan University, Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan Juruaudit Dalaman Bertauliah.

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli Dan Profil



LIM KONG KUAN

Pengurus Besar, Intervensi dan Resolusi Kegagalan

Lim Kong Kuan dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan pada tahun 2010. Tanggungjawab beliau termasuklah membangunkan infrastruktur bagi mengendalikan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan PIDM yang tepat pada masa dan secara efektif. Beliau memainkan peranan penting dalam pembangunan rangka kerja Intervensi dan Resolusi Kegagalan Perbadanan dan set lengkap polisi dan prosedur bagi pelbagai pilihan Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta Sistem Pembayaran Balik Deposit Bersepadu Perbadanan. Beliau juga mewakili Perbadanan bagi memberi ceramah berkaitan Intervensi dan Resolusi Kegagalan di pelbagai acara di dalam dan di luar negara. Ketika ini, beliau menerajui inisiatif Perbadanan untuk membangunkan rangka kerja perancangan pemulihan dan resolusi menyeluruh bagi Malaysia. Sebelum ini beliau merupakan Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko.

Sebelum menyertai PIDM, beliau berkhidmat selama 11 tahun di Bank Negara Malaysia (BNM) dari tahun 1995, termasuk sebagai pengurus di Bahagian Polisi Pruden, Jabatan Pengawasan Bank. Pengalaman beliau di BNM termasuklah membangun dan menyemak semula polisi berhemat berkaitan keperluan kecukupan modal dan pengurusan risiko perbankan, khususnya risiko pasaran dan peraturan-peraturan berkaitan Basel II.

Beliau merupakan pemegang biasiswa BNM dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (pengkhususan Perakaunan) daripada University of Sydney, Australia. Beliau juga menerima biasiswa lanjutan daripada BNM untuk menyempurnakan pengajian Sarjana Sains dalam Dagangan dan Kewangan Matematik di City University Business School, City University London, pada tahun 2001, dengan mencapai keputusan tahap cemerlang.



LIM TAI CHING

Pengurus Besar, Perundangan

Lim Tai Ching dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Perundangan pada bulan Januari 2015. Tanggungjawab beliau termasuklah menyediakan pelbagai khidmat guaman, termasuk membangun dan meneruskan perundangan relevan bagi memastikan ia kekal relevan dan terus efektif untuk membolehkan PIDM memenuhi mandatnya dengan efektif dan efisien, dan memastikan pematuhan kepada semua keperluan berkanun. Beliau juga mengengerusikan Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat, jawatan yang dipegangnya sejak tahun 2011, menerajui inisiatif yang menumpukan kepada pembangunan masyarakat serta pemuliharaan dan kelestarian alam sekitar untuk Perbadanan.

Tai Ching menyertai PIDM sebagai Penasihat Perundangan pada tahun 2010. Beliau memulakan kerjaya guaman di Messrs Shook Lin & Bok. Selepas meninggalkan praktik perundangan, beliau menyertai Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Mangsa Pelarian, menyokong operasinya bagi pejabat di Malaysia dan Kemboja.

Tai Ching memiliki Ijazah Sarjana Muda Perundangan daripada University of London, Sijil Praktik Perundangan dan Ijazah Sarjana Perundangan dalam Kajian Perundangan Antarabangsa daripada Kyushu University. Beliau menjadi ahli Majlis Peguam Malaysia pada tahun 2002.

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli Dan Profil



MARGARET FONG GOOK PHENG

Pengurus Besar, Sumber Manusia

Margaret Fong dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia pada bulan November 2012. Tanggungjawab beliau termasuklah membangunkan strategi modal insan dan pelan-pelan untuk memaksimumkan keberkesanan organisasi dan individu serta menyediakan polisi, program dan perkhidmatan modal insan bagi memastikan PIDM boleh terus melantik, memilih, membangun dan mengekalkan tenaga kerja berkaliber tinggi bagi memenuhi mandatnya.

Margaret memiliki pengalaman lebih 20 tahun dalam pelbagai jawatan sumber manusia dalam industri makanan, motor, kimia dan insurans. Selain itu, beliau juga memiliki pengalaman selama tujuh tahun dalam operasi merangkumi taja jamin, perkhidmatan pelanggan, tuntutan dan operasi cawangan di sebuah syarikat insurans utama.

Margaret berkelulusan ijazah dalam pentadbiran perniagaan daripada Ottawa University, Amerika Syarikat, Diploma daripada Life Office Management Association, Amerika Syarikat, Diploma daripada Institute of Administrative Management, UK dan Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia daripada Canberra University, Australia.



MOHD IZAZEE ISMAIL

Pengurus Besar, Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko

Mohd Izazee Ismail dilantik sebagai Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko pada bulan Jun 2014. Beliau bertanggungjawab bagi analisis dan pemantauan tahap risiko institusi ahli serta fungsi penaksiran premium dan levi di PIDM. Sebelum ini, beliau merupakan Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko.

Sebelum menyertai PIDM pada tahun 2007, Izazee memiliki pengalaman selama 12 tahun dalam bidang perbankan dan penarafan. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1995 dengan RHB Sakura Merchant Bankers Berhad (kini dikenali sebagai RHB Investment Bank Berhad) yang mana beliau menimba pengalaman luas dalam perbankan korporat, originasi dan khidmat nasihat dalam pasaran hutang Ringgit Malaysia dalam kedua-dua instrumen sekuriti konvensional dan Islam. Beliau kemudiannya menyertai Agensi Penarafan Malaysia pada tahun 2001 sebagai pakar kewangan Islam. Beliau juga terlibat dalam penarafan kredit institusi kewangan, kewangan berstruktur serta sektor industri lain.

Izazee memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam jurusan Ekonomi daripada London School of Economics and Political Science, UK serta Diploma Lanjutan dalam Perbankan dan Kewangan Islam daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli Dan Profil

**HASINA MOHAMED**

Pemangku Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

Hasina Mohamed dilantik sebagai Pemangku Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam pada bulan Mei 2014. Beliau bertanggungjawab bagi pelbagai inisiatif komunikasi bagi program kesedaran awam Perbadanan, program melibatkan pemegang kepentingan serta perhubungan awam, pengiklanan dan program promosi.

Beliau memiliki pengalaman lebih 20 tahun dalam pemasaran strategik dan penjenamaan, komunikasi pemasaran, penyelidikan pasaran, audit runcit, pengurusan produk, pengurusan projek, pengurusan acara, pengurusan media, perkhidmatan pelanggan serta pengiklanan dan promosi. Sebelum menyertai PIDM, beliau merupakan Pengarah Akaun dengan Pakarmedia Sdn. Bhd., di bawah Carat Group of Media Specialists.

Hasina memiliki kelayakan Lanjutan Profesional dalam Pemasaran dan Diploma Lanjutan Pemasaran (Chartered Marketer, Chartered Institute of Marketing, UK). Beliau juga memiliki Ijazah Sarjana Muda jurusan Ekonomi daripada Flinders University, Australia.

JAWATANKUASA PENGURUSAN LAIN

JAWATANKUASA PENGURUSAN KANAN

Jawatankuasa Pengurusan Kanan PIDM dipengerusikan oleh Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am. Jawatankuasa Pengurusan Kanan merupakan forum perkongsian maklumat dan perbincangan isu-isu utama yang memberi kesan kepada bahagian-bahagian atau fungsi masing-masing. Mesyuarat jawatankuasa ini diadakan susulan setiap mesyuarat Lembaga Pengarah bagi memaklumkan perbincangan dan keputusan penting yang dibuat oleh Lembaga Pengarah. Ahli-ahlinya terdiri daripada Pengurus-Pengurus Besar, Timbalan-Timbalan Pengurus Besar dan Pengurus-Pengurus Kanan yang menyokong Ketua-Ketua Bahagian secara langsung. Jawatankuasa Pengurusan Kanan bertujuan untuk memudahkan komunikasi yang berkesan, kerja berpasukan dan kerjasama efektif dalam semua bahagian kerja PIDM, serta bertindak sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi merupakan jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk menyediakan jaminan bahawa risiko-risiko dikenal pasti dan diurus dengan sewajarnya, serta memberi nasihat dan pemahaman kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah mengenai risiko-risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM. Jawatankuasa ini juga memantau perkara-perkara berkaitan pengurusan kesinambungan urusan PIDM.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- Pengurus Besar Eksekutif (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Eksekutif (*ex officio*)
- Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am
- Ketua Pegawai Kewangan
- Ketua Pegawai Risiko
- Setiausaha Korporat
- Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Pengurus Besar, Bahagian Perundangan
- Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus Besar, Bahagian Perancangan Strategik
- Pemangku Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Ekonomi dan Penyelidikan, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi (Setiausaha)
- Ketua Audit Dalam (Pemerhati)
- Mana-mana pegawai atau kakitangan PIDM lain yang kehadirannya dikehendaki dari semasa ke semasa, seperti yang ditentukan oleh Pengerusi

JAWATANKUASA KERJA PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi merupakan jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk mengenal pasti, menilai, memantau, mengemas kini, menasihati dan menyokong Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dalam memudahkan dan menyelaraskan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan aktiviti berkaitan perancangan strategik diseluruh PIDM.

Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- Pengurus Besar, Bahagian Perancangan Strategik (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Risiko
- Wakil-wakil bahagian berikut dalam PIDM:
 - Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
 - Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
 - Bahagian Setiausaha Korporat
 - Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
 - Bahagian Sumber Manusia
 - Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
 - Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
 - Bahagian Perundangan
 - Bahagian Polisi dan Antarabangsa
 - Bahagian Perancangan Strategik
- Pengurus, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi (Setiausaha)
- Wakil Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan (Pemerhati)
- Mana-mana pegawai atau kakitangan PIDM lain yang kehadirannya dikehendaki, seperti yang ditentukan oleh Pengerusi

JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI

Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti merupakan jawatankuasa penasihat yang mengkaji perkara-perkara berkaitan pembiayaan, mudah tunai, pelaburan dan pengurusan risiko kewangan PIDM. Jawatankuasa ini juga bertindak sebagai forum bagi membincangkan amalan pengurusan risiko pelaburan dan kewangan yang boleh mempengaruhi strategi pelaburan dan pembiayaan serta implikasi keputusan berkenaan dengan pengurusan aset dan liabiliti PIDM.

Ahli-ahli Jawatan Pengurusan Aset dan Liabiliti ialah:

- Ketua Pegawai Kewangan (Pengerusi)
- Pengurus Besar Eksekutif
- Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Timbalan Pengurus Besar, Ekonomi dan Penyelidikan, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Timbalan Pengurus Besar, Kewangan
- Pengurus Kanan, Jabatan Kewangan (Setiausaha)
- Ketua Audit Dalam (Pemerhati)
- Ketua Pegawai Risiko (Pemerhati)

Jawatankuasa Pengurusan Lain

JAWATANKUASA PENGEMUDI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Fungsi utama Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat ialah untuk menyediakan pengawasan serta mengurus dan melaksanakan strategi, pelan dan bajet Teknologi Maklumat (IT). Jawatankuasa ini menyediakan garis panduan untuk memastikan pelaksanaan strategi IT sejajar dengan matlamat PIDM. Jawatankuasa ini menyemak semula status Pelan Strategik IT, kemajuan projek IT secara keseluruhan, pemerolehan utama projek, penggunaan bajet dan membincangkan polisi IT Korporat dan maklumat pada setiap suku tahun. Jawatankuasa ini juga membolehkan Pengurusan memantau, mengurus dan menangani risiko dan peluang berkaitan IT.

Ahli-ahli Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat ialah:

- Pengurus Besar, Bahagian Perancangan Strategik (Pengerusi)
- Pengurus Besar Eksekutif (*ex officio*)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Pengurus Besar, Bahagian Perundangan
- Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pemangku Pengurus Besar, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat
- Pentadbir Projek, Jabatan Teknologi Maklumat (Setiausaha)
- Ketua Audit Dalaman (Pemerhati)
- Ketua Pegawai Risiko (Pemerhati)

JAWATANKUASA PEMATUHAN KORPORAT

Jawatankuasa Pematuhan Korporat menyediakan sokongan kepada Lembaga Pengarah dalam memenuhi tanggungjawab tadbir urus korporat dan pengawasan berkaitan dengan pematuhan PIDM terhadap undang-undang, peraturan, kod, polisi dan prosedur, obligasi kontrak dan piawaian organisasi yang berhubung kait kepada PIDM disebabkan aktiviti urusan dan fungsi-fungsinya.

Jawatankuasa Pematuhan Korporat memastikan pematuhan disepadukan ke dalam pelbagai bahagian dan membolehkan pengenalan bidang-bidang untuk penambahbaikan bagi memastikan pematuhan di seluruh organisasi. Tugas Jawatankuasa ini termasuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman mengenai polisi dan prosedur utama serta pelaksanaan amalan yang berkaitan bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang yang diguna pakai.

Ahli-ahli Jawatankuasa ialah:

- Setiausaha Korporat (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Ketua Audit Dalaman
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Pengurus Besar, Bahagian Perundangan
- Pengurus Besar, Bahagian Perancangan Strategik
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus Kanan, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Pengurus Kanan, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Pengurus Kanan, Jabatan Organisasi dan Kaedah
- Kaunsel Perundangan (Setiausaha)

JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ditubuhkan mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996, membantu Pengurusan dalam memupuk persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif bagi semua kakitangan, kontraktor, pakar perunding, pelawat dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan PIDM. Fungsi utama Jawatankuasa ini adalah untuk memastikan keadaan selamat dan sihat di tempat kerja dikekalkan serta menyediakan kemudahan mencukupi bagi kebajikan kakitangan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengkaji semula langkah-langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, menjalankan penyiasatan bagi sebarang isu berkaitan keselamatan dan kesihatan, dan menangani perkara-perkara tersebut.

Ahli-ahli Jawatankuasa ini ialah:

- Pengurus Besar, Bahagian Sumber Manusia (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Risiko
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus Kanan, Jabatan Pengurusan Kemudahan dan Bahan
- Wakil-wakil bahagian berikut dalam PIDM:
 - Bahagian Sumber Manusia
 - Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
 - Bahagian Perundangan
- Pengurus, Bahagian Sumber Manusia (Setiausaha)
- Wakil Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan (Pemerhati)
- Mana-mana pegawai atau kakitangan PIDM lain yang kehadirannya dikehendaki, seperti yang ditentukan oleh Pengerusi

JAWATANKUASA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat membantu dalam melaksanakan komitmen PIDM untuk menjalankan urusan dan hal ehwalnya dengan cara yang bertanggungjawab, mapan dan bermakna menerusi pembabitian bersama komuniti dan perlindungan alam sekitar.

Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat terdiri daripada wakil daripada bahagian-bahagian berikut:

- Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
- Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko
- Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan
- Bahagian Perundangan
- Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Bahagian Perancangan Strategik



BAHAGIAN DUA

TADBIR URUS

KORPORAT

35

Penyataan Tadbir Urus

53

Penyataan Pengurusan Risiko
dan Kawalan Dalaman

PENYATAAN TADBIR URUS


PENGENALAN

Lembaga Pengarah telah meluluskan Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada tahun 2006. Ia menggariskan 15 piawaian yang perlu dipatuhi oleh lembaga pengarah sesebuah badan berkanun dan digunakan sebagai panduan kepada tanggungjawab Lembaga Pengarah.

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dikaji semula dengan amalan terbaik dan prinsip tadbir urus korporat yang diperakui, dan dipinda, sekiranya perlu. Polisi ini boleh didapati di laman web kami di www.pidm.gov.my.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KAMI

GAMBAR RAJAH 1: RANGKA KERJA TADBIR URUS KAMI



Penyataan Tadbir Urus

Perbadanan menggunakan prinsip “Keterbukaan (Ketelusan), Integriti (termasuk Objektiviti) dan Kebertanggungjawaban”.¹ Kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah adalah untuk memenuhi mandatnya dan melaporkan kepada aktiviti Perbadanan, seperti yang dinyatakan dalam Gambar Rajah 1.

Lembaga Pengarah secara berterusan menanda aras polisi dan prosedur tadbir urusnya terhadap amalan terbaik antarabangsa dan tempatan bagi memastikan pendekatannya terhadap tadbir urus kekal terkini dan relevan. Lembaga Pengarah akan menggunakan pakai amalan tadbir urus yang terkemuka, yang mana sesuai.

Dokumen-dokumen berikut merupakan komponen utama rangka kerja tadbir urus Perbadanan. Dokumen ini boleh didapati di laman web Perbadanan di www.pidm.gov.my, di bawah “Bagaimana PIDM Ditadbir”.

- (a) Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah;
- (b) Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- (c) Huraian jawatan Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah;
- (d) Kod Tatalaku dan Etika Urusan bagi Lembaga Pengarah dan Kod Tatalaku dan Etika Urusan bagi Kakitangan;
- (e) Kod Konflik Kepentingan bagi Lembaga Pengarah dan Kod Konflik Kepentingan bagi Kakitangan;
- (f) Polisi Pendedahan Maklumat Mengenai Salah Laku di Tempat Kerja;
- (g) Polisi dan Prosedur Pendedahan Maklumat Awam;
- (h) Polisi Gangguan Di Tempat Kerja; dan
- (i) Program Pematuhan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Matriks Autoriti yang menggariskan perkara yang dikhususkan untuk keputusan Lembaga Pengarah dan kuasa tertentu yang diwakilkan kepada pihak Pengurusan.

PENYATAAN TADBIR URUS

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan pematuhan penuh terhadap Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada tahun 2014. Huraian terperinci boleh didapati di halaman 39 – 46.

Tadbir Urus Syariah

Di samping itu, PIDM memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah yang berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful.

Perbadanan mendapatkan nasihat dan pengesahan daripada Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai isu-isu Syariah berkaitan dengan operasi kedua-dua sistem.

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi, Pelantikan dan Ganjaran

Lembaga Pengarah PIDM terdiri daripada sembilan Pengarah, dengan pelbagai bidang kemahiran, kepakaran dan pengalaman, daripada kedua-dua sektor swasta dan awam. Dua daripada Pengarah ini merupakan ahli *ex officio* Lembaga Pengarah, iaitu Gabenor BNM dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Kesemua Pengarah adalah bukan eksekutif agar kebebasan Lembaga Pengarah dikekalkan dan peranan mereka ditumpukan kepada bidang pengawasan. Ketua Pegawai Eksekutif adalah bukan ahli Lembaga Pengarah dan beliau bertanggungjawab di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM) 2011 ke atas pentadbiran harian urusan dan hal ehwal Perbadanan. Dengan itu, terdapat pengasingan jelas antara tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Pengurusan, yang disokong dengan dokumentasi.

Tujuh Pengarah bukan *ex officio* dilantik oleh Menteri Kewangan atas cadangan Lembaga Pengarah. Dua daripada Pengarah bukan *ex officio* adalah daripada sektor awam dan mempunyai pengalaman sektor awam, manakala lima lagi Pengarah bukan *ex officio* yang selebihnya adalah daripada sektor swasta. Di bawah Akta PIDM, Pengerusi mesti mempunyai pengalaman sektor swasta yang relevan.

Pada tahun 2014, Menteri Kewangan, atas cadangan Lembaga Pengarah, telah meluluskan pelantikan semula bagi tiga Pengarah bukan *ex officio*, iaitu Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff, Encik Alex Foong Soo Hah dan Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad.

Bagi tahun 2014, para Pengarah secara kolektif menerima sejumlah RM680,000 sebagai ganjaran bagi tugas Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

¹ Prinsip teras yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Cadbury dalam Cadbury Report (1992) yang diguna pakai bagi sektor awam, ‘Tadbir Urus dalam Sektor Awam: Perspektif Badan Mentadbir’ oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (Ogos 2001)

Penyataan Tadbir Urus

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Akta PIDM menggariskan mandat Perbadanan dan tanggungjawab keseluruhan Lembaga Pengarah bagi urusan dan hal ehwal PIDM. Akta ini juga menggariskan tugas Pengarah, untuk bertindak dengan jujur dan demi kepentingan PIDM, serta menggunakan ketekunan yang wajar dalam melaksanakan tugas mereka pada setiap masa.

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah juga diperjelaskan dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan dalam huraian jawatan mereka. Huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif juga tersedia.

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa

Empat mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2014, menurut jadual yang ditetapkan pada permulaan tahun. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga mengadakan satu Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah pada tahun ini. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah tersebut telah diadakan untuk melaporkan keputusan prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada tahun 2014 serta sokongan Pengurusan dari segi penyediaan maklumat kepada Lembaga Pengarah.

Terdapat enam mesyuarat Jawatankuasa Audit, empat² mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran, dua mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus dan lima mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian pada tahun 2014.

Kehadiran ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tempoh perkhidmatan mereka adalah seperti berikut:

JADUAL 1: KEHADIRAN DI MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Pengarah	Mesyuarat Tetap Lembaga Pengarah	Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (Pengerusi)	3/4	1/1
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (<i>ex officio</i>)	2/4	1/1
Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah (<i>ex officio</i>)	4/4	1/1
Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	4/4	0/1
Dato' Halipah Esa	4/4	1/1
Encik George Anthony David Dass	4/4	1/1
Encik Lim Tian Huat	4/4	1/1
Encik Alex Foong Soo Hah	4/4	1/1
Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad	4/4	1/1

JADUAL 2: KEHADIRAN DI MESYUARAT JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Pengarah	Mesyuarat Jawatankuasa Audit	Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus	Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian
Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus dan Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian)			2/2	5/5
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (<i>ex officio</i>)				
Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah (<i>ex officio</i>)				
Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff			2/2	
Dato' Halipah Esa		4/4		
Encik George Anthony David Dass	6/6		2/2	
Encik Lim Tian Huat (Pengerusi Jawatankuasa Audit)	5/6			4/5
Encik Alex Foong Soo Hah (Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran)	6/6	4/4		5/5
Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad (Naib Pengerusi Jawatankuasa Audit)	6/6	4/4		

² Salah satu mesyuarat tersebut merupakan mesyuarat sambungan

Penyataan Tadbir Urus

RANGKUMAN TUGAS UTAMA LEMBAGA PENGARAH

Sorotan utama tugas-tugas Lembaga Pengarah pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

Piawaian 2: Keberkesanan dan tanggungjawab tadbir urus Lembaga Pengarah

Penilaian Lembaga Pengarah: Seajar dengan amalan terbaik, Lembaga Pengarah menjalankan penilaian tahunan ke atas keberkesanannya serta keberkesanan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah juga menilai sokongan Pengurusan kepada Lembaga Pengarah dalam penyediaan maklumat. Lembaga Pengarah berpendapat penilaian tersebut adalah penting kerana ia memperkukuhkan peranan pengawasannya. Pelan tindakan yang relevan telah dilaksanakan hasil daripada penilaian luaran Lembaga Pengarah pada tahun 2013. Pelan tindakan termasuk memastikan kertas-kertas Lembaga Pengarah lebih terfokus, pengedaran dan penggunaan kertas Lembaga Pengarah dalam format elektronik agar lebih efisien dan kajian semula pasca mesyuarat tetap oleh Lembaga Pengarah untuk merangkumi secara sistematik peluang untuk penambahbaikan keberkesanan Lembaga Pengarah, sebagai contoh, untuk menilai sama ada maklumat yang diberikan oleh Pengurusan di mesyuarat adalah berguna dalam pertimbangan isu-isu, dan sama ada perbincangan bertumpu kepada perkara yang betul.

Diterajui oleh Pengerusi, Lembaga Pengarah telah melengkapkan penilaian dalaman Lembaga Pengarah bagi tahun 2014. Keberkesanan keseluruhan Lembaga Pengarah dan amalan tadbir urusnya serta sokongan Pengurusan kepada Lembaga Pengarah diberi penarafan "Sangat Memuaskan".

Komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah: Sejak penggiliran Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada tahun 2013, tiada perubahan kepada komposisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada tahun 2014.

Pendidikan Lembaga Pengarah: Ahli Lembaga Pengarah terus mengambil bahagian dalam sesi pendidikan yang berkaitan dengan perkembangan terbaru yang memberi kesan terhadap urusan dan hal ehwal Perbadanan serta bidang-bidang lain yang berkaitan dengan Lembaga Pengarah. Beberapa sesi pendidikan Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2014 dan butirannya boleh didapati di halaman 40.

Piawaian 4: Komposisi dan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah

Tiada pelantikan baharu dalam Lembaga Pengarah pada tahun 2014. Tempoh perkhidmatan tiga Ahli Lembaga Pengarah sedia ada telah diperbaharui oleh Menteri Kewangan atas cadangan Lembaga Pengarah. Encik Alex Foong Soo Hah dan Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad masing-masing telah dilantik semula untuk berkhidmat selama tiga tahun lagi bermula 15 Ogos 2014 hingga 14 Ogos 2017 dan 3 Januari 2015 hingga 2 Januari 2018. Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff telah dilantik semula untuk berkhidmat selama dua tahun lagi bermula 3 Januari 2015 hingga 2 Januari 2017.

BUTIRAN TERPERINCI TUGAS LEMBAGA PENGARAH

Bahagian berikut menerangkan cara Lembaga Pengarah mematuhi piawaian-piawaian yang digariskan dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. Ia juga menggariskan dengan terperinci laporan kemajuan Lembaga Pengarah terhadap setiap piawaian tersebut.

2006 – 2013

Lembaga Pengarah telah mewujudkan pengaturan tadbir urus korporat pada tahun 2006. Sejak itu, ia telah berusaha untuk mencapai dan mengekalkan pematuhan penuh terhadap Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. Sejak tahun 2008 dan setiap tahun selepas itu, Lembaga Pengarah melaporkan pematuhan penuh terhadap Polisi ini.

Objektif Lembaga Pengarah pada tahun 2014

Sejak tahun 2009, Lembaga Pengarah telah mengguna pakai amalan penetapan objektif tahunan pada permulaan setiap tahun. Ia juga mempertimbangkan pelan tindakan untuk menyokong pencapaian objektif ini.

Objektif Lembaga Pengarah yang ditetapkan pada tahun 2014 ditumpukan kepada perancangan strategik, pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan pelaksanaan pelan tindakan berdasarkan cadangan daripada penilaian luaran Lembaga Pengarah pada tahun 2013.

Lembaga Pengarah telah mencapai objektifnya yang ditetapkan pada tahun 2014. Perenggan berikut menyediakan sorotan utama tugas Lembaga Pengarah dalam mencapai objektif-objektif ini.

Penyataan Tadbir Urus

Perkara strategik bagi tahun 2014

Lembaga Pengarah memberi tumpuan kepada perkara-perkara strategik yang dikenal pasti bagi tahun 2014 seperti berikut:

- (a) pembangunan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful;
- (b) pembangunan rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana Perlindungan Insurans Am;
- (c) penilaian dan pemantauan risiko institusi ahli, khususnya ahli penginsurans;
- (d) tahap kesediaan Perbadanan bagi menjalankan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan; dan
- (e) pelaksanaan perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif.

Keberkesanan Lembaga Pengarah

Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah telah menjalankan kajian semula dalaman ke atas keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Hasil penilaian akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah pada tahun 2015.

POLISI TADBIR URUS LEMBAGA PENGARAH

Butiran terperinci kemajuan Lembaga Pengarah berkenaan dengan setiap piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah adalah dinyatakan di bawah.

Piawaian 1: Kebebasan Lembaga Pengarah

Ahli-ahli Lembaga Pengarah akan melaksanakan penilaian dengan bebas.

Akta PIDM membezakan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif bagi memastikan kebebasan, dan Ketua Pegawai Eksekutif bukan seorang Ahli Lembaga Pengarah.

Semua Pengarah ialah bukan eksekutif dan mesti menggunakan penilaian bebas mereka untuk bertindak demi kepentingan Perbadanan, seperti yang dinyatakan di bawah Akta PIDM.

Piawaian 2: Keberkesanan dan tanggungjawab tadbir urus Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah akan memperoleh dan mengekalkan kefahaman mengenai matlamat dan kuasa Perbadanan, serta tanggungjawab tadbir urusnya.

Bagi mencapainya, Lembaga Pengarah akan:

- (i) membangun dan mengekalkan pendekatan untuk memenuhi tanggungjawab tersebut dan akan menilai secara objektif, keberkesanan dalam berbuat demikian dari semasa ke semasa; dan
- (ii) memastikan Perbadanan mempunyai pengatur bagi orientasi pengarah baharu dan latihan berterusan yang sesuai dengan tanggungjawab dan keperluan tadbir urus Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah (melalui Jawatankuasa Tadbir Urus) memastikan pengatur dan pendekatan tadbir urusnya di kemas kini dan relevan.

Proses menilai keberkesanan

Lembaga Pengarah mengkaji semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan pendekatan tadbir urus secara tetap bagi memastikan ia relevan.

Setiap tahun, Lembaga Pengarah menilai keberkesanan serta keberkesanan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sokongan Pengurusan kepada Lembaga Pengarah daripada segi penyediaan maklumat. Seajar dengan amalan terbaik, bagi tahun 2014, Lembaga Pengarah melakukan penilaian dalaman dan keputusannya akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah di mesyuarat pertamanya pada tahun 2015.

Orientasi

Terdapat program orientasi yang diluluskan bagi Ahli Lembaga Pengarah baharu. Program orientasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah adalah bagi Pengarah baharu memperoleh kefahaman dengan cepat supaya mereka berupaya untuk menyumbang kepada tugas Lembaga Pengarah.

Pada tahun 2014, tiada Pengarah baharu dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengarah.

Penyataan Tadbir Urus



Latihan berterusan

Pada permulaan setiap tahun, Lembaga Pengarah akan meluluskan Program Pendidikan Lembaga Pengarah bagi tahun berkenaan. Program Pendidikan Lembaga Pengarah bagi tahun 2014, yang telah dijalankan dengan jayanya termasuk topik-topik berikut:

- Perancangan Pemulihan dan Resolusi serta Jaminan Dalaman;
- Kepimpinan Strategik Lembaga Pengarah untuk Mengurus Risiko Keselamatan Siber dalam Institusi Kewangan;
- Kesediaan Intervensi dan Resolusi Kegagalan;
- Keadaan Ekonomi Malaysia; dan
- Kegagalan Syarikat Insurans.

Di samping topik di atas, Pengarah-pengarah juga menghadiri program latihan berkaitan dengan pengurusan modal insan dalam bilik Lembaga Pengarah dan *C-Suite*.

Dari semasa ke semasa, Pengurusan juga memaklumkan Lembaga Pengarah kemas kini bertulis mengenai perkembangan berkaitan dengan Perbadanan. Lembaga Pengarah juga dimaklumkan dengan perubahan atau perubahan yang dijangka dalam perundangan yang memberi impak kepada Perbadanan.

Pengarah juga menghadiri Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (*Financial Institutions Directors' Education – FIDE*) serta acara FIDE FORUM. Program-program ini menumpukan kepada tanggungjawab tadbir urus pengarah institusi kewangan.

Mesyuarat tiga pihak merupakan mesyuarat tahunan antara PIDM, Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia (*Indonesia Deposit Insurance Corporation – IDIC*) dan *Deposit Protection Agency (DPA)*, Thailand bagi tujuan perkongsian maklumat, pengetahuan dan pengalaman dalam insurans deposit serta menjalin hubungan kerja. Pada tahun 2014, mesyuarat tiga pihak telah diadakan di Bali, Indonesia, dan dianjurkan oleh IDIC.

Piawaian 3: Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa

Apabila melantik sesebuah jawatankuasa, Lembaga Pengarah akan menentukan tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta keperluan kebertanggungjawaban bagi Jawatankuasa ini.

Tanggungjawab, kuasa dan keperluan kebertanggungjawaban Jawatankuasa Lembaga Pengarah diperincikan dalam piagam masing-masing, dan laporan tugas-tugas mereka dikemukakan kepada Lembaga Pengarah pada setiap mesyuarat.

Kesemua piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah dikaji semula pada tahun 2014 dan tiada perubahan ketara dibuat kerana piagam-piagam tersebut kekal terkini dan relevan.

Setiap Jawatankuasa menilai secara tetap sama ada ia telah memenuhi tanggungjawab utamanya. Setiap tahun, Jawatankuasa akan melaporkan aktiviti mereka bagi tahun berkenaan berbanding dengan tanggungjawab yang digariskan dalam piagam masing-masing.

Piawaian 4: Komposisi dan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah

Komposisi Lembaga Pengarah hendaklah mengekalkan unsur kebebasan serta mempunyai gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai, berpandukan kepada objektif dan hala tuju strategik Perbadanan.

Bagi mencapainya, Lembaga Pengarah, melalui rundingan bersama Ketua Pegawai Eksekutif, akan:

- membangunkan satu profil kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi menyokong pelaksanaan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan menasihati Menteri Kewangan berkenaan dengan gabungan sesuai yang diperlukan bagi memenuhi kekosongan jawatan ahli Lembaga Pengarah bukan *ex officio*; dan
- mempunyai perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah untuk dikemukakan kepada Menteri Kewangan bagi memastikan pengurusan penggantian pengarah secara teratur.

Penyataan Tadbir Urus

Latar belakang

Proses membangunkan profil Lembaga Pengarah (kolektif dan individu) telah diwujudkan pada tahun 2006. Pada tahun 2007, Lembaga Pengarah telah mewujudkan perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah, yang terdiri daripada Polisi Tempoh Perkhidmatan, Persaraan, Pengurusan Penggantian Pengarah Bukan *Ex Officio*. Ini adalah bagi membolehkan Lembaga Pengarah menilai sama ada gabungan kemahiran dan kepakaran yang sesuai tersedia dalam Lembaga Pengarah untuk memenuhi keperluan Perbadanan semasa dan akan datang. Perancangan ini dimaklumkan dan diperakui oleh Menteri Kewangan sebagai sebahagian daripada proses pelantikan Pengarah.

Profil Lembaga Pengarah

Profil tersebut telah dibangunkan dan disemak semula dengan kerap, dengan mempertimbangkan keperluan semasa, tahap pembangunan, dan aspirasi Perbadanan. Profil tersebut menjadi asas bagi menentukan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk memenuhi kekosongan dalam Lembaga Pengarah. Sebarang kekurangan dalam Lembaga Pengarah sedia ada yang dikenal pasti juga dipertimbangkan ketika menyediakan senarai calon yang sesuai.

Analisis kesesuaian tahap kemahiran

Lembaga Pengarah menjalankan analisis jurang kesesuaian kemahiran secara tetap, dengan membandingkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada dalam kalangan Lembaga Pengarah dengan profil yang diperlukan. Ini adalah bagi menentukan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah yang belum diperolehi. Buat masa ini, Lembaga Pengarah mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk Perbadanan.

Pelaksanaan perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah

Sebagai sebahagian daripada perancangan pengurusan penggantian Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah mengekalkan dan menambah kepada senarai calon yang berpotensi untuk menepati profil yang diperlukan bagi keahlian Lembaga Pengarah. Senarai tersebut dikemas kini dari semasa ke semasa bagi tujuan pencadangan pelantikan Pengarah apabila diperlukan.

Piawaian 5: Peranan dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif

Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas.

Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:

- (i) membangunkan huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif;
- (ii) membangunkan satu set objektif korporat sekurang-kurangnya sekali setahun yang mana Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab untuk mencapainya, dan menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif terhadap objektif tersebut; dan
- (iii) mewujudkan hubungan kebertanggungjawaban Ketua Pegawai Eksekutif kepada Lembaga Pengarah.

Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif telah dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas dalam huraian jawatan bagi kedua-dua jawatan tersebut. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk membuat cadangan kepada Menteri Kewangan bagi pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif.

Huraian jawatan bagi Ketua Pegawai Eksekutif

Huraian jawatan bagi Ketua Pegawai Eksekutif telah dibangunkan sejak penubuhan PIDM dan disemak semula secara berkala agar ia terkini dan relevan.

Objektif korporat

Petunjuk Prestasi Utama bagi Ketua Pegawai Eksekutif ditentukan setiap tahun berdasarkan objektif korporat yang diluluskan. Prestasi beliau terhadap Petunjuk Prestasi Utama tersebut dipantau dan dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah pada tahun 2014.

Hubungan kebertanggungjawaban Ketua Pegawai Eksekutif dengan Lembaga Pengarah

Di bawah Akta PIDM, Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan kuasa dan prestasi tugasannya. Huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif juga menerangkan hubungan kebertanggungjawaban tersebut.

Terdapat juga Matriks Autoriti yang menggariskan dengan jelas tahap kelulusan dan pemberian kuasa.

Piawaian 6: Pelantikan pegawai korporat kanan

Lembaga Pengarah akan melantik pegawai korporat kanan Perbadanan (selain Ketua Pegawai Eksekutif) dan menentukan tempoh jawatan dan ganjaran bagi mereka.

Pegawai korporat kanan dilantik oleh Lembaga Pengarah dan terma-terma perkhidmatan dan pampasan mereka ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

Penyataan Tadbir Urus

Menurut Undang-Undang Kecil Korporat, pemegang jawatan berikut hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah:

- (a) Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am;
- (b) Pengurus Besar Eksekutif;
- (c) Ketua Pegawai Kewangan;
- (d) Ketua Pegawai Risiko;
- (e) Ketua Juruaudit Dalaman; dan
- (f) Setiausaha Korporat.

Piawaian 7: Ganjaran pegawai

Lembaga Pengarah akan memastikan, secara berterusan, bahawa ganjaran yang diterima oleh pegawai dan kakitangan PIDM adalah sejajar dengan pencapaian mampan objektif Perbadanan, pengurusan berhemat hal ehwal dan risiko yang dihadapinya, serta pematuhan kepada polisi dan prosedur.

Lembaga Pengarah akan mengkaji semula program ganjaran bagi semua Pengarah, dan mengemukakan cadangan kepada Menteri Kewangan berkenaan dengannya.

Jawatankuasa Ganjaran mengkaji semula dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara berkaitan pampasan kakitangan. Polisi ganjaran dan manfaat kakitangan, dan polisi pengurusan prestasi telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi-polisi tersebut adalah sejajar dengan model urusan PIDM, yang memerlukan pasukan individu khusus yang berupaya mencapai mandat PIDM dan dibantu oleh rakan strategik dan penyedia perkhidmatan utama apabila diperlukan.

Lembaga Pengarah menanda aras tahap penggajian berbanding pasaran bagi memastikan program ganjaran PIDM kekal berdaya saing. Ini adalah bagi memastikan pengekalan kemahiran dan pengalaman penting.

Menurut Akta PIDM, Menteri Kewangan menentukan ganjaran bagi Lembaga Pengarah atas cadangan Lembaga Pengarah. Setiap Ahli Lembaga Pengarah dibayar fi tahunan, dan elaun juga dibayar bagi kehadiran di setiap mesyuarat dan tugas Perbadanan. Pada tahun 2011, Menteri Kewangan telah meluluskan ganjaran terkini Ahli Lembaga Pengarah. Tiada semakan semula dibuat ke atas ganjaran Lembaga Pengarah pada tahun 2014.

Piawaian 8: Perancangan pengurusan penggantian

Lembaga Pengarah akan merancang pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan mengkaji semula rancangan pengurusan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama.

Lembaga Pengarah, dengan sokongan Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian telah meluluskan rancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif. Antara lain, Lembaga Pengarah telah meluluskan draf profil Ketua Pegawai Eksekutif, kriteria penilaian dan model perancangan pengurusan penggantian. Sebuah firma pencarian eksekutif juga telah dilantik pada tahun 2014 untuk memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian dan Lembaga Pengarah berhubung dengan perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif.

Jawatankuasa Tadbir Urus terus membantu Lembaga Pengarah melalui pengawasan perancangan pengurusan penggantian bagi pengurusan kanan utama.

Piawaian 9: Piawaian tatalaku dan etika

Lembaga Pengarah akan memastikan Pengurusan mewujudkan polisi, strategi, proses dan kawalan mencukupi dalam Perbadanan bagi mengekalkan persekitaran organisasi yang memupuk tingkah laku beretika, komitmen kakitangan terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan kerja kakitangan yang tinggi.

Lembaga Pengarah mewujudkan piawaian tatalaku dan etika yang patut diamalkan oleh Pengarah dan kakitangan melalui Kod Tatalaku dan Etika Urusan, serta Kod Konflik Kepentingan.

Pengarah melaporkan pematuhan dengan Kod-kod ini pada setiap tahun. Kesemua kakitangan menjalani latihan mengenai Kod-kod tersebut dan mesti mengisytiharkan kepatuhan mereka pada setiap tahun. Di bawah Polisi Bagi Pendedahan Maklumat Berkenaan Salah Laku Di Tempat Kerja, terdapat mekanisme yang membolehkan kakitangan dan pemegang kepentingan lain membuat laporan mengenai apa-apa salah laku kepada pegawai yang diberi kuasa.

Penyataan Tadbir Urus

Terdapat juga program pematuhan rasmi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, yang boleh didapati di laman web PIDM, www.pidm.gov.my di bahagian "Tadbir Urus PIDM". Program pematuhan ini juga merangkumi penubuhan Jawatankuasa Pematuhan Korporat pada tahun 2009, dengan objektif memastikan pelaksanaan tanggungjawab pengawasan berkaitan dengan pematuhan PIDM terhadap undang-undang, peraturan, kod industri, polisi dan prosedur, obligasi kontrak dan piawaian organisasi yang diguna pakai oleh Perbadanan. Setiausaha Korporat telah melaporkan pematuhan terhadap undang-undang dan piawaian yang diguna pakai kepada Lembaga Pengarah (melalui Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Audit). Setiausaha Korporat juga memberi jaminan mengenai pematuhan melalui surat representasi rasmi setiap tahun.

Ujian pematuhan mandatori tahunan telah dilaksanakan terhadap kakitangan, yang memberi tumpuan kepada tatalaku dan tingkah laku, perkara berkaitan pengurusan risiko dan pengendalian maklumat Perbadanan.

Terdapat Polisi dan Prosedur yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi Pelantikan Kaunsel Perundangan Bebas dan Kaunsel Lain yang Berasingan, yang membolehkan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah melantik penasihat bebas untuk membantu dalam memenuhi tanggungjawab mereka.

Lembaga Pengarah mempunyai jaminan pada tahap tinggi bahawa satu sistem pematuhan telah sedia ada dan Perbadanan mematuhi undang-undang dan polisi utama.

Piawaian 10: Risiko utama kepada Perbadanan

Lembaga Pengarah akan:

- (i) memperoleh kefahaman mengenai risiko utama urusan Perbadanan;
- (ii) memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat dilaksanakan dan sentiasa disemak semula;
- (iii) memperoleh jaminan yang wajar, secara berterusan, bahawa sistem ini dipatuhi dan risiko yang memberi kesan kepada Perbadanan terus diurus secara efektif; dan
- (iv) memastikan Ketua Pegawai Risiko (atau ketika ketiadaan beliau, Timbalan Pengurus Besar daripada Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi) hendaklah menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan.

Pemahaman mengenai risiko utama

Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah memastikan bahawa sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat untuk mengurus risiko telah dilaksanakan. Polisi Pengurusan Risiko Organisasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menyatakan dan mengesahkan komitmen PIDM terhadap kemantapan Pengurusan Risiko Organisasi dan meningkatkan keupayaan untuk menyampaikan mandat dan objektif PIDM dengan memastikan mana-mana risiko yang boleh menghalang pencapaian mandat dan objektif tersebut dikenal pasti dan ditangani.

Sejajar dengan komitmennya terhadap Polisi Pengurusan Risiko Organisasi, Lembaga Pengarah:

- (a) memantau pematuhan terhadap program Pengurusan Risiko Organisasi bagi memastikan pelaksanaan amalan pengurusan risiko secara konsisten dalam mengenal pasti, menaksir, menilai, memantau dan melaporkan risiko di seluruh PIDM;
- (b) memantau pelaksanaan satu lagi kitaran lengkap proses Pengurusan Risiko Organisasi oleh Pengurusan dan menerima laporan tetap risiko yang mengenal pasti kawalan dan pelan tindakan risiko bagi menangani risiko yang dikenal pasti;
- (c) mempertimbangkan dan bersetuju dengan profil risiko utama; dan
- (d) menerima laporan terperinci mengenai Polisi Risiko Lembaga Pengarah.

Dari segi pelaksanaan fungsi, Ketua Pegawai Risiko melapor kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, bagi memastikan kebebasan daripada Pengurusan.

Untuk butiran lanjut, sila rujuk Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 53.

Pelaksanaan dan kajian semula sistem pengurusan risiko

Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah menyemak dan meluluskan Laporan Risiko Lembaga Pengarah Peringkat Korporat Pengurusan Risiko Organisasi 2014.

Jaminan wajar bahawa risiko yang memberi kesan kepada Perbadanan diurus secara efektif

Lembaga Pengarah memperoleh kefahaman mengenai risiko utama PIDM dengan menerima dan menyemak laporan tetap mengenai kekukuhan institusi ahli. Lembaga Pengarah juga menerima dan menyemak laporan tetap daripada Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi mengenai risiko terhadap urusan dan hal ehwalnya, bagi memahami jenis dan magnitud risiko utama kepada PIDM.

Penyataan Tadbir Urus

Lembaga Pengarah juga menerima laporan tetap daripada Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan bidang audit utama yang tertentu. Ketua Juruaudit Dalaman juga mengesahkan laporan Pengurusan Risiko Organisasi, melalui audit ke atas pematuhan terhadap kawalan dalaman. Ini membolehkan Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan yang wajar bahawa polisi pengurusan risiko dipatuhi.

Setiap tahun, Ketua Pegawai Risiko menyediakan surat representasi rasmi kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah mempunyai keyakinan tinggi bahawa sistem Pengurusan Risiko Organisasi tersedia dan sentiasa dipatuhi.

Kehadiran Ketua Pegawai Risiko di semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan

Ketua Pegawai Risiko menghadiri semua mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan.

Piawaian 11: Persekitaran kawalan dan audit dalaman

Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan berhemat ke atas operasi dan risiko yang berkenaan (termasuk risiko yang menghalang pencapaian matlamatnya) serta mempunyai polisi dan amalan efektif bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat.

Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:

- (i) memperuntukkan sumber dan menubuhkan kumpulan audit dalaman serta menetapkan mandatnya;
- (ii) meluluskan pelan auditnya pada setiap tahun; dan
- (iii) memperoleh jaminan wajar daripada kumpulan audit dalaman secara berkala, berkaitan dengan pemantauan dan pematuhan kawalan dalaman, integriti sistem dan tindakan yang sesuai telah diambil bagi menangani sebarang kelemahan atau kegagalan yang dikenal pasti.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab keseluruhannya ke atas sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Perbadanan serta mendapatkan jaminan daripada Pengurusan, Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalaman. Untuk butiran lanjut, rujuk Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 53.

Menyediakan sumber dan menubuhkan kumpulan audit dalaman

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan, fungsi audit dalaman, meluluskan piagamnya, dan menyediakan sumber yang mencukupi bagi memastikan ia boleh memenuhi peranan dan tanggungjawabnya. Piagam fungsi audit disemak semula secara berkala bagi memastikan misi, skop kerja, kebertanggungjawaban dan tanggungjawab, kuasa dan piawaian tata laku fungsi audit kekal relevan.

Pelan audit tahunan

Lembaga Pengarah telah menyediakan satu proses untuk meluluskan pelan audit tiga tahun pada setiap tahun. Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah meluluskan Pelan Audit bagi tempoh 2015 - 2017. Prestasi menurut pelan audit dilaporkan dan disemak semula dua kali setahun.

Pemantauan dan pematuhan terhadap kawalan dalaman

Rangka Kerja Kawalan Dalaman Perbadanan disempurnakan pada Februari 2007 dan disemak semula secara berkala.

Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan audit dalaman mengenai penilaian pematuhan Pengurusan terhadap kawalan dalaman dengan menggunakan kriteria yang dipersetujui. Ketua Juruaudit Dalaman menyediakan jaminan yang wajar mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan integriti sistem kawalan dalaman melalui pemfailan surat representasi rasmi kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Piawaian 12: Dalam kawalan

Lembaga Pengarah akan mendapatkan jaminan sewajarnya secara tetap bahawa Perbadanan berada "dalam keadaan terkawal".

(Nota: Konsep "dalam keadaan terkawal" merujuk kepada keadaan operasi Perbadanan di bawah tadbir urus Lembaga Pengarah yang berkesan dan diurus berpandukan proses pengurusan strategik dan risiko yang berterusan dalam persekitaran kawalan yang sesuai. Kelemahan yang berkaitan akan dikenalpasti, ditangani dan dikemukakan untuk perhatian Lembaga Pengarah.)

Sejajar dengan kriteria yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Kawalan Dalaman, Lembaga Pengarah memperoleh jaminan wajar bahawa urusan dan hal ehwal PIDM diurus secara berkesan menurut proses pengurusan strategik dan risiko yang tersedia dalam persekitaran kawalan yang sesuai. Untuk butiran lanjut, rujuk Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 53.

Penyataan Tadbir Urus

Piawaian 13: Proses pengurusan strategik

Lembaga Pengarah bertanggungjawab bagi menyemak dan mengawasi pembangunan dan meluluskan rancangan dan hala tuju strategik Perbadanan, dengan mengambil kira kelebihan dan risiko yang dihadapi oleh Perbadanan.

Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Lembaga Pengarah akan:

- (i) menilai objektif Perbadanan secara berkala bagi memastikan objektif kekal relevan dan, sekiranya perlu, mencadangkan perubahan untuk pertimbangan Menteri Kewangan;
- (ii) mengguna pakai proses perancangan strategik;
- (iii) sekurang-kurangnya sekali setahun, meluluskan objektif dan strategi operasi, bajet operasi, bajet modal, rancangan peminjaman, rancangan korporat dan kadar premium yang sesuai dan berhemat menurut objektif Perbadanan, persekitaran terkini dan yang dijangka, risiko, sumber dan kedudukan kewangan;
- (iv) sentiasa menilai prestasi Perbadanan dalam melaksanakan perancangan dan bajet yang diluluskan; dan
- (v) memperoleh jaminan secara tetap bahawa Perbadanan mempunyai proses pengurusan strategik yang berkesan.

Menilai objektif Perbadanan

Lembaga Pengarah menilai objektif Perbadanan secara berkala bagi memastikan ia kekal relevan. Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah telah mengkaji semula dan meluluskan pindaan kepada Akta PIDM dan membuat cadangan bagi pindaan kepada Menteri Kewangan. Pindaan tersebut dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2015.

Proses perancangan strategik

Satu proses perancangan strategik telah diguna pakai oleh PIDM sejak penubuhannya.

Meluluskan objektif dan strategi operasi

Setiap tahun, Lembaga Pengarah bermesyuarat untuk mempertimbangkan hala tuju strategik Perbadanan. Pada bulan September 2014, Ahli Lembaga Pengarah telah bermesyuarat untuk mempertimbangkan dan meluluskan hala tuju strategik Perbadanan serta objektif, matlamat dan aktiviti utamanya bagi tempoh perancangan korporat 2015 – 2017 di mesyuaratnya pada bulan Disember 2014.

Menilai secara tetap prestasi Perbadanan

Laporan tetap mengenai kemajuan berbanding dengan Rancangan Korporat disediakan kepada Lembaga Pengarah. Laporan-laporan ini dipertimbangkan dengan terperinci oleh Jawatankuasa Audit dan diedarkan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah.

Jaminan wajar bahawa Perbadanan mempunyai proses pengurusan strategik yang berkesan

Proses pengurusan strategik merupakan proses yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan digunakan pada setiap tahun dalam membangunkan Rancangan Korporat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Piawaian 14: Komunikasi berkesan

Lembaga Pengarah akan memastikan bahawa Perbadanan berkomunikasi secara berkesan dengan orang awam, BNM, badan berkanun atau pengawal selia yang lain, pendeposit, pemilik polisi, institusi ahli dan pihak berkaitan yang lain.

Terdapat Polisi Komunikasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah memastikan wujudnya interaksi dengan pelbagai pemegang kepentingan melalui pelbagai cara.

Lembaga Pengarah, atas cadangan Jawatankuasa Tadbir Urus, meluluskan strategi jangka panjang kesedaran awam Perbadanan dan mengkaji semula rancangan aktiviti kesedaran awam untuk tahun fiskal seterusnya. Lembaga Pengarah, dengan sokongan Jawatankuasa Tadbir Urus, juga mengawasi pelaksanaan Pelan Komunikasi Bersepadu lima tahun Perbadanan, yang merupakan pelan interaksi ekstensif dan membabitkan pelbagai pemegang kepentingan, khususnya orang awam dan institusi ahli.

Setiap tahun, Rancangan Korporat dan Laporan Tahunan PIDM diedarkan kepada pemegang kepentingan utama. Sesi dialog tahunan diadakan dengan pemegang kepentingan utama kami bersempena pelancaran Laporan Tahunan Perbadanan. Pada tahun 2014, sesi dialog tahunan diadakan pada 6 Mei 2014.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah telah mengambil bahagian dalam program Capaian Korporat dan bertemu dengan pegawai Kerajaan dan pemimpin komuniti perniagaan lain. Capaian Korporat merupakan acara tahunan yang dianjurkan di sebuah negeri di luar Wilayah Persekutuan. Pada tahun 2014, program Capaian Korporat telah diadakan di Kuala Terengganu dari 14 hingga 16 Jun 2014.

Bagi pengawal selia dan badan lain pula, pada tahun 2014, Perbadanan telah memperbaharui Memorandum Persefahaman Tiga Pihak bersama IDIC dan DPA, Thailand.

Penyataan Tadbir Urus

Piawaian 15: Kajian semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah akan mengkaji semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada setiap tahun bagi memastikan polisi ini kekal responsif terhadap situasi dan keperluan Perbadanan dan ia terus sejajar dengan perundangan yang dipatuhi oleh Perbadanan, mandat Perbadanan, panduan hal tadbir urus yang khusus bagi badan berkanun dan amalan terbaik yang diiktiraf.

Lembaga Pengarah mengkaji semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada setiap tahun dan dalam kajian semula Polisi tersebut pada bulan September 2014, Lembaga Pengarah telah meluluskan pindaan tertentu untuk memperjelas lagi tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam meluluskan Petunjuk Prestasi Utama Ketua Pegawai Eksekutif dan penilaian prestasi beliau. Selain pindaan tersebut, Lembaga Pengarah mendapati keseluruhan Polisi ini kekal terkini dan relevan dengan keperluan dan situasi PIDM.

Di samping itu, Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Tadbir Urus, juga mengkaji semula pengaturan tadbir urus berbanding amalan tadbir urus korporat badan kawal selia lain, dan mendapati amalan kami sejajar dengan amalan-amalan ini.

KEANDALAN MAKLUMAT

Bagi memastikan Lembaga Pengarah boleh menentukan keandalan maklumat yang disediakan oleh Pengurusan, Lembaga Pengarah menerima surat-surat representasi yang komprehensif daripada Pengurusan berkenaan ketepatan dan keandalan maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga menerima pengesahan daripada Ketua Juruaudit Dalaman, pada setiap tahun, sebagai asas bagi keandalan.

Lembaga Pengarah juga menghendaki Pengurusan untuk menyediakan laporan Lembaga Pengarah yang komprehensif yang memperincikan tujuan laporan, isu-isu untuk dipertimbangkan serta penilaian berkualiti, analisis dan cadangan yang mantap.

Pada penghujung setiap tahun, Lembaga Pengarah menilai sokongan daripada Pengurusan daripada segi maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah, dan Lembaga Pengarah memberikan Pengurusan maklum balas terperinci dan penarafan keseluruhan. Sekiranya perlu, Lembaga Pengarah boleh menyoal Pengurusan dan menjalankan pertanyaan terperinci berkenaan hal-hal berkaitan dengan Perbadanan.

Ketua Pegawai Risiko bukan hanya melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit, tetapi Lembaga Pengarah juga boleh meminta Ketua Pegawai Risiko mengesahkan sama ada beliau mempunyai pandangan dan pendapat berbeza mengenai hal-hal penting yang dikemukakan kepada Lembaga Pengarah, dan menyoal Ketua Pegawai Risiko mengenai risiko utama yang berkaitan dengan isu tersebut serta pandangan beliau mengenai keandalan maklumat yang diberikan. Ketua Pegawai Risiko dikehendaki menghadiri kesemua mesyuarat Lembaga Pengarah yang dijadualkan.

Pada tahun 2014, Lembaga Pengarah berpuas hati dengan kualiti maklumat yang disediakan kepada Lembaga Pengarah dan keupayaannya memperoleh maklumat yang andal daripada Pengurusan yang tepat pada masa.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menubuhkan empat Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Tadbir Urus dan Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian. Piagam jawatankuasa tersebut boleh didapati di Lampiran Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Audit mengadakan enam mesyuarat pada tahun 2014 dan tahap kehadiran ahli Jawatankuasa Audit adalah tinggi dalam setiap mesyuarat. Salah satu daripada mesyuarat tersebut telah diadakan khusus untuk membincangkan perkara yang berkaitan risiko.

Piagam Jawatankuasa Audit

Kajian semula dan penilaian ke atas kecukupan piagam Jawatankuasa Audit dijalankan setiap dua tahun. Apa-apa cadangan pindaan kepada Piagam tersebut dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah.

Satu kajian semula terhadap Piagam Jawatankuasa Audit telah dijalankan pada tahun 2014 dan pindaan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Piagam Jawatankuasa Audit menghendaki mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Jawatankuasa Audit perlu memastikan bahawa penyata kewangan disediakan mengikut prinsip perakaunan yang diluluskan dan memberi maklumat yang komprehensif dan tepat mengenai hal ehwal kewangan PIDM. Jawatankuasa ini perlu memastikan bahawa juruaudit dalaman dan luaran tidak mempunyai sebab untuk meragui sebarang aspek akaun atau kawalan dan prosedur audit.

Penyataan Tadbir Urus

Jawatankuasa Audit menasihati Lembaga Pengarah mengenai isu-isu pelaporan kewangan, perakaunan dan kawalan dalaman yang lain serta pengurusan kewangan, dan menyemak dan membuat cadangan mengenai Rancangan Korporat tahunan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Audit juga memainkan fungsi pengawasan risiko penting dan peranan ini didokumentasikan dengan lengkap dalam Polisi Pengurusan Risiko Organisasi dan Piagam Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Audit pada Tahun 2014

Laporan ringkasan tugas utama Jawatankuasa Audit pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

- (a) **Audit Dalaman:** Pada tahun 2014, Jawatankuasa Audit telah mempertimbangkan 17 laporan audit dalaman yang dikeluarkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Ini termasuk kajian semula tahunan ke atas pematuhan kawalan dalaman PIDM; audit ke atas pelaporan kewangan PIDM bagi tahun berakhir 31 Disember 2013; audit ke atas kesinambungan urusan dan latihan ujian simulasi pemulihan bencana PIDM; audit ke atas integriti Sistem Pengurusan Pembayaran Balik dan keberkesanan operasinya dalam menyokong sistem, operasi dan proses pembayaran bersepadu PIDM; audit ke atas keberkesanan kajian semula dan pelaksanaan kod etika PIDM; audit ke atas pentadbiran, proses dan penyelarasan bajet; audit ke atas keberkesanan dan kesediaan Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit; dan audit ke atas keberkesanan pelaksanaan Pelan Komunikasi Bersepadu lima tahun.

Berhubung audit yang dijalankan pada tahun 2014, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan berpendapat bahawa kawalan dalaman yang terkandung dalam semua proses yang diaudit adalah mencukupi dan memenuhi objektif kawalan dalaman yang ditetapkan. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan tidak menemui atau mendapati apa-apa kelemahan atau kekurangan ketara dalam kawalan dalaman pengurusan risiko atau amalan tadbir urus dalam proses yang diaudit. Walau bagaimanapun, apa-apa cadangan dari audit ini telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan respons Pengurusan serta pelan tindakan telah dipertimbangkan.

Sebagai sebahagian daripada Pelan Audit 2014 – 2016, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan telah menyempurnakan kajian semula perundingan bagi lintas semak Sistem Pembayaran Balik bagi Sistem Insurans Deposit serta kajian semula terhad dalam aspek pengurusan pemegang kepentingan dan aktiviti yang dilaksanakan bagi menyediakan kepimpinan dalam perlindungan konsumer kewangan. Ini akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit pada tahun 2015.

Jawatankuasa Audit menyemak Piagam, dan Pelan Audit Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi tahun 2015 - 2017 dan mempertimbangkan keperluan sumber bajet bagi Bahagian tersebut. Jawatankuasa Audit memantau prestasi fungsi audit dalaman terhadap pelan auditnya dua kali setahun.

Jawatankuasa Audit juga memastikan kebebasan fungsi audit dalaman. Jawatankuasa Audit menyemak semula laporan bebas Ketua Juruaudit Dalaman berhubung pemerhatian dan nasihat beliau berkaitan dengan kawalan, sistem dan proses yang mentadbir urus pembangunan dan pembinaan pusat pemulihan bencana kekal Perbadanan, dalam memenuhi peranannya untuk memberi khidmat rundingan kepada Pengurusan.

- (b) **Perkara yang memerlukan perhatian:** Jawatankuasa Audit mempunyai akses secara langsung kepada juruaudit luaran dan Pengurusan, serta kaunsel luaran bebas menurut Polisi Pelantikan Kaunsel Perundangan Bebas dan Kaunsel Lain yang Berasingan. Pada tahun 2014, Jawatankuasa Audit mengadakan empat sesi perbincangan tertutup bersama Pengurusan yang berbeza, Ketua Pegawai Risiko, Ketua Juruaudit Dalaman dan juruaudit luaran sebagai amalan tadbir urus yang baik. Sesi perbincangan ini turut menyediakan peluang untuk membincangkan perkara-perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan audit tahunan, sekiranya ada. Jawatankuasa Audit juga mengadakan sesi tertutup tanpa Pengurusan.
- (c) **Pelaporan secara langsung:** Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko melapor secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit. Pada tahun 2014, Jawatankuasa Audit terus menyemak laporan mengenai prestasi fungsi masing-masing. Bagi tahun 2014, Jawatankuasa Audit menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman dan Ketua Pegawai Risiko dengan rundingan bersama Ketua Pegawai Eksekutif.
- (d) **Pelaporan kewangan:** Jawatankuasa Audit memperoleh kefahaman mengenai laporan kewangan dan memantau ketepatan, kebolehpercayaan serta kejelasan maklumat kewangan. Jawatankuasa ini juga mempertimbangkan maklumat yang terdapat dalam Laporan Tahunan dan Rancangan Korporat. Seperti yang dinyatakan dalam Akta PIDM, Laporan Tahunan PIDM (termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit luaran), mesti dihantar kepada Menteri Kewangan, tiga bulan selepas penghujung tahun (31 Disember).
- (e) **Proses pelaporan kewangan, polisi perakaunan dan struktur kawalan dalaman:** Jawatankuasa Audit:
- (i) mengkaji semula dan menasihati Lembaga Pengarah berkaitan dengan penyata kewangan tahunan, perbincangan dan analisis pengurusan, laporan audit luaran dan menyemak integriti proses pelaporan kewangan dan laporan kawalan dalaman serta perwakilan pengurusan;

Penyataan Tadbir Urus

- (ii) mendapatkan pengesahan bertulis daripada Ketua Juruaudit Dalaman mengenai sistem kawalan dalaman Perbadanan; dan
 - (iii) mencadangkan penggunaan pakai prinsip-prinsip yang dicadangkan oleh Pengurusan, termasuk membuat pendedahan bersesuaian mengenai liabiliti luar jangka apabila tiada situasi kerugian.
- (f) **Pengawasan pengurusan strategik dan kewangan:** Pada tahun 2014, Jawatankuasa Audit telah menjalankan tanggungjawab berkaitan pengawasan pengurusan kewangan, termasuk pengurusan bajet tahunan dan pelaburan. Jawatankuasa Audit secara tetap menerima laporan mengenai kemajuan Perbadanan berbanding Rancangan Korporat 2014 - 2016 dan mempertimbangkan serta mencadangkan Rancangan Korporat 2015 - 2017, termasuk bajet operasi tahunan, unjuran kewangan dan bajet modal.
- (g) **Pengurusan risiko:** Berkaitan dengan pengurusan risiko, Jawatankuasa Audit memberikan nasihat dan sokongan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara yang dilaporkan di bawah Piawaian 10 hingga 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, di halaman 43 - 44 Laporan Tahunan ini yang berkaitan dengan risiko dan kawalan dalaman.
- Dalam menjalankan tugasnya, Jawatankuasa Audit mendapat akses tidak terhad dan akses langsung kepada Ketua Pegawai Risiko, yang melaporkan secara tetap aktiviti Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan risiko korporat kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.
- (h) **Pematuhan etika dan perundangan:** Jawatankuasa Audit mengkaji semula laporan mengenai pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta kod dan polisi utama. Tiada situasi ketidakpatuhan yang ditemui. Jawatankuasa Audit juga mengambil maklum laporan aktiviti berkaitan dengan program pematuhan Perbadanan pada tahun 2014.
- (i) **Kajian semula piagam:** Pada tahun 2014, satu pindaan kepada Piagam Jawatankuasa Audit telah dibuat, sebagaimana yang dilaporkan di halaman 46 Laporan Tahunan ini.

Kesimpulannya, Jawatankuasa Audit telah melaksanakan tanggungjawab dengan sepenuhnya terhadap Piagam Jawatankuasa Audit pada tahun 2014.

JAWATANKUASA GANJARAN

Keahlian Jawatankuasa Ganjaran dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Ganjaran mengadakan empat mesyuarat pada tahun 2014. Kehadiran penuh oleh ahli Jawatankuasa Ganjaran di mesyuarat tersebut adalah seperti yang dinyatakan di halaman 37.

Piagam Jawatankuasa Ganjaran

Kajian semula dan penilaian ke atas kecukupan Piagam Jawatankuasa Ganjaran dijalankan setiap dua tahun. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Piagam tersebut dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah.

Satu kajian semula terhadap Piagam Jawatankuasa Ganjaran telah dijalankan pada tahun 2014 dan pindaan berkaitan dengan tugas utama dan tanggungjawab Jawatankuasa Ganjaran telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dengan pindaan tersebut, Jawatankuasa Ganjaran akan mengkaji semula dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai bonus kakitangan, dan bukan lagi meluluskan pemberian bonus kakitangan. Di samping itu, Piagam Jawatankuasa Ganjaran juga telah dipinda yang mana tanggungjawab bagi kajian semula objektif dan prestasi tahunan Ketua Pegawai Eksekutif akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah.

Piagam Jawatankuasa Ganjaran digariskan dalam Lampiran di halaman 210.

Piagam ini menghendaki Jawatankuasa Ganjaran bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk menyemak dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai isu-isu sumber manusia, seperti pampasan, pematuhan terhadap keperluan perundangan berkaitan sumber manusia, polisi kakitangan, latihan dan aduan.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Ganjaran pada Tahun 2014

Beberapa perkara utama yang dijalankan atau dikaji semula oleh Jawatankuasa Ganjaran pada tahun 2014 dinyatakan di bawah.

Jawatankuasa Ganjaran terus memantau pelaksanaan strategi Modal Insan bagi Perbadanan.

Sejajar dengan Piawaian 9 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Ganjaran menyokong Lembaga Pengarah bagi memastikan strategi Perbadanan mewujudkan suasana organisasi yang menggalakkan tingkah laku beretika, komitmen kakitangan terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan kakitangan yang tinggi.

Di samping itu, menurut Piawaian 7 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Ganjaran menyokong Lembaga Pengarah bagi memastikan pampasan kepada pegawai dan kakitangan Perbadanan adalah konsisten dengan pencapaian mampan objektif Perbadanan, pengurusan berhemat hal ehwalnya dan risiko yang terdedah kepadanya.

Penyataan Tadbir Urus

Secara khusus, Jawatankuasa Ganjaran menjalankan tugas berikut:

- (a) menerima laporan mengenai pematuhan terhadap polisi dan keperluan perundangan berkaitan sumber manusia;
- (b) mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, pemberian bonus bagi tahun 2014 dan kenaikan gaji kakitangan bagi tahun 2015; dan
- (c) menyemak laporan aktiviti Bahagian Sumber Manusia.

Pada tahun 2014, Jawatankuasa Ganjaran berpuas hati bahawa Jawatankuasa ini telah memenuhi tanggungjawab utamanya terhadap Piagam Jawatankuasa Ganjaran. Jawatankuasa Ganjaran akan terus memastikan bahawa strategi Modal Insan Perbadanan terus relevan dan dilaksanakan dengan berkesan.

JAWATANKUASA TADBIR URUS

Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Tadbir Urus mengadakan dua mesyuarat tetap pada tahun 2014. Kehadiran penuh oleh ahli Jawatankuasa Tadbir Urus di mesyuarat tersebut pada tahun 2014 seperti yang dinyatakan di halaman 37.

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus

Kajian semula dan penilaian ke atas kecukupan Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus dijalankan setiap dua tahun. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Piagam akan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Kajian semula terhadap Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus telah dijalankan pada tahun 2014 dan pindaan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus dinyatakan dalam Lampiran di halaman 210.

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus menghendaki Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Tanggungjawab utama Jawatankuasa Tadbir Urus termasuk memastikan struktur dan proses bersesuaian tersedia bagi memastikan pengawasan berkesan dan hala tuju bagi aktiviti PIDM. Jawatankuasa ini juga memastikan pematuhan terhadap polisi tadbir urus dan piawaian tadbir urus yang tinggi, menyemak semula keseimbangan kemahiran, pengalaman dan pengetahuan yang sesuai bagi Lembaga Pengarah dan mengenal pasti jurang kemahiran serta membuat cadangan pelantikan jawatan bukan *ex officio* dalam Lembaga Pengarah pada masa hadapan.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Tadbir Urus pada Tahun 2014

Jawatankuasa Tadbir Urus menyokong usaha Lembaga Pengarah berkenaan tadbir urus korporat, seperti yang dinyatakan dalam laporan di halaman 39 - 40.

Berikut adalah beberapa aktiviti utama Jawatankuasa Tadbir Urus pada tahun 2014:

- (a) pembangunan pelan pendidikan tahunan Lembaga Pengarah bagi latihan dan pendidikan berterusan mengenai operasi Perbadanan dan tanggungjawab tadbir urusnya;
- (b) kajian semula pendekatan PIDM terhadap tadbir urus serta polisi berkaitan tadbir urus, termasuk Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, Undang-undang Kecil Korporat, Piagam kesemua Jawatankuasa, Kod Konflik Kepentingan bagi Pengarah dan Kakitangan, dan Polisi Pembayaran Perbelanjaan Pengarah oleh Perbadanan;
- (c) kajian semula pelan tindakan yang dicadangkan oleh penasihat tadbir urus luaran susulan kajian semula keberkesanan Lembaga Pengarah;
- (d) kajian semula objektif Lembaga Pengarah bagi tahun 2015 dan mencadangkan jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi tahun 2015; dan
- (e) kajian semula aktiviti tanggungjawab sosial korporat PIDM bagi tahun 2014.

Jawatankuasa Tadbir Urus juga terus memantau perkembangan tadbir urus korporat dan amalan terbaik di Malaysia dan di luar negara. Kesimpulannya, Jawatankuasa Tadbir Urus telah menjalankan tanggungjawab terhadap Piagamnya.

AHLI JAWATANKUASA PERANCANGAN PENGURUSAN PENGGANTIAN

Keahlian dan Kehadiran Mesyuarat

Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian mengadakan lima mesyuarat pada tahun 2014. Kehadiran ahli di mesyuarat pada tahun 2014 adalah seperti yang dinyatakan di halaman 37.

Piagam Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

Kajian semula dan penilaian ke atas kecukupan Piagam Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian dijalankan setiap dua tahun. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Piagam tersebut dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah.

Satu kajian semula terhadap Piagam Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian telah dijalankan pada tahun 2014 dan pindaan tersebut telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Penyataan Tadbir Urus

Piagam ini menghendaki Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Tanggungjawab utama Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian termasuk menyemak semula perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Secara khususnya, Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian akan mengkaji semula rancangan jangka panjang bagi perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan rancangan jangka pendek sekiranya berlaku kekosongan jawatan yang tidak dirancang. Piagam Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian dinyatakan dalam Lampiran di halaman 217.

Ringkasan Aktiviti Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian pada Tahun 2014

Berikut adalah beberapa sorotan utama berkaitan tugas-tugas Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian pada tahun 2014:

- (a) mengkaji semula terma-terma kertas cadangan projek yang mempelawa pembida yang berminat untuk menghantar tender bagi projek perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif;
- (b) memperakui pengemukaan cadangan oleh pembida dan mengkaji semula penilaian yang dibuat oleh jawatankuasa penilaian; dan
- (c) melantik firma berhubung projek perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif.

KEMAJUAN JAWATANKUASA

Kesemua Jawatankuasa mengguna pakai amalan memantau kemajuan mereka berbanding tanggungjawab utama yang terkandung dalam Piagam Jawatankuasa masing-masing pada setiap mesyuarat dan mempertimbangkan pelan tindakan pada masa hadapan.

Pada penghujung setiap tahun, setiap Jawatankuasa mengkaji semula tugas mereka sepanjang tahun tersebut. Di samping itu, Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang menganggotai Jawatankuasa dikehendaki menilai keberkesanan Jawatankuasa. Maklum balas tersebut kemudiannya dibincangkan di peringkat Lembaga Pengarah.

MAKLUMAT LAIN

Komunikasi Pemegang Kepentingan

Polisi Komunikasi Perbadanan menggariskan objektifnya, antara lain, untuk:

- (a) mewujudkan kesedaran dan pemahaman mengenai mandat Perbadanan dengan menyebarkan maklumat yang betul, tepat pada masa dan relevan sebagai respons kepada keperluan pemegang kepentingan dan orang ramai bagi membantu mereka membuat keputusan bermaklumat mengenai simpanan dan pelaburan; dan
- (b) mengalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dengan menyediakan maklumat dan akses kepada orang ramai dan pemegang kepentingan bagi membina kepercayaan dan sokongan.

Ini adalah sejajar dengan mandat PIDM, yang merangkumi objektif untuk menyumbang kepada atau menggalakkan keyakinan orang awam terhadap kestabilan sistem kewangan.

Perbadanan telah menambah baik laman webnya pada tahun 2014 untuk menjadikannya lebih mesra pengguna. Bagi tujuan ketelusan, kami mendedahkan dan menyediakan dalam laman web kami, polisi, amalan dan prosedur utama dalam bidang tadbir urus, etika dan pemerolehan. Laman web kami tersedia dalam empat bahasa utama.

Strategi komunikasi kami juga melibatkan penyebaran bahan maklumat PIDM kepada orang awam. Ini termasuk Rancangan Korporat dan Laporan Tahunan dalam empat bahasa utama. Risalah maklumat kami juga disediakan dalam empat bahasa utama, serta Kadazandusun dan Iban. Maklumat lanjut mengenai inisiatif komunikasi kami boleh didapati di Bahagian 7. PIDM berazam untuk telus dan menyediakan pelaporan berkualiti dalam Laporan Tahunannya. Sejak Laporan Tahunan 2006, Laporan Tahunan PIDM telah diiktiraf dan menerima Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan bagi kecemerlangan dalam pelaporan. Pada tahun 2014, Perbadanan menerima Anugerah "Sijil Merit", anugerah tertinggi yang diberikan dalam kategori bukan senaraian awam, bagi Laporan Tahunan 2013 PIDM.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Kami telah mengguna pakai Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia bagi Entiti Selain Entiti Swasta. Kami mentadbir enam Kumpulan Dana berasingan. Dua Kumpulan Dana ini adalah bagi Sistem Insurans Deposit, satu bagi bank-bank konvensional dan satu lagi bagi bank-bank Islam. Empat lagi Kumpulan Dana adalah bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, iaitu Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga, Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat, Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am dan Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am. Kami menyediakan perakaunan dan laporan bagi kesemua Kumpulan Dana tersebut secara berasingan.

Laporan Lembaga Pengarah bagi penyata kewangan tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014 dan Penyataan Pengarah yang disertakan bersamanya boleh didapati di halaman 107 dan seterusnya.

Penyataan Tadbir Urus

PIDM telah menubuhkan lima subsidiari pada tahun 2012 sebagai sebahagian daripada usahanya untuk memastikan kesediaan operasi untuk menjalankan mana-mana aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Syarikat-syarikat ini kini adalah tidak aktif. Sejar dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari tersebut juga tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Ini adalah kerana Perbadanan yakin bahawa penggabungan penyata kewangan PIDM bersama dengan penyata kewangan subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat bermakna dan pandangan yang tepat dan saksama mengenai kedudukan kewangan dan prestasi PIDM, kerana pendedahan kewangan dan impak ke atas mana-mana intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli hanya akan memberi kesan ke atas Kumpulan Dana tertentu yang melibatkan institusi ahli berkenaan. Tambahan lagi, menurut keperluan Piawaian 10 Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS 10) *Consolidated Financial Statements*, PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemua kriteria yang dikehendaki untuk mempunyai "kawalan" ke atas subsidiarinya, seperti yang ditakrifkan dalam MFRS 10.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Penyataan mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam boleh didapati di halaman 53 Laporan Tahunan ini.

Audit

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Juruaudit Negara mengikut Akta Audit 1957. Dari sudut pandangan operasi, kami mengekalkan hubungan kerjasama dengan juruaudit luaran daripada Jabatan Audit Negara, yang wakilnya dijemput untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sebagai satu kebiasaan, wakil Jabatan Audit Negara akan menerima semua laporan dan dokumentasi Jawatankuasa Audit sebelum mesyuarat Jawatankuasa Audit. Mereka telah menghadiri dua daripada lima mesyuarat Jawatankuasa Audit pada tahun 2014. Fi tahunan mereka boleh didapati di halaman 158 Laporan Tahunan ini.

SISTEM INSURANS DEPOSIT ISLAM DAN SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL

Seperti yang dinyatakan di halaman 36 Penyataan ini, Perbadanan mendapatkan nasihat dan kelulusan daripada Majlis Penasihat Syariah BNM mengenai mana-mana isu Syariah berkaitan dengan operasi Sistem Insurans Deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful. Pengaturan dan ciri-ciri utama operasi Sistem Insurans Deposit Islam dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful telah diluluskan oleh Majlis ini. Premium dan levi yang diperolehi daripada institusi ahli Islam dan takaful diuruskan secara berasingan dan dilaburkan mengikut prinsip Syariah.

Premium dan pendapatan daripada pelaburan dikumpulkan masing-masing dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam atau Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful. Kumpulan Dana ini, bersama Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Insurans, digunakan untuk membiayai aktiviti Perbadanan. Hanya perbelanjaan yang dibenarkan oleh Syariah sahaja boleh dicajkan kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam atau Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful.

Mana-mana lebihan akan digunakan untuk memenuhi obligasi (jika ada) berkenaan dengan deposit Islam yang diinsuranskan atau manfaat takaful yang layak. Sekiranya Perbadanan dikehendaki mengumpul dana daripada Kerajaan dan pasaran, pengaturan pembiayaan sedemikian akan disediakan menurut prinsip Syariah.

PENGURUSAN

Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas pengurusan harian PIDM, yang mana kuasa autoriti beliau tertakluk mengikut Akta PIDM dan huraian jawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Carta organisasi boleh didapati di halaman 23.

Pada tahun 2014, terdapat enam pelantikan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebagai sebahagian daripada usaha berterusan PIDM untuk membangun tenaga kerja, meningkatkan keupayaan dalaman, memperkukuh barisan pelapis dan membangunkan pengganti yang berpotensi untuk memegang jawatan-jawatan kepimpinan utama. Encik Rafiz Azuan Abdullah dan Puan Lim Yam Poh masing-masing telah dilantik sebagai Pengurus Besar Eksekutif, dan Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am. Encik Rafiz sebelum ini merupakan Pengurus Besar, Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko dan Puan Lim sebelum ini ialah Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat. Encik Rafiz bertanggungjawab ke atas Bahagian Insurans, Penilaian dan Pemantauan Risiko, Bahagian Intervensi dan Resolusi Kegagalan, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran serta Bahagian Perancangan Strategik manakala Puan Lim bertanggungjawab ke atas Bahagian Perundangan, Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam, Bahagian Polisi dan Antarabangsa serta Bahagian Sumber Manusia.

Pelantikan lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah adalah Encik Afeiz Abdul Razak sebagai Ketua Pegawai Risiko, Encik Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi sebagai Ketua Audit Dalaman, Puan Noorida Baharuddin sebagai Ketua Pegawai Kewangan dan Puan Lim Lee Na sebagai Setiausaha Korporat.

Pengurusan juga menyediakan surat representasi komprehensif kepada Lembaga Pengarah dan Jabatan Audit Negara sebagai sebahagian daripada audit akhir tahun. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan juga menyediakan akuan berkanun lanjutan bagi penyata kewangan dan kualiti kawalan dalaman. Akuan berkanun tersebut boleh didapati di halaman 112 Laporan Tahunan ini.

Penyataan Tadbir Urus

Akses kepada Rekod dan Maklumat

Para Pengarah mempunyai akses kepada rekod dan maklumat Perbadanan serta kepada Pengurusan. Mereka menerima laporan terperinci secara tetap mengenai aspek kewangan dan operasi urusan dan hal ehwal Perbadanan serta boleh meminta penjelasan lanjut berkenaan dengan laporan tersebut pada bila-bila masa. Mereka juga menerima maklumat terkini yang mempunyai kesan terhadap persekitaran operasi PIDM, dan perkembangan utama dalam hal-hal Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Jawatankuasa-jawatankuasa utama berikut membantu Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan operasi PIDM:

- (a) Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif;
- (b) Jawatankuasa Pengurusan Kanan;
- (c) Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi yang disokong oleh Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi;
- (d) Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti;
- (e) Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat;
- (f) Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan;
- (g) Jawatankuasa Pematuhan Korporat; dan
- (h) Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini memperoleh kuasa mereka daripada Ketua Pegawai Eksekutif. Jangkaan Lembaga Pengarah terhadap Pengurusan dinyatakan secara khusus dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.



PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN



Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini bertujuan untuk menyediakan pemegang kepentingan kami dan pengguna Laporan Tahunan ini dengan maklumat peringkat tinggi yang bermakna mengenai kecukupan dan keadaan terkini sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman PIDM.

PENGENALAN

Penyataan ini disediakan berpandukan Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman – Garis Panduan bagi Pengarah Penerbit Tersenarai (Garis Panduan) yang dikeluarkan pada 31 Disember 2012. Garis Panduan ini memberi panduan kepada syarikat-syarikat bagi mematuhi perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaarian Bursa Malaysia dan Prinsip 6 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang dikeluarkan pada Mac 2012. Sebagai sebuah badan berkanun, tidak ada keperluan bagi PIDM untuk mematuhi garis panduan tersebut. Bagaimanapun, Perbadanan berpegang teguh kepada ketetapan untuk mengikut amalan terbaik dan telah memilih untuk mematuhi.

Penyataan ini menggariskan jenis dan skop sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman PIDM sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan ini.

TADBIR URUS, PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN

Penyataan Tadbir Urus di halaman 35 menerangkan cara Lembaga Pengarah mematuhi 15 piawaian yang digariskan dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah merangkumi amalan terbaik yang diiktiraf dalam tadbir urus korporat.

Penyataan Tadbir Urus menyediakan maklumat mengenai yang berikut:

- rangka kerja tadbir urus yang mana Lembaga Pengarah beroperasi di bawahnya dan termasuk maklumat mengenai Lembaga Pengarah dan struktur Jawatankuasa Lembaga Pengarah, komposisi dan ganjaran, rekod kehadiran, dan kerja yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah;
- penilaian Lembaga Pengarah mengenai pematuhannya terhadap 15 piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah;
- proses penilaian prestasi Lembaga Pengarah bagi menilai keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- proses yang diikuti bagi menentukan kepuasan Lembaga Pengarah terhadap sokongan pihak Pengurusan dari segi kualiti dan ketepatan masa maklumat yang diberikan kepada Lembaga Pengarah, dan mengapa Lembaga Pengarah mendapati ia memuaskan dan boleh diterima; dan
- laporan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, khususnya ringkasan aktiviti setiap Jawatankuasa.

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

PIDM memperakui keberkesanan pengurusan risiko dan kemandapan sistem kawalan dalaman sebagai satu bahagian penting tadbir urus korporat yang baik. Lembaga Pengarah dan Pengurusan memastikan bahawa rangka kerja pengurusan risiko, menerusi rangka kerja dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi PIDM, diterapkan ke dalam budaya, proses dan struktur Perbadanan. Kami memperakui bahawa pengurusan risiko adalah penting kepada pencapaian mandat dan objektif Perbadanan.

Di samping itu, pengurusan risiko disokong oleh persekitaran kawalan mantap yang merangkumi nilai korporat, kod tatalaku dan etika serta polisi dan prosedur yang komprehensif.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PIDM menanda aras rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan Kawalan Dalamannya terhadap amalan terbaik berikut:

- (a) Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM adalah berasaskan dan ditanda aras terhadap amalan terbaik Piawaian bagi Pengurusan Risiko Australia/New Zealand (AS/NZS 4360:2004); Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway (*Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission – COSO*) dalam Pengurusan Risiko Organisasi – Rangka Kerja Bersepadu (2004); dan Pertubuhan Antarabangsa bagi Pempiawaian Pengurusan Risiko – Prinsip dan Garis Panduan (ISO 31000:2009). Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi menggariskan tadbir urus dan struktur, proses, kebertanggungjawaban serta tanggungjawab pengurusan risiko di seluruh Perbadanan. Rangka kerja ini juga memberi Lembaga Pengarah dan Pengurusan satu instrumen untuk membuat unjuran dan mengurus kedua-dua risiko sedia ada dan yang berpotensi, dengan mengambil kira perubahan dalam persekitaran operasi luaran dan dalaman PIDM.
- (b) Rangka Kerja Kawalan Dalaman PIDM diasaskan kepada rangka kerja yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway dalam Kawalan Dalaman – Rangka Kerja Bersepadu. Rangka Kerja Kawalan Dalaman menyediakan Lembaga Pengarah dan Pengurusan dengan instrumen untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang sesuai dan mantap diwujudkan dan dikekalkan. Rangka kerja ini juga membantu Pengurusan dalam melaksanakan penilaian tahunan bagi tahap pematuhan PIDM terhadap kawalan dalaman. Rangka Kerja Kawalan Dalaman merangkumi lima komponen yang saling berkaitan, iaitu persekitaran kawalan, penilaian risiko, aktiviti kawalan, maklumat dan komunikasi serta proses pemantauan berterusan.

Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan PIDM. Lembaga Pengarah memainkan fungsi pengawasan penting dan memastikan Pengurusan mempunyai sistem pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang mantap bagi mengekalkan tadbir urus korporat yang baik dalam PIDM.

Piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah menetapkan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah ke atas kawalan dalaman dan risiko seperti berikut:

- (i) Lembaga Pengarah mesti memastikan bahawa pengurusan risiko yang mantap dijalankan menurut Piawaian 10 mengenai “Risiko Utama”. Lembaga Pengarah, antara lain, akan mendapatkan kefahaman mengenai risiko utama yang dihadapi dalam urusan dan hal ehwal PIDM. Lembaga Pengarah juga memastikan bahawa proses pengurusan risiko yang sesuai dan berkesan untuk mengurus risiko ini telah dilaksanakan.
- (ii) Piawaian 11 mengenai “Kawalan Persekitaran dan Audit Dalam” menyatakan bahawa Lembaga Pengarah akan memastikan bahawa PIDM mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan berhemat operasinya dan risiko yang mempengaruhinya serta mempunyai polisi dan amalan yang berkesan bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan pengurusan sistem maklumat. Piawaian 12 merujuk kepada tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk memperoleh, secara tetap, jaminan yang wajar bahawa Perbadanan berada “dalam kawalan”.
- (iii) Piawaian 13 juga mengemukakan kehendak Lembaga Pengarah berkenaan “Proses Pengurusan Strategik”. Secara khususnya, Lembaga Pengarah akan meluluskan objektif operasi, strategi dan Rancangan Korporat setiap tahun dan menilai secara tetap prestasi Perbadanan berbanding Rancangan yang diluluskan. Tanggungjawab Lembaga Pengarah di bawah Piawaian 13 dipenuhi dengan mengambil kira risiko utama yang boleh menjejaskan pencapaian Rancangan Korporat dan objektif PIDM.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas pengawasan risiko utama PIDM dan menitikberatkan pengurusan risiko sebagai satu bahagian penting operasi dan proses Perbadanan. Lembaga Pengarah juga memperakui bahawa sistem kawalan dalaman yang mantap memastikan pencapaian objektif korporat PIDM tidak terjejas, operasi urusan PIDM yang berkesan dan cekap, pelaporan kewangan yang andal, pematuhan ketat terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai serta perlindungan aset PIDM yang wajar. Lembaga Pengarah memperakui sistem kawalan dalaman PIDM yang direka bentuk oleh Pengurusan adalah bertujuan untuk mengurus dan mengurangkan risiko, dan bukannya untuk menyingkirkan sama sekali risiko yang boleh memberi impak kepada pencapaian mandat berkanun dan objektif berkanun PIDM.

Semakan terhadap keberkesanan, integriti dan kecukupan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman PIDM merupakan satu proses bersepadu dan berterusan. Proses ini melibatkan Jawatankuasa Audit, Pengurusan, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dan juruaudit luaran PIDM.

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

Jawatankuasa Audit

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit termasuk yang membabitkan risiko yang ditetapkan dalam Piagamnya di halaman 212. Tanggungjawab Lembaga Pengarah berkaitan dengan pengurusan risiko dan kawalan dalaman masing-masing disokong oleh Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan.

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit memantau kesemua aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi. Piagam Jawatankuasa Audit menyatakan, antara lain, bahawa Jawatankuasa Audit akan memastikan terdapat Polisi Risiko Lembaga Pengarah yang mantap, serta prosedur dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi dilaksanakan untuk mengurus risiko utama PIDM. Jawatankuasa Audit, dengan cadangan Pengurusan, mengkaji semula dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai Polisi Risiko Lembaga Pengarah PIDM dan mengkaji semula polisi berkenaan secara tetap (sekurang-kurangnya setiap tiga tahun) bagi memastikan polisi tersebut kekal sesuai dan relevan.

Jawatankuasa Audit juga menasihati Lembaga Pengarah berkenaan isu-isu perakaunan dan kawalan dalaman serta pelaporan dan pengurusan kewangan. Butiran lanjut mengenai peranan pemantauan Jawatankuasa Audit ke atas pelaporan dan pengurusan kewangan terdapat dalam Penyataan Tadbir Urus di halaman 47.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab ke atas pemantauan kerja Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan serta bagi prestasi dan pemantauan terhadap Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalam. Jawatankuasa Audit mesti memastikan bahawa kedua-dua Bahagian tersebut mempunyai sumber yang mencukupi dan berkelayakan untuk memenuhi peranan mereka. Ketua Pegawai Eksekutif akan menjalankan penilaian prestasi tahunan Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalam dan mengemukakan penilaian beliau kepada Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit akan membuat penilaian akhir terhadap prestasi Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalam dengan perundingan bersama Ketua Pegawai Eksekutif. Pengerusi Jawatankuasa Audit mesti dirujuk sebelum pelantikan Ketua Pegawai Risiko atau Ketua Juruaudit Dalam, serta mengenai penamatan khidmat mereka, dan mengendalikan temuduga pelantikan dan pemberhentian kerja mereka. Pelantikan Ketua Pegawai Risiko dan Ketua Juruaudit Dalam juga mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Pengurusan

Ketua Pegawai Eksekutif memperoleh kuasanya daripada Akta PIDM serta huraian jawatan dan Matriks Autoriti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab terhadap Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan tanggungjawabnya dan beliau bukan seorang Ahli Lembaga Pengarah.

Organisasi yang diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan disokong oleh dua Pengurus Besar Eksekutif, terdiri daripada 11 Bahagian yang bertanggungjawab ke atas operasi harian PIDM. Mekanisma semak dan imbang yang bersesuaian telah dilaksanakan dalam PIDM, melalui pewujudan hubungan pelaporan yang sesuai. Bahagian-bahagian operasi melapor terus kepada Pengurus Besar Eksekutif dan seterusnya, kepada Ketua Pegawai Eksekutif, dan Bahagian-bahagian bebas seperti Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan, Pengurusan Risiko Organisasi serta Sekretariat Korporat melapor terus kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit.

Ketua Pegawai Eksekutif memenuhi tanggungjawabnya dengan menyediakan kepimpinan dan hala tuju. Beliau memastikan struktur organisasi PIDM dibahagikan dengan sesuai mengikut fungsi, dan memastikan kuasa dan tanggungjawab diperuntukkan dengan sewajarnya. Ini membolehkan kakitangan di peringkat wajar Perbadanan membuat keputusan dan bertanggungjawab bagi prestasi mereka mengikut Petunjuk Prestasi Utama yang diluluskan. Matriks Autoriti PIDM merupakan satu lagi dokumen kawalan utama yang menetapkan secara rasmi peruntukan kuasa. Matriks Autoriti PIDM merupakan dokumen komprehensif yang meringkaskan peruntukan kuasa strategik dan operasi Pengurusan seperti yang digariskan dalam Akta PIDM serta polisi dan prosedur korporat dan operasi PIDM.

Jawatankuasa Pengurusan seperti Majlis Eksekutif terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus-Pengurus Besar Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Kanan, Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat (IT), Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Pematuhan Korporat telah ditubuhkan untuk menyediakan input, pandangan dan maklumat mengenai perkara-perkara strategik atau operasi kepada bahagian atau jabatan yang bertanggungjawab bagi fungsi urusan tertentu, serta untuk menyokong Pengurusan dalam memantau pembangunan dan pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dikenal pasti dalam Rancangan Korporat. Rujuk kepada Bahagian 1 untuk butiran carta organisasi PIDM.

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi

Piagam Pengurusan Risiko Organisasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah memperincikan keperluan tanggungjawab, kuasa dan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi serta kakitangan Perbadanan berhubung dengan pengurusan risiko. Piagam ini tertakluk kepada kajian semula secara berkala (sekurang-kurangnya setiap tiga tahun) untuk memastikannya kekal terkini dan relevan. Piagam Pengurusan Risiko Organisasi yang dikemas kini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2014.

Struktur pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi menyatakan kebertanggungjawaban dan tanggungjawab yang jelas bagi amalan dan proses pengurusan risiko. Ini memastikan bahawa aktiviti-aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan menurut kecenderungan risiko PIDM.

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi memberikan nasihat bebas, memantau dan menyenggara rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi, menggalakkan pengurusan berkesan bagi semua kategori risiko serta memupuk pewujudan dan amalan budaya risiko yang berkesan di seluruh PIDM. Ketua Pegawai Risiko, sebagai Ketua Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan penyenggaraan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi membantu dan menyediakan maklumat kepada Jawatankuasa Audit mengenai semua aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan hasil proses Pengurusan Risiko Organisasi (iaitu untuk mengenal pasti, menilai, menaksir, menangani, memantau dan memaklumkan risiko utama yang menjejaskan PIDM).

Ketua Pegawai Risiko menyediakan laporan tetap kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit mengenai risiko-risiko utama yang menjejaskan PIDM dan cara risiko tersebut diuruskan. Bagi memenuhi tanggungjawabnya dengan berkesan, Ketua Pegawai Risiko perlu bebas memainkan peranannya. Oleh yang demikian, Ketua Pegawai Risiko melapor, dari segi fungsi, kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan dari segi pentadbiran, kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Ketua Pegawai Risiko perlu mempunyai akses tanpa had kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga bertindak sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi. Ketua Pegawai Risiko merupakan seorang ahli *ex officio* kedua-dua Jawatankuasa berkenaan. Sebagai sekretariat, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi bertanggungjawab bagi pembangunan, pelaksanaan dan penyenggaraan polisi dan prosedur Pengurusan Risiko Organisasi PIDM. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi menyokong Pengurusan dengan memberikan nasihat mengenai aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi, menyediakan penilaian keupayaan Pengurusan Risiko Organisasi PIDM dan memberi cadangan yang sesuai bagi penambahbaikan, jika diperlukan.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi berfungsi sebagai sebuah jawatankuasa pengurusan dan menyediakan pengawasan dan hala tuju bagi pelaksanaan dan penggunaan pakai secara konsisten Polisi dan Prosedur Pengurusan Risiko Organisasi. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi juga menerajui, mengurus dan memantau aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi pada peringkat keseluruhan organisasi. Di setiap mesyuarat, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi mempertimbangkan sama ada terdapat sebarang perkara penting yang memerlukan tindakan dan yang perlu dibawa kepada perhatian Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dipengerusikan oleh Pengurus Besar Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif merupakan ahli *ex officio* Jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi, yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar Bahagian Perancangan Strategik, menyokong Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dalam memudahcara dan menyelaraskan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan perancangan strategik berkaitan di peringkat operasi di seluruh PIDM. Ini termasuk mengemas kini penilaian risiko dan status pelan tindakan risiko bahagian-bahagian berkenaan.

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan membantu Lembaga Pengarah dalam pematuhan terhadap Piawaian 11 dan 12 dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dengan menyokong peranan pengawasan Jawatankuasa Audit.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan mempunyai tanggungjawab bagi struktur yang bersesuaian dan operasi sistem kawalan dalaman yang berkesan. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan pula memainkan peranan penting dalam menentusahkan dan mengesahkan sama ada Pengurusan telah memenuhi tanggungjawabnya dan sekiranya kawalan dalaman dipatuhi. Ini dijalankan dengan menilai kawalan, pengurusan risiko, proses urusan dan tadbir urus serta memantau sama ada Pengurusan telah melaksanakan sebarang pelan tindakan yang dipersetujui selaras dengan cadangan untuk penambahbaikan dalam kawalan, pengurusan risiko, proses urusan dan tadbir urus. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyediakan laporan terkini dua kali setahun mengenai status pelaksanaan penambahbaikan yang disyorkan kepada Jawatankuasa Audit.

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan telah mengkaji semula dan membuat pengukuhan kepada pendekatan berasaskan risiko dalam perancangan dan pelaksanaan audit untuk memperkukuh keberkesannya sebagai sebuah fungsi audit. Proses perancangan audit Bahagian ini terus menyepadukan kedua-dua proses perancangan strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi. Aktiviti audit dan perundingan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi tempoh perancangan ditetapkan berdasarkan profil risiko, keutamaan dan tempoh masa pembangunan dan pelaksanaan inisiatif korporat seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat.

Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan melaksanakan penilaian bebas ke atas keberkesanan rangka kerja, kaedah, sistem, polisi dan proses Pengurusan Risiko Organisasi menurut kitaran kekerapan audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dengan itu, ia memberi jaminan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah bahawa Perbadanan mempunyai program Pengurusan Risiko Organisasi yang berkesan.

Sepanjang tahun 2014, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga telah memenuhi permintaan dalaman bagi khidmat perundingan dan nasihat. Ini adalah selaras dengan mandat dan tanggungjawab Bahagian. Sebahagian besar kerja audit oleh setiap kakitangan dalam Bahagian ini telah dirancang dan diperuntukkan bagi memberikan khidmat perundingan dan nasihat kepada pelbagai jawatankuasa kerja dalaman, pasukan petugas dan setiap bahagian yang berkaitan dengan projek PIDM atau inisiatif Rancangan Korporat PIDM.

Pada tahun 2014, Jawatankuasa Audit terus mengkaji semula keseluruhan prestasi dan operasi Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dua kali setahun. Ini adalah untuk memastikan bahawa Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terus berfungsi dengan berkesan dan prestasinya dipantau dan dinilai menurut aktiviti audit dan perundingan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tahun tersebut.

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

Kakitangan PIDM

Pengurusan Risiko Organisasi adalah tanggungjawab semua dan setiap kakitangan PIDM hendaklah menyokong pengurusan risiko yang berkesan dan sistem kawalan dalaman yang mantap. Kakitangan perlu mengurus dan melaporkan risiko daripada sumbernya.

Pengurusan terus menggalakkan budaya pengurusan risiko dan kawalan dalaman, dengan menekankan latihan dan kesedaran mengenai nilai-nilai, penggunaan pakai dan pematuhan terhadap Kod Tatalaku dan Etika Urusan serta Kod Konflik Kepentingan, dan menghendaki pengisytiharan tahunan aset dan liabiliti peribadi daripada semua kakitangan. Program orientasi kakitangan baharu diaturkan oleh Bahagian Sumber Manusia untuk memperkenalkan dan membimbing kakitangan baharu mengenai struktur, amalan kerja, budaya, serta polisi dan prosedur PIDM. Satu ujian pematuhan tahunan telah dilaksanakan bagi memastikan bahawa semua kakitangan sedar tentang polisi utama mengenai kod tatalaku dan etika, konflik kepentingan, Polisi dan Prosedur bagi Pendedahan Awam Maklumat dan Polisi Klasifikasi Maklumat.

Pengurusan menekankan nilai-nilai korporat melalui aktiviti-aktiviti berkaitan kakitangan yang dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia seperti program latihan dalaman mengenai kesihatan dan keselamatan dan aktiviti yang melibatkan kakitangan. Polisi, prosedur, kawalan dan program yang sesuai telah dilaksanakan bagi memastikan kebajikan, keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kakitangan.

Pengurusan juga mengalu-alukan cadangan daripada kakitangan mengenai cara-cara untuk meningkatkan produktiviti, kualiti atau penambahbaikan lain yang serupa. Satu tinjauan kepuasan kerja kakitangan dijalankan setiap dua tahun bagi menilai tahap kepuasan dan penglibatan kakitangan serta menyediakan peluang kepada kakitangan untuk menyuarakan pandangan mereka secara rahsia mengenai kelebihan bekerja di PIDM dan aspek-aspek yang boleh ditambah baik.

Di samping itu, satu tinjauan peringkat Korporat telah dilaksanakan dalam kalangan semua kakitangan bagi mengetahui keberkesanan perkhidmatan yang disediakan oleh setiap bahagian kepada kakitangan di bahagian lain. Hasil tinjauan 2014 menunjukkan bahawa semua bahagian memenuhi Petunjuk Prestasi Utama dengan indeks kepuasan sebanyak 75%. Keputusan tinjauan telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif pada awal tahun 2015 bagi membolehkan Pengurusan mempertimbangkan cadangan yang diperolehi daripada tinjauan tersebut.

Pengurusan memperakui bahawa akses kepada maklumat yang tepat pada masanya adalah penting bagi melaksanakan amalan dan kawalan pengurusan risiko yang mantap untuk menambah baik proses dan operasi urusan. Sehubungan ini, Pengurusan memastikan bahawa terdapat saluran komunikasi yang sesuai dan mencukupi untuk semua kakitangan. Satu program pematuhan komprehensif telah disediakan bagi memastikan bahawa kakitangan mematuhi polisi dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan aliran maklumat serta akses kepada maklumat dalam PIDM dan kepada pihak luar.

Juruaudit Luaran

Jabatan Audit Negara bertindak sebagai juruaudit luaran PIDM, seperti yang dinyatakan dalam Akta PIDM. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan serta Jabatan Audit Negara menyelaraskan kerja audit masing-masing untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan prestasi audit dan hasil kerja. Wakil daripada Jabatan Audit Negara dijemput hadir ke semua mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Negara diberikan satu salinan agenda dan laporan Jawatankuasa Audit. Jabatan Audit Negara juga mempunyai akses kepada semua laporan audit yang disediakan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan.

Di samping audit kewangan tahunan, Jabatan Audit Negara menjalankan audit kebertanggungjawaban pengurusan terhadap PIDM setiap tiga tahun sekali. Objektif audit pengurusan adalah untuk menilai dan memberi penarafan kepada keberkesanan struktur dan proses tadbir urus, sistem dan pengurusan kewangan serta pelaksanaan polisi utama dan prosedur operasi. Audit kebertanggungjawaban pengurusan yang terkini ke atas PIDM telah dijalankan dari bulan Julai hingga September 2014, yang mana PIDM telah diberi penarafan "Baik" pada keseluruhannya.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh juruaudit luaran ditangani dengan segera oleh Pengurusan. Kemajuan yang dibuat oleh Pengurusan untuk menangani isu tersebut dipantau dan dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit dua kali setahun.

ELEMEN BAGI SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN YANG MANTAP

Pengurusan Risiko

Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM mengguna pakai pendekatan yang berstruktur dan bersepadu untuk pengurusan risiko utama dan melibatkan pengenalpastian dan penilaian risiko yang boleh menjejaskan pencapaian objektif Perbadanan, penggubalan pelan tindakan serta memantau dan melaporkan risiko secara tetap.


Piagam Pengurusan Risiko Organisasi, Polisi Pengurusan Risiko Organisasi, Prosedur Pengurusan Risiko Organisasi serta Polisi Risiko Lembaga Pengarah dikemas kini secara tetap bagi memastikannya kekal relevan dan terkini, dan disediakan kepada semua kakitangan dengan tujuan memperuntukkan pendekatan yang konsisten berkaitan risiko. Komitmen kakitangan dan Pengurusan ke arah proses pengurusan risiko sentiasa diutamakan dan diperkukuhkan melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi, bengkel kerja penilaian risiko dan sesi taklimat bagi kakitangan.

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi masing-masing bermesyuarat sebanyak empat kali pada tahun 2014 untuk membincangkan dan menentukan pelbagai perkara yang berkaitan dengan risiko, termasuk pengenalan risiko baharu atau baru muncul yang boleh menjejaskan pencapaian objektif dan inisiatif Perbadanan. Selain itu, Ketua Pegawai Risiko juga kerap memberi laporan terkini kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit serta mendapatkan panduan dan kelulusan mereka mengenai perkara Pengurusan Risiko Organisasi sepanjang tahun.

Proses Tahunan Pengurusan Risiko Organisasi

Pada tahun 2014, Pengurusan menyempurnakan satu lagi kitaran lengkap proses Pengurusan Risiko Organisasi, iaitu mengenal pasti, menaksir, menilai, menangani, memantau, melapor dan memaklumkan risiko yang dihadapi oleh Perbadanan. Aktiviti utama proses Pengurusan Risiko Organisasi tahunan diringkaskan dalam gambar rajah seperti berikut:



Sesi kesedaran Pengurusan Risiko Organisasi telah dijalankan pada bulan Februari 2014 kepada ahli Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi untuk membantu mengekalkan budaya kesedaran risiko dan menggalakkan kefahaman tentang kepentingan pengurusan risiko dalam kalangan kakitangan.

Peringkat pertama proses tahunan Pengurusan Risiko Organisasi adalah untuk menetapkan objektif dan menentukan kecenderungan risiko PIDM bagi tujuan penilaian risiko. Semasa peringkat "pewujudan konteks", objektif dan parameter risiko PIDM dikaji semula oleh Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi bagi memastikannya kekal terkini dan relevan.

Satu aspek penting proses Pengurusan Risiko Organisasi tahunan ialah hasil daripada bengkel kerja penilaian risiko. Pada tahun 2014, bengkel-bengkel kerja penilaian risiko bahagian atau jabatan yang berasingan untuk 14 bahagian dan jabatan telah dijalankan dari bulan Mac hingga April 2014 dan Bengkel Kerja Penilaian Risiko peringkat Korporat diadakan pada bulan Mei 2014.

Berikutan bengkel kerja penilaian risiko peringkat bahagian dan Korporat, Laporan Risiko Lembaga Pengarah Pengurusan Risiko Organisasi Peringkat Korporat telah dibangunkan, termasuk daftar risiko yang mengandungi huraian dan penilaian terperinci mengenai semua risiko PIDM serta kawalan dan pelan tindakan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

Oleh sebab penaksiran dan penilaian risiko merupakan sebahagian penting daripada kitaran perancangan strategik tahunan, keputusan penilaian risiko Pengurusan Risiko Organisasi dibentang dan dibincangkan ketika Bengkel Kerja Perancangan Strategik bagi Pengurusan Kanan pada bulan Jun 2014 untuk menentukan keutamaan inisiatif. Pelan tindakan dan inisiatif utama yang telah dibangunkan untuk menangani risiko utama terkandung dalam Rancangan Korporat 2015 - 2017.

Polisi Risiko Lembaga Pengarah dan Laporan Risiko Lembaga Pengarah peringkat Korporat

Polisi Risiko Lembaga Pengarah menjelaskan fungsi pengawasan Lembaga Pengarah berhubung dengan risiko tertentu dan harapan Lembaga Pengarah daripada Pengurusan dalam menyokong mereka.

Laporan Risiko peringkat Korporat Lembaga Pengarah menggariskan kawalan, proses dan pengawasan Pengurusan terkini yang sedia ada dalam menguruskan kategori risiko masing-masing. Ketua Pegawai Risiko juga menyediakan penilaian bebas keseluruhan dan kesimpulan bagi setiap kategori risiko, seperti yang dihuraikan dalam Polisi Risiko Lembaga Pengarah, dalam Laporan Risiko Lembaga Pengarah peringkat Korporat.

Di samping itu, Laporan Risiko Lembaga Pengarah peringkat Korporat menyediakan Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah dengan pelan tindakan awal risiko utama yang dirancang untuk mengurangkan risiko lebih bagi setiap kategori atau kategori subrisiko.

Keberkesanan Polisi dan Amalan Pengurusan Risiko Organisasi

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi telah membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi bagi membolehkan Pengurusan mengukur keberkesanan program dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi. Rangka kerja ini dibangunkan untuk meningkatkan keupayaan Pengurusan Risiko Organisasi PIDM, yang akan membantu mengenal pasti ciri-ciri yang akan menjadikan amalan Pengurusan Risiko Organisasi lebih berkesan, boleh diukur dan menyediakan PIDM dengan pelan hala tuju untuk penambahbaikan berterusan. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi terus mengkaji semula dan mengemas kini Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi dan melaksanakan penilaian dalaman berkenaan keberkesanan amalan Pengurusan Risiko Organisasi. Keputusan penilaian tersebut adalah positif dan menunjukkan bahawa Perbadanan mempunyai amalan Pengurusan Risiko Organisasi yang berkesan dan dibangunkan dengan baik. Keputusan ini kemudiannya dibentangkan di Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Audit pada tahun 2014.

Pelan Kesenambungan Urusan

Satu Latihan Simulasi Pelan Kesenambungan Urusan dijalankan setiap tahun sebagai persediaan kepada kakitangan dengan bencana sebenar dan mengenal pasti aspek-aspek bagi penambahbaikan.

Pada tahun 2014, Perbadanan telah menjalankan dengan jayanya Latihan Simulasi Pelan Kesenambungan Urusannya, yang memberi tumpuan kepada pengujian *call-tree* pada suku tahun keempat yang telah dijalankan tanpa pengumuman dan secara "mengejut". *Call-tree* tersebut bertindak sebagai sokongan kepada sistem pemakluman kecemasan automatik.

Profil Risiko Korporat PIDM bagi Tahun 2014

Susulan penyempurnaan aktiviti penilaian risiko Pengurusan Risiko Organisasi pada tahun 2014, Pengurusan telah mengenal pasti dan mengurus risiko-risiko utama yang boleh menghalang Perbadanan daripada mencapai objektifnya. Berpandukan penilaian terhadap lima kategori risiko, Pengurusan telah membuat kesimpulan bahawa tiga kategori risiko boleh diterima manakala dua lagi kategori risiko boleh diurus.

Huraian risiko serta pelan tindakan risiko utama serta inisiatif yang dicadangkan untuk menangani lima kategori risiko tersebut adalah seperti berikut:

- (a) **Risiko Kewangan boleh diterima dan dalam arah aliran yang stabil.** Portfolio pelaburan Perbadanan, dilaburkan menurut Polisi Pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan berupaya untuk memenuhi keperluan tunai operasi yang berterusan. Menurut Akta PIDM, Menteri Kewangan, atas permintaan Perbadanan, boleh meminjamkan wang atau menyediakan dana kepada Perbadanan. Perbadanan juga akan mencari alternatif lain untuk mengumpul dana.
- (b) **Risiko Insurans boleh diurus dan dalam arah aliran yang menurun.** Perbadanan terus menilai dan memantau keadaan kewangan dan profil risiko setiap institusi ahli dan industri, serta tidak menjangka untuk melaksanakan mana-mana tindakan intervensi dan resolusi kegagalan dalam tempoh perancangan. Bagaimanapun, Perbadanan terus meningkatkan kesediaan operasi intervensi dan resolusi kegagalan dan meminimumkan halangan kepada tindakan resolusi yang berkesan. Perbadanan akan membangun dan melaksanakan secara bersama dengan BNM, peraturan Pelan Pemulihan dan Resolusi yang berkesan dan mantap. Perbadanan juga menjalankan kajian semula berterusan bagi mengukuhkan Akta PIDM dan perundangan subsidiari dan telah mencadangkan pindaan kepada Akta PIDM, yang telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara.

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

- (c) **Risiko Operasi boleh diterima dan dalam arah aliran yang menurun.** Bidang tumpuan utama PIDM berkaitan dengan risiko kakitangan adalah untuk mempunyai kakitangan yang sesuai dengan jawatannya. Perbadanan secara berterusan menjalankan inisiatif untuk mengukuhkan kepakaran teknikal kakitangannya dengan memberi mereka pelbagai latihan serta latihan simulasi dan lawatan sambil belajar. Perancangan pengurusan penggantian juga dijalankan dan pengganti yang berpotensi dalam bahagian atau jabatan telah dikenal pasti. Keseimbangan kerja dan kehidupan juga ditekankan yang mana kakitangan digalakkan untuk menggunakan kelayakan cuti dan mengambil cuti wajib. Berkenaan dengan Risiko Maklumat, Perbadanan telah mengeluarkan Polisi Klasifikasi Maklumat dan amalan untuk mengklasifikasi maklumat berpandukan sensitiviti dan kepentingannya.
- (d) **Risiko Reputasi boleh diurus dan dalam arah aliran menurun.** Perbadanan terus memberi tumpuan untuk meningkatkan kesedaran awam dan kefahaman mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan Perbadanan melalui program kesedaran awam pelbagai tahun dan inisiatif pendidikan. Berkenaan dengan interaksi kepada pemegang kepentingan, Perbadanan terus menjalankan sesi taklimat untuk pelbagai pemegang kepentingan termasuk institusi ahli, agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi dan orang awam. Di peringkat antarabangsa, pembabitan aktif PIDM dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*) dan (*International Forum of Insurance Guarantee Schemes - IFIGS*) terus meningkatkan kedudukannya dalam industri sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumer kewangan dengan amalan terbaik.
- (e) **Risiko Strategik dan Tadbir Urus boleh diterima dan dalam arah aliran menurun.** Kemampanan jangka panjang merupakan tumpuan utama bagi Perbadanan. Kami terus memberi tumpuan untuk mempunyai tadbir urus yang mantap dan amalan pengurusan yang berkesan. Keberkesanan Lembaga Pengarah Perbadanan telah diberi penarafan “Kukuh” oleh penasihat bebas yang menjalankan penilaian pada tahun 2013. Melangkah ke hadapan, hubungan baik dengan pemegang kepentingan akan diperkukuhkan melalui pelbagai langkah yang akan diambil.

Kawalan Dalaman

Kajian Semula Tahunan Pematuhan PIDM terhadap Kawalan Dalaman

Pengurusan telah menjalankan kajian semula tahunan pematuhan PIDM terhadap kawalan dalaman menjelang akhir tahun kewangan menurut keperluan Rangka Kerja Kawalan Dalaman PIDM, yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit untuk pelaksanaan pada bulan Januari 2008.

Kajian semula tersebut dijalankan dengan menggunakan instrumen penilaian yang disyorkan dalam Rangka kerja COSO. Instrumen ini adalah bertujuan untuk memberi panduan dan sokongan dalam menilai sistem kawalan dalaman dan pematuhan PIDM, dengan tumpuan kepada lima komponen yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Kawalan Dalaman.

Bagi tahun dalam tinjauan, keputusan penilaian kawalan dalaman yang menggunakan lima komponen Rangka Kerja Kawalan Dalaman dan subkomponen masing-masing menunjukkan bahawa, secara keseluruhannya, Pengurusan telah memastikan bahawa kawalan dalaman yang mantap dalam Perbadanan telah diwujudkan dengan penekanan kepada yang berikut:

- amalan baik dalam tadbir urus korporat dengan tanggungjawab pengawasan Lembaga Pengarah yang berkesan terhadap reka bentuk, pelaksanaan dan tatalaku pengurusan risiko dan kawalan dalaman Pengurusan;
- kepimpinan yang berkesan dan kukuh dengan rancangan sedia ada bagi pengurusan penggantian dan pewujudan pemimpin baharu;
- komitmen terhadap etika serta nilai dan budaya korporat yang dikongsi yang ditafsirkan dalam polisi dan prosedur PIDM mengenai tatalaku dan etika urusan serta difahami di semua peringkat PIDM dan oleh pemegang kepentingan, penyedia perkhidmatan dan rakan strategik;
- persekitaran korporat yang kondusif yang menekankan kebertanggungjawaban melalui pengukuran prestasi mantap yang bersesuaian bagi tanggungjawab di semua peringkat, dan menunjukkan dimensi prestasi yang sesuai serta piawaian tatalaku yang dijangka bagi mencapai matlamat dan sasaran korporat; dan
- perlindungan wajar aliran maklumat sulit PIDM melalui saluran komunikasi dalaman atau melalui komunikasi dengan pihak luar dengan menggunakan kaedah komunikasi yang mengambil kira audiens, jenis komunikasi, ketepatan masa, kos dan keperluan perundangan atau pengawalseliaan.

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

Teknologi Maklumat (IT)

PIDM tidak diklasifikasikan sebagai entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Kebangsaan dan oleh yang demikian, pensijilan ISO/IEC³ adalah tidak diwajibkan. Walau bagaimanapun, pensijilan tersebut akan memberikan jaminan kepada pemegang kepentingan Perbadanan berhubung dengan keselamatan maklumat yang diterima dan dikeluarkan oleh PIDM.

Rangka Kerja Keselamatan Maklumat Korporat telah diluluskan pada bulan Ogos 2014 dan kesediaan ke arah pensijilan adalah dirancang secara berperingkat bermula pada tahun 2015.

PIDM terus menganjurkan latihan tahunan kesedaran keselamatan IT untuk semua kakitangan bagi mengukuhkan lagi kepentingan keselamatan maklumat dalam fungsi dan proses kritikal urusan.

Kesinambungan Urusan dan Pemulihan Bencana

PIDM berusaha agar sentiasa bersedia untuk beroperasi. Sehubungan ini, Tapak Pemulihan Bencana sementara PIDM telah beroperasi sepenuhnya pada bulan September 2011. Kekukuhan pelan, polisi, prosedur dan kemudahan Pelan Kesenambungan Urusan dan Pelan Pemulihan Bencana PIDM telah diuji pada tahun 2011, 2012 dan 2013 sebagai persediaan kepada kakitangan terhadap sesuatu bencana. Pada bulan November 2014, latihan ujian simulasi Pelan Kesenambungan Urusan yang memberi tumpuan kepada pengujian *call-tree* Perbadanan telah dijalankan.

Pembinaan Pusat Pemulihan Bencana kekal bagi PIDM telah bermula pada bulan Ogos 2014. Oleh sebab projek ini membabitkan pelaburan yang tinggi dan berpotensi mendedahkan Perbadanan kepada risiko, Pengurusan dan Ketua Juruaudit Dalam menyediakan laporan terkini mengenai kemajuan projek tersebut bersama dengan laporan khidmat perundingan bebas, kepada Jawatankuasa Audit pada setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit. Seterusnya pada tahun 2015, pelaporan kepada Jawatankuasa Audit akan dibuat dua kali setahun sehingga projek disempurnakan pada tahun 2016.

Sistem, Polisi, Amalan dan Proses Utama

Pada tahun 2014, sistem, polisi, amalan dan proses utama berikut telah diwujudkan sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman PIDM:

- Polisi dan prosedur korporat dan operasi PIDM yang perlu dikaji semula pada tahun 2014 telah dikemas kini sejajar dengan perubahan kepada keperluan operasi, urusan serta perundangan dan pengawalseliaan, yang mana berkaitan. Jabatan Organisasi dan Kaedah terus memantau polisi dan prosedur yang tertangguh dan mengawasi penyeragaman, pemusatan dan penyepaduan polisi dan prosedur utama dan operasi. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terlibat dalam kajian semula polisi dan prosedur bagi memastikan elemen penting dan perkara berkenaan pengurusan risiko dan kawalan dalaman diterapkan dalam polisi dan prosedur ini. Kawalan utama yang direka bentuk sebagai langkah pencegah penipuan terkandung dalam beberapa polisi dan prosedur korporat dan operasi utama.
- PIDM terus memantapkan sistem operasi terasnya, Sistem Maklumat Sumber Manusia dan Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan. Pada tahun 2014, modul Sistem Maklumat Sumber Manusia berkenaan penggajian, tuntutan manfaat, pelantikan kakitangan dan biasiswa telah disepadukan dengan Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan. Modul Sistem Maklumat Sumber Manusia yang lain yang telah siap termasuk pengambilan tenaga kerja, hubungan industri, perancangan pengurusan penggantian, pengurusan kecekapan dan prestasi keseluruhan.
- Dasar Pelaburan PIDM menetapkan garis panduan utama bagi PIDM untuk menjalankan aktiviti pelaburannya dalam parameter keperluan Akta PIDM. Sejajar dengan mandat PIDM, objektif pelaburan utama Dasar Pelaburan adalah memelihara modal pelaburan dan penyelenggaraan aset cair. Pada bulan Mei 2014, Dasar Pelaburan telah disemak semula untuk memperluaskan parameter pelaburan untuk merangkumi sekuriti gred pelaburan yang tinggi (yang dijamin kerajaan atau dengan minimum satu penarafan AAA) yang dikeluarkan oleh entiti berkaitan kerajaan.
- Prosedur Tender telah diwujudkan untuk menggariskan keperluan minimum bagi proses tender sejajar dengan objektif yang ditetapkan dalam Polisi Pemerolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar. Pada bulan September 2014, Prosedur Tender telah disemak semula untuk menggabungkan penambahbaikan kepada struktur tadbir urus serta ketelusan dalam proses tender. Pada masa yang sama, Polisi Pemerolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar juga telah dikaji dan disemak semula untuk meningkatkan kejelasan keseluruhan proses pemerolehan.
- Pemilihan polisi dan prinsip perakaunan PIDM adalah selaras dengan keperluan undang-undang dan piawaian yang diguna pakai serta polisi dan prinsip ini diguna pakai secara konsisten. Rundingan dengan pakar-pakar industri mengenai penggunaan pakai piawaian dan polisi perakaunan baharu terus dijalankan setiap tahun bagi memastikan bahawa penggunaan pakai polisi perakaunan baharu PIDM berikutan daripada piawaian perakaunan baharu atau penggunaan instrumen kewangan tertentu adalah selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan prinsip-prinsip Syariah.

³ Piawaian keselamatan maklumat diterbitkan oleh Organisasi Piawaian Antarabangsa (*International Organisation for Standardization – ISO*) dan oleh Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa (*International Electrotechnical Commission – IEC*)

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman

- Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan PIDM untuk kesediaan beroperasi dalam menjalankan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan terhadap institusi ahli bermasalah, satu lintas semak mengenai Sistem Pembayaran Balik bagi Sistem Insurans Deposit dan sesi latihan mengenai “Resolusi Syarikat Insurans, Perspektif Kanada”, telah dijalankan pada tahun berkenaan.

KAJIAN SEMULA LEMBAGA PENGARAH TERHADAP SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah mengkaji semula keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM berdasarkan laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan, dan kajian semulanya termasuk yang berikut:

- Sebagai amalan, Lembaga Pengarah mempertimbangkan laporan pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara berkala. Ini termasuk laporan semakan semula penyata kewangan PIDM oleh Jawatankuasa Audit; pematuhannya terhadap undang-undang dan etika serta keberkesanan kawalan yang terdapat dalam sistem atau proses yang diaudit oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan; laporan daripada Jawatankuasa Ganjaran mengenai pematuhan terhadap polisi utama dan undang-undang yang berkaitan modal insan; serta laporan daripada Jawatankuasa Tadbir Urus mengenai pematuhan terhadap polisi tadbir urus utama.
- Lembaga Pengarah mempertimbangkan, pada setiap suku tahun:
 - (i) laporan kewangan PIDM;
 - (ii) penggunaan sumber berbanding bajet yang diluluskan;
 - (iii) pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan laporan terkini mengenai risiko PIDM dan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko utama; dan
 - (iv) laporan terkini dan kemajuan prestasi keseluruhan Pengurusan terhadap inisiatif dan sasaran diluluskan yang ditetapkan dalam Rancangan Korporat, serta penilaian Pengurusan terhadap faktor dalaman dan luaran yang boleh menjejaskan kemajuan Rancangan Korporat tersebut.
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempertimbangkan kemajuan terhadap Piagam Jawatankuasa masing-masing secara tetap, dan pelan tindakan yang dicadangkan oleh Pengurusan untuk menyokong Jawatankuasa dalam memenuhi tanggungjawab utamanya. Hasil pertimbangan ini kemudiannya dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

PENYATAAN LEMBAGA PENGARAH MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Representasi

Lembaga Pengarah menerima Surat Representasi Pengurusan Risiko Organisasi tahunan daripada Ketua Pegawai Risiko yang mengesahkan bahawa risiko Perbadanan sedang diurus dan bahawa Polisi Risiko Lembaga Pengarah dan proses Pengurusan Risiko Organisasi terus berkesan dan relevan. Sehubungan ini, Surat Representasi Pengurusan Risiko Organisasi tahunan daripada setiap Bahagian telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Risiko untuk mengesahkan bahawa risiko setiap Bahagian diuruskan dan memenuhi kehendak Lembaga Pengarah berkenaan dengan tanggungjawab Bahagian dalam mengurangkan risiko tersebut serta memupuk kebertanggungjawaban pengurusan.

Keberkesanan pematuhan PIDM dengan kawalan dalaman setakat 31 Disember 2014 telah dinilai oleh Pengurusan dan disahkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan berdasarkan kriteria yang digariskan dalam Rangka Kerja Kawalan Dalaman PIDM.

Di samping proses penilaian dan pengesahan ini, pandangan daripada Pengerusi Lembaga Pengarah mengenai kekuatan terkini persekitaran kawalan dalaman Perbadanan telah diperolehi pada bulan Januari 2015 bagi memudahcarakan Pengurusan dalam membuat kesimpulan mengenai tahap pematuhan kawalan dalaman PIDM.

Berdasarkan penilaian dan keberkesanan rangka kerja, sistem, polisi, amalan dan proses PIDM tersebut, yang telah pun dilaksanakan sejak penubuhan PIDM pada 1 September 2005 serta yang diwujudkan pada tahun dalam tinjauan, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap dalam PIDM telah diwujudkan dan dikekalkan. Lembaga Pengarah terus komited dalam memastikan bahawa:

- (a) PIDM meneruskan pelaksanaan berkesan “komitmen daripada pihak atasan” yang amat kukuh. Komitmen daripada pihak atasan telah wujud sejak tahun pertama penubuhan PIDM dengan memberi tumpuan untuk mengekalkan etika dan integriti bermula dari peringkat Lembaga Pengarah sehingga Pengurusan dan akhirnya kepada semua kakitangan.
- (b) PIDM sebagai sebuah organisasi, terus mewujudkan amalan tadbir urus korporat dan kawalan dalaman yang kukuh dengan jayanya. Kejelasan mengenai kebebasan Lembaga Pengarah daripada Pengurusan yang mengasingkan peranan Pengerusi Lembaga Pengarah daripada peranan Ketua Pegawai Eksekutif, membolehkan Lembaga Pengarah melaksanakan peranan dan tugasnya dengan berkesan bagi memastikan tadbir urus dan kawalan dalaman yang berkesan. Di samping itu, komposisi Lembaga Pengarah yang mencukupi daripada pelbagai latar belakang dan penilaian tahunan terhadap gabungan kemahiran, pengalaman dan keupayaan Lembaga Pengarah yang sesuai terus menyokong Lembaga Pengarah memenuhi peranan dan tanggungjawabnya.
- (c) Proses pelaporan kewangan PIDM adalah andal dan Perbadanan mempunyai polisi dan prosedur yang berkesan bagi memastikan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang diguna pakai;
- (d) Pelaporan tahunan PIDM mengenai prestasinya menyediakan pendedahan jelas mengenai aktiviti dan pencapaiannya yang menunjukkan bahawa PIDM mempunyai rejim kebertanggungjawaban yang kukuh;

Penyataan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

- (e) PIDM menjalankan pengenalpastian dan penilaian risiko secara rutin di seluruh tahap dan secara menyeluruh dalam organisasi. Pengurusan mengenal pasti dan menilai risiko secara rasmi sempena kajian semula dan kemas kini tahunan Rancangan Korporat bagi tempoh perancangan korporat yang seterusnya, melapor kepada Lembaga Pengarah mengenai pengurusan kategori dan subkategori risiko Lembaga Pengarah pada setiap tahun dan menjalankan pengenalpastian dan penilaian risiko secara berterusan sepanjang tahun. Proses mengkategorikan risiko tersebut menyediakan asas bagi setiap risiko yang dikenal pasti untuk digolongkan kepada mana-mana lima kategori risiko bagi membolehkan PIDM memberi tumpuan ke atas usahanya ke arah pelaksanaan strategi dan rancangan pengurusan risiko yang berkesan dan mencukupi bagi menangani risiko tersebut;
- (f) Hala tuju strategik Perbadanan dan Rancangan Korporat menyediakan panduan yang relevan mengenai objektif yang perlu dicapai oleh Perbadanan dan inisiatif tertentu yang perlu dibangunkan dan dilaksanakan untuk mengurangkan risiko utama. Inisiatif dan aktiviti baharu dikaji selidik dan dibangunkan secara berterusan dengan jangkaan kemungkinan berlaku peristiwa, risiko atau aktiviti-aktiviti baharu yang boleh menjejaskan pencapaian objektif korporat. Kemajuan inisiatif dan aktiviti korporat dipantau berbanding pelan bagi memastikan bahawa mereka saling melengkapi, mengikut kesesuaian;
- (g) Aktiviti kawalan dan mekanisme lain telah diwujudkan melalui polisi dan prosedur bagi memastikan arahan Pengurusan untuk mengurus dan mengurangkan risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif PIDM dilaksanakan. Aktiviti kawalan dijalankan pada semua tahap dan peringkat dalam proses urusan dan operasi serta termasuk persekitaran IT;
- (h) Sistem maklumat direka bentuk untuk menyediakan Pengurusan dengan maklumat yang tepat pada masa yang diperlukan bagi tujuan membuat keputusan yang strategik dan berasaskan operasi, terkandung dalam kawalan yang diperlukan untuk memastikan integriti dan keselamatan maklumat Perbadanan dilindungi dengan sewajarnya. Kakitangan diberi akses kepada saluran komunikasi yang sesuai dalam PIDM dan dengan pihak luar. Komunikasi dalaman dan luaran tertakluk kepada Polisi Klasifikasi Maklumat PIDM yang bertujuan untuk mengawal aliran maklumat dan akses kepada maklumat dalam Perbadanan serta tahap akses yang dibenarkan kepada pihak luar; dan
- (i) Pengurusan memantau seluruh sistem kawalan dalaman secara berterusan, menangani isu-isu secara tepat pada masanya dan berkomunikasi dengan pihak berkaitan yang bertanggungjawab bagi tindakan pembetulan.

Lembaga Pengarah juga dengan sukacitanya melaporkan bahawa bagi tahun 2014, tiada peristiwa kelemahan atau kekurangan dilaporkan berkenaan kesesuaian dan integriti pengurusan risiko dan kawalan dalaman PIDM yang terdapat dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM, dan tiada kerugian kewangan berlaku sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan akibat kelemahan atau kekurangan dalam sistem pengurusan risiko dan kawalan dalamnya.

Penyataan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 3 Mac 2015.





BAHAGIAN TIGA PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

65

Persekitaran Operasi Kami

65

Kajian Semula Operasi dan
Pencapaian Tahun 2014

81

Tinjauan Kewangan

103

Ringkasan Rancangan Korporat
2015 - 2017

PERSEKITARAN OPERASI KAMI

Pada tahun 2014, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan, dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.0% (2013: 4.7%). Permintaan domestik terus menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi, disokong oleh pengembangan kukuh yang berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta.

Walaupun momentum pertumbuhan global adalah lebih lemah daripada yang dijangkakan pada penghujung tahun 2014, pertumbuhan global secara keseluruhan masih diunjurkan bertambah baik pada tahun 2015, disokong sebahagiannya oleh harga minyak yang lebih rendah. Ekonomi Amerika Syarikat akan menjadi sumber utama pengembangan dalam ekonomi global, disokong oleh perbelanjaan konsumen dan pelaburan perniagaan yang lebih kukuh. Di kawasan euro, keadaan monetari lebih akomodatif di tengah-tengah program pembelian aset yang diperluas untuk menangani deflasi dan euro yang semakin lemah akan memberi sedikit sokongan kepada aktiviti ekonomi. Ekonomi Jepun juga dijangka mencatatkan peningkatan sederhana memandangkan harga minyak yang lebih rendah dan penangguhan kenaikan cukai penggunaan kali kedua dari tahun 2015 ke tahun 2017. Sementara itu, ekonomi China akan terus menyederhana ke arah pertumbuhan yang lebih mampan dalam usaha melaksanakan pengimbangan semula ekonomi.

Walau bagaimanapun, masih terdapat risiko yang besar yang boleh mengganggu pemulihan ekonomi global. Masih terdapat ketidakpastian terhadap pengukuhan ekonomi sebenar di kawasan euro, Jepun, Republik Rakyat China, dan kerentanan dalam ekonomi utama pengeluaran komoditi disebabkan penurunan ketara dalam harga komoditi. Ketidaktentuan penormalan kadar faedah di Amerika Syarikat juga boleh membawa kepada pelarasan mendadak dan secara tiba-tiba terhadap pasaran kewangan dan pengukuhan ketara kepada dolar AS. Ketidakpastian terhadap magnitud dan keberterusan kejatuhan harga minyak juga boleh memberi kesan buruk terhadap naik turun pasaran kewangan.

Berlatarbelakangkan ketidakpastian ekonomi global dan naik turun dalam pasaran kewangan antarabangsa, tahun 2015 dijangka menjadi tahun yang mencabar. Walau bagaimanapun, kepelbagaian struktur dan asas-asas makroekonomi yang kukuh memberi fleksibiliti untuk menghadapi kejutan luaran ini. Bagi tahun 2015, ekonomi Malaysia dijangka berkembang dalam julat 4.5% ke 5.5% dengan pengembangan seterusnya dalam permintaan domestik dan eksport. Walaupun perkembangan terkini dalam harga komoditi dijangka mempengaruhi pelaburan terutamanya dalam sektor minyak dan gas, perbelanjaan pelaburan keseluruhan akan didorong terutamanya oleh aliran masuk pelaburan projek baharu dan pelaksanaan projek sedia ada, terutamanya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sementara itu, penggunaan swasta dijangka menyederhana, apabila pengguna menyesuaikan diri mereka dengan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) pada bulan April 2015. Bagaimanapun, kesan itu dijangka akan diimbangi oleh bantuan Kerajaan kepada isi rumah yang disasarkan dan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi daripada harga bahan api yang lebih rendah. Penambahbaikan dalam beberapa ekonomi maju dan permintaan global yang berterusan bagi barangan elektrik dan elektronik akan meningkatkan eksport pembuatan Malaysia. Begitu juga, keseluruhan keadaan monetari dan pembiayaan bagi tahun berkenaan akan terus kekal menyokong prospek pertumbuhan mantap ekonomi Malaysia.

Melangkah ke hadapan, PIDM akan terus berwaspada dan memantau rapi risiko-risiko berkaitan.

KAJIAN SEMULA OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2014

TINJAUAN

Bahagian ini menyediakan kajian semula operasi PIDM bagi tahun 2014 dan pencapaiannya berbanding Rancangan Korporat 2014 - 2016. Rancangan Korporat ini menggariskan hala tuju strategik, fokus dan keutamaan yang memacu aktiviti kami sepanjang tempoh perancangan tiga tahun tersebut, yang diterjemahkan kepada Petunjuk Prestasi Utama atau inisiatif. Kemajuan dan prestasi kami berbanding sasaran yang ditetapkan kemudiannya dipantau melalui pendekatan Kad Skor Terimbang.

Pada tahun 2014, kami telah berjaya mencapai strategi dan memenuhi sasaran prestasi utama yang dirancang. Penyempurnaan inisiatif tersebut telah meningkatkan asas Perbadanan serta kecekapan dan keberkesanan untuk memenuhi mandatnya.

Perbadanan telah terus membina atas asas kukuhnya dalam amalan tadbir urus dan pengurusan terbaik bagi menyediakan perlindungan konsumen kewangan kepada pendeposit dan pemilik polisi insurans. Kami terus komited terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih besar seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 2. Antara lain, kami telah dianugerahkan "Sijil Merit", anugerah tertinggi dalam kategori organisasi bukan senaraian awam, untuk Laporan Tahunan 2013 PIDM di Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards - NACRA*).

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

USAHA KAMI

Rangka kerja pengurusan strategik kami menunjukkan bagaimana kami menyelaraskan Petunjuk Prestasi Utama terhadap objektif korporat kami dalam mencapai visi dan misi kami dan seterusnya melaksanakan mandat kami. Objektif korporat kami adalah berdasarkan kepada tiga perspektif Kad Skor Terimbang seperti berikut:



PEMEGANG KEPENTINGAN

Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat

Pemegang kepentingan yang bermaklumat adalah penting kepada keberkesanan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kami akan terus berinteraksi dengan kesemua pemegang kepentingan dan orang awam serta mendidik mereka menerusi kempen kesedaran awam menyeluruh dan program pendidikan serta mengambil kira maklum balas pemegang kepentingan utama kami apabila membangunkan peraturan dan garis panduan kami.

Perkongasian efektif

Berdasarkan model urusn kami, perkongsian efektif adalah penting bagi memenuhi mandat kami. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan rakan kongsi strategik kami, Bank Negara Malaysia, badan pengawal selia lain, penginsurans deposit dan skim jaminan insurans antarabangsa serta penyedia perkhidmatan utama kami. Kami juga akan terus mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan institusi ahli kami.



TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN

Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik

Kami menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tatalaku urusn dan amalan tadbir urus yang mantap, serta mengguna pakai rangka kerja pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif. Bagi mencapai nilai-nilai ini, kami sentiasa berpanduan kepada amalan tadbir urus dan pengurusan utama serta amalan terbaik yang relevan.

Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi kegagalan yang kukuh

Oleh sebab kesediaan operasi kekal menjadi fokus utama Perbadanan, kami akan terus mengekalkan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko yang kukuh, serta membangunkan kapasiti dan keupayaan bagi mengendalikan aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan dengan efektif. Kami juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza, Sistem Levi Berbeza serta polisi, peraturan dan garis panduan berkaitan.

Amalan urusn dan kewangan yang mantap

Bagi mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan efektif, kami terus memastikan polisi, proses, prosedur dan infrastruktur yang kukuh untuk kekal terkini dan relevan. Amalan mantap yang mentadbir operasi kami adalah berdasarkan kepada amalan terbaik domestik dan antarabangsa yang relevan. Kami juga akan terus memastikan kecemerlangan operasi supaya kami dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab kami secara efektif.



PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN

Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan

Kakitangan kami merupakan aset terpenting. Kami menyediakan pakej penggajian dan program yang kompetitif bagi memperoleh dan mengekalkan tenaga kerja kepakaran, pengalaman dan tingkah laku yang sesuai. Kami komited terhadap menyediakan peluang pembelajaran dan pembangunan secara berterusan kepada kakitangan kami serta peluang meningkatkan kemahiran dan kepakaran mereka supaya mereka dapat mencapai potensi penuh mereka.

Persekitaran korporat yang kondusif

Kami memupuk budaya dan persekitaran korporat yang kondusif dengan menerapkan nilai korporat kami serta menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat, bebas daripada gangguan serta menggalak keseimbangan kerja dan kehidupan.

Inisiatif kami pada tahun 2014, yang menyokong hala tuju strategik kami bertumpu kepada usaha untuk mengukuhkan keberkesanan dan kesediaan operasi; memantap dan mengekalkan kecekapan kakitangan dan pengurusan tenaga kerja; mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama; serta meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan konsumen kewangan.

Pada keseluruhannya, kesemua inisiatif telah disempurnakan mengikut pelan kewangan yang diluluskan. Inisiatif-inisiatif lain yang merupakan usaha pembangunan berterusan yang melebihi tempoh satu tahun, sedang berjalan mengikut jadual. Kami juga meneruskan pembangunan dan pengukuhan polisi dan prosedur serta infrastruktur kami bagi memastikannya kekal terkini dan relevan.

Sorotan pencapaian kami diringkaskan dalam Kad Skor Korporat 2014 di halaman berikut.

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

IMBASAN KAD SKOR KORPORAT 2014

- P** Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan / atau dalam lingkungan bajet
- N** Sasaran tidak dicapai, kelewatan – dalam tempoh penyempurnaan; dan / atau bawah sasaran; dan / atau $>\pm 10\%$ perbezaan bajet (tahun penuh)

- A** Sasaran dicapai, inisiatif disempurnakan
- F** Belum dimulakan / tarikh bermula pada masa hadapan

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2014	Keputusan Dis 2014
A Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam:		
	a. Kesedaran umum mengenai PIDM	57%	N ¹
	b. Kesedaran umum mengenai sistem insurans deposit	49%	N ¹
	c. Kesedaran umum mengenai sistem perlindungan manfaat takaful dan insurans	34%	N ¹
	2. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
	a. Pelan Komunikasi Bersepadu	Dilaksanakan dan kajian semula	A
b. Program pendidikan	Dilaksanakan dan kajian semula	A	
B Perkongasian efektif	3. Hubungan PIDM dengan:		
	a. Bank Negara Malaysia (BNM)	Kukuh	A
	b. Institusi ahli	Memuaskan	A
	c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan lain	Kukuh	A
	d. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik	Kukuh	A
	e. Penginsurans deposit dan Skim Jaminan Insurans	Kukuh	A
	f. Pemegang kepentingan utama lain	Memuaskan	A
4. Forum antarabangsa lain	Penyertaan aktif	A	
5. Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) dan Alumni (FIDE FORUM)	Penyertaan aktif dan disokong	A	
C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	6. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:		
	a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Tahap kepuasan tinggi	A
	b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Tahap kepuasan tinggi	A
	c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	A
	7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
a. Pindaan kepada Akta PIDM	Disempurnakan	P ²	

PEMEGANG KEPENTINGAN

TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN

PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2014	Keputusan Dis 2014
TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN	D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi serta resolusi yang kukuh	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Garis Panduan Sistem Premium Berbeza bagi Sistem Insurans Deposit	Disempurnakan	A
		b. Garis Panduan Sistem Levi Berbeza bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Kajian semula	A
		c. Rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi Takaful	Dibangunkan dan dirundingkan	A
		d. Sistem Penilaian Risiko:		
		i. Sistem Insurans Deposit	Dilaksanakan	A
		ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	A
		e. Sistem Amaran Awal:		
		i. Sistem Insurans Deposit	Dilaksanakan	A
		ii. Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dikaji selidik	A
		f. Model dan Sistem Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	P ³
		g. Pelan intervensi dan resolusi bagi institusi kewangan kompleks	Dikaji selidik	P ⁴
		h. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:		
		i. Sistem Pembayaran Balik Premium dan Pengurusan Tuntutan	Dibangunkan	P ⁵
		ii. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	-	F
		iii. Sistem Pengurusan Pembayaran	-	F
		i. Simulasi bagi Intervensi dan Resolusi Kegagalan	Disempurnakan	P ⁶
		j. Peraturan-Peraturan:		
		i. Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dirundingkan dan dilaksanakan	P ⁷
		ii. Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian - Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dipantau	P ⁸
k. Program pematuhan institusi ahli dengan Akta PIDM	Dilaksanakan	A		
E Amalan urusan dan kewangan yang mantap	9. Pelaporan melalui:			
	a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	A	
	b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	A	
	10. Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	A ⁹	
	11. Pematuhan Kawalan Dalam dan Pengurusan Risiko	Kukuh	A	
	12. Indeks Tahap Kepuasan terhadap perkhidmatan antara Bahagian	75%	A	

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

Objektif Korporat		Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran 2014	Keputusan Dis 2014
TADBIR URUS DAN PROSES DALAMAN	E Amalan urusan dan kewangan yang mantap	13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a(i). Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
		i(1). Dana Am	Dibangunkan	P ¹⁰
		i(2). Dana Hayat	Dikaji selidik	A
		i(3). Kumpulan Dana Takaful	-	F
		a(ii). Rancangan pembiayaan alternatif	Dikaji selidik dan dibangunkan	P ¹¹
		b. Membangunkan dan melaksanakan pelan strategik berikut:		
		i. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan	Disempurnakan	P ¹²
		ii. Pelan Pengurusan Kesenambungan Urusan Tahunan	Disempurnakan	A
		c. Pusat Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Dibina	P ¹³
d. Pengurusan Maklumat Korporat	Dibangunkan dan dilaksanakan	P ¹⁴		
PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN	F Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	14. Pelan pembelajaran dan pembangunan	Disempurnakan	A
		15. Pelan pengurusan penggantian	Dibangunkan dan dipantau	A
G Persekitaran korporat yang kondusif	Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks Tahap Komitmen dan Kepuasan Kerja Kakitangan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali bagi mengukur tahap kepuasan kakitangan)	-	F
		17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:		
		a. Program berkaitan kakitangan	Dilaksanakan	A

¹ Tahap kesedaran keseluruhan mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada akhir tahun 2014 masing-masing adalah sebanyak 47%, 38% dan 30%. Walau bagaimanapun, pemerhatian utama bagi tahun 2014 menunjukkan bahawa terdapat kesedaran yang tinggi bahawa deposit dilindungi sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank ahli. Tahap ini telah meningkat daripada 48% pada tahun 2012, kepada 52% pada tahun 2013, kepada 56% pada tahun 2014. Sila rujuk kepada Inisiatif Komunikasi kami di halaman 193 untuk butiran lanjut.

² Pindaan kepada Akta PIDM akan dibentangkan kepada Parlimen pada tahun 2015.

³ Pembangunan Model Penilaian akan disempurnakan pada tahun 2016.

⁴ Kerja penyelidikan dan pembangunan berkaitan dengan pelan pemulihan dan resolusi bagi institusi kewangan kompleks berjalan lancar dan akan berterusan hingga tahun 2015.

⁵ Pembangunan Sistem Pembayaran Balik Premium dan Pengurusan Tuntutan akan disempurnakan pada tahun 2016.

⁶ Bengkel kerja, yang menumpukan kepada pembubaran sesebuah bank ahli, akan dikendalikan pada tahun 2015.

⁷ Peraturan-peraturan akan dikeluarkan pada tahun 2015.

⁸ Peraturan-peraturan yang disemak semula akan dikeluarkan pada tahun 2015.

⁹ Kami mencapai perbezaan positif bagi kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal.

¹⁰ Pembangunan Dana Sasaran bagi Dana Am akan diteruskan hingga tahun 2015.

¹¹ Pembangunan rancangan pembiayaan alternatif akan diteruskan hingga tahun 2015.

¹² Kami telah menyempurnakan kebanyakan inisiatif strategik dan operasi seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PIDM kecuali bagi inisiatif-inisiatif berikut yang telah ditangguhkan:

- Pelaksanaan Fasa 2 Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan
- Integrasi Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan, Modul Latihan dan Pembangunan Sistem Maklumat Sumber Manusia dan Sistem Tuntutan Perjalanan.

¹³ Pembinaan Pusat Pemulihan Bencana berjalan lancar seperti yang dijadualkan.

¹⁴ Polisi bagi pengkalan dan pelupusan maklumat akan dilaksanakan pada tahun 2015 dan pembangunan polisi dan prosedur bagi Keselamatan Maklumat Korporat akan diteruskan sehingga tahun 2015.

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

KAJIAN SEMULA OPERASI MENGIKUT BAHAGIAN

Semua inisiatif utama pada tahun 2014 telah disempurnakan oleh 11 bahagian dalam PIDM. Jadual berikut menyediakan huraian ringkas mengenai fungsi-fungsi setiap bahagian serta aktiviti utama dan pencapaian pada tahun 2014, termasuk inisiatif yang sedang dijalankan dan inisiatif baharu.

BAHAGIAN AUDIT DAN KHIDMAT PERUNDINGAN	
Bahagian ini bekerjasama dengan Pengurusan serta menyediakan jaminan bebas dan objektif serta khidmat perundingan bertujuan untuk menambah nilai dan memantapkan operasi Perbadanan.	
Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Audit: Menyempurnakan audit 2014 mengikut Pelan Audit 2014 – 2016 yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ini termasuk audit terhadap Fungsi dan Khidmat Sokongan Teknikal Pengguna Teknologi Maklumat (IT); Pelaksanaan Kod Etika; Pentadbiran, Proses dan Penyelarasan Bajet; proses Komunikasi dan Hal Ehwal Awam yang meliputi Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 – 2016, Penerbitan Korporat, Perkhidmatan Komunikasi Dalaman, Pengurusan Inventori dan Pemerolehan bagi Item yang Boleh Edar, serta Interaksi dengan Rakan Kongsi Strategik; Sistem Pengurusan Sokongan Pendeposit; Pengurusan Pemegang Kepentingan dan Pelaksanaan Aktiviti-Aktiviti dalam Mempromosi PIDM; serta Pelaporan dan Pendedahan Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014. Menilai tahap kawalan dalaman PIDM yang mana butiran terperinci boleh didapati dalam Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 53 Laporan Tahunan ini. Berkenaan dengan Pembayaran Balik Deposit, pemantapan program audit bagi Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Deposit telah dimulakan.</p> <p>Perkongsian efektif: Kami terus membina hubungan erat dan mewujudkan kerjasama dengan pemegang kepentingan utama seperti penginsurans deposit dan skim jaminan insurans lain, fungsi audit dalaman daripada badan kawal selia dan agensi Kerajaan yang lain serta firma perakaunan dan firma khidmat nasihat.</p> <p>Khidmat perundingan dan nasihat: Menjalankan kajian semula mengenai lintas semak sistem Pembayaran Balik. Terus menyokong bahagian-bahagian berkaitan bagi projek-projek utama PIDM termasuk Pembayaran Balik, Pengurusan Kesenambungan Urusan, pembinaan Pusat Pemulihan Bencana dan pembangunan sistem IT utama.</p>	<p>Audit: Meneruskan pelaksanaan Pelan Audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dengan menggunakan pendekatan pengauditan berasaskan risiko dan mengendalikan kajian semula tahunan terhadap tahap kawalan dalaman PIDM. Mengkaji semula proses dan prosedur audit untuk mengukuhkan keberkesanan dan mantap hasil dengan tambahan nilai. Berkenaan dengan Pembayaran Balik, terus mengemas kini dan memantapkan program audit bagi Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit bagi memastikan integriti data, sistem dan proses pembayaran balik deposit bagi bank-bank ahli.</p> <p>Khidmat perundingan dan nasihat: Terus menyediakan khidmat perundingan dan nasihat bagi projek-projek utama atau inisiatif Rancangan Korporat PIDM.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL AWAM

Peranan utama Bahagian ini adalah untuk membangunkan dan menyampaikan mesej yang efektif kepada orang awam dan segmen pasaran yang disasar menerusi inisiatif kesedaran awam dan pendidikan untuk meningkatkan pemahaman awam mengenai Sistem Insurans Deposit, Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta peranan PIDM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Pengiklanan dan perhubungan awam: Menyempurnakan inisiatif Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016 yang dirancang. Dalam usaha kami untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami meneruskan kempen "Tahukah Anda" kepada orang awam melalui media cetak, televisyen, radio dan media digital. Satu video iklan "PIDM Alkisah 3 dalam 1" telah dihasilkan bagi YouTube. Menerusi kerjasama dengan Institut Insurans Malaysia, kami meneruskan sesi Melatih Pelatih, yang mana 27 kakitangan institusi ahli telah dilatih dan menerima pensijilan untuk menyampaikan taklimat mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Kami juga telah menandatangani perjanjian kerjasama dengan Money Compass untuk meningkatkan kesedaran mengenai perlindungan konsumer kewangan dalam kalangan masyarakat Cina.</p> <p>Program pendidikan: Melaksanakan Projek PIDM MoneySmart yang diperkukuhkan, yang terdiri daripada Permainan Dalam Talian, Cabaran Sekolah, Cabaran Kampus, Program Duta, "Rakam atau Lukis, Hantar dan Menang" serta pertandingan kuiz. Kami telah menyempurnakan sasaran kami untuk melibatkan penyertaan kesemua 2,239 sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Bagi mengiktiraf usaha ini, kami telah menerima pensijilan sebagai "Rakan Kokurikulum" oleh Kementerian Pendidikan.</p> <p>Interaksi bersama pemegang kepentingan: Mengendalikan 100 sesi taklimat kepada pelbagai pemegang kepentingan termasuk institusi ahli, agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi dan orang awam. Mengadakan sesi dialog bersama pegawai perhubungan serta mengambil bahagian dalam pameran dan jerayawara. Melaksanakan dengan jayanya program Capaian Korporat di Terengganu, yang dihadiri oleh wakil daripada Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi Kerajaan lain.</p>	<p>Pengiklanan dan perhubungan awam: Meneruskan pelaksanaan inisiatif Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016 dengan objektif memaklumkan peranan PIDM sebagai sebahagian penting jaringan keselamatan kewangan Malaysia; meningkatkan kesedaran mengenai Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam kalangan asas audiens sasaran yang meluas menerusi instrumen dan medium komunikasi yang paling sesuai dan efektif dari segi kos; dan memberi lebih kefahaman mengenai produk yang diinsuranskan, ciri-ciri, manfaat dan had perlindungan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans melalui pelbagai inisiatif interaksi, 'call-for-action' dan pendekatan komunikasi berasaskan pendidikan dan saranan. Ini adalah untuk membantu orang awam membuat keputusan kewangan yang berdasarkan maklumat. Meneruskan program Melatih Pelatih yang akan membabitkan lebih banyak organisasi. Melaksanakan Platform Pembelajaran Interaktif PIDM, satu kaedah dalam talian bagi tujuan perkongsian maklumat untuk institusi ahli serta orang awam.</p> <p>Program pendidikan: Meneruskan kajian semula dan pemantapan strategi, pendekatan dan kandungan program bagi pelaksanaan berterusan di sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi.</p> <p>Interaksi bersama pemegang kepentingan: Terus membina dan mengekalkan hubungan kerja dengan pelbagai pemegang kepentingan menerusi taklimat dalaman dan luaran serta penyertaan dalam pameran dan jerayawara. Terus bekerjasama dengan pelbagai organisasi untuk mewujudkan kesedaran mengenai perlindungan konsumer kewangan dalam kalangan audiens sasaran.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN SEKRETARIAT KORPORAT

Bahagian ini menyediakan khidmat sekretariat dan sokongan nasihat tadbir urus kepada Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berkaitan dengan prosiding dan pentadbiran Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Tadbir urus korporat: Meneruskan sokongan terhadap pengekalan kebertanggungjawaban dan rejim pelaporan yang kukuh serta hubungan kerja yang efektif dengan Lembaga Pengarah. Menjalankan peranan sebagai sekretariat korporat, khususnya dalam memastikan penyediaan maklumat berkualiti yang terkini kepada Lembaga Pengarah dan menyokong Lembaga Pengarah dalam memenuhi peranan pengawasannya.</p> <p>Menyokong Lembaga Pengarah dalam usaha tadbir urus korporatnya menerusi penyelidikan dan cadangan berhubung dengan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat serta dalam melaksanakan program pendidikan Lembaga Pengarah. Rujuk halaman 35 mengenai usaha tadbir urus korporat Lembaga Pengarah dalam Penyataan Tadbir Urus.</p> <p>Penilaian keberkesanan Lembaga Pengarah: Susulan kajian semula oleh penasihat bebas, cadangan-cadangan berkaitan dengan proses Lembaga Pengarah telah dibangunkan dan dilaksanakan.</p> <p>Jawatankuasa Pematuhan Korporat: Mengadakan latihan pematuhan tahunan mengenai polisi dan prosedur utama serta melaksanakan ujian dan kuiz pematuhan tahunan untuk semua kakitangan.</p> <p>Tanggungjawab Sosial Korporat: Bahagian ini bersama dengan Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat, telah mengetuai pelaksanaan dan penganjuran inisiatif dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat PIDM dengan jayanya.</p>	<p>Tadbir urus korporat: Terus mengikuti perkembangan amalan-amalan terbaik tadbir urus dan memastikan pematuhan dalam semua bidang serta memberi sokongan kepada Lembaga Pengarah.</p> <p>Penilaian keberkesanan Lembaga Pengarah: Terus memantau pelaksanaan pelan tindakan yang dikenal pasti untuk menambah baik proses berkaitan Lembaga Pengarah secara berterusan.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Bahagian ini melaksanakan, memantau dan menyenggara amalan terbaik bagi proses dan prosedur Pengurusan Risiko Organisasi dalam PIDM, bagi memastikan PIDM dapat mengurus pelbagai pendedahan risiko dalaman dan luaran dengan efektif. Bahagian ini juga menyokong dan menyediakan khidmat nasihat risiko kepada semua bahagian dan bagi semua projek utama. Satu lagi peranan utama Bahagian ini ialah Pengurusan Kesenambungan Urusan.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi: Menyempurnakan kitaran proses penilaian risiko Perbadanan. Mengkaji semula dan memantapkan Prosedur Pengurusan Risiko Organisasi dan Piagamnya serta mengemas kini Laporan Risiko Lembaga Pengarah seluruh Perbadanan. Menjalankan sesi perkongsian pengetahuan dan kesedaran untuk semua kakitangan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memupuk budaya Pengurusan Risiko Organisasi dalam Perbadanan.</p> <p>Penilaian keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi: Mencapai keputusan positif yang mengesahkan bahawa Perbadanan mempunyai amalan Pengurusan Risiko Organisasi yang berkesan dan dibangunkan dengan baik.</p> <p>Pengurusan Kesenambungan Urusan: Mengemas kini Pelan Kesenambungan Urusan termasuk Analisis Risiko dan Analisis Impak Urusan. Melaksanakan ujian <i>call-tree</i> Pelan Kesenambungan Urusan yang berfungsi sebagai sokongan kepada sistem pemakluman kecemasan berautomasi sekiranya berlaku sesuatu bencana.</p> <p>Khidmat nasihat risiko: Terus menyokong bahagian-bahagian yang berkaitan bagi projek-projek utama PIDM termasuk pembinaan Pusat Pemulihan Bencana tetap.</p> <p>Butiran lanjut mengenai Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi dan cara PIDM menangani risiko-risiko utamanya dijelaskan dalam Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 53.</p>	<p>Proses Pengurusan Risiko Organisasi: Meneruskan pelaksanaan berterusan aktiviti pengenaltastian, penaksiran, penilaian, pemantauan, pelaporan dan komunikasi mengenai risiko yang dihadapi oleh PIDM. Mengkaji semula Polisi Risiko Pengurusan Risiko Organisasi Lembaga Pengarah.</p> <p>Pengurusan Kesenambungan Urusan: Terus mengemas kini, memantapkan dan menguji Pelan Kesenambungan Urusan bagi memastikan ia kekal terkini dan berkesan.</p> <p>Perkhidmatan nasihat berkaitan risiko: Terus memberikan khidmat nasihat berkaitan risiko kepada bahagian-bahagian berkaitan bagi projek-projek utama PIDM dan inisiatif Rancangan Korporat.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Bahagian ini terdiri daripada Jabatan Kewangan, Jabatan Pengurusan Kemudahan dan Bahan, Jabatan Teknologi Maklumat (IT) serta Jabatan Organisasi dan Kaedah yang menumpukan usaha kepada penyediaan perkhidmatan sokongan yang berkesan dan efisien dalam bidang pengurusan kewangan, pentadbiran am pejabat, pengurusan kemudahan pejabat, pengurusan IT serta proses, polisi dan kawalan urusan operasi bagi memastikan kelancaran operasi PIDM.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Pembiayaan: Menyempurnakan kajian semula tahunan ke atas model Dana Sasaran bagi Sistem Insurans Deposit untuk memastikan bahawa Dana Sasaran kekal terkini dan relevan. Mengambil bahagian dan menyediakan input dalam pembangunan rangka kerja Dana Sasaran bagi perniagaan insurans am. Memulakan pembangunan rancangan pembiayaan alternatif.</p> <p>Pusat Pemulihan Bencana dan infrastruktur: Menyempurnakan pelantikan kontraktor utama dan memulakan pembinaan Pusat Pemulihan Bencana tetap. Perunding Pengurusan Projek yang dilantik memantau kemajuan projek dan mengenal pasti isu-isu yang boleh menjejaskan penyempurnaan projek dan memudahcarakan pembangunan pelan tindakan untuk menangani isu-isu tersebut.</p> <p>Strategi IT: Menyempurnakan kebanyakan inisiatif strategik dan operasi seperti yang ditetapkan dalam Pelan Strategik IT PIDM kecuali dua inisiatif bahagian yang telah ditangguhkan. Butiran lanjut boleh didapati di halaman 69 Laporan Tahunan ini.</p> <p>Pengurusan kewangan: Memulakan integrasi antara Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan dan Sistem Maklumat Sumber Manusia.</p> <p>Pengurusan Keselamatan Maklumat Korporat: Melaksanakan rangka kerja Keselamatan Maklumat Korporat bagi Perbadanan.</p> <p>Organisasi dan Kaedah: Menjalankan kajian semula dan memantapkan polisi dan prosedur sedia ada agar kekal terkini dan relevan termasuk Prosedur Tender dan Polisi Pemerolehan, Kontrak dan Penyumberan Luar untuk meningkatkan tadbir urus dan kawalan dalaman kami. Mengemas kini Matriks Autoriti, yang meringkaskan autoriti bagi pentadbiran harian urusan dan hal ehwal PIDM.</p>	<p>Pembiayaan: Terus terlibat dan menyokong pembangunan rangka kerja Dana Sasaran bagi perniagaan insurans am, insurans hayat dan takaful. Terus membangunkan rancangan pembiayaan alternatif bagi tujuan intervensi dan resolusi kegagalan.</p> <p>Pusat Pemulihan Bencana dan infrastruktur: Meneruskan pembinaan termasuk perancangan bagi kelengkapan dalaman dan infrastruktur IT di Pusat Pemulihan Bencana tetap.</p> <p>Strategi IT: Meneruskan pelaksanaan inisiatif strategik dan operasi seperti yang ditetapkan dalam Pelan Strategi IT bagi menyokong keperluan urusan PIDM termasuk pemantapan Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit, pembangunan Sistem Penilaian Risiko Takaful dan Insurans, penyempurnaan Fasa 2, 3 dan 4 Sistem Pengurusan Kewangan yang Diperkukuhkan, pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan tuntutan dan infrastruktur bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta pelaksanaan infrastruktur keselamatan maklumat.</p> <p>Pengurusan Keselamatan Maklumat Korporat: Membangunkan polisi dan prosedur yang diperlukan.</p> <p>Organisasi dan Kaedah: Meneruskan kajian semula, mengemaskini dan penyeragaman polisi dan prosedur, meningkatkan polisi dan prosedur sistem repositori serta melaksanakan Polisi Penyimpanan dan Pelupusan.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Bahagian ini bertanggungjawab bagi kesemua aspek pengurusan sumber manusia PIDM.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Pengurusan modal insan: Meneruskan pelaksanaan berterusan program Pembelajaran dan Pembangunan menyeluruh berasaskan kompetensi untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan kakitangan kami. Ini termasuk pelbagai jenis latihan seperti kepimpinan, kemahiran insaniah dan teknikal, dengan menggunakan pendekatan bersepadu, iaitu lawatan sambil belajar, seminar dan taklimat luar, persidangan dan latihan sambil bekerja. Sesi latihan dalaman juga diadakan untuk kakitangan dengan keperluan pembelajaran dan pembangunan. Purata jumlah hari latihan luaran dan dalaman bagi setiap kakitangan pada tahun 2014 ialah 6 hari.</p> <p>Kami meneruskan usaha perancangan pengurusan penggantian yang mana perancangan pembangunan telah disediakan untuk pengganti yang berpotensi serta permulaan peluang penggiliran kerja bagi kakitangan terpilih. Dalam membina pasukan kepimpinan yang kukuh dan lebih berkeupayaan, kaedah penilaian seperti penilaian 360 darjah telah digunakan untuk mengenal pasti keperluan pembangunan khusus bagi Pengurusan Kanan. Sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan kerjaya, kami telah menggunakan kaedah pemprofilan dan pembangunan kerjaya untuk mengukur peringkat, minat dan pelan pembangunan kerjaya kakitangan. Proses pengurusan prestasi kami, yang menyelaraskan matlamat individu dengan objektif korporat dilaksanakan dengan penugasan Petunjuk Prestasi Utama dan inisiatif korporat kepada semua kakitangan, dengan sesi maklum balas dan kajian semula secara tetap.</p> <p>Sebagai sebahagian daripada usaha pengekalan tenaga kerja, kami memastikan pakej ganjaran dan manfaat kami kekal adil, saksama dan kompetitif serta sejajar dengan pasaran, dengan mengambil bahagian dalam tinjauan tahunan pasaran. Dengan mengamalkan keterangkuman dan kepelbagaian, kakitangan kami terdiri daripada individu-individu daripada pelbagai budaya dan falsafah kerja. Ini ditunjukkan dengan pengambilan tenaga kerja termasuk kakitangan kurang upaya pendengaran. Setakat 31 Disember 2014, komposisi kakitangan kami terdiri daripada 42% lelaki dan 58% wanita.</p> <p>Program Biasiswa: Kami terus melaksanakan Program Biasiswa siswazah pelbagai tahun dan menganugerahkan biasiswa kepada 10 orang lagi individu yang layak. Program ini yang merupakan sebahagian daripada usaha tanggungjawab sosial korporat kami, termasuk program mentor dan bimbingan bagi penerima biasiswa. Sejak pelaksanaan program ini, kami telah membimbing dan membangunkan seramai 45 penerima biasiswa, yang mana enam daripada mereka telah tamat pengajian dan kini bekerja dengan organisasi yang terkemuka. PIDM juga menawarkan sehingga 10 biasiswa kepada anak-anak kakitangan kami.</p> <p>Hubungan kakitangan: Kami terus memupuk budaya tempat kerja yang sihat melalui pelbagai acara dan aktiviti yang melibatkan kakitangan untuk meraikan pencapaian.</p> <p>Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan mengadakan mesyuarat bagi mengenal pasti isu-isu yang berkaitan dan menyediakan pelan tindakan bagi penambahbaikan, sekiranya diperlukan, serta menganjurkan taklimat kesedaran mengenai denggi dan sesi latihan pemanduan berhemah.</p> <p>Sistem Maklumat Sumber Manusia: Menyempurnakan pembangunan modul bagi pentadbiran biasiswa, permohonan tenaga kerja, pengambilan tenaga kerja, hubungan industri dan perancangan pengurusan penggantian. Melaksanakan modul penilaian prestasi dan kecekapan bagi kitaran pengurusan prestasi.</p>	<p>Pengurusan modal insan: Mewujudkan dan membangunkan rangka kerja dan strategi sokongan bagi organisasi pembelajaran untuk memudahkan cara berfikir yang saling berkaitan dan sifat responsif melalui pembelajaran berterusan, perkongsian, kerjasama dan memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran semua kakitangan Perbadanan. Meneruskan usaha perancangan pengurusan penggantian bagi mengukuhkan barisan sokongan bagi jawatan Pengurusan utama dan kritikal melalui pengenalpastian dan pembangunan pengganti yang berpotensi serta meneruskan pelaksanaan inisiatif inventori pemprofilan kerjaya bagi semua kakitangan.</p> <p>Program biasiswa: Terus mentadbir program bagi pengambilan 10 orang lagi siswazah.</p> <p>Hubungan kakitangan: Terus menganjurkan pelbagai aktiviti bagi menggalakkan interaksi dan penglibatan kakitangan untuk menggalakkan persekitaran kerja yang kondusif dan budaya tempat kerja positif yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan semua kakitangan.</p> <p>Sistem Maklumat Sumber Manusia: Menjalankan kajian kebolehlaksanaan sebuah pusat sehati bagi sistem pengurusan pembelajaran dan pembangunan.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN INTERVENSI DAN RESOLUSI KEGAGALAN

Bahagian ini bertanggungjawab terutamanya bagi kesediaan intervensi yang melibatkan pembangunan polisi dan prosedur berkaitan Intervensi dan Resolusi Kegagalan termasuk sistem dan infrastruktur pembayaran balik. Bahagian ini juga bertanggungjawab bagi mengurus dan mengendalikan aktiviti berkaitan Intervensi dan Resolusi Kegagalan, apabila diperlukan, dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Intervensi dan Resolusi Kegagalan: Membangunkan rancangan untuk melaksanakan polisi dan prosedur bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Menjalankan sesi latihan kepada kakitangan terpilih dengan tumpuan terhadap Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta beberapa sesi pendidikan Lembaga Pengarah, iaitu Pemulihan dan Resolusi Rentas Sempadan, Kesediaan Operasi bagi Intervensi dan Resolusi Kegagalan dan Resolusi Syarikat Insurans.</p> <p>Pembayaran balik: Bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami membangunkan rangka kerja Pembayaran Balik Premium dan Pengurusan Tuntutan yang menetapkan rangka kerja meluas bagi pembayaran balik manfaat yang dilindungi kepada pemilik polisi apabila berlaku pembubaran sesebuah ahli penginsurans berserta polisi dan prosedur terperinci. Bagi Sistem Insurans Deposit, kami telah mengeluarkan Garis Panduan mengenai Program Pengesahan: Sistem dan Pengemukaan Maklumat Deposit yang diperkukuhkan, terus memantau pengemukaan Format Fail Piawaian oleh semua bank ahli bagi memastikan pematuhan terhadap Garis Panduan mengenai Sistem dan Pengemukaan Maklumat Deposit serta menjalankan bengkel kerja lintas semak mengenai proses dan sistem pembayaran balik bagi ahli-ahli pasukan petugas pembayaran balik. Memulakan pembangunan keperluan pengguna bagi Kertas Cadangan Projek untuk melantik pembekal perkhidmatan bagi membangunkan Sistem Pembayaran Balik Premium dan Pengurusan Tuntutan. Kertas perundingan mengenai keperluan data bagi sistem juga telah disediakan.</p> <p>Model dan Sistem Penilaian: Terus membangun dan meningkatkan model penilaian yang dipermudah bagi kedua-dua Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dengan penggunaan pelbagai data yang ada. Memulakan pembangunan keperluan pengguna bagi Kertas Cadangan Projek untuk melantik perunding membangunkan Model Penilaian.</p> <p>Rangka kerja pemulihan dan resolusi: Mewujudkan jawatankuasa bersama dengan BNM dalam pembangunan rangka kerja pemulihan dan resolusi bagi institusi kewangan kompleks.</p>	<p>Intervensi dan Resolusi Kegagalan: Meneruskan sesi latihan dan simulasi untuk kakitangan bagi meningkatkan kesediaan intervensi PIDM.</p> <p>Pembayaran balik: Meneruskan pembangunan kaedah pembayaran untuk memudahcarakan bayaran balik yang pantas dan lancar bagi Sistem Insurans Deposit serta menyempurnakan pembangunan Sistem Pembayaran Balik Premium dan Pengurusan Tuntutan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Memantau pematuhan bank-bank ahli terhadap keperluan yang ditetapkan dalam Garis Panduan mengenai Sistem dan Pengemukaan Maklumat Deposit.</p> <p>Model dan Sistem Penilaian: Meneruskan pembangunan Model Penilaian yang boleh digunakan untuk melaksanakan pelbagai analisis kos resolusi bagi tindakan resolusi yang berbeza.</p> <p>Rangka kerja pemulihan dan resolusi: Meneruskan kerjasama dengan BNM dalam pembangunan rangka kerja dan pelan pemulihan dan resolusi bagi institusi kewangan kompleks.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN INSURANS, PENILAIAN DAN PEMANTAUAN RISIKO

Bahagian ini menyediakan penilaian dan pemantauan risiko secara bebas, jitu dan terkini berkenaan institusi ahli bagi membolehkan pengesanan awal institusi ahli berisiko tinggi serta pentadbiran premium dan levi yang cekap. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk membangun dan menggalakkan insurans deposit Islam.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Penilaian dan pemantauan risiko: Meneruskan pemantapan rangka kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko. Mengeluarkan Garis Panduan mengenai Jumlah Deposit yang Diinsuranskan dan Premium; Garis Panduan Program Pengesahan: Sistem Premium Berbeza dan Jumlah Deposit yang Diinsuranskan serta Garis Panduan mengenai Sistem Premium Berbeza. Melaksanakan Model Ramalan Penarafan bagi Sistem Amaran Awal bagi Sistem Insurans Deposit. Bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, Bahagian ini telah memulakan pembangunan rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful dan memulakan penyelidikan mengenai Model Ramalan Penarafan bagi Sistem Amaran Awal.</p> <p>Pembiayaan: Meneruskan pembangunan rangka kerja Dana Sasaran bagi perniagaan insurans am dan memulakan penyelidikan bagi perniagaan insurans hayat.</p> <p>Insurans deposit Islam: Terus mempengerusikan Kumpulan Insurans Deposit Islam, Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers – IADI</i>). Meneruskan pembangunan Prinsip Teras IADI bagi Sistem Insurans Deposit Islam yang Efektif.</p> <p>Perkongsian efektif: Terus mengekalkan hubungan kerjasama erat dengan pemegang kepentingan utama termasuk BNM, institusi-institusi ahli serta persatuan industri seperti Persatuan Insurans Am Malaysia, Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Persatuan Takaful Malaysia. Bersama-sama menganjurkan acara sukan kakitangan BNM-PIDM dengan tiga Jabatan Pengawalseliaan BNM. Mengadakan sesi perkongsian pengetahuan dengan delegasi daripada penginsurans deposit lain.</p>	<p>Penilaian dan pemantauan risiko: Meneruskan kajian semula dan pemantapan rangka kerja Penilaian dan Pemantauan Risiko. Bagi Sistem Insurans Deposit, menjalankan penyelidikan ke atas Model Ramalan Kegagalan bagi Sistem Amaran Awal. Berkenaan dengan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, terus membangunkan dan melaksanakan Sistem Penilaian Risiko Takaful dan Insurans, rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful dan membangunkan Model Ramalan Penarafan bagi Sistem Amaran Awal.</p> <p>Pembiayaan: Menyempurnakan pembangunan rangka kerja Dana Sasaran bagi perniagaan insurans am, hayat dan takaful.</p> <p>Insurans deposit Islam: Meneruskan sokongan kepada Kumpulan Insurans Deposit Islam, menganjurkan seminar mengenai insurans deposit Islam dan menumpukan usaha kami dalam menerajui pembangunan nota panduan, kertas penyelidikan dan prinsip teras yang berkaitan dengan operasi insurans deposit Islam.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN PERUNDANGAN

Bahagian ini menyediakan khidmat nasihat dan perundangan kepada PIDM berkenaan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwalnya, menyediakan kontrak dan dokumen untuk melindungi kepentingan PIDM serta memastikan pematuhan terhadap semua keperluan berkanun yang diguna pakai.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Perundangan: Terus mengadakan interaksi dengan pihak yang berkenaan untuk mendapatkan kelulusan bagi pindaan yang dicadangkan kepada Akta PIDM. Menyokong penggubalan perundangan subsidiari bagi melaksanakan Akta PIDM.</p> <p>Khidmat nasihat undang-undang: Menyediakan khidmat nasihat dan menyemak semula, memberi nasihat dan mendraf kontrak untuk PIDM apabila diperlukan. Terus memberi pengesahan bagi produk deposit yang ditawarkan oleh bank-bank ahli menerusi Sistem Pendaftaran Produk. Terus menyediakan sokongan perundangan berkaitan projek-projek utama PIDM.</p> <p>Program pematuhan bagi institusi ahli: Melaksanakan program pematuhan berkenaan dengan perundangan PIDM bagi bank-bank ahli serta mengeluarkan Garis Panduan mengenai Penilaian bagi Pematuhan oleh Anggota Penerima Deposit terhadap Akta PIDM dan Perundangan Subsidiari.</p> <p>Sistem Pengurusan Pengetahuan Perundangan: Menyempurnakan pembangunan Sistem Pengurusan Pengetahuan Perundangan untuk mengumpul semua maklumat termasuk sejarah, pembangunan, interpretasi, isu-isu dan kemungkinan pindaan kepada Akta PIDM.</p>	<p>Perundangan: Mendapatkan kelulusan yang diperlukan bagi pindaan yang dicadangkan kepada Akta PIDM dan menyokong penggubalan perundangan subsidiari yang diperlukan oleh PIDM.</p> <p>Khidmat nasihat undang-undang: Terus memberikan sokongan bagi hal-hal perundangan termasuk menyediakan draf kontrak bagi PIDM, pengesahan produk deposit yang ditawarkan oleh bank-bank ahli dan memberikan nasihat perundangan berkaitan dengan projek-projek utama.</p> <p>Program pematuhan bagi institusi ahli: Mengkaji semula hasil pematuhan kepada Garis Panduan mengenai Penilaian bagi Pematuhan oleh Anggota Penerima Deposit terhadap Akta PIDM dan Perundangan Subsidiari, serta membangunkan program pematuhan bagi ahli-ahli penginsurans.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN POLISI DAN ANTARABANGSA

Bahagian ini menilai dan membangunkan polisi mantap berkaitan dengan mandat dan operasi PIDM. Bahagian ini juga menerajui dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti hubungan antarabangsa.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Polisi dan peraturan: Terus membangunkan dan mengkaji semula polisi dan peraturan termasuk Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans serta Peraturan Terma dan Syarat Keahlian bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Mengeluarkan Garis Panduan bagi Ahli Penginsurans mengenai Pengemukaan Maklumat Produk, yang menghendaki ahli penginsurans mengemukakan maklumat mengenai produk takaful dan insurans yang dijual atau ditawarkan oleh ahli penginsurans.</p> <p>Perkongsian efektif: Terus mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan BNM dan pemegang kepentingan utama termasuk penginsurans deposit lain menerusi penyertaan aktif dalam IADI dan Forum Antarabangsa Skim Jaminan Insurans Insurans (<i>International Forum of Insurance Guarantee Schemes – IFIGS</i>). Menyumbang kepada IADI dan IFIGS, masing-masing sebagai ahli Majlis Eksekutif dan Jawatankuasa Eksekutif. PIDM memeterai Memorandum Persefahaman lanjutan bersama dengan Lembaga Penjamin Simpanan (<i>Indonesia Deposit Insurance Corporation – IDIC</i>) dan <i>Deposit Protection Agency</i>, Thailand dalam satu Mesyuarat Tiga Pihak untuk menggalakkan kerjasama dan pemindahan pengetahuan antara ketiga-tiga organisasi.</p> <p>Perkongsian pengetahuan: Untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran teknikal dan operasi dalam insurans deposit, kami secara aktif mengambil bahagian dalam pelbagai sesi perkongsian pengetahuan, menganjurkan lawatan sambil belajar bagi kakitangan PIDM dan menerima lawatan sambil belajar oleh penginsurans deposit lain, skim jaminan insurans dan bank-bank pusat. Bagi menimba pengalaman teknikal daripada pihak berkuasa resolusi lain, kami telah menganjurkan seminar teknikal bertajuk “Mengelola Institusi Terlalu Besar untuk Gagal (<i>Too Big Too Fail</i>): Mengukuhkan Kerjasama Rentas Sempadan dan Melaksanakan Pelan Pemulihan dan Resolusi Efektif”, yang dihadiri oleh peserta antarabangsa dan tempatan.</p> <p>Forum antarabangsa: Kami terus menyumbang dan mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai aktiviti IADI dan IFIGS. Kami menyertai 32 forum antarabangsa melibatkan peserta tempatan dan antarabangsa, dalam pelbagai kapasiti termasuk menggalakkan perkongsian pengetahuan menerusi mesyuarat, program sangkutan dan latihan dengan rakan sejawat kami, serta menyediakan pakar rujuk subjek untuk berucap di persidangan peringkat tempatan dan antarabangsa. Kami juga terlibat secara aktif dalam penyelidikan dan pembangunan panduan bagi insurans deposit di IADI dan juga aktif mempromosikan kewangan Islam melalui pembabitan antarabangsa kami. Kami terus menyokong program Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-Bank Pusat Asia Tenggara (<i>South East Asian Central Banks Research and Training Centre – SEACEN</i>) dengan menyediakan pakar subjek sebagai penceramah.</p>	<p>Polisi dan peraturan: Mengeluarkan Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans; Terma dan Syarat Keahlian bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans; Peraturan Pengemukaan Maklumat Insurans Deposit dan Garis Panduan mengenai Pengemukaan Maklumat Produk yang Dilindungi.</p> <p>Perkongsian efektif: Terus membina kredibiliti, reputasi dan keupayaan PIDM menerusi pembangunan polisi yang kukuh dan mantap. Terus membina perkongsian strategik dan mengekalkan hubungan baik dengan pemegang kepentingan utama tempatan dan antarabangsa bagi pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan. Menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan dan Persidangan IADI serta mesyuarat antarabangsa IFIGS.</p> <p>Forum antarabangsa: Meneruskan penglibatan dan sumbangan dalam IADI dan IFIGS bagi perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam mentadbir sistem perlindungan konsumen kewangan.</p>

Kajian Semula Operasi Dan Pencapaian Tahun 2014

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

Bahagian ini bertanggungjawab bagi pelaksanaan proses perancangan strategik PIDM, termasuk mengkaji semula bajet, memantau prestasi kewangan berbanding bajet serta membantu Lembaga Pengarah dan Pengurusan dalam penetapan hala tuju strategik Perbadanan dan pembangunan pelan strategik.

Pencapaian Utama pada Tahun 2014	Masa Hadapan
<p>Perancangan strategik: Memudahkan dan membantu bahagian-bahagian lain untuk membangunkan kad skor masing-masing dan menyelaraskan inisiatif kepada objektif, misi dan visi korporat. Mengendalikan Bengkel Kerja Perancangan Strategik tahunan bagi Pengurusan Kanan yang mana Bahagian ini mengendalikan perbincangan hala tuju strategik, andaian perancangan utama, Petunjuk Prestasi Utama dan inisiatif peringkat korporat dan bahagian termasuk inisiatif rentas fungsi. Mengendalikan sesi Perancangan Strategik Lembaga Pengarah tahunan dan mengkaji semula bajet secara terperinci, menyelaraskannya dengan inisiatif yang akan dilaksanakan bagi tempoh perancangan.</p> <p>Pengurusan prestasi: Meneruskan pemantauan prestasi PIDM pada setiap suku tahun berbanding sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Korporat yang telah diluluskan, termasuk prestasi kewangan berbanding bajet, dengan menggunakan pendekatan Kad Skor Terimbang. Laporan ini dibentangkan kepada Pengurusan dan Jawatankuasa Audit, serta diedarkan kepada Lembaga Pengarah.</p> <p>Tinjauan Kepuasan terhadap Perkhidmatan Antara Bahagian di Peringkat Korporat: Terus melaksanakan tinjauan di peringkat Korporat untuk mengukur tahap kepuasan kakitangan terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh setiap bahagian dan mengenal pasti pelan tindakan yang diperlukan untuk menangani kekurangan tersebut.</p> <p>Penerbitan korporat: Membangunkan Rancangan Korporat 2015 - 2017 yang menyatakan hala tuju strategik, fokus dan inisiatif PIDM serta menyokong pelan kewangan bagi tahun 2015 dan unjuran kewangan bagi tahun 2016 dan 2017. Bekerjasama dengan Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam serta Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, menyelaraskan dan menguruskan pembangunan dan penerbitan Rancangan Korporat dan Laporan Tahunan PIDM.</p>	<p>Perancangan strategik: Meneruskan penggunaan pakai pendekatan bersepadu dalam proses perancangan strategik, dengan mengambil kira kelebihan dan risiko yang dihadapi oleh PIDM, termasuk perancangan senario bagi memastikan pencapaian mandat, visi dan misi.</p> <p>Pengurusan prestasi: Meningkatkan proses pengurusan prestasi dengan memantau kemajuan inisiatif utama berbanding sasaran yang ditetapkan dalam Rancangan Korporat yang diluluskan, termasuk penggunaan bajet, dengan lebih kerap.</p> <p>Sistem Pengurusan Prestasi Korporat: Menambah baik kecekapan sistem.</p>

TINJAUAN KEWANGAN

KEPUTUSAN OPERASI

	2014 Sebenar RM'000	2014 Bajet RM'000	Perbezaan Sebenar berbanding Bajet		2013 Sebenar RM'000
			RM'000	%	
Hasil premium	310,998	301,000	9,998	3	245,100
Pendapatan pelaburan	63,732	61,000	2,732	4	56,142
Kerugian direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan	-	-	-	-	(650)
Jumlah Pendapatan	374,730	362,000	12,730	4	300,592
Manfaat kakitangan	47,623	54,850	7,227	13	44,185
Perhubungan awam dan pengiklanan	10,505	12,200	1,695	14	10,406
Susut nilai	7,143	8,000	857	11	7,590
Pajakan operasi	5,268	5,550	282	5	5,535
Perbelanjaan lain	13,400	20,400	7,000	34	14,341
Jumlah Perbelanjaan Operasi	83,939	101,000	17,061	17	82,057
Lebihan Bersih Operasi bagi Tahun Semasa	290,791	261,000	29,791	11	218,535
Keuntungan bersih bagi pelaburan sedia-untuk-dijual	-	-	-	-	182
Jumlah Pendapatan Komprehensif bagi Tahun Semasa	290,791	261,000	29,791	11	218,717

PERBELANJAAN MODAL

	2014 Sebenar RM'000	2014 Bajet RM'000	Perbezaan Sebenar berbanding Bajet		2013 Sebenar RM'000
			RM'000	%	
Tanah dan bangunan	16,446	17,000	554	3	2,104
Perabut, kelengkapan dan ubahsuai pejabat	69	120	51	43	330
Peralatan pejabat dan sistem komputer	2,338	9,630	7,292	76	2,454
Jumlah Perbelanjaan Modal	18,853	26,750	7,897	30	4,888

Tinjauan Kewangan

ULASAN PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2014

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014, kami mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM374.7 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM74.1 juta atau 24.7% berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan tersebut adalah disebabkan kenaikan hasil premium yang diterima dan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi pada tahun semasa, berikutan peningkatan dalam dana yang boleh dilabur dan kadar pulangan pelaburan yang meningkat pada tahun berkenaan.

Perbelanjaan operasi kami bagi tahun 2014 berjumlah RM83.9 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM1.8 juta atau 2.2% berbanding RM82.1 juta pada tahun 2013. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh perbelanjaan berkaitan kakitangan yang lebih tinggi. Perbelanjaan operasi adalah sebanyak RM17.1 juta atau 16.9% lebih rendah berbanding bajet. Kami akan terus mengamalkan pengurusan kewangan berhemat dan pengelolaan kewangan yang mampan dalam mencapai objektif kami seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Korporat. Rujuk halaman 83 – 91 untuk maklumat terperinci berkenaan keputusan operasi.

Lebih bersih kami berjumlah RM290.8 juta pada tahun 2014, iaitu peningkatan sebanyak RM72.3 juta dari tahun 2013.


Sehingga 31 Disember 2014, kami telah memeterai kontrak-kontrak sebanyak RM18.9 juta bagi perbelanjaan modal, iaitu 70.5% daripada RM26.8 juta yang dibajetkan bagi perbelanjaan modal pada tahun 2014. Perbezaan positif sebanyak 29.5% tersebut adalah disebabkan oleh penangguhan beberapa pembangunan sistem teknologi maklumat (IT) serta penjimatan kos daripada pembangunan dan naik taraf beberapa sistem operasi. Rujuk halaman 90 untuk maklumat lanjut.

Jumlah Kumpulan Dana bagi sistem masing-masing pada akhir tahun kewangan 2013 dan 2014 adalah seperti berikut:

Kumpulan Dana Mengikut Sistem	2014	2013	Perbezaan Tahun-ke-Tahun	
	RM'000	RM'000	RM'000	%
Sistem Insurans Deposit	973,123	768,355	204,768	27
Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,234,180	1,148,157	86,023	7
Jumlah	2,207,303	1,916,512	290,791	15

Lebih dalam Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans akan digunakan untuk menampung sebarang kerugian yang mungkin ditanggung dalam menyediakan perlindungan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans.

CARTA 1: ARAH ALIRAN KEWANGAN UTAMA DARI TAHUN 2010 HINGGA 2014



Tinjauan Kewangan


PENDAPATAN

Hasil Premium – Sistem Insurans Deposit


Premium tahunan yang dibayar oleh bank-bank ahli dikira berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya dan kadar premium yang diguna pakai. Bagi tahun taksiran 2014, jumlah premium yang diterima daripada bank-bank ahli berjumlah RM239.7 juta, peningkatan sebanyak RM59.4 juta atau 32.9% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah premium diterima ini adalah disebabkan semakin semula kadar premium yang diguna pakai bagi tahun taksiran 2014. Pertumbuhan dalam deposit bank-bank ahli juga menyumbang kepada peningkatan dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan.

Premium yang diterima bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional berjumlah RM199.3 juta, peningkatan sebanyak 31.6% daripada RM151.5 juta berbanding pada tahun sebelumnya. Bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam, premium yang diterima meningkat sebanyak 40.3% kepada RM40.4 juta, berbanding RM28.8 juta bagi tahun sebelumnya.

CARTA 2: ARAH ALIRAN JUMLAH DEPOSIT DIINSURANSKAN DARI TAHUN TAKSIRAN 2010 HINGGA 2014



CARTA 3: ARAH ALIRAN PREMIUM BAGI SISTEM INSURANS DEPOSIT DARI TAHUN KEWANGAN 2010 HINGGA 2014



Tinjauan Kewangan

Bagi tahun taksiran 2015, kami menjangka kutipan premium bagi Sistem Insurans Deposit ialah sebanyak RM297.5 juta. Peningkatan dalam premium ini akan disebabkan terutamanya oleh semakan semula kadar premium yang diguna pakai bagi tahun taksiran berkenaan, serta jangkakan pertumbuhan sederhana bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan.

Bagi tahun taksiran 2014, Jumlah Deposit Diinsuranskan berjumlah RM461.8 bilion berbanding RM433.3 bilion bagi tahun taksiran sebelumnya. Pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan sebanyak RM28.5 bilion atau 6.6% ini adalah disebabkan oleh arah aliran positif pertumbuhan deposit bank-bank ahli bagi tahun 2013. Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi urus niaga perbankan konvensional meningkat sebanyak RM20.8 bilion atau 5.5% dan berjumlah RM396.2 bilion pada akhir bukan Disember 2013. Bagi urus niaga perbankan Islam, Jumlah Deposit Diinsuranskan berjumlah RM65.6 bilion berbanding RM57.9 bilion pada tahun sebelumnya, peningkatan sebanyak RM7.7 bilion atau 13.3%.

Kadar premium yang diguna pakai ke atas bank-bank ahli adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berkenaan Dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2012, yang berkuat kuasa dari tahun taksiran 2013. Jadual 1 menerangkan kadar premium tahunan dan amaun minimum premium tahunan yang diguna pakai bagi kategori-kategori premium masing-masing.

JADUAL 1: KATEGORI PREMIUM SISTEM PREMIUM BERBEZA, KADAR PREMIUM TAHUNAN DISEMAK SEMULA DAN AMAUN MINIMUM PREMIUM TAHUNAN DARI TAHUN TAKSIRAN 2013 DAN SETERUSNYA

Kategori Premium	Kadar Premium Tahunan Disemak Semula			Amaun Minimum Premium Tahunan (RM)
	2013	2014	2015 dan Seterusnya	
1	0.04%	0.05%	0.06%	100,000
2	0.08%	0.10%	0.12%	200,000
3	0.16%	0.20%	0.24%	400,000
4	0.32%	0.40%	0.48%	800,000

Sejak tahun 2008, penentuan kadar premium bank-bank ahli adalah berdasarkan kategori premium yang dinyatakan di bawah Sistem Premium Berbeza, yang mana bank-bank ahli dengan profil risiko yang lebih rendah diletakkan dalam kategori premium yang lebih baik berbanding dengan bank-bank ahli yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi. Sistem Premium Berbeza adalah bertujuan untuk menyediakan kesaksamaan dalam proses pentaksiran premium serta memberikan insentif kepada bank-bank ahli untuk memantapkan amalan pengurusan risiko mereka dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan. Sistem Premium Berbeza ini disemak secara berterusan bagi memastikan kriteria dan petunjuk sedia ada kekal terkini dan relevan sejajar dengan perubahan dan perkembangan dalam persekitaran operasi dan keperluan kawal selia. Bermula pada tahun taksiran 2015, bank-bank ahli akan ditaksir berdasarkan rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang telah disemak semula.

Hasil Premium – Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Sama seperti Sistem Premium Berbeza bagi bank-bank ahli, Sistem Levi Berbeza adalah bertujuan untuk memperkenalkan kesaksamaan dalam proses penilaian premium serta menyediakan insentif yang lebih baik bagi ahli penginsurans untuk memantapkan amalan pengurusan risiko mereka dan meminimumkan pengambilan risiko berlebihan. Sistem Levi Berbeza membezakan ahli penginsurans mengikut profil risiko mereka dan mengklasifikasikan mereka kepada empat kategori premium. Ahli-ahli dengan profil risiko yang lebih rendah membayar premium yang lebih rendah berbanding dengan ahli-ahli yang berada dalam kategori risiko yang lebih tinggi. Jadual 2 menyenaraikan kategori premium dengan kadar premium yang sepadan dan premium tahunan minimum yang perlu dibayar.

JADUAL 2: JENIS URUS NIAGA, KADAR PREMIUM DAN AMAUN MINIMUM PREMIUM TAHUNAN SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

Kategori Premium	Kadar Premium bagi Urus Niaga Insurans Hayat	Kadar Premium bagi Urus Niaga Insurans Am	Amaun Minimum Premium Tahunan (RM)
1	0.025%	0.05%	75,000
2	0.05%	0.10%	150,000
3	0.10%	0.20%	300,000
4	0.20%	0.40%	600,000

Tinjauan Kewangan

Pada masa ini, rangka kerja Sistem Levi Berbeza tidak diguna pakai kepada pengendali takaful. Oleh itu, pengendali takaful akan terus mengguna pakai sistem kadar rata dalam pengiraan premium yang perlu dibayar tertakluk kepada premium tahunan minimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

JADUAL 3: JENIS URUS NIAGA, KADAR PREMIUM DAN AMAUN MINIMUM PREMIUM TAHUNAN SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

Jenis Urus Niaga	Kadar Premium Rata	Amaun Minimum Premium Tahunan (RM)
Takaful Perpaduan Keluarga	0.06%	150,000
Takaful Am	0.25%	150,000


Rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful dirancang untuk pelaksanaan bermula dari tahun taksiran 2016 dan seterusnya. Pada 15 Disember 2014, kami telah mengeluarkan kertas perundingan untuk mendapatkan pandangan daripada orang awam, khususnya pengendali takaful mengenai rangka kerja Sistem Levi Berbeza yang dicadangkan bagi pengendali takaful.

Premium tahunan yang perlu dibayar oleh ahli penginsurans dikira berdasarkan kadar premium yang diguna pakai (rujuk Jadual 2 dan Jadual 3) dan jumlah liabiliti penilaian aktuari sijil atau polisi yang layak¹ setakat 31 Disember tahun taksiran sebelumnya bagi urus niaga takaful perpaduan keluarga atau insurans hayat, dan jumlah caruman bersih atau premium bersih sijil atau polisi yang layak yang diterima pada tahun taksiran sebelumnya bagi urus niaga takaful am atau insurans am.

Bagi tahun taksiran 2013, PIDM telah membenarkan pelarasan peralihan yang mana ahli penginsurans telah mendapat manfaat daripada 10% pelarasan peralihan yang diberikan sekali sahaja pada tahun tersebut. Apabila Sistem Levi Berbeza dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun taksiran 2014, jumlah premium yang diterima daripada ahli penginsurans meningkat kepada RM71.3 juta, berbanding RM64.8 juta pada tahun sebelumnya. Di samping itu, pertumbuhan konsisten dalam jumlah liabiliti penilaian aktuari dan premium atau caruman bersih, yang membentuk asas bagi pengiraan premium, juga menyumbang kepada peningkatan jumlah premium yang diterima.


Dengan jangkaan penambahbaikan berterusan dalam kategori premium Sistem Levi Berbeza ahli penginsurans, kami menjangka pembelanjawan jumlah premium sebanyak RM66.9 juta bagi tahun taksiran 2015.

CARTA 4: ARAH ALIRAN PREMIUM BERSIH, CARUMAN BERSIH DAN LIABILITI PENILAIAN AKTUARI BAGI TAHUN TAKSIRAN 2011 HINGGA 2014



¹ Sijil atau polisi yang layak merujuk kepada sijil atau polisi yang mengandungi sebahagian atau kesemua manfaat yang dilindungi di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, seperti yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Manfaat Dilindungi) 2011, Perintah-Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Had Manfaat Dilindungi) 2011, dan Garis Panduan mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: Pengemukaan Laporan mengenai Pengiraan Premium bagi Urus Niaga Takaful dan Insurans (2011)

Tinjauan Kewangan




Pendapatan Berkaitan Pelaburan

PIDM beroperasi menurut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PIDM serta polisi yang diluluskan berkaitan dengan pengurusan risiko kewangan, iaitu risiko-risiko kecairan, pasaran dan kredit. Polisi Pelaburan kami membenarkan pelaburan dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang diterbitkan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia atau sekuriti gred pelaburan tinggi yang dikeluarkan oleh entiti berkaitan Kerajaan, yang dijamin Kerajaan atau mempunyai penarafan minimum AAA, dengan tempoh kematangan yang berbeza-beza. Polisi kami adalah untuk memegang pelaburan sehingga tempoh matangnya.



Bagi pengurusan tunai operasi harian, kami terus melabur dalam sekuriti denominasi Ringgit Malaysia jangka pendek yang diterbitkan oleh Kerajaan atau Bank Negara Malaysia serta penempatan lebih dana operasi dalam deposit pasaran wang jangka pendek.

Portfolio pelaburan kami juga terdiri daripada sekuriti pelaburan yang sebelum ini merupakan sebahagian daripada portfolio Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang pernah diuruskan oleh Bank Negara Malaysia yang dipindahkan kepada PIDM pada 30 September 2011. Pada tahun 2011, kelulusan khas daripada Lembaga Pengarah diperoleh untuk mengecualikan sekuriti pelaburan tertentu, iaitu Sekuriti Kerajaan tempoh jangka panjang dan Sekuriti Hutang Swasta gred tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan daripada mematuhi Polisi Pelaburan diluluskan. Sekuriti pelaburan ini dipegang sehingga tempoh matang yang relevan.

Pendapatan pelaburan kami bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM63.7 juta (Kumpulan Dana Insurans Deposit: RM26.2 juta, Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: RM37.5 juta), iaitu lebih tinggi daripada bajet disebabkan oleh peningkatan dalam dana yang boleh dilabur dan kenaikan kadar pulangan pelaburan yang dicatatkan pada tahun berkenaan. Kadar Efektif Pulangan Purata Berwajaran bagi kesetaraan tunai lain dan pelaburan serta penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek adalah sebanyak 2.96% (2013: 2.85%) dan 3.08% (2013: 3.05%) masing-masing bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit serta Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Butiran terperinci Kadar Efektif Pulangan Purata Berwajaran mengikut jenis portfolio serta mengikut Kumpulan Dana masing-masing terdapat dalam Nota 12(c) kepada penyata kewangan.



Tinjauan Kewangan


CARTA 7: ARAH ALIRAN KADAR EFEKTIF PULANGAN PURATA BERWAJARAN BAGI KESETARAAN TUNAI LAIN (PELABURAN JANGKA PENDEK) DAN PELABURAN DARI TAHUN 2011 HINGGA 2014**CARTA 8: ARAH ALIRAN KADAR EFEKTIF PULANGAN PURATA BERWAJARAN BAGI PENEMPATAN DALAM DEPOSIT PASARAN WANG JANGKA PENDEK DARI TAHUN 2011 HINGGA 2014****PERBELANJAAN OPERASI**

Jumlah perbelanjaan operasi kami bagi tahun 2014 berjumlah RM83.9 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM1.8 juta atau 2.2% daripada RM82.1 juta pada tahun 2013. Peningkatan perbelanjaan operasi dari tahun-ke-tahun adalah berkait secara langsung dengan usaha-usaha kami untuk mengukuhkan operasi kami bagi kedua-dua Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Jumlah perbelanjaan operasi adalah RM17.1 juta atau 16.9% lebih rendah berbanding bajet. Perbezaan positif berbanding bajet ini disebabkan perbelanjaan manfaat kakitangan yang lebih rendah serta perbelanjaan yang lebih rendah bagi khidmat profesional dan perundingan, perbelanjaan berkaitan komunikasi, susut nilai, perbelanjaan perjalanan, latihan dan pembangunan, kos penganjuran acara antarabangsa dan program biasiswa.

Pendekatan kami terhadap bajet bagi perbelanjaan operasi adalah untuk menggunakannya sebagai suatu rancangan dan bukanlah matlamat akhir kami untuk membelanjakan kesemua bajet operasi yang telah diluluskan. Sepanjang tahun semasa, kami membuat keputusan untuk berbelanja berdasarkan maklumat terkini dan lain-lain perkembangan operasi. Arah aliran perbelanjaan operasi kami dijangka meningkat secara sederhana dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Tinjauan Kewangan


Carta berikut menggambarkan arah aliran perbelanjaan operasi kami bagi tempoh lima tahun lepas.



Manfaat Kakitangan

Kakitangan kami merupakan aset terpenting PIDM. Bagi tahun kewangan semasa, kami terus memberi tumpuan ke atas pembangunan dan pengekalan kemahiran dan kepakaran bagi tujuan pengurusan penggantian dan untuk menyokong keupayaan strategik dan operasi PIDM. Strategi kami adalah bagi menyediakan ganjaran yang berdaya saing yang ditanda aras kepada pasaran am, untuk menarik minat tenaga kerja yang sesuai dan mengekalkan kakitangan kami.

PIDM terus melatih dan membangunkan keupayaan dan kecekapan kakitangannya melalui pelbagai usaha bagi menyokong kesediaan operasinya dan memastikan kemampunan dalam jangka masa panjang. Kecekapan kakitangan dipertingkatkan melalui peruntukan inisiatif pembelajaran dan pembangunan yang relevan dan perkongsian pengetahuan serta melalui kerjasama dengan pakar tempatan dan antarabangsa bagi bidang berkaitan. Sebagai sebahagian daripada perancangan pengurusan penggantian untuk mengukuhkan barisan sokongan bagi jawatan Pengurusan utama dan kritikal, pengganti yang berpotensi telah dikenal pasti dan sedang dilatih untuk memegang peranan penting apabila diperlukan dengan penekanan untuk menyediakan pasukan kepimpinan yang mantap dan berkeupayaan tinggi. Peluang penggiliran kerja juga telah dimulakan bagi kakitangan dalam peranan tertentu dan mereka yang mempunyai kemahiran yang diperlukan dan berpotensi.




Bagi tahun 2014, perbelanjaan manfaat dan ganjaran kakitangan adalah berjumlah RM47.6 juta (2013: RM44.2 juta), iaitu peningkatan sebanyak 7.7% berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan berkaitan kakitangan yang lebih tinggi adalah disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam sumber yang diperlukan bagi bidang-bidang utama dalam memastikan keberkesanan dan kesediaan operasi serta pengurusan penggantian. Peningkatan dalam perbelanjaan manfaat kakitangan mengikut tahun-ke-tahun juga adalah disebabkan oleh impak kos penuh kakitangan baharu dalam separuh tahun kedua 2013 yang telah ditunjukkan sepenuhnya pada tahun 2014.

Tinjauan Kewangan

Perbezaan positif sebanyak RM7.2 juta atau 13.1% lebih rendah berbanding bajet bagi perbelanjaan manfaat kakitangan adalah disebabkan terutamanya oleh pelarasan keseluruhan pasaran yang lebih rendah bagi gaji pokok kakitangan serta bilangan kakitangan yang lebih rendah pada penghujung tahun berkenaan disebabkan oleh pengaturan masa pengambilan kakitangan baharu berbanding dengan rancangan.

Perhubungan Awam dan Pengiklanan

CARTA 11: ARAH ALIRAN PERBELANJAAN PERHUBUNGAN AWAM DAN PENGIKLANAN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2014



Inisiatif komunikasi dan kesedaran awam terus memainkan peranan penting dalam operasi Perbadanan ke arah mendidik dan membina kefahaman mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan bagi tahun 2014 berjumlah RM10.5 juta, 1% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya, tetapi 14% lebih rendah berbanding bajet. Bajet bagi perhubungan awam dan pengiklanan bagi tahun 2014 terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif komunikasi utama mengikut Pelan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun PIDM, iaitu kempen pengiklanan dan aktiviti perhubungan awam termasuk taklimat dan jerayawara, interaksi dengan pihak media dan program pendidikan kami.

Majoriti kos berkaitan perhubungan awam dan pengiklanan pada tahun berkenaan adalah berkaitan dengan kempen pengiklanan serta program pendidikan. Pengiklanan terus menjadi pendasar inisiatif komunikasi kami untuk menekankan mesej utama mengenai ciri-ciri dan manfaat Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam kalangan audiens sasaran kami. Bagi tahun ini, kos bagi kempen pengiklanan kami berjumlah RM7.6 juta, meningkat sedikit sebanyak 2.7% daripada tahun sebelumnya (2013: RM7.4 juta).


Kami terus melaksanakan program pendidikan Projek PIDM MoneySmart pada tahun 2014 dan memperkenalkan pertandingan "Rakam atau Lukis, Hantar dan Menang" serta pertandingan kuiz dan meneruskan Permainan Dalam Talian dan Cabaran Sekolah bagi sekolah menengah. Kami juga meneruskan Cabaran Kampus bagi pelajar peringkat pengajian tinggi. Sehingga kini, program pendidikan kami telah memberi manfaat secara langsung kepada hampir 1 juta orang pelajar dan 4,000 orang guru daripada 2,239 sekolah dan 150 institusi pengajian tinggi.

PIDM akan terus melaksanakan inisiatif Pelan Komunikasi Bersepadu bagi tahun 2015 dengan matlamat untuk memantapkan kefahaman mengenai Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dan menggalakkan keyakinan terhadap peranan PIDM, menyumbang kepada kesedaran dan celik kewangan, khususnya dalam kalangan generasi muda, serta meningkatkan interaksi dengan institusi ahli dan rakan kongsi strategik PIDM. Rujuk kepada Bahagian 7 untuk maklumat terperinci mengenai inisiatif kesedaran awam PIDM.

Tinjauan Kewangan

Perbelanjaan Modal dan Susut nilai


Kami meneruskan pembangunan infrastruktur operasi yang kukuh dan efektif, khususnya sistem IT. Pada tahun 2014, kami meneruskan tumpuan kami untuk mengukuhkan dan membangunkan sistem IT teras serta pembangunan Pusat Pemulihan Bencana kekal.



Sehingga 31 Disember 2014, kami telah memeterai kontrak-kontrak sebanyak RM18.9 juta bagi perbelanjaan modal, iaitu 70.5% daripada RM26.8 juta yang dibajetkan bagi perbelanjaan modal pada tahun 2014. Perbezaan positif tersebut disebabkan terutamanya oleh:

- penangguhan pelantikan pembekal untuk membangunkan Sistem Pembayaran Balik Premium dan Pengurusan Tuntutan, kerana keperluan untuk memperoleh pandangan dan keupayaan pihak industri dalam menyediakan data yang diperlukan dan memenuhi keperluan PIDM di bawah peraturan-peraturan mengenai manfaat yang dilindungi adalah perlu sebelum pembangunan sistem tersebut;
- untuk memantapkan secara dalaman model yang dipermudah sedia ada, yang memperincikan semua keperluan maklumat dan hubungan antara maklumat tersebut sebelum melantik khidmat perunding luar untuk membangunkan Model Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans; dan
- penjimatan kos bagi pembangunan dan naik taraf beberapa sistem operasi.

Sehingga penghujung tahun 2014, pembinaan Pusat Pemulihan Bencana telah siap 11% dan keseluruhan projek dijangka siap mengikut jadual pada tahun 2016.





Perbelanjaan susut nilai bagi tahun semasa berjumlah RM7.1 juta, iaitu 6.6% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya dan 11.3% lebih rendah berbanding bajet. Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan aset-aset yang boleh disusut nilai, tempoh masa permodalan sistem IT pada tahun semasa dan penangguhan inisiatif IT yang dirancang bagi tahun 2014 hingga 2015.

Tinjauan Kewangan

Pajakan Operasi dan Perbelanjaan Lain

Kategori perbelanjaan ini berkait dengan perbelanjaan am dan pentadbiran, seperti sewa pejabat, fi khidmat profesional dan perundingan, perbelanjaan latihan dan pembangunan, perbelanjaan perjalanan, kos pencetakan dan alat tulis serta kos telekomunikasi.

CARTA 14: ARAH ALIRAN PAJAKAN OPERASI DAN PERBELANJAAN LAIN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2014**CARTA 15: ARAH ALIRAN BUTIRAN UTAMA DALAM PAJAKAN OPERASI DAN PERBELANJAAN LAIN DARI TAHUN 2010 HINGGA 2014**

Perbelanjaan pajakan operasi sebanyak RM5.3 juta berkait dengan sewa pejabat, sewa ruang bagi Tapak Pemulihan Bencana kami dan pajakan peralatan pejabat. Penurunan sedikit dalam pajakan operasi berbanding tahun sebelum ini adalah disebabkan oleh kos sewaan yang lebih rendah bagi kemudahan penyimpanan am. Perbelanjaan pajakan operasi juga adalah lebih rendah berbanding bajet.

Perbelanjaan lain turun sebanyak 6.3% daripada RM14.3 juta pada tahun 2013 kepada RM13.4 juta pada tahun 2014, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih rendah untuk khidmat pakar runding bagi pembangunan rangka kerja dan simulasi berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan serta khidmat penasihat undang-undang. Perbelanjaan lain adalah lebih rendah berbanding bajet sebanyak RM7 juta atau 34.3% disebabkan terutamanya oleh pengaturan masa dan penjimatan bagi pelaksanaan beberapa aktiviti utama, khususnya pelantikan khidmat pakar runding bagi tugas-tugas berkaitan intervensi dan resolusi kegagalan serta nasihat undang-undang, perbelanjaan perjalanan, latihan dan pembangunan, penganjuran acara antarabangsa serta perbelanjaan pencetakan dan alat tulis.

Tinjauan Kewangan


Penyata Nilai Tambahan

Nilai tambahan ialah ukuran dana yang dihasilkan oleh PIDM daripada operasinya. Penyata Nilai Tambahan menunjukkan jumlah nilai kewangan dana yang diwujudkan dalam tahun kewangan ini dan pengagihannya kepada pemegang kepentingan utama: (i) pemegang kepentingan dalaman, iaitu, kakitangan; (ii) orang awam melalui inisiatif perhubungan awam dan pengiklanan; dan (iii) dana terkumpul dalam Kumpulan Dana masing-masing bagi melindungi institusi ahli kami.

	2014 RM'000	2013 RM'000
Nilai Tambahan		
Hasil premium*	310,998	245,100
Pendapatan pelaburan*	63,732	56,142
Perbelanjaan operasi tidak termasuk manfaat kakitangan, perhubungan awam dan pengiklanan serta susut nilai*	(18,668)	(19,876)
Kerugian direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan*	-	(650)
Nilai tambahan tersedia untuk diagihkan	356,062	280,716
Pengagihan Nilai Tambahan		
Kepada kakitangan:		
Perbelanjaan manfaat kakitangan*	47,623	44,185
Kepada orang awam:		
Perbelanjaan perhubungan awam dan pengiklanan*	10,505	10,406
Dikekalkan dalam PIDM:		
Susut nilai*	7,143	7,590
Kumpulan Dana		
- Dana Insurans Deposit Konvensional	170,322	127,126
- Dana Insurans Deposit Islam	34,446	24,152
- Dana Perlindungan Insurans Am	40,779	30,269
- Dana Perlindungan Insurans Hayat	37,320	29,894
- Dana Perlindungan Takaful Am	2,560	2,391
- Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga	5,364	4,703
Jumlah diagihkan kepada Kumpulan Dana	290,791	218,535
Jumlah yang diagihkan	356,062	280,716

* Sila rujuk kepada Nota 20 kepada Penyata Kewangan untuk butiran pendapatan dan perbelanjaan yang diperuntukkan kepada setiap Kumpulan Dana

Tinjauan Kewangan


CARTA 16: PERUNTUKAN NILAI TAMBAHAN BAGI TAHUN 2014 DAN 2013

Hasil premium dan pendapatan pelaburan selepas ditolak perbelanjaan operasi PIDM disalurkan terutamanya ke arah pengumpulan Kumpulan Dana. Oleh sebab dana yang boleh dilabur semula bagi setiap Kumpulan Dana meningkat dari tahun ke tahun, pendapatan pelaburan yang boleh dijana kepada setiap Kumpulan Dana juga akan meningkat. Dalam suatu tempoh masa akan datang, ini akan menyebabkan pengagihan kepada Kumpulan Dana ini meningkat manakala pengagihan kepada kakitangan akan berkurangan. Pada masa hadapan, kami menjangkakan pendapatan pelaburan akan mencukupi untuk menampung perbelanjaan operasi secara keseluruhan, dan dengan itu, kesemua premium yang diterima daripada institusi-institusi ahli akan hanya dijana sepenuhnya ke arah pengumpulan Kumpulan Dana tersebut.

Maklumat Segmen

Dalam mentadbir Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, kami menyenggara enam Kumpulan Dana berbeza secara berasingan bagi setiap segmen urus niaga yang kami sediakan perlindungan konsumer kewangan. Tiada percampuran dana antara enam Kumpulan Dana berasingan ini bagi memastikan tiada pemberian subsidi rentas antara segmen urus niaga serta untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan Syariah bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam serta Kumpulan Dana Perlindungan Takaful.


Pengkreditan dan peruntukan kesemua pendapatan dan perbelanjaan dilaksanakan menurut peruntukan dalam Akta PIDM. Kesemua pendapatan disalurkan kepada Kumpulan Dana khusus atau Kumpulan Dana yang berkaitan dengannya. Perbelanjaan pula dicajkan kepada Kumpulan Dana masing-masing mengikut keperluan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011 (Perintah Peruntukan Kos). Berdasarkan Perintah Peruntukan Kos, perbelanjaan langsung dicajkan terus kepada Kumpulan Dana masing-masing manakala perbelanjaan tidak langsung dicajkan sama ada kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit atau Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans atau dicajkan kepada kesemua enam Kumpulan Dana, berasaskan kepada premium yang diterima pada tahun sebelumnya. Nota 2.2(f) di dalam penyata kewangan memperincikan asas dan peratusan peruntukan yang digunakan untuk memperuntukkan perbelanjaan tidak langsung kepada Kumpulan Dana masing-masing menurut Perintah Peruntukan Kos.

CARTA 17: ARAH ALIRAN PERBELANJAAN OPERASI YANG DICAJKAN KEPADA KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT DAN KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS DARI TAHUN 2011 HINGGA 2014


Tinjauan Kewangan

Perubahan ketara dalam peruntukan perbelanjaan operasi antara Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada tahun semasa adalah disebabkan oleh premium yang lebih tinggi diterima bagi Sistem Insurans Deposit selepas semakan semula kepada kadar premium bermula tahun taksiran 2013, serta premium yang lebih rendah diterima khususnya daripada ahli penginsurans konvensional susulan pelaksanaan Sistem Levi Berbeza pada tahun 2013.


Daripada perspektif enam Kumpulan Dana ini, pembahagian jumlah perbelanjaan operasi kepada Kumpulan Dana masing-masing bagi tahun 2014 dihuraikan dalam Carta 18 di bawah.



Kami terus menumpukan usaha untuk mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan bagi memastikan kesediaan operasi bagi kedua-dua Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Ini termasuk memantapkan infrastruktur IT serta proses, polisi dan prosedur operasi terutamanya bagi fungsi intervensi dan resolusi kegagalan kami serta fungsi-fungsi insurans, penilaian dan pemantauan risiko.




Tinjauan Kewangan


CARTA 19B: ARAH ALIRAN KEWANGAN UTAMA (PERBELANJAAN OPERASI) BAGI ENAM KUMPULAN DANA DARI TAHUN 2011 HINGGA 2014**CARTA 19C: ARAH ALIRAN KEWANGAN UTAMA (LEBIH BERSIH OPERASI) BAGI ENAM KUMPULAN DANA DARI TAHUN 2011 HINGGA 2014**

Carta 19A, 19B dan 19C menunjukkan imbasan mengenai arah aliran kewangan utama bagi kesemua enam Kumpulan Dana dari tahun 2011 hingga 2014. Butiran terperinci mengenai kedudukan kewangan serta prestasi kewangan enam Kumpulan Dana tersebut boleh didapati dalam Nota 20 kepada penyata kewangan.

Tinjauan Kewangan



Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2014 berjumlah RM973.1 juta, iaitu peningkatan sebanyak 26.7% daripada tahun sebelumnya. Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional meningkat kepada RM831.3 juta atau sebanyak 25.8% manakala Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam meningkat kepada RM141.8 juta atau sebanyak 32.1%.



Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada 31 Disember 2014 berjumlah RM1.2 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 4% daripada tahun sebelumnya. Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am meningkat sebanyak 4% manakala Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat meningkat sebanyak 35.8%. Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am dan Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga masing-masing meningkat sebanyak 39.5% dan 40.9%. Pertumbuhan rendah yang agak ketara bagi Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am berbanding Kumpulan-kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang lain terutamanya disebabkan daripada asas kumpulan dana yang lebih besar disebabkan oleh pemindahan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans kepada PIDM pada tahun 2011.

Tinjauan Kewangan

SOROTAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN


CARTA 22: KOMPOSISI ASET PADA 31 DISEMBER 2014

PELABURAN
98.1%

HARTANAH DAN PERALATAN
0.8%

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI
0.7%


ASET-ASET LAIN
0.4%



CARTA 23: PENGELASAN TUNAI, KESETARAAN TUNAI DAN PELABURAN PADA 31 DISEMBER 2014

PELABURAN - RM2.2 BILION,
99.3%

DEPOSIT DENGAN BNM SERTA TUNAI DALAM TANGAN DAN DI BANK - RM15.3 JUTA,
0.7%



Tunai, Kesetaraan Tunai dan Pelaburan pada 31 Disember 2014

Aset kami kekal cair dengan tunai, kesetaraan tunai dan pelaburan pada 31 Disember 2014 berjumlah RM2.2 bilion, iaitu 98.8% daripada jumlah aset.

Pada 31 Disember 2014, jumlah tunai dan kesetaraan tunai kami (termasuk pelaburan jangka pendek kurang daripada 90 hari dari tarikh beli), deposit serta tunai dalam tangan dan di bank berjumlah RM15.3 juta (Kumpulan Dana Insurans Deposit: RM12.1 juta dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans: RM3.2 juta).


Pada 31 Disember 2013, pelaburan kami berjumlah RM2.2 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 15.8% berbanding RM1.9 bilion pada tahun 2013. Kesemua pelaburan ini dikelaskan sebagai pelaburan pegangan-hingga-matang dan dinyatakan dalam penyata kewangan pada nilai kos yang diselaraskan bagi akresi diskaun ditolak pelunasan premium.

CARTA 24: KOMPOSISI SEKURITI PELABURAN (TERMASUK KESETARAAN TUNAI) PADA 31 DISEMBER 2014

SEKURITI DAN PELABURAN KERAJAAN MALAYSIA - RM1,060.3 JUTA,
48.7%

BIL DAN NOTA BOLEH NIAGA BNM - RM1,044.7 JUTA,
48.0%

SEKURITI HUTANG SWASTA - RM70.7 JUTA,
3.3%



Semua kesetaraan tunai dan pelaburan (kecuali sekuriti pelaburan yang dipindahkan daripada portfolio Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans) dilaburkan menurut Polisi Pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pelaburan-pelaburan ini pada 31 Disember 2014 terdiri daripada Bil dan Nota Boleh Niaga BNM serta Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia dengan tempoh jangka pendek dari 92 hari hingga 361 hari. Tempoh paling panjang bagi pelaburan ini adalah sehingga bulan November 2015. Bagi portfolio bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans, kelulusan khas Lembaga Pengarah telah diperoleh untuk mengekalkan kesemua sekuriti pelaburan Kerajaan (termasuk tempoh melebihi 36 bulan) serta Sekuriti Hutang Swasta yang diterbitkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan. Tempoh paling panjang bagi sekuriti pelaburan yang dikekalkan ini adalah sehingga bulan Julai 2021. Rujuk Nota 21(b) kepada penyata kewangan bagi pecahan portfolio (mengikut Kumpulan Dana) dan tempoh matang pelaburan.

Sumber dan kegunaan tunai dan kesetaraan tunai dihuraikan dalam Penyata Aliran Tunai dalam Bahagian 4 Laporan Tahunan ini. Kami juga telah menyediakan Penyata Aliran Tunai menggunakan kaedah tidak langsung yang dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

Tinjauan Kewangan

Hartanah dan Peralatan serta Aset-aset Lain pada 31 Disember 2014

Hartanah dan peralatan kami pada 31 Disember 2014 berjumlah RM19.2 juta (2013: RM17.2 juta). Tambahan utama kos bagi hartanah dan peralatan pada tahun 2014 adalah disebabkan oleh kos pembinaan Pusat Pemulihan Bencana dan pembangunan sistem IT, terutamanya Sistem Pengurusan Maklumat Perundangan.

Aset-aset lain terdiri daripada deposit dan prabayaran, pendapatan pelaburan belum terima, aset-aset lain dan akaun belum terima lain berjumlah RM8.5 juta. Baki pada akhir tahun adalah 4.3% lebih rendah berbanding tahun sebelumnya disebabkan terutamanya oleh pengurangan dalam pendapatan pelaburan belum terima kerana Sekuriti Hutang Swasta dalam portfolio Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang telah matang pada tahun semasa telah dilabur semula ke dalam Bil dan Nota Boleh Niaga BNM serta Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia.

Pelaburan dalam Subsidiari pada 31 Disember 2014

Kami telah memperbadankan lima subsidiari pada tahun 2012 sebagai sebahagian daripada usaha kami bagi memastikan kesediaan operasi bagi melaksanakan sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Subsidiari ini ditubuhkan mengikut seksyen 10 Akta PIDM bagi tujuan menjalankan fungsi, kuasa dan tanggungjawab kami. Subsidiari yang diperbadankan termasuklah sebuah syarikat pengurusan aset dan empat institusi perantara (iaitu sebuah bank konvensional, sebuah bank Islam, sebuah syarikat insurans dan sebuah pengendali takaful). Subsidiari-subsidiari ini diperbadankan sebagai sebahagian daripada pelan kesediaan lebih awal kami bagi menangani sebarang kegagalan institusi ahli dan justeru, akan kekal dorman sehinggalah diaktifkan untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan yang perlu. Nama subsidiari-subsidiari ini ialah:

1. The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad
2. The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad
3. The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad
4. The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad
5. The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad

Asas perakaunan serta butiran terperinci subsidiari-subsidiari ini dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Nota 2.2(b), Nota 3.1(a) dan Nota 7 kepada penyata kewangan.

Liabiliti pada 31 Disember 2014

Liabiliti kami termasuk akaun belum bayar bagi utiliti, perkhidmatan komunikasi, sistem IT, peruntukan bagi cuti yang belum digunakan serta perkhidmatan yang disediakan bagi mendapatkan khidmat perunding dan bekalan barangan.

SUMBER PEMBIAYAAN DAN KEUPAYAAN KEWANGAN

Rangka kerja pembiayaan

Sebagai sebuah badan berkanun, sumber pembiayaan kami dan keupayaan masa hadapan bagi memenuhi liabiliti dan komitmen yang berbangkit jelas dinyatakan di dalam Akta PIDM. PIDM perlu mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk mentadbir dan mengendalikan dengan efektif Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mapan. Ketersediaan sumber kewangan adalah penting bagi memastikan kami berupaya memenuhi obligasi kami dengan tahap keyakinan yang tinggi apabila perlu. Sebagai pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan, kami mempunyai pendedahan langsung terhadap kerugian akibat fungsi melindungi deposit yang disimpan di bank-bank ahli serta manfaat takaful dan insurans yang disediakan oleh ahli penginsurans. Sehingga tarikh ini, tiada sebarang peristiwa yang memerlukan PIDM merekodkan peruntukan khusus di dalam penyata kewangan menurut MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Rangka kerja pembiayaan kami menekankan kepada keperluan bagi sumber kewangan mencukupi untuk melaksanakan mandat kami dengan efektif serta menangani pendedahan risiko yang kami hadapi. Objektif utama rangka kerja pembiayaan PIDM adalah untuk (i) memastikan ketersediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi membolehkan PIDM membiayai operasi harian; dan (ii) membina rizab bagi memastikan PIDM berupaya memenuhi obligasi masa hadapan kepada pendeposit serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans. Rangka kerja pembiayaan tersebut mengambil kira peranan PIDM sebagai salah satu daripada pihak berkuasa jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan serta menyediakan objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luarnya.

Tinjauan Kewangan

Pembiayaan Dalaman

Dana dalaman kami dibangunkan menerusi pengumpulan lebih bersih daripada operasi PIDM. Lebih bersih tahunan dikredit dan dikumpulkan ke dalam Kumpulan Dana masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa hadapan yang mungkin berbangkit akibat daripada menyediakan sistem perlindungan konsumen kewangan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, perbelanjaan operasi dikreditkan kepada Kumpulan Dana masing-masing menurut asas peruntukan kos seperti dihuraikan dalam Nota 2.2(f) di dalam penyata kewangan dan tiada percampuran dana antara Kumpulan-kumpulan Dana tersebut.

Kumpulan Dana Insurans Deposit

Kumpulan Dana Insurans Deposit ialah rizab terkumpul bertujuan untuk menampung kerugian insurans bersih akibat daripada menyediakan perlindungan insurans deposit. Menurut Akta PIDM, PIDM menyenggara Kumpulan Dana Insurans Deposit berasingan bagi kedua-dua Sistem Insurans Deposit konvensional dan Islam. Kumpulan Dana Insurans Deposit dikumpul daripada lebih bersih tahunan yang merupakan lebih hasil premium dan pendapatan pelaburan selepas ditolak perbelanjaan operasi bagi tahun tertentu.

Dana Sasaran bagi Sistem Insurans Deposit

Pada tahun 2011, PIDM telah membangunkan satu rangka kerja untuk menentukan paras rizab Kumpulan Dana Insurans Deposit yang kami sasar untuk dikumpulkan dalam tempoh jangka panjang bagi memenuhi objektif dan mandat kami. Paras rizab ini (yang dikenali sebagai Dana Sasaran) merupakan paras dana yang perlu untuk menampung kerugian insurans bersih akibat daripada aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Dana Sasaran biasanya dihuraikan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan, dan bagi PIDM, dana ini dikhususkan sebagai jajaran paras sasaran (jajaran rendah dan jajaran tinggi).

Jajaran Dana Sasaran kami telah ditetapkan antara 0.6% hingga 0.9% bagi Jumlah Deposit Diinsuranskan bagi kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit konvensional dan Islam. Berdasarkan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2013, jajaran ini ialah antara RM2.4 bilion dan RM3.6 bilion bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit konvensional dan antara RM393 juta dan RM590 juta bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam. Pemodelan Dana Sasaran telah disemak semula pada tahun semasa sebagai sebahagian daripada proses semakan semula tahunan, dan kesimpulannya ialah paras Dana Sasaran sedia ada masih terkini dan relevan.

Paras semasa Kumpulan Dana Insurans Deposit berbanding jajaran Dana Sasaran disenaraikan dalam jadual berikut:

JADUAL 4: PARAS KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT SEHINGGA 31 DISEMBER 2013 DAN 2014				
Kumpulan Dana Insurans Deposit	Dana Sasaran			
	2014 Sebenar RM Juta / %	2013 Sebenar RM Juta / %	Jajaran Rendah RM Juta / %	Jajaran Tinggi RM Juta / %
Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional				
Baki	831.3	660.9	2,377	3,566
Peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan*	0.21%	0.18%	0.6%	0.9%
Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam				
Baki	141.8	107.4	393	590
Peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan*	0.22%	0.19%	0.6%	0.9%

* Berdasarkan kepada Jumlah Deposit Diinsuranskan sehingga 31 Disember 2013

Penentuan Dana Sasaran adalah berasaskan kepada keadaan makro-ekonomi dalam pasaran yang kemungkinan secara langsung atau tidak langsung memberi kesan kepada kadar kemungkinan kegagalan bank-bank ahli. Dana Sasaran ini yang ditetapkan sebagai jajaran dan dinyatakan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan bergantung kepada beberapa faktor, yang antara lainnya termasuk profil risiko setiap bank ahli, jangkaan pendedahan kewangan kepada PIDM dalam menyediakan perlindungan insurans deposit serta jangkaan pendapatan semula daripada sebarang potensi aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Dana Sasaran ini tidak statik dan akan dikaji semula serta disahkan setiap tahun bagi memastikan paras dana ini relevan dan sejajar dengan sebarang perubahan dalam andaian atau input.

Tinjauan Kewangan

Dalam membangunkan Dana Sasaran, kami mengguna pakai kedua-dua pendekatan saintifik menerusi penggunaan pemodelan statistik serta pendekatan mengikut budi bicara dalam menentukan jajaran Dana Sasaran.

Pendekatan pemodelan – Kami menggunakan pemodelan statistik bagi menilai anggaran pendedahan kewangan bersih terhadap PIDM dalam menyediakan perlindungan insurans deposit. Model-model ini mengandaikan dua pendekatan meluas yang mungkin diguna pakai dalam menangani bank ahli bermasalah: (a) pembubaran bank ahli dan (b) resolusi bagi memastikan urusan niaga yang berterusan. Model statistik ini menentukan jangkaan kerugian bagi PIDM dengan menggunakan pemboleh ubah input utama berikut:

- (i) **Kebarangkalian Kegagalan (*Probability of Default*)** – Kebarangkalian Kegagalan mengukur kadar kebarangkalian bank ahli gagal dalam tempoh masa khusus. Dalam menentukan Kebarangkalian Kegagalan, data penarafan telah diperolehi daripada Institusi Penilaian Kredit Luaran antarabangsa – seperti Standard & Poors, Moody's serta Fitch. Jika terdapat lebih daripada satu penarafan bagi sesebuah institusi, penarafan purata digunakan;
- (ii) **Pendedahan Semasa Kegagalan (*Exposure At Default*)** – Pendedahan Semasa Kegagalan merupakan pendedahan kewangan kepada PIDM sekiranya berlaku kegagalan bank ahli. PIDM mengguna pakai Pendedahan Semasa Kegagalan yang berbeza bagi pendekatan resolusi secara pembubaran dan resolusi bagi memastikan urusan niaga yang berterusan. PIDM menggunakan Jumlah Deposit Diinsuranskan (pada had RM250,000 bagi setiap pendeposit di setiap bank ahli) sebagai Pendedahan Semasa Kegagalan bagi pendekatan resolusi secara pembubaran dan permodalan semula sebagai proksi bagi memastikan urusan niaga yang berterusan; dan
- (iii) **Kerugian Akibat Kegagalan (*Loss Given Default*)** – Kerugian Akibat Kegagalan ditakrif sebagai kerugian bersih kepada PIDM selepas mengambil kira pendapatan semula sebarang tindakan intervensi dan resolusi kegagalan bagi bank ahli tidak berdaya maju. Kerugian Akibat Kegagalan yang diguna pakai juga mengambil kira pendekatan resolusi secara pembubaran dan resolusi bagi memastikan urusan niaga yang berterusan.

Dalam menganggarkan Dana Sasaran menggunakan model statistik, kami menggunakan pendekatan simulasi Monte Carlo yang melibatkan pemprosesan 10 juta senario kerugian secara rawak bagi membina agihan kerugian statistik. Bagi setiap senario percubaan, kerugian insurans ditentukan menerusi pemboleh ubah input yang dihuraiakan di atas. Daripada agihan kerugian inilah ditentukan paras dana yang perlu untuk menampung kerugian berasaskan kepada tahap keyakinan tertentu. Dalam mengenal pasti paras dana yang wajar, kami menggunakan tahap keyakinan 98.75%.

Pendekatan mengikut budi bicara – Dalam menentukan jajaran Dana Sasaran, kami juga mengambil kira faktor kualitatif seperti mandat dan kuasa perundangan PIDM, landskap industri perbankan dan persekitaran operasi serta rejim kawal selia dan penyeliaan kewangan di Malaysia. Faktor-faktor kualitatif ini digunakan secara langsung dalam model statistik atau digunakan dalam penentuan jajaran Dana Sasaran.

Risiko dan Sensitiviti Pemodelan Dana Sasaran

Proses penganggaran paras Dana Sasaran tertakluk kepada ketidakpastian kerana input-input kepada model tersebut adalah berasaskan kepada set andaian. Justeru, model tersebut didasarkan dan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti berikut:

- (i) **Persekitaran operasi** - Model tersebut berasaskan kepada andaian bahawa persekitaran yang mana bank ahli beroperasi tidak berubah dengan ketara pada masa terdekat. Ini termasuk keadaan ekonomi dan profil risiko setiap individu bank ahli, landskap industri perbankan serta rejim pengawalseliaan. Perubahan ketara atau drastik kepada ciri-ciri tersebut atau ciri-ciri yang lain yang relevan mungkin menghasilkan paras Dana Sasaran yang berbeza berbanding apa yang dianggarkan sebelum ini. Kami berpandangan bahawa keadaan ekonomi semasa dan risiko-risiko yang memberi kesan kepada bank-bank ahli dijangka tidak berubah dengan ketara dalam masa terdekat. Namun demikian, persekitaran operasi akan dikaji semula dan disahkan terhadap model yang digunakan setiap tahun;

Tinjauan Kewangan

- (ii) **Jumlah Deposit Diinsuranskan** - Jumlah Deposit Diinsuranskan merupakan petunjuk Pendedahan Semasa Kegagalan yang digunakan dalam pemodelan paras Dana Sasaran. Justeru, perubahan ketara dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan akan memberi kesan langsung kepada Pendedahan Semasa Kegagalan serta paras Dana Sasaran; dan
- (iii) **Mandat dan kuasa** - Mandat dan kuasa PIDM digariskan di dalam Akta PIDM, yang antara lain membolehkan PIDM melaksanakan intervensi dan resolusi terhadap institusi bermasalah dengan segera bagi meminimumkan kesan kegagalan institusi tersebut terhadap sistem kewangan. Pemodelan dan anggaran Dana Sasaran dibuat berdasarkan kepada mandat dan kuasa terkini yang digariskan di dalam Akta PIDM. Sebarang perubahan ketara kepada mandat dan kuasa PIDM mungkin menjejaskan andaian pemodelan dan anggaran paras Dana Sasaran. Bagaimanapun, kami tidak menjangka akan berlakunya sebarang perubahan ketara dalam mandat dan kuasa PIDM dalam tempoh terdekat ini.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kami mengkaji semua model Dana Sasaran kami setiap tahun bagi memastikan model ini relevan dan bersesuaian dengan sebarang perubahan dalam andaian atau input yang digunakan. Kajian semula tahunan kami bagi Dana Sasaran bagi tahun 2014 menunjukkan bahawa jajaran Dana Sasaran sedia ada masih terkini dan relevan.

Masa-Capaian-Dana

Masa-Capaian-Dana merujuk kepada tempoh masa (biasanya ditetapkan sebagai bilangan tahun) yang diperlukan untuk mencapai paras Dana Sasaran yang ditentukan, dengan mengambil kira paras premium yang dicajkan kepada bank ahli serta paras lebihan bersih yang akan dikumpulkan setiap tahun.

Selepas mengambil kira persekitaran operasi dan impak kepada industri perbankan, kami telah menentukan Masa-Capaian-Dana yang wajar bagi mencapai jajaran rendah paras Dana Sasaran, iaitu 0.6% daripada Jumlah Deposit Diinsuranskan, adalah antara 10 dan 12 tahun (bermula dari tahun 2012).

Pada tahun 2012, kami memperoleh kelulusan daripada Menteri Kewangan untuk meningkatkan secara beransur-ansur kadar premium yang dinilai ke atas bank-bank ahli bermula tahun taksiran 2013. Kadar premium disemak semula ini akan membolehkan PIDM mencapai paras Dana Sasaran dalam Masa-Capaian-Dana yang ditetapkan.

Masa-Capaian-Dana ini didasarkan dan bergantung kepada faktor-faktor berikut:

- (i) **Pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan** – Apabila kadar pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan lebih tinggi daripada yang dijangkakan, anggaran Masa-Capaian-Dana akan turut bertambah. Begitu juga sebaliknya, sekiranya kadar pertumbuhan Jumlah Deposit Diinsuranskan lebih rendah daripada yang dijangkakan;
- (ii) **Pendapatan pelaburan** – Premium diterima daripada bank ahli dilaburkan dalam pelaburan berpendapatan tetap yang stabil dan berisiko rendah. Justeru, pulangan pelaburan yang berbeza daripada pulangan pelaburan yang dijangkakan akan memberi kesan sebaliknya kepada Masa-Capaian-Dana, yang mana kadar faedah lebih tinggi daripada yang dijangkakan akan menghasilkan Masa-Capaian-Dana yang lebih singkat; dan
- (iii) **Perbelanjaan operasi** – Pada masa hadapan, perbelanjaan operasi kami dijangka meningkat sedikit dan akan mula stabil selepas semua sumber yang diperlukan diperoleh dan semua infrastruktur, sistem dan proses utama telah dibangunkan dan dilaksanakan.

Jadual berikut menunjukkan bagaimana Masa-Capaian-Dana akan menerima kesan daripada kemungkinan perubahan dalam pemboleh ubah input model utama berbanding andaian asas:

JADUAL 5: KEMUNGKINAN PERUBAHAN DALAM PEMOLEH UBAH INPUT MODEL UTAMA BERBANDING ANDAIAN ASAS	
Senario	Variasi kepada Andaian Input Berbanding Kes Asas
Senario paling baik	- 2% penurunan dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan;
	- 0.5% peningkatan dalam hasil bagi pelaburan; dan
	- 10% penurunan dalam perbelanjaan operasi.
Senario paling kurang baik	- 2% peningkatan dalam Jumlah Deposit Diinsuranskan;
	- 0.5% penurunan dalam hasil bagi pelaburan; dan
	- 10% peningkatan dalam perbelanjaan operasi.

Tinjauan Kewangan

JADUAL 6: ANALISIS SENSITIVITI MASA-CAPAIAAN-DANA

Senario	Masa-Capaian-Dana
Kes asas	8 – 10 tahun
Senario baik	7 – 8 tahun
Senario kurang baik	11 – 12 tahun

Kami akan terus memantau dan melapor kemajuan dalam mencapai paras Dana Sasaran setiap tahun. Berdasarkan tahap semasa lebih terkumpul dan kadar premium diluluskan, kami menjangka bahawa jajaran rendah Dana Sasaran dapat dicapai dalam tempoh lapan hingga 10 tahun akan datang.

Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans mula dikumpulkan menerusi pembayaran levi oleh ahli penginsurans dalam tahun taksiran 2011. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dikumpulkan daripada lebih bersih tahunan, iaitu hasil premium dan pendapatan pelaburan selepas ditolak perbelanjaan operasi bagi tahun tertentu. Sama seperti Kumpulan Dana Insurans Deposit, kami mengekalkan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans berasingan bagi kesemua kumpulan dana dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Baki Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

JADUAL 7: BAKI KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS PADA 31 DISEMBER 2014

	Insurans Am RM Juta	Insurans Hayat RM Juta	Takaful Am RM Juta	Takaful Perpaduan Keluarga RM Juta
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,065.2	141.4	9.1	18.5

PIDM sedang memuktamadkan rangka kerja Dana Sasaran bagi industri insurans am untuk dilaksanakan pada tahun 2015. PIDM akan membangunkan satu rangka kerja Dana Sasaran untuk Dana-dana yang selebihnya dalam Kumpulan Dana Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans bagi tempoh beberapa tahun akan datang.

Pembiayaan Luaran

Kami boleh mendapatkan dana luaran sama ada menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pasaran modal atau sumber-sumber lain sekiranya dianggap perlu dan wajar. Akta PIDM memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menyediakan pinjaman Kerajaan kepada PIDM bagi memenuhi obligasinya. Pinjaman seumpama ini akan berdasarkan kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kewangan. Pembiayaan juga boleh diperolehi daripada pasaran modal, iaitu melalui penerbitan sekuriti hutang yang dijamin Kerajaan, apabila keadaan persekitaran atau pasaran adalah kondusif untuk berbuat demikian.

Justeru, dengan adanya pembiayaan dalaman dan luaran yang tersedia kepada PIDM, keupayaan kewangan PIDM untuk memenuhi obligasinya adalah terjamin.

RINGKASAN RANCANGAN KORPORAT 2015 - 2017

Di PIDM, kami percaya pengetahuan merupakan suatu yang ampuh untuk semua. Kami berusaha untuk terus mendidik orang ramai mengenai sistem perlindungan kewangan agar mereka berupaya membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang sejajar dengan matlamat kewangan dan aspirasi mereka. Dengan berbuat demikian, keyakinan awam terhadap sistem kewangan akan dikekalkan. Dalam menggalakkan kestabilan sistem kewangan, Perbadanan perlu terus memperkukuhkan keupayaan dan keberkesanan operasi kami, bagi memastikan kemampunan jangka panjang.

Rancangan Korporat kami dibangunkan berdasarkan pendekatan bersepadu, yang menggabungkan proses pengurusan risiko yang mengenal pasti dan mengurus risiko utama yang boleh menghalang Perbadanan daripada mencapai objektifnya. Kami juga telah memasukkan perancangan senario dengan objektif untuk bertindak secara berkesan sekiranya berlaku suatu intervensi atau resolusi institusi ahli yang bermasalah. Berikut ialah ringkasan Rancangan kami yang harus dirujuk bersama dengan Rancangan Korporat 2015 – 2017 yang boleh didapati di laman web kami di www.pidm.gov.my.

STRATEGI KAMI

Bagi tempoh perancangan 2015 - 2017, hala tuju strategik yang berikut akan memacu aktiviti PIDM:

“Perbadanan terus menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dalam memenuhi mandat berkanunnya dengan keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh. Penekanan adalah bagi kemampunan jangka panjang dan meneruskan keberkesanan operasi dalam semua bahagian. Kami, terutamanya, akan:

- membangunkan organisasi pembelajaran dinamik yang menggalak dan memudahkan cara bekerja yang saling berhubung menerusi pembelajaran, perkongsian dan kerjasama baik secara berterusan, serta memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan dalam Perbadanan;
- menumpukan kepada pengurusan tenaga kerja termasuk meningkatkan kecekapan kakitangan dan perancangan pengurusan penggantian;
- mengukuhkan hubungan dengan pemegang kepentingan utama; dan
- meningkatkan tahap kesedaran awam dan pendidikan konsumen kewangan terhadap sistem perlindungan PIDM.”

BIDANG TUMPUAN KAMI

Bidang-bidang berikut akan menjadi tumpuan utama kami dalam tempoh perancangan 2015 - 2017.

Mengukuhkan Keberkesanan dan Kesediaan Operasi

Oleh sebab kesediaan operasi kekal menjadi keutamaan bagi Perbadanan, adalah penting untuk memastikan pengukuhan yang berterusan dalam semua bidang, terutamanya dalam penilaian risiko dan pemantauan institusi ahli kami serta kapasiti intervensi dan resolusi kegagalan. Infrastruktur dan proses yang perlu akan terus diperkukuh bagi menyokong keupayaan dan kapasiti Perbadanan untuk menangani sesuatu intervensi dan resolusi kegagalan institusi ahli serta resolusi institusi kewangan yang besar dan kompleks dengan segera. Kerjasama dan hubungan kerja kami dengan pemegang kepentingan utama juga penting.

Penilaian dan Pemantauan Risiko: Sepanjang tahun kebelakangan ini, Perbadanan telah berjaya menyediakan asas yang kukuh untuk fungsi penilaian dan pemantauan risiko bagi membolehkan Perbadanan mengenal pasti dan bertindak balas dengan segera terhadap risiko yang berpotensi menjejaskan institusi ahli. Untuk memastikan bahawa rangka kerja, sistem dan infrastruktur sedia ada kekal berkesan, kami terus mengikuti perkembangan dan perubahan kepada peraturan dan polisi yang memberi kesan kepada institusi ahli. Kami juga terus mengkaji semula dan meningkatkan rangka kerja dan infrastruktur sedia ada bagi memastikan ia kekal relevan.

Dalam tempoh perancangan ini, kami akan memulakan aktiviti-aktiviti berikut:

- (a) pengukuhan kepada Sistem Penilaian Risiko bagi Sistem Insurans Deposit;
- (b) penyempurnaan Sistem Penilaian Risiko Takaful dan Insurans;
- (c) pembangunan Model Ramalan Penarafan bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans;
- (d) pembangunan rangka kerja Sistem Levi Berbeza untuk pengendali takaful;
- (e) penyempurnaan rangka kerja Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans; dan
- (f) pembangunan Prinsip Teras IADI bagi Sistem Insurans Deposit Islam yang Efektif.

Ringkasan Rancangan Korporat 2015 - 2017

Intervensi dan Resolusi Kegagalan: Kesediaan untuk menjalankan sesuatu intervensi dan resolusi kegagalan terhadap institusi ahli bermasalah merupakan usaha berterusan yang memerlukan penambahbaikan proses, infrastruktur dan kecekapan yang berterusan dengan objektif untuk mengoptimumkan kecekapan dan keberkesanan proses persediaan dan perancangan untuk melaksanakan tindakan resolusi. Pada tahun 2014, kami telah memulakan Fasa 2 pelan hala tuju kesediaan operasi yang menunjukkan tahap kesediaan yang dimantapkan yang mana Perbadanan boleh menjalankan tindakan intervensi dan resolusi kegagalan dengan lebih berkesan dan terkawal. Kami akan meneruskan Fasa 2 dalam tempoh perancangan ini.

Perbadanan juga akan terus bekerjasama dengan BNM dalam pembangunan Rangka Kerja dan Garis Panduan Perancangan Pemulihan dan Resolusi untuk tujuan berurusan dengan institusi kewangan yang bermasalah di Malaysia secara teratur tanpa menyebabkan gangguan sistemik yang serius kepada sistem kewangan negara.

Inisiatif-inisiatif utama lain yang dirancang yang akan disempurnakan dalam tempoh perancangan ialah:

- (a) pembangunan Model Penilaian, yang akan membolehkan pelbagai analisis dibuat terhadap kos resolusi untuk tindakan resolusi yang berbeza, dengan menggunakan data yang diperolehi daripada pelaksanaan ketekunan wajar dan pemeriksaan persediaan; dan
- (b) pembangunan Sistem Pembayaran Balik Premium, Sistem Pengurusan Tuntutan dan Sistem Pengurusan Pembayaran yang akan membantu dalam proses pembayaran balik bagi manfaat yang dilindungi kepada pemilik polisi apabila berlaku pembubaran sesebuah ahli penginsurans.

Memantapkan Infrastruktur dan Operasi: Memandangkan teknologi terus berkembang dan kebergantungan Perbadanan terhadap teknologi terus meningkat, pelaburan untuk memastikan kestabilan sistem serta integriti dan keselamatan maklumat adalah penting. Perbadanan akan terus membangun dan meningkatkan sistem operasi teras dan keupayaan yang menyokong fungsi penilaian risiko dan Intervensi dan Resolusi Kegagalan serta memperluas kerjasama maklumatnya bagi membolehkan kemudahan untuk menambah baik komunikasi, pengurusan dokumen dan akses maklumat. Keselamatan maklumat bagi data Perbadanan akan dimantapkan menerusi penggunaan pakai piawai yang diterima pakai industri bagi keselamatan maklumat dan pelaksanaan instrumen tambahan untuk mengurangkan ancaman siber dan kebocoran maklumat.

Berhubung dengan pengurusan kesinambungan urusan, kami perlu memastikan kesinambungan fungsi urusan Perbadanan yang penting sekiranya berlaku apa-apa kejadian dan / atau bencana yang boleh membawa kepada gangguan terhadap operasi atau fungsi-fungsinya. Pembinaan Pusat Pemulihan Bencana tetap kini sedang dalam proses penyempurnaan mengikut tempoh perancangan.

Membangunkan Organisasi Pembelajaran Dinamik dan Tumpuan kepada Pengurusan Tenaga Kerja

Selaras dengan hala tuju strategik, Perbadanan akan berusaha ke arah membangunkan organisasi pembelajaran melalui pembangunan berterusan, peningkatan kemahiran, pengekalan dan pengambilan tenaga kerja berprestasi tinggi. Untuk menyokong usaha ini, kaedah penilaian seperti penilaian 360 darjah dan inventori pemprofilan kerjaya akan terus digunakan untuk pembangunan kepimpinan dan pengurusan kerjaya. Usaha perancangan pengurusan penggantian untuk membangunkan lagi kekuatan barisan kepimpinan Pengurusan utama dan jawatan kritikal serta penggiliran kerja, peminjaman dan peluang perkongsian kerja juga akan diteruskan.

Perbadanan komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan menggalakkan budaya korporat yang positif kerana ini akan menggalakkan penglibatan kakitangan dan meningkatkan prestasi. Ini disokong oleh pakej ganjaran yang kompetitif, tinjauan kepuasan kerja kakitangan dan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kakitangan.

Meningkatkan Tahap Kesedaran Awam dan Pendidikan Konsumer Kewangan

Meningkatkan kesedaran awam merupakan suatu proses berterusan dalam jangka masa panjang dan perlu dikekalkan. Bagi tujuan ini, Perbadanan akan melaksanakan strategi komunikasi yang diperkukuhkan bagi sepanjang tempoh perancangan untuk menyokong pencapaian mandatnya, iaitu untuk menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia.

Perbadanan akan meneruskan inisiatif komunikasinya seperti taklimat, jerayawara, sesi latihan, seminar serta akreditasi dan sesi Melatih Pelatih untuk membina kefahaman lebih baik mengenai PIDM serta ciri-ciri, manfaat dan had-had Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Program pendidikan kami, yang dipertingkatkan dengan aktiviti baharu dan kreatif juga akan terus dilaksanakan, termasuk interaksi bersama generasi muda melalui media sosial. Keberkesanan strategi dan inisiatif komunikasi Perbadanan dikaji semula dan ditingkatkan secara berterusan, berdasarkan keputusan kaji selidik akhir tahun kesedaran konsumer di seluruh negara, serta perbincangan kumpulan fokus.

Ringkasan Rancangan Korporat 2015 - 2017

Butiran terperinci mengenai inisiatif utama dalam menyokong objektif korporat kami dihuraikan dalam Kad Skor Korporat 2015 - 2017 seperti yang terdapat di Lampiran.

SOKONGAN PELAN KEWANGAN DAN UNJURAN

Pelan Kewangan 2015 telah dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif 2015 serta pengurusan operasi harian kami.

Hasil premium dibajetkan sebanyak RM364.5 juta, terdiri daripada unjuran sebanyak RM297.5 juta (81.6%) daripada bank ahli dan RM67.0 juta (18.4%) daripada ahli penginsurans. Premium daripada bank ahli adalah berasaskan kepada struktur kadar Sistem Premium Berbeza manakala premium daripada ahli penginsurans konvensional adalah berasaskan kepada kadar Sistem Levi Berbeza. Premium daripada pengendali takaful akan terus berasaskan kepada struktur kadar rata. Digabungkan dengan pendapatan pelaburan yang dibajetkan sebanyak RM74.8 juta, jumlah pendapatan PIDM dijangka berjumlah RM439.3 juta bagi tahun 2015.

Jumlah perbelanjaan operasi dibajetkan sebanyak RM109.0 juta, manakala perbelanjaan modal dibajetkan sebanyak RM19.6 juta. Pada akhir tahun 2015, kami mengunjurkan lebih bersih daripada operasi sebanyak RM330.3 juta, yang akan meningkatkan jumlah Kumpulan Dana yang ditadbir oleh PIDM kepada RM2.5 bilion, yang terdiri daripada RM1.2 bilion bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit dan RM1.3 bilion untuk Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Unjuran kewangan bagi tahun 2016 dan 2017 telah disediakan berasaskan ramalan dan andaian konservatif berhubung dengan arah aliran hasil dan perbelanjaan Perbadanan sebelum ini. Andaian-andaian kewangan utama termasuklah seperti berikut:

- (a) Premium dijangka meningkat sebanyak 6% setahun.
- (b) Jumlah perbelanjaan operasi dijangka meningkat masing-masing sebanyak 4% dan 5% pada tahun 2016 dan 2017.
- (c) Tiada kegagalan institusi ahli diandaikan dalam tempoh perancangan ini.

MELANGKAH KE HADAPAN

Dalam menuju tahun ke-10 operasi kami, kami terus melakar kemajuan ke arah mencapai visi kami untuk menjadi pihak berkuasa perlindungan konsumen kewangan dengan amalan terbaik. Ini dapat dicapai melalui pelaksanaan berkesan Rancangan kami dengan sokongan pasukan kerja yang berdedikasi, kerjasama erat dengan peserta jaringan keselamatan kewangan yang lain serta usaha sama dengan pemegang kepentingan utama kami.





BAHAGIAN EMPAT PENYATA KEWANGAN

107 Laporan Lembaga Pengarah	
111 Pernyataan Pengarah	
112 Akuan Berkanun	
113 Persijilan Ketua Audit Negara	
114 Penyata Kedudukan Kewangan	
	115 Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain
	116 Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab
	118 Penyata Aliran Tunai
	119 Nota kepada Penyata Kewangan

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH

Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

AKTIVITI UTAMA

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa campur tangan dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional serta bagi manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful perpaduan keluarga. Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan Dana berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat kumpulan Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Kumpulan Dana yang berasingan tersebut.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	2014	2013
	RM'000	RM'000
Lebih bersih bagi tahun kewangan:		
Kumpulan Dana Insurans Deposit	204,768	151,278
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (tidak termasuk Pendapatan Komprehensif Lain)	86,023	67,257
Jumlah lebih bersih	290,791	218,535

Tiada pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam Penyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab.

Para Pengarah berpendapat bahawa hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Jumlah Dana terkumpul pada akhir tahun kewangan ialah:

	2014	2013
	RM'000	RM'000
Kumpulan Dana Insurans Deposit:		
Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional	831,270	660,948
Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam	141,853	107,407
Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit	973,123	768,355
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:		
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am	1,065,215	1,024,436
Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat	141,432	104,112
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am	9,042	6,482
Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga	18,491	13,127
Jumlah Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	1,234,180	1,148,157

Laporan Lembaga Pengarah

PARA PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 ialah:

- Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (Pengerusi)
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah
- Dato' Halipah Esa
- Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff
- Encik Mohamad Abdul Halim Ahmad
- Encik George Anthony David Dass
- Encik Lim Tian Huat
- Encik Alex Foong Soo Hah

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah adalah Pengarah *ex officio* atas dasar jawatan mereka, menurut subseksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada Pengarah *ex officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut subseksyen 11(2) Akta PIDM.

MANFAAT PENGARAH

Tidak wujud pada akhir tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, sebarang pengaturanan yang melibatkan PIDM, dimana para Pengarah berkemungkinan menerima apa-apa manfaat menerusi perolehan saham atau debentur mana-mana badan korporat yang lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Pengarah yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat daripada emolumen diterima atau dibayar kepada para Pengarah, seperti mana dinyatakan di Nota 15 dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM atau perbadanan berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah itu ialah seorang ahli atau dengan syarikat yang mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

HUTANG LAPUK DAN HUTANG RAGU DAN KAEDAH PENILAIAN

Sebelum Penyata Keuntungan atau Kerugian dan Pendapatan Komprehensif Lain serta Penyata Kedudukan Kewangan disediakan, para Pengarah telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan tiada penghapusan hutang lapuk atau peruntukan hutang ragu yang diketahui perlu dibuat, dan para Pengarah juga tidak mengetahui akan apa-apa keadaan yang memerlukan penghapusan hutang lapuk atau peruntukan hutang ragu yang perlu dibuat. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang akan memerlukan jumlah hutang lapuk dihapus kira atau peruntukan hutang ragu diperuntukkan dalam penyata kewangan PIDM.

Para Pengarah juga telah berpuas hati bahawa pihak Pengurusan telah mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi menentukan nilai-nilai aset dan liabiliti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan PIDM. Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang berbangkit yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

Laporan Lembaga Pengarah

PERKARA LUAR BIASA

Sepanjang tempoh antara tahun kewangan berakhir dengan tarikh laporan ini, hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa yang mana laporan ini disediakan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau kejadian penting dan luar biasa.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Sepanjang tahun semasa, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards – MFRS*) 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerjasama rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera. Walaubagaimanapun, PIDM bergantung kepada badan kawal selia untuk mengambil tindakan awal yang perlu untuk mengelakkan daripada kegagalan institusi ahli.

PIDM mengukuhkan disiplin kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza yang menyediakan insentif yang kukuh kepada bank-bank ahli dan ahli penginsurans konvensional untuk menggunakan pakai amalan pengurusan risiko yang utuh dan mantap termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Satu Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful sedang melalui proses perundingan industri dan dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun 2016.

Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan Kumpulan Dananya menerusi pengumpulan lebih bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi.

Lebih terkumpul disimpan di dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ianya berlaku. Lebih terkumpul di dalam sesuatu Kumpulan Dana tidak boleh digunakan untuk menampung kewajipan Kumpulan Dana yang lain. Seperti yang dibincangkan di Nota 10 dalam penyata kewangan, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit. PIDM sedang memuktamadkan suatu rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am yang akan dilaksanakan dalam tahun 2015. PIDM akan membangunkan suatu rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana-Dana lain dalam Kumpulan Dana Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Lain-lain liabiliti luar jangka

Berdasarkan pernyataan yang dibuat oleh pihak Pengurusan, para Pengarah berpendapat bahawa selain daripada pendedahan kepada kerugian yang dibincangkan di atas, tidak wujud:

- (i) sebarang liabiliti luar jangka selepas berakhirnya tahun kewangan; dan
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah berkuat kuasa atau berkemungkinan akan berkuat kuasa dalam tempoh 12 bulan selepas berakhir tahun kewangan ini, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan PIDM untuk memenuhi kewajipannya apabila tiba masanya.

Laporan Lembaga Pengarah

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

PIDM telah memperbadankan lima subsidiari sebagai sebahagian daripada usaha PIDM bagi memastikan kesediaan operasi untuk melaksanakan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Menurut seksyen 10, Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipannya. Subsidiari tersebut diperbadankan awal sebagai sebahagian daripada kesediaan operasi PIDM sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dorman sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu. Asas perakaunan serta butiran subsidiari-subsidiari dihuraikan dengan lanjut di Nota 2.2(c), Nota 3.1(a) dan Nota 7 kepada penyata kewangan.

TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- (i) Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards - MFRS*) yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2014, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- (ii) Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam serta Kumpulan Dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah



Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
Pengerusi Lembaga Pengarah



Encik Lim Tian Huat
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
3 Mac 2015

PERNYATAAN PENGARAH

Kami, Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias dan Encik Lim Tian Huat, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan telah disediakan dan dibentangkan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan *Malaysian Financial Reporting Standards* yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2014, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam serta Kumpulan Dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi yang telah diluluskan oleh para Pengarah



Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias
Pengerusi Lembaga Pengarah



Encik Lim Tian Huat
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur
3 Mac 2015

AKUAN BERKANUN

OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM) dan *Malaysian Financial Reporting Standards* yang berkenaan, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2014, hasil operasi dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam serta Kumpulan Dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir mengikut keperluan Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan. Kepatuhan kepada sistem kawalan dan amalan disahkan oleh fungsi audit dalaman yang bebas yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa transaksi telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM serta Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses kepada semua dokumen dan rekod PIDM semasa melaksanakan audit. Juruaudit juga mempunyai akses kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah melalui resolusi yang telah diluluskan pada 3 Mac 2015.

Kami, Jean Pierre Sabourin dan Noorida binti Baharuddin, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 3 Mac 2015



Jean Pierre Sabourin
Ketua Pegawai Eksekutif



Noorida binti Baharuddin
Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar,
Bahagian Kewangan dan Pentadbiran

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah



Level 16, Menara Tokio Marine Life,
189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Keuntungan Atau Kerugian Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Dana Dan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan signifikan dan nota penjelasan yang lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta 702). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit


Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA
18 MAC 2015

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER

	Nota	31.12.2014 RM'000	31.12.2013 RM'000 Dinyatakan Semula	1.1.2013 RM'000 Dinyatakan Semula
ASET				
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	15,290	180,701	34,293
Pelaburan				
<i>Pelaburan sedia-untuk-dijual</i>	5a	-	-	4,859
<i>Pelaburan pegangan-hingga-matang</i>	5b	2,175,718	1,716,821	1,634,314
Aset lain	6	8,483	8,863	9,194
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	7	-*	-*	-*
Hartanah dan peralatan	8	19,180	17,156	24,123
Jumlah Aset		2,218,671	1,923,541	1,706,783
LIABILITI				
Akaun belum bayar	9	11,368	7,029	8,988
Jumlah Liabiliti		11,368	7,029	8,988
KUMPULAN DANA DAN RIZAB				
Kumpulan Dana Insurans Deposit				
<i>Lebihan terkumpul</i>	10a	973,123	768,355	617,077
<i>Rizab lain</i>		-	-	-
		973,123	768,355	617,077
Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans				
<i>Lebihan terkumpul</i>	10b	1,234,180	1,148,157	1,080,900
<i>Rizab lain</i>	10b	-	-	(182)
		1,234,180	1,148,157	1,080,718
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab		2,207,303	1,916,512	1,697,795
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab		2,218,671	1,923,541	1,706,783

* Amaun tersebut adalah di bawah ambang nilai bundaran. Sila rujuk Nota 7 untuk butiran lanjut.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2014 RM'000	2013 RM'000
Hasil premium	11	310,998	245,100
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	12	63,732	56,142
Kerugian direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan	13	-	(650)
Jumlah hasil		374,730	300,592
Manfaat kakitangan	14	47,623	44,185
Perhubungan awam dan pengiklanan		10,505	10,406
Susut nilai	8	7,143	7,590
Pajakan operasi		5,268	5,535
Perbelanjaan lain	15	13,400	14,341
Jumlah perbelanjaan		83,939	82,057
Lebih bersih operasi bagi tahun semasa		290,791	218,535
Pendapatan komprehensif lain			
Butiran yang kemudiannya boleh diklasifikasikan kepada keuntungan atau kerugian:			
Keuntungan bersih bagi pelaburan sedia-untuk-dijual	10b	-	182
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		290,791	218,717

Nota: PIDM diberi pengecualian daripada cukai pendapatan.

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

	Nota	Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional		Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam		Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
		Lebih terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	Lebih terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	
Pada 1 Januari 2013	10a	533,822	-	83,255	-	617,077
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		127,126	-	24,152	-	151,278
Pada 31 Disember 2013	10a	660,948	-	107,407	-	768,355
Pada 1 Januari 2014	10a	660,948	-	107,407	-	768,355
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		170,322	-	34,446	-	204,768
Pada 31 Disember 2014	10a	831,270	-	141,853	-	973,123

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

KUMPULAN DANA PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS

Nota	Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am		Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Hayat		Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am		Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga		Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab RM'000
	Lebihan terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Rizab lain RM'000	
Pada 1 Januari 2013	994,167	(182)	74,218	-	4,091	-	8,424	-	1,080,718
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	30,269	182	29,894	-	2,391	-	4,703	-	67,439
Pada 31 Disember 2013	1,024,436	-	104,112	-	6,482	-	13,127	-	1,148,157
Pada 1 Januari 2014	1,024,436	-	104,112	-	6,482	-	13,127	-	1,148,157
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	40,779	-	37,320	-	2,560	-	5,364	-	86,023
Pada 31 Disember 2014	1,065,215	-	141,432	-	9,042	-	18,491	-	1,234,180

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

Nota	2014 RM'000	2013 RM'000 Dinyatakan Semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Penerimaan premium daripada institusi ahli	310,998	245,100
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan	(77,276)	(76,414)
Penerimaan pendapatan pelaburan	53,804	58,111
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	287,526	226,797
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	2,682,210	2,836,027
Pembelian sekuriti pelaburan	(3,130,396)	(2,915,069)
Pembelian hartanah dan peralatan	(4,751)	(1,347)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(452,937)	(80,389)
(Pengurangan) / peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(165,411)	146,408
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	180,701	34,293
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	15,290	180,701

4a

Note 1: Penyata Aliran Tunai menunjukkan bagaimana tunai dan kesetaraan tunai telah berubah sepanjang tempoh pelaporan di PIDM. Menurut MFRS 107, aliran tunai dibahagikan kepada aliran tunai daripada aktiviti operasi dan pelaburan. Tunai dan kesetaraan tunai yang dinyatakan dalam Penyata Aliran Tunai adalah bersesuaian dengan Penyata Kedudukan Kewangan bagi item tunai dan kesetaraan tunai. Jumlah aset cair yang tersedia bagi PIDM turut merangkumi pelaburan. Rujuk kepada Nota 21 untuk maklumat lanjut mengenai pengurusan risiko kecairan PIDM.

Note 2: Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2014

1. AKTIVITI UTAMA

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) ialah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan untuk mentadbir Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. PIDM tertakluk kepada peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 (Akta PIDM).

Sistem Insurans Deposit menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit yang ditanggung oleh bank ahli manakala Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans menyediakan perlindungan terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful atau insurans yang ditanggung oleh ahli penginsurans. Selain itu, PIDM juga menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh serta menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan. PIDM ialah badan resolusi bagi semua institusi ahli dan mempunyai kuasa campur tangan dan resolusi kegagalan yang luas. PIDM juga melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan konvensional serta bagi manfaat dilindungi yang berkaitan dengan insurans am, insurans hayat, takaful am dan takaful perpaduan keluarga. Bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mematuhi keperluan Syariah, PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan Dana berasingan bagi deposit Islam dan konvensional yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Insurans Deposit serta empat kumpulan Dana berasingan bagi setiap segmen urusan dalam Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang dikenali sebagai Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Tiada percampuran dana di antara Kumpulan Dana berasingan tersebut.

Tiada sebarang perubahan ketara berlaku terhadap aktiviti utama sepanjang tahun kewangan semasa.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 12, Menara Axiata (dahulu dikenali sebagai Quill 7), No. 9, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah meluluskan Penyata Kewangan ini melalui resolusinya pada 3 Mac 2015.

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan PIDM telah disediakan mengikut Akta PIDM dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (*Malaysia Financial Reporting Standards - MFRS*).

Penyata kewangan ini mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (*International Financial Reporting Standards - IFRS*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa (*International Accounting Standards Board - IASB*).

Penyata kewangan telah disediakan mengikut asas kos sejarah kecuali bagi pelaburan sedia-untuk-dijual, yang mana pelaburan ini dinilai pada nilai saksama.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Manfaat Takaful dan Insurans oleh PIDM. Dana Insurans Deposit Islam dan Kumpulan Dana Perlindungan Takaful disenggara dan ditadbir menurut keperluan Syariah dan mematuhi Akta PIDM.

PIDM membentangkan Penyata Kedudukan Kewangan mengikut urutan kecairan. Aset kewangan dan liabiliti kewangan diimbangi dan amaun bersih dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan hanya apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi jumlah yang diiktirafkan serta terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak. Pendapatan dan perbelanjaan yang tidak diimbangi dalam Penyata Untung Rugi dan Lain-lain Pendapatan Komprehensif melainkan jika dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana piawaian perakaunan atau tafsiran, dan seperti yang dinyatakan secara khusus di dalam polisi penting perakaunan PIDM.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan kepada ribu yang terdekat (RM'000), melainkan ianya dinyatakan sebaliknya.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

(a) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit boleh panggil di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Ini termasuk pelaburan jangka pendek dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari dari tarikh pembelian. Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung. Penyata Aliran Tunai yang disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung juga dibentangkan dalam Nota 4(b) kepada penyata kewangan.

(b) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Instrumen kewangan adalah aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh urusan apabila PIDM menjadi pihak yang terikat kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. (Ini termasuk urusan biasa: pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh penghantaran aset yang secara amnya ditentukan oleh peraturan atau konvensyen pasaran).

Apabila instrumen kewangan diiktiraf di peringkat awal, instrumen ini diukur pada nilai saksama. Bagi instrumen kewangan pelaburan sedia-untuk-dijual dan pelaburan pegangan-hingga-matang, nilai tersebut adalah termasuk kos langsung transaksi.

PIDM menentukan klasifikasi aset kewangannya di peringkat pengiktirafan awal, dan kategori tersebut termasuk pelaburan pegangan-hingga-matang dan pelaburan sedia-untuk-dijual serta akaun belum terima dan aset lain.

(ii) Kategori-kategori instrumen kewangan dan ukuran seterusnya

1. Aset kewangan

- **Pelaburan sedia-untuk-dijual**

Pelaburan sedia-untuk-dijual terdiri daripada Sekuriti Hutang Swasta yang akan dijual mengikut keperluan polisi dalaman. Sekuriti ini diukur pada nilai saksama selepas ukuran awal.

Sebarang keuntungan dan kerugian tidak direalisasi selepas mengaplikasikan kaedah pelunasan kos, diiktiraf secara terus dalam Rizab lain kecuali kerugian penjejasan nilai. Apabila sekuriti dijual, sebarang keuntungan atau kerugian tidak direalisasi terkumpul yang dahulunya diiktiraf dalam Rizab lain akan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian daripada penjualan pelaburan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian. Faedah atau pulangan yang diperoleh semasa memegang pelaburan ini, termasuk pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan efektif, akan diiktiraf sebagai pendapatan pelaburan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian. Sebarang kerugian akibat daripada penjejasan nilai pelaburan ini diiktiraf sebagai kerugian di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dan dikeluarkan daripada Rizab lain.

PIDM akan menilai keupayaan dan tujuan untuk menjual aset kewangan sedia-untuk-dijual dalam tempoh terdekat sekiranya masih sesuai. Dalam keadaan yang jarang berlaku, apabila PIDM tidak dapat mengurusniagakan aset kewangan ini kerana ketiadaan pasaran aktif, PIDM masih boleh memilih untuk mengelaskan semula aset kewangan ini jika Pengurusan masih berniat untuk memegang aset tersebut untuk masa depan yang boleh dijangka atau sehingga matang.

Bagi aset kewangan diklasifikasikan semula daripada kategori sedia-untuk-dijual, nilai saksama yang dibawa pada tarikh diklasifikasi semula akan menjadi kos yang baru dilunaskan dan sebarang keuntungan atau kerugian sebelum ini ke atas aset yang telah diiktirafkan dalam ekuiti juga akan dilunaskan kepada keuntungan atau kerugian ke atas baki hayat pelaburan dengan menggunakan kadar faedah yang efektif. Sebarang perbezaan di antara kos yang baru dilunaskan dan jumlah matang juga akan dilunaskan disepanjang baki hayat aset tersebut dengan menggunakan kadar faedah yang efektif. Jika aset tersebut yang seterusnya ditentukan terjejas, maka jumlah yang direkodkan dalam ekuiti dikelaskan semula kepada Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(b) Instrumen kewangan (sambungan)

(ii) Kategori-kategori instrumen kewangan dan ukuran seterusnya (sambungan)

1. Aset kewangan (sambungan)

• Pelaburan pegangan-hingga-matang

Pelaburan yang dikelaskan sebagai pegangan-hingga-matang terdiri terutamanya daripada sekuriti pelaburan Kerajaan Malaysia dan juga sekuriti pelaburan Bank Negara Malaysia yang mudah dipasarkan. PIDM melabur dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana yang bertujuan untuk dipegang sehingga tempoh matang dan bukan untuk diurusniagakan. Sekuriti ini yang berbayaran tetap atau boleh tentu dan mempunyai tempoh matang yang tetap dinyatakan pada kos yang diselaraskan kepada pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan efektif, daripada tarikh pembelian sehingga tarikh matang serta mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf. Faedah atau pulangan yang diperoleh semasa memegang pelaburan ini, termasuk pelunasan premium atau akresi diskaun yang dikira berdasarkan kaedah pulangan efektif, serta sebarang kerugian penjejasan nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Sekiranya, PIDM menjual atau mengelaskan semula amaun yang tidak ketara pegangan-hingga-matang sebelum tempoh matang aset tersebut (selain daripada dalam keadaan tertentu), semua kategori yang terjejas akan dikelaskan semula sebagai sedia-untuk-dijual. Tambahan itu, PIDM juga dilarang daripada mengklasifikasikan mana-mana aset kewangan pegangan-hingga-matang dalam masa tempoh dua tahun.

• Akaun belum terima dan aset lain

Akaun belum terima dan aset lain telah dinyatakan pada nilai bersih boleh realisasi. Hutang lapuk dihapuskan sekiranya dikenal pasti. Suatu penilaian, jika perlu, akan dibuat berdasarkan pemeriksaan ke atas semua amaun yang dinyatakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

2. Liabiliti kewangan

• Akaun belum bayar

Akaun belum bayar dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

(iii) Nilai Saksama Instrumen Kewangan

PIDM menilai pelaburan sedia-untuk-dijual pada nilai saksama pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Nilai saksama ialah harga pada tarikh penilaian yang akan diterima untuk jualan aset atau dibayar untuk pemindahan liabiliti antara peserta pasaran, dalam suatu urusan niaga yang teratur. Nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk jualan aset atau pemindahan liabiliti tersebut berlaku sama ada:

- Dalam pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- Jika tiada pasaran yang utama, dalam pasaran yang paling berfaedah bagi aset atau liabiliti tersebut.

Pasaran utama atau yang paling berfaedah mesti boleh digunakan oleh PIDM.

Nilai saksama bagi sesuatu aset atau liabiliti dikira dengan menggunakan andaian yang diguna oleh peserta pasaran bagi menetapkan harga aset atau liabiliti tersebut, dengan anggapan bahawa peserta pasaran akan bertindak berdasarkan kepentingan ekonomi yang terbaik bagi mereka.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(b) Instrumen kewangan (sambungan)

(iii) Nilai Saksama Instrumen Kewangan (sambungan)

PIDM menggunakan teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan yang mana data mencukupi boleh diperolehi untuk mengukur nilai saksama, dengan penggunaan maksima input yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan secara langsung.

Semua nilai saksama aset dan liabiliti yang diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan menurut hierarki nilai saksama yang dinyatakan di bawah, berdasarkan input paras terendah yang penting bagi ukuran nilai saksama secara keseluruhan:

Tahap 1 — Sebut harga yang tidak diubah bagi aset atau liabiliti yang serupa, yang diperoleh dari pasaran aktif.

Tahap 2 — Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi ukuran nilai saksama boleh diperhatikan secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 — Teknik penilaian di mana input paras terendah yang penting bagi ukuran nilai saksama tidak boleh diperhatikan.

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf di dalam penyata kewangan secara berulang, PIDM akan menentukan sama ada pemindahan berlaku antara Tahap dalam hierarki dengan menilai semula kategori yang digunakan (berdasarkan input paras terendah yang penting bagi ukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Untuk tujuan pendedahan nilai saksama, PIDM telah menentukan setiap kelas aset dan liabiliti berdasarkan sifat, ciri-ciri dan risiko aset atau liabiliti tersebut serta Tahap hierarki nilai saksama yang berkenaan, seperti yang dinyatakan di atas.

(iv) Penyahiktirafan

1. Aset kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila:

- hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada instrumen yang telah tamat.
- PIDM telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut atau telah mengambil alih tanggungjawab untuk membayar aliran tunai yang diterima sepenuhnya tanpa kelewatan ketara kepada pihak ketiga di bawah perjanjian '*pass-through*'; dan sama ada:
 - o PIDM telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset tersebut; atau
 - o PIDM tidak memindahkan dan tidak juga mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset tersebut, tetapi telah memindahkan kawalan ke atas aset tersebut.

Apabila PIDM telah memindahkan hak untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memeterai perjanjian '*pass-through*', dan tidak memindahkan atau tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset itu, aset masih diiktiraf selagi ada tahap penglibatan berterusan PIDM pada aset tersebut. Dalam kes itu, PIDM juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitan. Aset dan liabiliti yang telah dipindahkan, diukur pada asas yang mencerminkan hak dan obligasi PIDM yang masih dikekalkan.

Apabila instrumen aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhan, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf di dalam Pendapatan Komprehensif Lain akan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(b) Instrumen kewangan (sambungan)

(iv) Penyahiktirafan (sambungan)

2. *Liabiliti kewangan*

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Jika suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain dari peminjam yang sama atas terma yang nyata berbeza, atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan ke atas liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru. Perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(c) Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari diukur dalam Penyata Kedudukan Kewangan PIDM pada nilai kos setelah mengambil kira sebarang kerugian penjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dipegang untuk jualan.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Tambahan lagi, selaras dengan keperluan MFRS 10 *Consolidated Financial Statements*, PIDM tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan kerana PIDM tidak memenuhi kesemua kriteria yang diperlukan untuk mempunyai kawalan ke atas subsidiari-subsidiarinya, sebagaimana yang ditakrif di dalam MFRS 10. Ini kerana PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut adalah dihubungkan secara langsung kepada Kumpulan Dana yang berkenaan. Perkara ini dibincangkan secara lanjut di Nota 3.1(a).

(d) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai

Semua butiran hartanah dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada nilai kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperoleh oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan diselaraskan semula. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian bagi tahun kewangan yang mana kos tersebut berlaku.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos selepas mengambil kira susut nilai dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi mengurangkan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut, mengikut kadar tahunan seperti berikut:

Perabot dan kelengkapan	20%
Kenderaan motor	20%
Ubah suai pejabat	20%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.3%

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(d) Hartanah dan peralatan, dan susut nilai (sambungan)

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaun, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut. Hartanah dan peralatan tidak lagi diiktiraf setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan diperolehi daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan nilai bawaan bersih diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian. Bahagian amaun lebih penilaian yang belum digunakan akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

(e) Penjejasan nilai

1. Aset kewangan

PIDM menilai pada setiap tarikh pelaporan, sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang menunjukkan bahawa nilai aset kewangan terjejas.

(i) Pelaburan sedia-untuk-dijual

Penurunan ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan yang ketara penerbit atau penanggung obligasi dalam memenuhi obligasi kewangannya, serta kehilangan pasaran perdagangan yang aktif adalah antara faktor yang dipertimbangkan dalam menentukan sama ada terdapat bukti objektif nilai sekuriti pelaburan yang dikelaskan sebagai aset kewangan sedia-untuk-dijual telah terjejas.

Sekiranya aset kewangan sedia-untuk-dijual terjejas, suatu amaun yang terdiri daripada perbezaan antara kos (nilai bersih bagi sebarang pembayaran dan pelunasan utama) dan nilai saksama semasa, setelah dikurangkan sebarang kerugian penjejasan nilai yang sebelumnya diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian, akan dipindahkan dari ekuiti kepada Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Bagi pelaburan hutang sedia-untuk-dijual, kerugian penjejasan nilai seterusnya akan dibalikkan semula sebagai keuntungan atau kerugian jika peningkatan dalam nilai saksama pelaburan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan kerugian penjejasan nilai di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

(ii) Pelaburan pegangan-hingga-matang serta akaun belum terima lain dan aset kewangan lain yang dinilai pada kos terlunas.

Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif yang menunjukkan penjejasan nilai ke atas aset kewangan telah berlaku, PIDM mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesukaran kewangan yang ketara penghutang, penerbit dan penanggung obligasi serta apa-apa keingkar atau kelewatan ketara dalam pembayaran.

Sekiranya wujud sebarang keadaan sedemikian, amaun kerugian penjejasan nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan efektif asal aset kewangan tersebut. Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Jika bagi tempoh seterusnya, jumlah kerugian penjejasan nilai berkurang dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas penjejasan nilai diiktiraf, kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini akan dibalikkan semula setakat mana amaun bawaan aset tersebut tidak melebihi kos terlunas pada tarikh pembalikan. Amaun pembalikan diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(e) Penjejasan nilai (sambungan)

2. Aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, PIDM mengkaji amaun bawaan aset bukan kewangannya, bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan bagi menentukan jumlah kerugian penjejasan nilai.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset-aset ini, amaun yang boleh diperoleh semula dianggarkan ke atas penilaian individu setiap aset. Amaun yang boleh diperoleh semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan kos jualan dan nilai guna sesuatu aset. Dalam menentukan nilai guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan ke nilai kini menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan penilaian pasaran semasa terhadap nilai tunai hadapan dan risiko aset tersebut. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperoleh semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula.

Kerugian penjejasan nilai diiktiraf di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian dalam tahun yang sama ia berlaku, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula, yang mana penjejasan nilai tersebut hendaklah diakaunkan sebagai penilaian semula yang dikurangkan setakat mana akaun amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang diambil kira dalam rizab penilaian semula aset bagi aset tersebut.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset akan dibalikkan semula jika, dan hanya jika, terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang boleh diperoleh semula dengan anggaran susut nilai yang diiktiraf sebelumnya. Selain daripada aset muhibah, nilai bawaan aset boleh dinaikkan kepada amaun yang boleh diperoleh semula, selagi amaun tersebut tidak melebihi nilai bawaan yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai bagi aset tersebut telah diiktiraf pada tahun sebelumnya. Suatu pembalikan semula kerugian penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diiktiraf dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula, yang mana, dalam situasi ini, pembalikan semula tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan penilaian semula.

(f) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi berkaitan dengan Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans diiktiraf mengikut asas akrual. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk mengkredit semua pendapatan operasi secara langsung kepada, dan mengcajkan perbelanjaan terhadap Dana atau Kumpulan Dana yang berkaitan. Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada mana-mana Kumpulan Dana yang berkaitan akan diperuntukkan berdasarkan keperluan Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Peruntukan Perbelanjaan, Kos atau Kerugian) 2011. Perbelanjaan yang tidak boleh dicaj secara langsung kepada Dana atau Kumpulan Dana yang khusus boleh dikategorikan kepada dua kategori seperti berikut:

- (i) *Perbelanjaan yang boleh dikaitkan kepada Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans tetapi merupakan perbelanjaan tidak langsung bagi sistem masing-masing.* Pengagihan bagi kategori perbelanjaan ini berdasarkan kepada nisbah premium yang dikutip untuk sistem masing-masing pada tahun kewangan tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan 2014, perbelanjaan telah diagihkan kepada sistem masing-masing berdasarkan nisbah premium yang dikutip untuk sistem masing-masing dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Kadar peruntukan yang digunakan sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
	Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Perpaduan Keluarga
2014	84.0%	16.0%	11.6%	72.9%	5.2%	10.3%
	100%		100%			
2013	84.9%	15.1%	27.3%	62.3%	3.4%	7.0%
	100%		100%			

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(f) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan (sambungan)

- (ii) *Perbelanjaan yang merupakan kos tidak langsung untuk mentadbir kedua-dua Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.* Perbelanjaan yang tidak boleh dirujuk secara khusus kepada mana-mana Sistem Insurans Deposit atau Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, perlu diperuntukkan berdasarkan amaun premium dikutip bagi setiap Kumpulan Dana di dalam Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans pada tahun sebelumnya. Bagi tahun kewangan 2014, perbelanjaan sebegini telah dicajkan kepada Kumpulan Dana masing-masing berdasarkan nisbah premium yang dikutip bagi setiap Kumpulan Dana dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Asas pengagihan yang digunakan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	Sistem Insurans Deposit		Sistem Perlindungan Manfaat Takaful Dan Insurans			
		Konvensional	Islam	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Perpaduan Keluarga
2014	100%	61.8%	11.7%	3.1%	19.3%	1.4%	2.7%
2013	100%	50.1%	8.9%	11.2%	25.5%	1.4%	2.9%

Pendapatan premium diiktiraf dalam sesuatu tempoh kewangan berdasarkan premium yang ditaksirkan semasa tempoh kewangan tersebut. Institusi ahli membayar premium tahunan bagi tempoh perlindungan risiko yang sama dengan tempoh kewangan PIDM.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek diiktiraf mengikut asas pembahagian masa yang menggambarkan pulangan efektif aset tersebut.

(g) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan manfaat lain seperti faedah kesihatan dan elaun diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh kakitangan PIDM. Cuti bergajaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok tambah atas kelayakan masa hadapan. Cuti bergajaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diiktiraf pada masa ketidakhadiran berlaku.

(ii) Rancangan caruman tetap

Rancangan caruman tetap ialah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan yang mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti berasingan. PIDM tidak mempunyai obligasi untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan pada tahun kewangan semasa atau sebelumnya. Caruman itu diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian apabila ia berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

(h) Mata wang asing

(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan

Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi yang mana PIDM beroperasi (mata wang fungsian).

Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan (sambungan)

(h) Mata wang asing (sambungan)

(ii) Urus niaga mata wang asing

Bagi penyediaan penyata kewangan PIDM, urus niaga dalam mata wang asing selain daripada mata wang fungsian PIDM akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, butiran kewangan dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dalam mata wang asing akan ditukar pada kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat daripada penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan. Perbezaan tukaran asing bagi penukaran butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama diambil kira di dalam Penyata Keuntungan atau Kerugian untuk tempoh berkaitan kecuali bagi perbezaan disebabkan penukaran butiran bukan kewangan yang mana keuntungan atau kerugian diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab. Perbezaan tukaran asing akibat daripada butiran bukan kewangan tersebut juga akan diiktiraf terus ke dalam Dana dan Rizab.

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan

Dasar perakaunan yang diterimapakai adalah selaras dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali seperti yang dinyatakan di bawah.

PIDM telah menguna pakai lebih awal piawaian perakaunan dan pindaan terhadap MFRS yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board - MASB*) berikut:

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2014:

- *Amendments to MFRS 8 Operating Segments (Annual Improvements to MFRSs 2010-2012 Cycle)*
- *Amendments to MFRS 13 Fair Value Measurement (Annual Improvements to MFRSs 2011-2013 Cycle)*
- *Amendments to MFRS 116 Property, Plant & Equipment (Annual Improvements to MFRSs 2010-2012 Cycle)*
- *Amendments to MFRS 119 Defined Benefit Plans: Employee Contributions*
- *Amendments to MFRS 124 Related Party Disclosures (Annual Improvements to MFRSs 2010-2012 Cycle)*

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016:

- *Amendments to MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures (Annual Improvements to MFRSs 2012-2014 Cycle)*
- *Amendments to MFRS 10 Sale or Contribution of Assets between an Investor and its Associate or Joint Venture*
- *Amendments to MFRS 116 Property, Plant & Equipment (Clarification of Acceptable Methods of Depreciation)*
- *Amendments to MFRS 119 Employee Benefits (Annual Improvements to MFRSs 2010-2012 Cycle)*
- *Amendments to MFRS 127 Equity Method in Separate Financial Statements*

MFRS, Taksiran dan Pindaan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017:

- *MFRS 15 Revenue from Contracts with Customers*

Penggunaan pindaan dan penambahbaikan terhadap MFRS di atas tidak mempunyai sebarang kesan yang ketara ke atas prestasi kewangan atau kedudukan PIDM. Perubahan-perubahan ini juga tidak menyebabkan perubahan ketara terhadap dasar-dasar perakaunan PIDM.

Piawaian perakaunan yang telah dikeluarkan oleh MASB yang belum berkuat kuasa dan belum diterima pakai oleh PIDM adalah MFRS 9 *Financial Instruments* (Berkuat kuasa: 1 Januari 2018).

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

2. POLISI PENTING PERAKAUNAN (sambungan)

2.3 Perubahan dalam polisi perakaunan (sambungan)

PIDM sedang di dalam proses menilai kesan kewangan piawaian perakaunan baru ini.

Berikut ialah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran terhadap Rangka Kerja MFRS yang belum berkuat kuasa untuk penyata kewangan 2014 dan buat masa ini, tidak berkaitan dengan operasi PIDM:

- *Amendments to MFRS 2 Share-based Payment (Annual Improvements to MFRSs 2010-2012 Cycle)* (Berkuat Kuasa: 1 Julai 2014)
- *Amendments to MFRS 3 Business Combinations (Annual Improvements to MFRSs 2010-2012 Cycle)* (Berkuat Kuasa: 1 Julai 2014)
- *Amendments to MFRS 3 Business Combinations (Annual Improvements to MFRSs 2011-2013 Cycle)* (Berkuat Kuasa: 1 Julai 2014)
- *Amendments to MFRS 134 Interim Financial Reporting (Annual Improvements to MFRSs 2012-2014 Cycle)* (Berkuat Kuasa: 1 Julai 2014)
- *Amendments to MFRS 138 Intangible Assets (Annual Improvements to MFRSs 2010-2012 Cycle)* (Berkuat Kuasa: 1 Julai 2014)
- *Amendments to MFRS 140 Investment Property (Annual Improvements to MFRSs 2011-2013 Cycle)* (Berkuat Kuasa: 1 Julai 2014)
- *Amendments to MFRS 5 Non-current Assets Held for Sale and Discontinued Operations (Annual Improvements to MFRSs 2012-2014 Cycle)* (Berkuat Kuasa: 1 Januari 2016)
- *Amendments to MFRS 11 Accounting for Acquisitions of Interests in Joint Operations* (Berkuat Kuasa: 1 Januari 2016)
- *MFRS 14 Regulatory Deferral Accounts* (Berkuat Kuasa: 1 Januari 2016)
- *Amendments to MFRS 138 Clarification of Acceptable Methods of Amortisation* (Berkuat Kuasa: 1 Januari 2016)
- *Amendments to MFRS 116 and 141 Agriculture: Bearer Plants* (Berkuat Kuasa: 1 Januari 2016)

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA

Penyediaan penyata kewangan PIDM secara amnya tidak memerlukan pihak Pengurusan membuat penilaian, anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun yang dilaporkan kecuali bagi perkara yang dibincangkan di bawah serta pendedahan liabiliti luarjangka pada tarikh pelaporan. Sekiranya penilaian diperlukan, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran yang digunakan boleh menyebabkan hasil yang akan memerlukan pelarasan ketara terhadap amaun bawaan aset atau liabiliti berkenaan pada masa hadapan.

3.1 Penilaian yang dibuat dalam mengguna pakai polisi perakaunan

Bagi proses mengguna pakai polisi perakaunan PIDM, pihak Pengurusan, selain daripada perkara yang melibatkan anggaran, telah membuat penilaian berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan:

(a) Tiada penggabungan hasil pelaburan dalam subsidiari-subsidiari

Menurut MFRS 10, penggabungan keputusan operasi subsidiari-subsidiari dengan syarikat induk diperlukan apabila syarikat induk mempunyai 'kawalan' ke atas subsidiari-subsidiarinya. Bagi wujudnya 'kawalan' tersebut, pelabur perlu memenuhi kriteria berikut:

- (i) kuasa ke atas pelaburan;
- (ii) pendedahan, atau hak, terhadap pulangan serba berubah daripada penglibatannya dalam pelaburan tersebut; dan
- (iii) keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas pelaburan untuk mempengaruhi jumlah pulangan pelabur.

PIDM merupakan badan resolusi bagi semua institusi ahli dengan kuasa intervensi atau resolusi kegagalan yang luas. Subsidiari-subsidiari telah ditubuhkan sebagai medium bagi PIDM untuk menjalankan sebarang aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan dan bukannya untuk tujuan pelaburan. Sebarang pulangan daripada subsidiari-subsidiari tersebut adalah untuk manfaat Kumpulan Dana masing-masing, yang akan digunakan untuk aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan pada masa hadapan. PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Sebaliknya, pendedahan kewangan serta hak kepada pulangan serba berubah tersebut dihubungkan secara langsung kepada Kumpulan Dana yang berkenaan. Walaupun PIDM mempunyai hak untuk menggunakan dana dalam Kumpulan Dana untuk menampung apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan operasinya, perbelanjaan ini adalah terhad dan ditadbir oleh Akta PIDM.

Nota Kepada Penyata Kewangan 31 Disember 2014

3. PENILAIAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN KETARA (sambungan)

3.1 Penilaian yang dibuat dalam mengguna pakai polisi perakaunan (sambungan)

(a) Tiada penggabungan hasil pelaburan dalam subsidiari-subsidiari (sambungan)

Memandangkan perkara seperti di atas, kriteria untuk mempunyai 'kawalan' seperti yang ditakrifkan dalam MFRS 10 tidak dipenuhi, justeru penyata kewangan disatukan tidak disediakan. Walau bagaimanapun, ringkasan maklumat kewangan bagi setiap subsidiari dinyatakan di Nota 7 dalam penyata kewangan.

(b) Penjejasan pelaburan sedia-untuk-dijual

PIDM mengkaji semula sekuriti hutang yang diklasifikasikan sebagai pelaburan sedia-untuk-dijual pada tarikh pelaporan untuk menilai sama ada nilai sekuriti hutang tersebut terjejas. PIDM merekodkan nilai penjejasan sekiranya terdapat penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos serta kemerosotan keupayaan kewangan dan apa-apa keingkaran dalam pembayaran obligasi kontrak oleh pengeluar atau penanggung obligasi.

Penentuan bagi 'ketara' atau 'berpanjangan' memerlukan penilaian. Dalam membuat penilaian ini, PIDM menilai antara faktor-faktor lain, sejarah aliran sebut harga, tempoh dan sejauh mana nilai saksama pelaburan adalah kurang daripada kosnya.

(c) Penjejasan pelaburan pegangan-hingga-matang serta aset belum terima dan aset lain

PIDM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif yang menunjukkan aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif terjejas, PIDM akan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian insolvensi atau kesukaran kewangan ketara penghutang, penerbit atau penanggung obligasi serta sebarang keingkaran atau kelewatan ketara dalam pembayaran.

(d) Komitmen pajakan operasi

PIDM telah memeterai satu kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat dan pelbagai peralatan pejabat. PIDM telah menentukan, berdasarkan penilaian terhadap terma-terma dan syarat-syarat perjanjian, tempoh pajakan yang melibatkan sebahagian besar daripada hayat aset-aset dan tidak ada opsi pembelian termasuk didalam kontrak. Oleh kerana, tidak ada pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan aset-aset ini kepada PIDM, maka, kontrak-kontrak ini diambil kira sebagai pajakan operasi.

3.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkenaan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara dan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan seperti di bawah:

(a) Nilai saksama pelaburan kewangan

Bagi nilai saksama aset kewangan yang dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang tidak boleh diperolehi daripada pasaran aktif, nilai saksama ini ditentukan dengan menggunakan pelbagai teknik penilaian termasuk penggunaan model matematik. Input kepada model ini diperolehi daripada data pasaran yang boleh diperolehi, tetapi sekiranya ini tidak boleh didapati, andaian diperlukan untuk mewujudkan nilai saksama. Andaian tersebut termasuk penilaian kecairan dan model input seperti kadar diskaun, kadar pra-bayaran dan andaian kadar kebarangkalian insolvensi.

(b) Penjejasan pelaburan pegangan-hingga-matang serta akaun belum terima dan aset lain

Sekiranya terdapat bukti objektif penjejasan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian bagi aset-aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

a. Baki pada akhir tahun kewangan

	31.12.2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	1,704	374	1,330
Baki tunai dan baki di bank	13,586	11,730	1,856
	15,290	12,104	3,186
Pelaburan jangka pendek:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	-	-	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	-	-	-
	-	-	-
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	-	-	-
	-	-	-
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	15,290	12,104	3,186
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	-	-	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	-	-	-
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	-	-	-

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (sambungan)

a. Baki pada akhir tahun kewangan (sambungan)

	31.12.2013		
	Dinyatakan Semula		
	Jumlah	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
	RM'000	RM'000	RM'000
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	909	191	718
Baki tunai dan baki di bank	19,050	17,442	1,608
	19,959	17,633	2,326
Pelaburan jangka pendek:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	19,588	9,989	9,599
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	140,886	69,998	70,888
	160,474	79,987	80,487
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	268	145	123
	160,742	80,132	80,610
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	180,701	97,765	82,936
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	19,597	9,993	9,604
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	141,153	70,144	71,009
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	160,750	80,137	80,613

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (sambungan)

a. Baki pada akhir tahun kewangan (sambungan)

	1.1.2013 Dinyatakan Semula		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Deposit dengan Bank Negara Malaysia	587	1	586
Baki tunai dan baki di bank	18,674	14,680	3,994
	19,261	14,681	4,580
Pelaburan jangka pendek:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	-	-	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	15,000	15,000	-
	15,000	15,000	-
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	32	32	-
	15,032	15,032	-
Jumlah tunai dan kesetaraan tunai	34,293	29,713	4,580
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 1 Januari 2013 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	-	-	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	15,033	15,033	-
Jumlah nilai pasaran pelaburan jangka pendek	15,033	15,033	-

Pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 90 hari dari tarikh pembelian dikategorikan sebagai kesetaraan tunai. Pelaburan jangka pendek ini bertujuan untuk dipegang hingga tempoh matang dan dinyatakan pada kos yang diselaraskan untuk pelunasan premium atau akresi diskaun.

Nilai pasaran pelaburan jangka pendek ini berasaskan kepada harga pasaran indikatif.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (sambungan)

b. Penyata Aliran Tunai (kaedah tidak langsung)

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebih bersih operasi bagi tahun semasa	290,791	204,768	86,023
<i>Pelarasan bagi:</i>			
Susut nilai	7,143	6,441	702
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	(63,732)	(26,233)	(37,499)
Kerugian daripada penjualan sekuriti pelaburan	-	-	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	234,202	184,976	49,226
Perubahan dalam akaun belum bayar	4,339	4,422	(83)
Perubahan dalam aset lain	(404)	(367)	(37)
Tunai dijana daripada operasi	238,137	189,031	49,106
Pertambahan / pelunasan bersih bagi sekuriti pelaburan	(15,127)	(9,748)	(5,379)
Perubahan dalam pelaburan pendapatan belum diterima	784	1	783
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	63,732	26,233	37,499
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	287,526	205,517	82,009
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	2,682,210	1,239,126	1,443,084
Pembelian sekuriti pelaburan	(3,130,396)	(1,527,017)	(1,603,379)
Pembelian hartanah dan peralatan	(4,751)	(3,287)	(1,464)
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(452,937)	(291,178)	(161,759)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(165,411)	(85,661)	(79,750)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	180,701	97,765	82,936
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	15,290	12,104	3,186

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

4. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI (sambungan)

b. Penyata Aliran Tunai (kaedah tidak langsung) (sambungan)

	2013		
	Dinyatakan Semula		
	Jumlah	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
	RM'000	RM'000	RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bersih operasi bagi tahun semasa	218,535	151,278	67,257
<i>Pelarasan bagi:</i>			
Susut nilai	7,590	7,272	318
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	(56,142)	(20,525)	(35,617)
Kerugian daripada penjualan sekuriti pelaburan	650	-	650
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	170,633	138,025	32,608
Perubahan dalam akaun belum bayar	(1,959)	(1,456)	(503)
Perubahan dalam aset lain	(712)	(162)	(550)
Tunai dijana daripada operasi	167,962	136,407	31,555
Pertambahan/pelunasan bersih bagi sekuriti pelaburan	1,650	520	1,130
Perubahan dalam pelaburan pendapatan belum diterima	1,043	(1)	1,044
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	56,142	20,525	35,617
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	226,797	157,451	69,346
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	2,836,027	1,403,162	1,432,865
Pembelian sekuriti pelaburan	(2,915,069)	(1,491,761)	(1,423,308)
Pembelian hartanah dan peralatan	(1,347)	(800)	(547)
Aliran tunai bersih (digunakan dalam) / dijana daripada aktiviti pelaburan	(80,389)	(89,399)	9,010
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	146,408	68,052	78,356
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	34,293	29,713	4,580
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	180,701	97,765	82,936

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

5. PELABURAN

a. Pelaburan sedia-untuk-dijual

	31.12.2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
			RM'000
			RM'000
Sekuriti Hutang Swasta	-	-	-
Jumlah pelaburan sedia-untuk-dijual	-	-	-

	31.12.2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
			RM'000
			RM'000
Sekuriti Hutang Swasta	-	-	-
Jumlah pelaburan sedia-untuk-dijual	-	-	-

	1.1.2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
			RM'000
			RM'000
Sekuriti Hutang Swasta	4,859	-	4,859
Jumlah pelaburan sedia-untuk-dijual	4,859	-	4,859

Pelaburan sedia-untuk-dijual pada tahun sebelumnya diukur dan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai saksama. Nilai saksama ini ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran indikatif pada akhir tahun kewangan yang diperoleh daripada agensi penetapan harga bon.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

5. PELABURAN (sambungan)

b. Pelaburan pegangan-hingga-matang

	31.12.2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,046,561	409,323	637,238
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	1,034,456	529,681	504,775
Sekuriti Hutang Swasta	71,089	-	71,089
	2,152,106	939,004	1,213,102
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	23,612	12,411	11,201
Jumlah pelaburan pegangan-hingga-matang	2,175,718	951,415	1,224,303
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang: pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,053,658	415,629	638,029
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	1,044,158	534,857	509,301
Sekuriti Hutang Swasta	70,393	-	70,393
Jumlah nilai pasaran pelaburan	2,168,209	950,486	1,217,723

	31.12.2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	719,471	239,813	479,658
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	905,062	411,448	493,614
Sekuriti Hutang Swasta	81,597	-	81,597
	1,706,130	651,261	1,054,869
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	10,691	5,910	4,781
Jumlah pelaburan pegangan-hingga-matang	1,716,821	657,171	1,059,650
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	724,829	243,170	481,659
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	911,111	413,958	497,153
Sekuriti Hutang Swasta	80,928	-	80,928
Jumlah nilai pasaran pelaburan	1,716,868	657,128	1,059,740

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

5. PELABURAN (sambungan)

b. Pelaburan pegangan-hingga-matang (sambungan)

	1.1.2013		
	Dinyatakan Semula		
	Jumlah	Kumpulan Dana Insurans Deposit	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
	RM'000	RM'000	RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	909,680	291,562	618,118
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	624,645	270,986	353,659
Sekuriti Hutang Swasta	90,474	-	90,474
	1,624,799	562,548	1,062,251
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	9,515	5,803	3,712
Jumlah pelaburan pegangan-hingga-matang	1,634,314	568,351	1,065,963
Nilai pasaran pelaburan yang dipegang pada 1 Januari 2013 adalah seperti berikut:			
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	915,393	294,511	620,882
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	631,644	273,831	357,813
Sekuriti Hutang Swasta	90,668	-	90,668
Jumlah nilai pasaran pelaburan	1,637,705	568,342	1,069,363

Pelaburan adalah dalam nilai Ringgit Malaysia.

Nilai pasaran pelaburan dalam kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit serta Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans seperti yang dinyatakan di atas menunjukkan nilai saksama mereka pada akhir tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran indikatif yang diperolehi daripada agensi penetapan harga bon.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

6. ASET LAIN

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Deposit dan prabayaran	3,705	3,228	477
Pendapatan pelaburan belum terima	3,425	1	3,424
Akaun belum terima lain	1,099	418	681
Aset lain	130	90	40
Amaun terhutang daripada subsidiari-subsidiari (Nota 7)	124	66	58
Jumlah aset lain	8,483	3,803	4,680

	2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Deposit dan prabayaran	3,593	2,967	626
Pendapatan pelaburan belum terima	4,209	2	4,207
Akaun belum terima lain	860	341	519
Aset lain	130	90	40
Amaun terhutang daripada subsidiari-subsidiari	71	37	34
Jumlah aset lain	8,863	3,437	5,426

Termasuk dalam Akaun belum terima lain adalah baki antara-dana sebanyak RM1.1 juta (2013: RM0.8 juta) untuk aktiviti-aktiviti operasi harian. Rujuk kepada Nota 9.

Jumlah terhutang daripada subsidiari-subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai terma pembayaran balik yang tetap.

Baki Aset lain yang dinyatakan di ruangan "1.1.2013" di dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah bersamaan dengan baki yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Tiada impak ke atas baki tersebut hasil daripada pengkelasan semula baki Tunai dan kesetaraan tunai ke baki Pelaburan.

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kos			
Saham tidak tersenarai	-*	-	-
Jumlah pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	-	-	-

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

	2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kos			
Saham tidak tersenarai	-.*	-	-
Jumlah pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	-	-	-

* Jumlah modal berbayar sebanyak RM10 (RM2 untuk setiap lima subsidiari) adalah di bawah ambang nilai bundaran.

Butir-butir subsidiari-subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Negara diperbadankan	Aktiviti utama	Tarikh diperbadankan	Kepentingan pemilikan efektif	Status
The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad**	Malaysia	Syarikat pengurusan aset	8 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman
The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	20 Jun 2012	100%	Dorman
The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad**	Malaysia	Institusi perantara	22 Jun 2012	100%	Dorman

** Diaudit oleh firma audit luaran, Tetuan Khairuddin Hasyudeen & Razi.

Nama para Pengarah yang berkhidmat dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 untuk kesemua subsidiari ialah:

- Puan Lim Yam Poh, Pengurus Besar Eksekutif dan Kaunsel Am, PIDM
- Encik Rafiz Azuan Abdullah, Pengurus Besar Eksekutif, PIDM

Subsidiari-subsidiari di atas telah diperbadankan sebagai sebahagian daripada usaha PIDM untuk memastikan kesediaan operasi bagi melaksanakan sebarang aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan. Selaras dengan seksyen 10 Akta PIDM, PIDM boleh menubuhkan subsidiari sekiranya perlu bagi tujuan untuk menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipannya. Lima buah subsidiari, iaitu sebuah syarikat pengurusan aset dan empat institusi perantara, telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai syarikat awam berhad menurut syer. Subsidiari-subsidiari tersebut diperbadankan awal sebelum berlakunya sebarang kegagalan institusi ahli, dan oleh itu akan kekal dorman sehingga diaktifkan untuk pelaksanaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan yang perlu.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

Objektif dan tujuan khusus subsidiari-subsidiari tersebut adalah seperti berikut:

Nama subsidiari	Objektif / Tujuan
The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad	Subsidiari ini telah ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan sebagai sebuah syarikat pengurusan aset dan mempunyai kuasa untuk memperoleh, mengambil alih kawalan, mengurus, melupuskan, menjual, berurusan dengan, berurus niaga dan beroperasi secara berterusan atau sebaliknya, aset, liabiliti, urus niaga, akujanji dan hal ehwal institusi ahli sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta PIDM, sama ada melalui pengurusan, perjanjian, instrumen, atau selainnya menurut Akta PIDM dan mana-mana undang-undang lain yang berkenaan.
<p><u>Institusi perantara (IP)</u> Institusi perantara merupakan sebuah medium resolusi di bawah Akta PIDM yang membolehkan PIDM untuk memindahkan urus niaga, aset dan liabiliti institusi ahli yang bermasalah atau mengalami kegagalan kepada institusi perantara, apabila tidak ada pembeli serta-merta atau apabila tindakan resolusi melibatkan institusi ahli yang kompleks. Institusi perantara ini bertujuan sebagai institusi khas sementara untuk memelihara nilai francais perniagaan institusi ahli yang bermasalah atau mengalami kegagalan. Institusi perantara ini akan beroperasi secara konservatif, dan kemudiannya dijual kepada pembeli sektor swasta. Setelah pengaktifan dan penubuhan sesebuah institusi perantara di bawah Akta PIDM dengan kelulusan Menteri Kewangan, institusi perantara tersebut akan beroperasi sebagai sebuah institusi kewangan berlesen penuh.</p>	
The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urus niaga perbankan komersial seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank Islam berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urus niaga perbankan Islam seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah bank Islam berlesen untuk menjalankan dan menguruskan semua urus niaga perbankan Islam seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad	Subsidiari ini, apabila diaktifkan, akan beroperasi sebagai sebuah pengendali Takaful berlesen untuk menjalankan atau menguruskan semua jenis urus niaga Takaful dan takaful semula seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Selaras dengan seksyen 35 Akta PIDM, keputusan kewangan subsidiari-subsidiari tidak digabungkan dengan penyata kewangan PIDM. Penyediaan penyata kewangan gabungan PIDM dan subsidiari-subsidiarinya tidak akan memberikan maklumat yang berguna dan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan dan prestasi kewangan PIDM. Ini adalah kerana pendedahan kewangan serta kesan pelaksanaan sebarang intervensi atau resolusi kegagalan sesebuah institusi ahli akan hanya memberi kesan kepada Kumpulan Dana tertentu yang berkaitan dengan institusi ahli tersebut.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

7. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI-SUBSIDIARI (sambungan)

Tambahan lagi, PIDM, sebagai sebuah entiti, mempunyai pendedahan kewangan serta hak yang terhad kepada pulangan serba berubah daripada pelaburannya di dalam subsidiari-subsidiari tersebut. Walaupun PIDM mempunyai hak untuk menggunakan dana dalam Kumpulan Dana untuk menampung apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan operasinya, perbelanjaan ini adalah terhad dan ditadbir oleh Akta PIDM. Memandangkan perkara seperti di atas, kriteria untuk mempunyai 'kawalan' seperti yang ditakrif di dalam MFRS 10 tidak dipenuhi, justeru penyata kewangan disatukan tidak disediakan. Walau bagaimanapun, ringkasan maklumat kewangan bagi setiap subsidiari (dalam terma mutlak RM) telah dijelaskan di bawah.

	2014				
	The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad RM	The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad RM	The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad RM	The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad RM	The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad RM
Hasil	-	-	-	-	-
Perbelanjaan pra-operasi	10,641	10,641	10,641	10,641	10,641
Jumlah aset	-	-	-	-	-
Jumlah liabiliti	25,091	24,793	24,793	24,822	24,793
Modal	2	2	2	2	2

	2013				
	The Federal Asset Management Agency of Malaysia Berhad RM	The Federal Commercial Bank of Malaysia Berhad RM	The Federal Islamic Bank of Malaysia Berhad RM	The National PIDM Insurance Corporation of Malaysia Berhad RM	The Federal Takaful Corporation of Malaysia Berhad RM
Hasil	-	-	-	-	-
Perbelanjaan pra-operasi	8,203	8,203	8,203	8,203	8,203
Jumlah aset	-	-	-	-	-
Jumlah liabiliti	14,450	14,152	14,152	14,181	14,152
Modal	2	2	2	2	2

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

8. HARTANAH DAN PERALATAN

	2014						
	Tanah dan bangunan	Peralatan pejabat dan sistem komputer	Perabot dan kelengkapan	Kenderaan motor	Ubah suai pejabat	Aset masih dalam pembinaan*	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos							
Baki pada 1 Januari 2014	2,300	24,634	3,015	418	8,361	627	39,355
Penambahan	2,418	166	6	-	29	6,548	9,167
Pengkelasan semula / penukaran	-	2,540	34	-	-	(2,574)	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2014	4,718	27,340	3,055	418	8,390	4,601	48,522
Susut nilai terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2014	-	14,620	2,511	415	4,653	-	22,199
Caj bagi tahun semasa	-	5,203	270	1	1,669	-	7,143
Pengkelasan semula / penukaran	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2014	-	19,823	2,781	416	6,322	-	29,342
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2014	4,718	7,517	274	2	2,068	4,601	19,180

Baki Hartanah dan Peralatan yang dinyatakan di ruangan "1.1.2013" di dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah bersamaan dengan baki yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Tiada impak ke atas baki tersebut hasil daripada pengkelasan semula baki Tunai dan kesetaraan tunai ke baki Pelaburan.

* Aset dalam pembinaan berjumlah RM4,601,072 (2013: RM626,723) terdiri daripada pembangunan Pusat Pemulihan Bencana sebanyak RM4,001,713, peningkatan Sistem Liabiliti Deposit Maklumat Pengurusan berjumlah RM169,659, naik taraf laman Portal sebanyak RM165,880, menaik taraf pelayan IT sebanyak RM103,618, Sistem Penyerahan Pengesan dan Penilaian berjumlah RM77,962, pelaksanaan Projek Penyatuan Penyimpanan sebanyak RM61,263, aplikasi *Board Pad* berjumlah RM13,347 dan integrasi Sistem Maklumat Sumber Manusia dengan Sistem Pengurusan Kewangan berjumlah RM7,630. Pembangunan Pusat Pemulihan Bencana pada masa ini dianggarkan pada tahap 11% siap. Baki kos yang ditentukan pada 31 Disember 2014 diiktiraf sebagai sebahagian daripada komitmen modal (tanah dan bangunan) dalam Nota 18.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

	2013						
	Tanah dan bangunan	Peralatan pejabat dan sistem komputer	Perabot dan kelengkapan	Kenderaan motor	Ubah suai pejabat	Aset masih dalam pembinaan*	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos							
Baki pada 1 Januari 2013	2,300	22,551	2,996	418	8,050	2,417	38,732
Penambahan	-	161	19	-	24	1,652	1,856
Pengkelasan semula / penukaran **	-	1,922	-	-	287	(3,442)	(1,233)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2013	2,300	24,634	3,015	418	8,361	627	39,355
Susut nilai terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2013	-	8,906	2,246	414	3,043	-	14,609
Caj bagi tahun semasa	-	5,793	265	1	1,610	-	7,669
Pengkelasan semula / penukaran	-	(79)	-	-	-	-	(79)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2013	-	14,620	2,511	415	4,653	-	22,199
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2013							
	2,300	10,014	504	3	3,708	627	17,156

* Aset masih dalam pembinaan berjumlah RM626,723 (2012: RM2,417,288) terdiri daripada pengukuhan Sistem Maklumat Sumber Manusia (Fasa 2) sebanyak RM268,091, peningkatan untuk Sistem Pengurusan Prestasi Korporat sebanyak RM34,965 dan pembinaan Pusat Pemulihan Bencana RM323,667.

** Pengkelasan semula / penukaran termasuk jumlah sebanyak RM1.2 juta yang berkaitan dengan kontrak pembangunan Sistem Liabiliti Deposit Maklumat Pengurusan dan Sistem Pengurusan Pembayaran yang masih belum diselesaikan.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit

	2014						
	Tanah dan bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos							
Baki pada 1 Januari 2014	1,376	23,059	3,004	416	7,610	367	35,832
Penambahan	1,779	122	4	-	21	4,756	6,682
Pengkelasan semula / penukaran	-	1,864	25	-	-	(1,889)	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2014	3,155	25,045	3,033	416	7,631	3,234	42,514
Susut nilai terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2014	-	14,368	2,511	415	4,437	-	21,731
Caj bagi tahun semasa	-	4,654	267	1	1,519	-	6,441
Pengkelasan semula / penukaran	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2014	-	19,022	2,778	416	5,956	-	28,172
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2014	3,155	6,023	255	-	1,675	3,234	14,342

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit (sambungan)

	2013						
	Tanah dan bangunan	Peralatan pejabat dan sistem komputer	Perabot dan kelengkapan	Kenderaan motor	Ubah suai pejabat	Aset masih dalam pembinaan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos							
Baki pada 1 Januari 2013	1,376	22,119	2,993	416	7,426	1,443	35,773
Penambahan	-	89	11	-	15	971	1,086
Pengkelasan semula / penukaran	-	851	-	-	169	(2,047)	(1,027)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2013	1,376	23,059	3,004	416	7,610	367	35,832
Susut nilai terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2013	-	8,847	2,246	414	2,953	-	14,460
Caj bagi tahun semasa	-	5,593	265	1	1,484	-	7,343
Pengkelasan semula / penukaran	-	(72)	-	-	-	-	(72)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2013	-	14,368	2,511	415	4,437	-	21,731
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2013							
	1,376	8,691	493	1	3,173	367	14,101

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

	2014						
	Tanah dan bangunan	Peralatan pejabat dan sistem komputer	Perabot dan kelengkapan	Kenderaan motor	Ubah suai pejabat	Aset masih dalam pembinaan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos							
Baki pada 1 Januari 2014	924	1,575	11	2	751	260	3,523
Penambahan	639	44	2	-	8	1,792	2,485
Pengkelasan semula / penukaran	-	676	9	-	-	(685)	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2014	1,563	2,295	22	2	759	1,367	6,008
Susut nilai terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2014	-	252	-	-	216	-	468
Caj bagi tahun semasa	-	549	3	-	150	-	702
Pengkelasan semula / penukaran	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2014	-	801	3	-	366	-	1,170
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2014	1,563	1,494	19	2	393	1,367	4,838

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

8. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (sambungan)

	2013						
	Tanah dan bangunan RM'000	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM'000	Perabot dan kelengkapan RM'000	Kenderaan motor RM'000	Ubah suai pejabat RM'000	Aset masih dalam pembinaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos							
Baki pada 1 Januari 2013	924	432	3	2	624	974	2,959
Penambahan	-	72	8	-	9	681	770
Pengkelasan semula / penukaran	-	1,071	-	-	118	(1,395)	(206)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2013	924	1,575	11	2	751	260	3,523
Susut nilai terkumpul							
Baki pada 1 Januari 2013	-	59	-	-	90	-	149
Caj bagi tahun semasa	-	200	-	-	126	-	326
Pengkelasan semula / penukaran	-	(7)	-	-	-	-	(7)
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2013	-	252	-	-	216	-	468
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2013							
	924	1,323	11	2	535	260	3,055

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

9. AKAUN BELUM BAYAR

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Akaun belum bayar lain	2,318	1,900	418
Akruan	7,790	5,734	2,056
Akaun belum bayar runcit	48	35	13
Peruntukan cuti yang tidak terambil	1,212	872	340
Jumlah akaun belum bayar	11,368	8,541	2,827

	2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Akaun belum bayar lain	1,884	1,416	468
Akruan	3,995	2,006	1,989
Akaun belum bayar runcit	44	26	18
Peruntukan cuti yang tidak terambil	1,106	671	435
Jumlah akaun belum bayar	7,029	4,119	2,910

Akaun belum bayar lain termasuk amaun terhutang kepada pihak-pihak berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Nota 19.

Termasuk dalam akaun belum bayar lain adalah baki antara-dana sebanyak RM1.1 juta (2013: RM0.8 juta) untuk aktiviti-aktiviti operasi harian. Rujuk kepada Nota 6.

10. KUMPULAN DANA DAN RIZAB

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit

Lebih terkumpul

	2014		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000
Baki pada 1 Januari	768,355	660,948	107,407
Lebihan bersih	204,768	170,322	34,446
Baki pada 31 Disember	973,123	831,270	141,853

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

10. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit (sambungan)

Lebih terkumpul (sambungan)

	2013		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam
		RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	617,077	533,822	83,255
Lebihan bersih	151,278	127,126	24,152
Baki pada 31 Disember	768,355	660,948	107,407

Kumpulan Dana Insurans Deposit ialah rizab terkumpul (dana *ex-ante*) untuk menampung kerugian insurans bersih akibat perlindungan insurans deposit kepada pendeposit. Selaras dengan Akta PIDM, PIDM menyenggara Kumpulan Dana Insurans Deposit berasingan bagi Sistem Insurans Deposit konvensional dan Islam. Kumpulan Dana Insurans Deposit tersebut terkumpul daripada lebihan bersih tahunan yang merupakan hasil premium dan pendapatan pelaburan bersih perbelanjaan operasi bagi tahun tertentu.

Dalam tahun 2011, PIDM telah merangka satu rangka kerja untuk menentukan paras Kumpulan Dana Insurans Deposit yang perlu dikumpulkan sebagai rizab bagi tempoh jangka panjang untuk memenuhi objektif dan mandat yang dipertanggungjawabkan. Paras ini (yang dikenali sebagai Dana Sasaran) merupakan paras dana yang perlu bagi menampung kerugian insurans bersih daripada aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Dana Sasaran biasanya dihuraikan sebagai peratusan Jumlah Deposit Diinsuranskan, dan bagi PIDM, ditetapkan sebagai jajaran paras sasaran (jajaran rendah dan tinggi).

Jajaran Dana Sasaran ialah antara 0.6% dan 0.9% bagi kedua-dua Dana Insurans Deposit konvensional dan Islam. Berdasarkan kepada paras Jumlah Deposit Diinsuranskan pada 31 Disember 2013, jajaran dalam terma mutlak RM ialah antara RM2.4 bilion hingga RM3.6 bilion bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional dan antara RM393 juta hingga RM590 juta bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam. Dalam tahun semasa, model Dana Sasaran telah dikaji semula sebagai sebahagian daripada proses kajian semula tahunan dan telah dirumuskan bahawa paras Dana Sasaran semasa masih relevan dan terkini.

Paras semasa Kumpulan Dana Insurans Deposit berbanding jajaran Dana Sasaran telah dijelaskan di dalam jadual berikut:

KUMPULAN DANA INSURANS	DANA SASARAN			
	2014 SEBENAR RM JUTA / %	2013 SEBENAR RM JUTA / %	JAJARAN RENDAH RM JUTA / %	JAJARAN TINGGI RM JUTA / %
Kumpulan Dana Insurans Deposit Konvensional				
Baki	831.3	660.9	2,377	3,566
Peratus Jumlah Deposit Diinsuranskan	0.21%	0.18%	0.6%	0.9%
Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam				
Baki	141.8	107.4	393	590
Peratus Jumlah Deposit Diinsuranskan	0.22%	0.19%	0.6%	0.9%

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

10. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

a. Kumpulan Dana Insurans Deposit (sambungan)

Lebih terkumpul (sambungan)

Bagi mencapai paras Dana Sasaran dalam jangka masa yang wajar, kadar premium yang ditaksir ke atas bank-bank ahli telah disemak semula. Butiran semakan kadar premium tersebut diterangkan di dalam Nota 11(a).

Berdasarkan kadar premium yang disemak semula ini, jajaran rendah Dana Sasaran dijangka dapat dicapai dalam tempoh lapan hingga 10 tahun yang akan datang.

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans

i. Lebih terkumpul

	2014				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
Baki pada 1 Januari	1,148,157	1,024,436	104,112	6,482	13,127
Lebih bersih	86,023	40,779	37,320	2,560	5,364
Baki pada 31 Disember	1,234,180	1,065,215	141,432	9,042	18,491

	2013				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
Baki pada 1 Januari	1,080,900	994,167	74,218	4,091	8,424
Lebih bersih	67,257	30,269	29,894	2,391	4,703
Baki pada 31 Disember	1,148,157	1,024,436	104,112	6,482	13,127

PIDM sedang memuktamadkan suatu rangka kerja Dana Sasaran bagi industri insurans am yang akan dilaksanakan dalam tahun 2015. PIDM akan membangunkan suatu rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana-Dana lain dalam Kumpulan Dana Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

10. KUMPULAN DANA DAN RIZAB (sambungan)

b. Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (sambungan)

ii. Rizab lain

	2014				
	Jumlah	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Perpaduan Keluarga
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	-	-	-	-	-
Kerugian bersih tidak direalisasi bagi pelaburan sedia-untuk-dijual yang timbul dalam tahun semasa	-	-	-	-	-
Kerugian bersih direalisasi bagi pelaburan sedia-untuk-dijual yang dipindahkan kepada Penyata Keuntungan atau Kerugian	-	-	-	-	-
Keuntungan/(kerugian) bersih dari tahun terdahulu atas pelaburan sedia-untuk-dijual yang diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain dalam tahun semasa	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-	-	-	-

	2013				
	Jumlah	Insurans Am	Insurans Hayat	Takaful Am	Takaful Perpaduan Keluarga
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	(182)	(182)	-	-	-
Keuntungan bersih tidak direalisasi bagi pelaburan sedia-untuk-dijual yang timbul dalam tahun semasa	(525)	(525)	-	-	-
Kerugian bersih direalisasi bagi pelaburan sedia-untuk-dijual yang dipindahkan kepada Penyata Keuntungan atau Kerugian	707	707	-	-	-
Keuntungan bersih dari tahun terdahulu atas pelaburan sedia-untuk-dijual yang diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain dalam tahun semasa	182	182	-	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-	-	-	-

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

11. HASIL PREMIUM

a. Hasil premium daripada bank-bank ahli

	2014		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam
		RM'000	RM'000
Premium pertama	-	-	-
Premium tahunan	239,726	199,276	40,450
Jumlah hasil premium daripada bank-bank ahli	239,726	199,276	40,450

	2013		
	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional	Insurans Deposit Islam
		RM'000	RM'000
Premium pertama	-	-	-
Premium tahunan	180,319	151,565	28,754
Jumlah hasil premium daripada bank-bank ahli	180,319	151,565	28,754

Kadar premium yang dikenakan bank-bank ahli dikenakan menurut Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pelarasan) Perintah 2012 (Perintah Premium – Bank-bank Ahli 2012), yang berkuat kuasa dari tahun taksiran 2013.

i. Kadar premium tahunan di bawah Sistem Premium Berbeza

KATEGORI PREMIUM [RUANG (1)]	KADAR PREMIUM			JUMLAH PREMIUM TAHUNAN MINIMUM (RM) [RUANG (5)]
	TAHUN TAKSIRAN 2013 [RUANG (2)]	TAHUN TAKSIRAN 2014 [RUANG (3)]	TAHUN TAKSIRAN 2015 DAN TAHUN SETERUSNYA [RUANG (4)]	
1	0.04%	0.05%	0.06%	100,000
2	0.08%	0.10%	0.12%	200,000
3	0.16%	0.20%	0.24%	400,000
4	0.32%	0.40%	0.48%	800,000

Jika kategori premium bagi suatu bank ahli yang dikelaskan untuk suatu tahun taksiran sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), kadar bagi premium tahunan yang perlu dibayar oleh bank ahli itu bagi tahun taksiran tersebut ialah kadar premium yang dinyatakan dalam ruang (2) hingga (4), tertakluk kepada premium tahunan minimum seperti yang dinyatakan dalam ruang (5).

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

11. HASIL PREMIUM (sambungan)

a. Hasil premium daripada bank-bank ahli (sambungan)

i. Kadar premium tahunan di bawah Sistem Premium Berbeza (sambungan)

Jika suatu bank ahli dikelaskan dalam kategori premium yang berbeza bagi deposit Islam diinsuranskan dan deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium tahunan yang perlu dibayar bagi deposit yang diinsuranskan tersebut akan digunapakai mengikut kadar premium bagi kategori premium deposit masing-masing.

ii. Kadar bagi premium pertama

Sebuah bank ahli baharu [seperti yang ditakrifkan di dalam Peraturan 2 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011] yang memegang deposit Islam diinsuranskan atau deposit konvensional diinsuranskan, kadar premium pertama bank ahli itu adalah sama dengan kadar premium untuk kategori premium 1, tertakluk kepada jumlah minimum premium pertama sebanyak RM250,000.

b. Hasil premium daripada ahli penginsurans

	2014				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
Premium pertama	-	-	-	-	-
Premium tahunan	71,272	10,508	49,962	3,533	7,269
Jumlah hasil premium daripada ahli penginsurans	71,272	10,508	49,962	3,533	7,269

	2013				
	Jumlah RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
Premium pertama	-	-	-	-	-
Premium tahunan	64,781	7,487	47,252	3,370	6,672
Jumlah hasil premium daripada ahli penginsurans	64,781	7,487	47,252	3,370	6,672

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

11. HASIL PREMIUM (sambungan)

b. Hasil premium daripada ahli penginsurans (sambungan)

i. Kadar premium di bawah Sistem Levi Berbeza bagi ahli penginsurans am dan hayat

Semua ahli penginsurans am dan hayat dinilai berdasarkan pada Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan Anggota Penanggung Insurans) Peraturan 2012 (Peraturan Sistem Premium Berbeza - Ahli Penginsurans 2012), yang berkuat kuasa dari tahun taksiran 2013. Kadar premium yang dikenakan ke atas ahli penginsurans adalah ditentukan mengikut Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Pertama dan Premium Tahunan Berkenaan Anggota Penanggung Insurans) Perintah 2012 (Perintah Premium – Ahli Penginsurans 2012) berdasarkan kategori premium di mana ahli penginsurans tersebut telah diklasifikasikan dan juga berkuat kuasa dari tahun taksiran 2013. Kadar yang ditaksir ke atas ahli penginsurans am dan hayat, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perintah Premium – Ahli Penginsurans 2012 adalah seperti berikut:

KATEGORI PREMIUM	INSURANS AM	INSURANS HAYAT
1	0.05%	0.025%
2	0.1%	0.05%
3	0.2%	0.1%
4	0.4%	0.2%

Kadar premium tahunan berbayar di atas tertakluk kepada premium minimum berdasarkan kategori premium seperti di bawah:

KATEGORI PREMIUM	AMAUN PREMIUM MINIMUM TAHUNAN (RM)
1	75,000
2	150,000
3	300,000
4	600,000

Bagi ahli penginsurans baharu [seperti yang ditakrif di dalam Peraturan 3 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza Berkenaan Anggota Penanggung Insurans) 2012], kadar premium pertama bagi ahli penginsurans baharu tersebut adalah sama seperti kadar premium bagi kategori premium 1.

ii. Kadar premium bagi ahli takaful am dan takaful perpaduan keluarga

Premium ke atas ahli-ahli takaful am dan takaful perpaduan keluarga telah dikenakan mengikut Perintah Premium – Ahli Penginsurans 2012, yang berkuat kuasa dari tahun taksiran 2013. Ahli-ahli takaful am dan takaful perpaduan keluarga telah dinilai berdasarkan kepada kadar rata dikenakan ke atas manfaat berkaitan yang dilindungi dalam tahun sebelumnya, seperti berikut:

SEGMENT URUS NIAGA	KADAR PREMIUM
Takaful Am	0.25% daripada jumlah premium bersih diterima
Takaful Perpaduan Keluarga	0.06% daripada penilaian aktuari liabiliti takaful perpaduan keluarga

Premium dibayar oleh setiap ahli penginsurans adalah tidak kurang dari RM150,000.

12. PENDAPATAN PELABURAN

a. Pendapatan pelaburan mengikut sekuriti pelaburan

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	35,313	13,940	21,373
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	25,101	12,154	12,947
Sekuriti Hutang Swasta	3,139	-	3,139
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek	179	139	40
Jumlah pendapatan pelaburan	63,732	26,233	37,499

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

12. PENDAPATAN PELABURAN (sambungan)

a. Pendapatan pelaburan mengikut sekuriti pelaburan (sambungan)

	2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia	31,069	10,999	20,070
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia	21,235	9,405	11,830
Sekuriti Hutang Swasta	3,634	-	3,634
Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek	204	121	83
Jumlah pendapatan pelaburan	56,142	20,525	35,617

b. Pendapatan pelaburan mengikut jenis pulangan pelaburan

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kupon dan kadar keuntungan dari sekuriti pelaburan	14,112	-	14,112
Pulangan daripada penambahan diskaun ke atas sekuriti pelaburan (bersih daripada pelunasan premium)	49,441	26,094	23,347
Pulangan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek	179	139	40
Jumlah pendapatan pelaburan	63,732	26,233	37,499

	2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Kupon dan kadar keuntungan dari sekuriti pelaburan	16,800	-	16,800
Pulangan daripada penambahan diskaun ke atas sekuriti pelaburan (bersih daripada pelunasan premium)	39,138	20,404	18,734
Pulangan daripada penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek	204	121	83
Jumlah pendapatan pelaburan	56,142	20,525	35,617

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

12. PENDAPATAN PELABURAN (sambungan)

c. Kadar Efektif Pulangan Purata Berwajaran (KEPPB)

KEPPB bagi sekuriti pelaburan sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

TAHUN	JENIS PORTFOLIO	SISTEM INSURANS DEPOSIT		SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS			
		KONVENSIONAL	ISLAM	INSURANS AM	INSURANS HAYAT	TAKAFUL AM	TAKAFUL PERPADUAN KELUARGA
2014	Tunai dan kesetaraan tunai dan pelaburan lain	3.03%	3.05%	3.10%	3.04%	3.04%	3.07%
	Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek	2.27%	2.12%	2.52%	2.49%	2.15%	2.14%
	Keseluruhan	2.96%		3.08%			
2013	Tunai dan kesetaraan tunai dan pelaburan lain	2.95%	2.97%	3.12%	2.96%	2.96%	2.96%
	Penempatan dalam deposit pasaran wang jangka pendek	2.19%	2.03%	2.40%	2.31%	1.98%	2.04%
	Keseluruhan	2.85%		3.05%			

13. KEUNTUNGAN ATAU (KERUGIAN) BERKAITAN DENGAN SEKURITI PELABURAN

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Keuntungan / (kerugian) daripada penjualan pelaburan pegangan-hingga-matang	-	-	-
Keuntungan / (kerugian) daripada penjualan pelaburan sedia-untuk-dijual	-	-	-
Keuntungan / (kerugian) direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan	-	-	-

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

13. KEUNTUNGAN ATAU (KERUGIAN) BERKAITAN DENGAN SEKURITI PELABURAN (sambungan)

	2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Keuntungan daripada penjualan pelaburan pegangan-hingga-matang	57	-	57
Kerugian daripada penjualan pelaburan sedia-untuk-dijual	(707)	-	(707)
Kerugian direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan	(650)	-	(650)

Termasuk dalam 'keuntungan / (kerugian) daripada penjualan pelaburan sedia-untuk-dijual' ialah kerugian dari tahun terdahulu sebanyak RM 0 (2013: (kerugian) sebanyak RM181,928), yang dipindahkan daripada Rizab lain kepada Penyata Keuntungan atau Kerugian berikutan penjualan pelaburan sedia-untuk-dijual. Sila rujuk kepada Nota 10(b)(ii).

14. PERBELANJAAN MANFAAT KAKITANGAN

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Gaji dan upahan	39,154	27,156	11,998
Caruman kepada rancangan caruman tetap	5,380	3,725	1,655
Peruntukan cuti yang tidak terambil	107	201	(94)
Manfaat lain	2,982	1,916	1,066
Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan	47,623	32,998	14,625

	2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Gaji dan upahan	36,648	21,196	15,452
Caruman kepada rancangan caruman tetap	4,860	2,810	2,050
Peruntukan cuti yang tidak terambil	153	76	77
Manfaat lain	2,524	1,469	1,055
Jumlah perbelanjaan manfaat kakitangan	44,185	25,551	18,634

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan berjumlah 148 (2013: 142).

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

15. PERBELANJAAN LAIN

	2014		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Yuran audit	48	35	13
Saraan dan fi Pengarah*	680	500	180
Hos acara antarabangsa	246	212	34
Sewa tempat letak kereta	534	393	141
Percetakan dan alat tulis	1,441	1,063	378
Fi penasihat dan perundingan	1,574	1,312	262
Program biasiswa	622	458	164
Yuran langganan dan keahlian	569	422	147
Telekomunikasi dan sistem komputer	3,378	2,370	1,008
Latihan dan pembangunan	2,215	1,720	495
Perbelanjaan perjalanan	731	609	122
Utiliti, penyelenggaraan pejabat dan insurans am	1,050	770	280
Pelbagai	312	234	78
Jumlah perbelanjaan lain	13,400	10,098	3,302

	2013		
	Jumlah RM'000	Kumpulan Dana Insurans Deposit RM'000	Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans RM'000
Yuran audit	44	26	18
Saraan dan fi Pengarah*	626	370	256
Hos acara antarabangsa	454	263	191
Sewa tempat letak kereta	516	305	211
Percetakan dan alat tulis	1,426	843	583
Fi penasihat dan perundingan	3,735	1,040	2,695
Program biasiswa	474	280	194
Yuran langganan dan keahlian	453	268	185
Telekomunikasi dan sistem komputer	1,881	1,113	768
Latihan dan pembangunan	2,337	1,372	965
Perbelanjaan perjalanan	922	570	352
Utiliti, penyelenggaraan pejabat dan insurans am	951	561	390
Pelbagai	522	329	193
Jumlah perbelanjaan lain	14,341	7,340	7,001

* Para pengarah dibayar berdasarkan struktur fi dan elaun yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

16. PERCUKAIAN

PIDM diberi pengecualian daripada cukai pendapatan.

17. PAJAKAN OPERASI

PIDM telah berunding semula untuk kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 12, 13, 15 dan 16 serta tambahan ruang pejabat di Aras 11, Menara Axiata (dahulu dikenali sebagai Quill 7), Kuala Lumpur Sentral. PIDM dan pemilik bangunan telah mencapai persetujuan untuk menamatkan perjanjian penyewaan yang sedia ada dan memeterai kontrak penyewaan baru selama 3 tahun (Penggajal Pertama) mulai 1 Januari 2015 pada kadar sewa tetap dikemaskini dengan pilihan untuk memperbaharui untuk 3 tahun lagi (Penggajal Kedua) pada kadar sewa pasaran, tertakluk kepada kenaikan maksimum sebanyak 10%. Selepas tempoh tersebut, PIDM mempunyai opsyen untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh selama 3 tahun (Penggajal Ketiga). Kontrak ini tidak mengandungi klausa opsyen pembelian. Dalam memeterai kontrak ini, PIDM tidak tertakluk kepada sebarang sekatan.

PIDM telah memeterai satu kontrak sewaan yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang untuk Tapak Pemulihan Bencana semmentaranya. Sewaan ini adalah bagi tempoh 2 tahun (Penggajal Pertama) mulai 1 April 2011 pada kadar sewaan tetap. Selepas tempoh tersebut, PIDM mempunyai opsyen untuk memperbaharui sewaan bagi tempoh 2 tahun lagi (Penggajal Kedua) dan tambahan selama 2 tahun (Penggajal Ketiga), kedua-duanya pada kadar sewaan yang akan dipersetujui oleh PIDM dan pihak tuan tanah. Kontrak ini tidak mempunyai opsyen pembelian. Dalam tahun semasa, PIDM telah melaksanakan opsyen untuk melanjutkan kontrak penyewaan untuk Penggajal Ketiga pada kadar asal seperti yang dipersetujui antara PIDM dan tuan tanah.

PIDM juga memeterai pajakan untuk pelbagai peralatan pejabat melalui kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan. Pajakan ini adalah untuk tempoh sehingga 5 tahun dengan peruntukan pembaharuan automatik sekiranya PIDM tidak memberi notis penamatan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput penggajal utama pajakan. Kontrak ini tidak mengandungi opsyen pembelian atau klausa menambah.

Agregat pembayaran minimum pajakan atau masa hadapan di bawah kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan, yang dimeterai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan tetapi tidak diiktiraf sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

	2014 RM'000	2013 RM'000
Pembayaran pajakan minimum untuk masa hadapan:		
Tidak lebih daripada 1 tahun	5,624	5,376
Melebihi daripada 1 tahun tetapi tidak melebihi 5 tahun	16,248	3,923
Jumlah komitmen pajakan operasi	21,872	9,299

18. KOMITMEN MODAL

	2014 RM'000	2013 RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan bagi:		
Tanah dan bangunan	15,585	5,483
Peralatan pejabat dan sistem komputer	2,740	3,329
Jumlah komitmen modal	18,325	8,812

Komitmen modal berkenaan tanah dan bangunan terutamanya termasuk kos pembinaan serta perbelanjaan penasihat dan perundingan bagi pembangunan Pusat Pemulihan Bencana PIDM.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

19. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

a. Transaksi dengan pihak berkaitan

PIDM ialah sebuah badan berkanun yang tertakluk kepada Akta PIDM. Oleh yang demikian, PIDM ialah pihak berkaitan, melalui kepentingan bersama, dengan semua Jabatan Kerajaan, agensi-agensi dan badan-badan berkanun yang lain. Dalam tahun kewangan, PIDM telah berurus niaga dengan beberapa pihak berkaitan bagi pelbagai perkhidmatan. Semua transaksi dijalankan secara telus dan pada kadar serta terma komersil yang terbuka. Jadual berikut mendedahkan urus niaga penting dengan pihak berkaitan:

	NOTA	PERBELANJAAN		AKAUN BELUM BAYAR	
		2014 RM'000	2013 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Bank Negara Malaysia	i	276	276	2,310	23
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	ii	5,294	4,780	9	12
Pertubuhan Keselamatan Sosial	ii	86	80	-	-

- Transaksi berkaitan dengan sewaan ruang untuk Tapak Pemulihan Bencana sementara dan baki bagi pembelian tanah bagi Pusat Pemulihan Bencana.
- PIDM membuat caruman kepada skim pencen nasional berkanun, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja serta Pertubuhan Keselamatan Sosial seperti yang dinyatakan dalam Nota 14.

Dalam tahun kewangan semasa, tiada berlaku sebarang transaksi dengan pihak yang berkaitan dengan mana-mana para Pengarah atau pegawai PIDM.

b. Ganjaran kakitangan pengurusan utama

	2014 RM'000	2013 RM'000
Manfaat jangka pendek	11,797	11,081
Manfaat selepas persaraan:		
Caruman kepada rancangan caruman tetap	1,154	1,000
Jumlah ganjaran kakitangan pengurusan utama	12,951	12,081

Ganjaran kakitangan pengurusan utama di atas termasuk ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, iaitu mereka yang diberi kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengendalikan dan mengawal aktiviti PIDM.

Bagaimanapun, ia tidak termasuk ganjaran bagi para Pengarah yang didedahkan secara berasingan di Nota 15. Ganjaran kakitangan pengurusan utama turut didedahkan di Nota 14.

20. MAKLUMAT SEGMENT

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi setiap Dana berikut:

- Dana Insurans Deposit Konvensional;
- Dana Insurans Deposit Islam;
- Dana Perlindungan Insurans Am;
- Dana Perlindungan Insurans Hayat;
- Dana Perlindungan Takaful Am; dan
- Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga.

Oleh itu, PIDM mempunyai segmen yang boleh dilaporkan mengikut kategori Dana seperti diatas. Tiada segmen operasi telah disatukan untuk membentuk segmen operasi yang boleh dilaporkan di atas.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

20. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
ASET							
Tunai dan kesetaraan tunai	15,290	11,455	649	1,544	590	450	602
Pelaburan							
<i>Pelaburan sedia-untuk-dijual</i>							
Pelaburan pegangan-hingga-matang	2,175,718	812,312	139,103	1,059,353	138,829	8,466	17,655
Aset lain	8,483	2,765	1,038	3,669	805	74	132
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	-	-	-	-	-	-	-
Hartanah dan peralatan	19,180	12,080	2,262	963	3,243	209	423
Jumlah Aset	2,218,671	838,612	143,052	1,065,529	143,467	9,199	18,812
LIABILITI							
Akaun belum bayar	11,368	7,342	1,199	314	2,035	157	321
Jumlah Liabiliti	11,368	7,342	1,199	314	2,035	157	321
KUMPULAN DANA DAN RIZAB							
Lebihan terkumpul	2,207,303	831,270	141,853	1,065,215	141,432	9,042	18,491
Rizab lain	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab	2,207,303	831,270	141,853	1,065,215	141,432	9,042	18,491
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab	2,218,671	838,612	143,052	1,065,529	143,467	9,199	18,812

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

20. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2013 (DINYATAKAN SEMULA)

Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
ASET							
Tunai dan kesetaraan tunai	180,701	91,811	5,954	62,673	10,080	1,424	8,759
Pelaburan							
<i>Pelaburan sedia-untuk-dijual</i>	-	-	-	-	-	-	-
<i>Pelaburan pegangan-hingga-matang</i>	1,716,821	558,217	98,954	957,184	93,205	5,000	4,261
Aset lain	8,863	2,617	820	4,535	741	55	95
Pelaburan dalam subsidiari-subsidiari	-	-	-	-	-	-	-
Hartanah dan peralatan	17,156	11,922	2,179	833	1,888	108	226
Jumlah Aset	1,923,541	664,567	107,907	1,025,225	105,914	6,587	13,341
LIABILITI							
Akaun belum bayar	7,029	3,619	500	789	1,802	105	214
Jumlah Liabiliti	7,029	3,619	500	789	1,802	105	214
KUMPULAN DANA DAN RIZAB							
Lebihan terkumpul	1,916,512	660,948	107,407	1,024,436	104,112	6,482	13,127
Rizab lain	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah Kumpulan Dana dan Rizab	1,916,512	660,948	107,407	1,024,436	104,112	6,482	13,127
Jumlah Liabiliti, Kumpulan Dana dan Rizab	1,923,541	664,567	107,907	1,025,225	105,914	6,587	13,341

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

20. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
Hasil premium	11	310,998	199,276	40,450	10,508	49,962	3,533	7,269
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	12	63,732	22,423	3,810	32,959	3,815	234	491
Kerugian direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan	13	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah hasil		374,730	221,699	44,260	43,467	53,777	3,767	7,760
Manfaat kakitangan	14	47,623	27,733	5,265	1,653	10,693	765	1,514
Perhubungan awam dan pengiklanan		10,505	6,527	1,242	297	2,009	144	286
Susut nilai	8	7,143	5,459	982	188	437	25	52
Pajakan operasi		5,268	3,265	620	156	1,012	72	143
Perbelanjaan lain	15	13,400	8,393	1,705	394	2,306	201	401
Jumlah perbelanjaan		83,939	51,377	9,814	2,688	16,457	1,207	2,396
Lebihan bersih operasi tahun semasa		290,791	170,322	34,446	40,779	37,320	2,560	5,364
Pendapatan komprehensif lain								
Butiran yang boleh diklasifikasikan kemudiannya kepada keuntungan atau kerugian								
Keuntungan bersih bagi pelaburan sedia-untuk-dijual	10b	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa		290,791	170,322	34,446	40,779	37,320	2,560	5,364

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

20. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
Hasil premium	245,100	151,565	28,754	7,487	47,252	3,370	6,672
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	56,142	17,639	2,886	32,297	2,833	152	335
Kerugian direalisasi daripada penjualan sekuriti pelaburan	(650)	-	-	(650)	-	-	-
Jumlah hasil	300,592	169,204	31,640	39,134	50,085	3,522	7,007
Manfaat kakitangan	44,185	21,717	3,834	5,085	11,579	650	1,320
Perhubungan awam dan pengiklanan	10,406	5,171	917	1,179	2,687	149	303
Susut nilai	7,590	6,136	1,135	87	196	11	25
Pajakan operasi	5,535	2,816	500	606	1,379	77	157
Perbelanjaan lain	14,341	6,238	1,102	1,908	4,350	244	499
Jumlah perbelanjaan	82,057	42,078	7,488	8,865	20,191	1,131	2,304
Lebihan bersih operasi tahun semasa	218,535	127,126	24,152	30,269	29,894	2,391	4,703
Pendapatan komprehensif lain							
Butiran yang boleh diklasifikasikan kemudiannya kepada keuntungan atau kerugian							
Keuntungan bersih bagi pelaburan sedia-untuk-dijual	182	-	-	182	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	218,717	127,126	24,152	30,451	29,894	2,391	4,703

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

20. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2014

Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI							
Penerimaan premium daripada institusi ahli	310,998	199,276	40,450	10,508	49,962	3,533	7,269
Pembayaran operasi semasa kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan	(77,276)	(45,189)	(8,898)	(2,949)	(16,639)	(1,209)	(2,392)
Penerimaan pendapatan pelaburan	53,804	16,440	3,438	30,323	2,974	172	457
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi	287,526	170,527	34,990	37,882	36,297	2,496	5,334
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN							
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan	2,682,210	991,294	247,832	1,097,028	268,651	20,407	56,998
Pembelian sekuriti pelaburan	(3,130,396)	(1,239,407)	(287,610)	(1,195,778)	(313,433)	(23,811)	(70,357)
Pembelian hartanah dan peralatan	(4,751)	(2,770)	(517)	(261)	(1,005)	(66)	(132)
Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(452,937)	(250,883)	(40,295)	(99,011)	(45,787)	(3,470)	(13,491)
Pengurangan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(165,411)	(80,356)	(5,305)	(61,129)	(9,490)	(974)	(8,157)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	180,701	91,811	5,954	62,673	10,080	1,424	8,759
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	15,290	11,455	649	1,544	590	450	602

4a

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

20. MAKLUMAT SEGMENT (sambungan)

Pelaporan dana (sambungan)

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013 (DINYATAKAN SEMULA)

	Nota	Jumlah RM'000	Insurans Deposit Konvensional RM'000	Insurans Deposit Islam RM'000	Insurans Am RM'000	Insurans Hayat RM'000	Takaful Am RM'000	Takaful Perpaduan Keluarga RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI								
Penerimaan premium daripada institusi ahli		245,100	151,565	28,754	7,487	47,252	3,370	6,672
Pembayaran operasi semasa kepada penyedia perkhidmatan dan kakitangan		(76,414)	(36,514)	(6,657)	(9,072)	(20,644)	(1,163)	(2,364)
Penerimaan pendapatan pelaburan		58,111	17,699	2,604	34,277	2,914	204	413
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		226,797	132,750	24,701	32,692	29,522	2,411	4,721
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN								
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		2,836,027	1,186,934	216,228	1,140,377	243,750	13,511	35,227
Pembelian sekuriti pelaburan		(2,915,069)	(1,241,220)	(250,541)	(1,111,959)	(263,858)	(15,586)	(31,905)
Pembelian hartanah dan peralatan		(1,347)	(681)	(119)	(149)	(339)	(19)	(40)
Aliran tunai bersih yang dijana daripada / (digunakan dalam) aktiviti pelaburan		(80,389)	(54,967)	(34,432)	28,269	(20,447)	(2,094)	3,282
Peningkatan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		146,408	77,783	(9,731)	60,961	9,075	317	8,003
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		34,293	14,028	15,685	1,712	1,005	1,107	756
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	4a	180,701	91,811	5,954	62,673	10,080	1,424	8,759

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

21. INSTRUMEN KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan PIDM bertujuan untuk memastikan sumber kewangan adalah mencukupi bagi menjalankan aktiviti PIDM disamping menguruskan risiko-risiko mata wang, kadar faedah dan kadar pulangan, kecairan, pasaran dan kredit. PIDM beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi PIDM adalah untuk melabur hanya dalam sekuriti mata wang Ringgit Malaysia jangka pendek dan sederhana Kerajaan dan Bank Negara Malaysia atau sekuriti daripada gred pelaburan tinggi yang dikeluarkan oleh entiti berkaitan kerajaan, yang dijamin oleh kerajaan atau dengan penarafan minimum AAA dengan kematangan berbeza. Berkaitan pengurusan tunai operasi harian, PIDM boleh menempatkan lebihan dana dalam pasaran wang atau penempatan semalaman dengan bank-banknya. Tiada pelaburan dibuat dengan bank-bank ahli memandangkan PIDM ialah penginsurans deposit bank-bank ahli tersebut.

Sebahagian daripada portfolio pelaburan Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans yang sebelum ini ditadbir oleh Bank Negara Malaysia, yang telah dipindahkan kepada PIDM dalam tahun 2011 terdiri daripada sekuriti pelaburan yang tidak selari dengan Polisi Pelaburan PIDM yang diluluskan. Dalam tahun 2011, kelulusan khusus daripada Lembaga Pengarah telah diperolehi untuk mengecualikan sekuriti pelaburan tersebut daripada mematuhi Polisi Pelaburan PIDM. Sekuriti pelaburan yang tidak mematuhi Polisi Pelaburan PIDM terdiri daripada sekuriti Kerajaan dengan tempoh jangka panjang serta Sekuriti Hutang Swasta.

a. Risiko mata wang asing

Pada masa ini PIDM tidak terdedah kepada sebarang risiko mata wang asing memandangkan semua transaksi diurusniagakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan

Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan PIDM akan timbul terutamanya daripada perbezaan tarikh matang aset dan liabiliti kewangannya.

Aset kewangan terdiri terutamanya daripada aset pelaburan yang dipegang dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia. Risiko kadar faedah dalam hal ini timbul daripada turun naik kadar faedah pasaran yang boleh memberi kesan kepada nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan. Risiko kadar pulangan ialah impak faktor pasaran yang berpotensi menjejaskan pulangan atas aset dan seterusnya boleh mengakibatkan nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan ini terjejas. Bagi mengurangkan risiko-risiko ini, PIDM pada masa ini hanya melabur dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana yang mengurangkan sebarang kesan perubahan kadar faedah pasaran atau kadar pulangan atas nilai pasaran sekuriti berkenaan.

Pada masa ini PIDM tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terdedah kepada risiko kadar faedah.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

21. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan (sambungan)

Jadual berikut menunjukkan nilai bawaan, Kadar Efektif Pulangan Purata Berwajaran (KEPPB) pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan tempoh matang instrumen kewangan PIDM yang terdedah kepada risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan.

Dana Insurans Deposit Konvensional	Nota	KEPPB %	Dalam tempoh 3 bulan RM'000	4 - 12 bulan RM'000	13 - 36 bulan RM'000	37 - 60 bulan RM'000	61 - 120 bulan RM'000	Jumlah
31 Disember 2014								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	2.40	11,455	-	-	-	-	11,455
Pelaburan	5	3.13	328,108	484,204	-	-	-	812,312
31 Disember 2013								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	2.81	91,811	-	-	-	-	91,811
Pelaburan	5	2.91	222,455	335,762	-	-	-	558,217
Dana Insurans Deposit Islam								
31 Disember 2014								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	-	649	-	-	-	-	649
Pelaburan	5	3.21	35,001	104,102	-	-	-	139,103
31 Disember 2013								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	2.90	5,954	-	-	-	-	5,954
Pelaburan	5	2.94	73,274	25,680	-	-	-	98,954

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

21. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan (sambungan)

Dana Perlindungan Insurans Am	Nota	KEPPB %	Dalam tempoh 3 bulan RM'000	4 - 12 bulan RM'000	13 - 36 bulan RM'000	37 - 60 bulan RM'000	61 - 120 bulan RM'000	Jumlah RM'000
31 Disember 2014								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	-	1,544	-	-	-	-	1,544
Pelaburan	5	3.23	532,605	395,328	55,525	56,424	19,471	1,059,353
31 Disember 2013								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	2.90	62,673	-	-	-	-	62,673
Pelaburan	5	3.17	352,872	310,093	177,701	61,036	55,482	957,184
Dana Perlindungan Insurans Hayat								
31 Disember 2014								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	-	590	-	-	-	-	590
Pelaburan	5	3.18	63,419	75,410	-	-	-	138,829
31 Disember 2013								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	2.95	10,080	-	-	-	-	10,080
Pelaburan	5	2.88	42,834	50,371	-	-	-	93,205

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

21. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan (sambungan)

Dana Perlindungan Takaful Am	Nota	KEPPB %	Dalam tempoh 3 bulan RM'000	4 - 12 bulan RM'000	13 - 36 bulan RM'000	37 - 60 bulan RM'000	61 - 120 bulan RM'000	Jumlah RM'000
31 Disember 2014								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	-	450	-	-	-	-	450
Pelaburan	5	3.19	4,985	3,481	-	-	-	8,466
31 Disember 2013								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	2.90	1,424	-	-	-	-	1,424
Pelaburan	5	2.90	-	5,000	-	-	-	5,000
Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga								
31 Disember 2014								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	-	602	-	-	-	-	602
Pelaburan	5	3.31	1,988	15,667	-	-	-	17,655
31 Disember 2013								
Kadar tetap								
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	2.90	8,759	-	-	-	-	8,759
Pelaburan	5	2.92	2,107	2,154	-	-	-	4,261

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

21. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan (sambungan)

Berdasarkan kepada portfolio pelaburan PIDM pada 31 Disember 2014, jadual berikut menunjukkan bagaimana kesan terhadap lebihan bersih daripada kenaikan atau penurunan 50 mata asas dalam KEPPB.

	LEBIHAN BERSIH						
	JUMLAH RM'000	SISTEM INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL RM'000	SISTEM INSURANS DEPOSIT ISLAM RM'000	INSURANS AM RM'000	INSURANS HAYAT RM'000	TAKAFUL AM RM'000	TAKAFUL PERPADUAN KELUARGA RM'000
Kenaikan 50 mata asas							
- 31 Disember 2014	10,396	3,707	625	5,317	628	39	80
- 31 Disember 2013	7,864	2,429	377	4,681	322	18	37
Penurunan 50 mata asas							
- 31 Disember 2014	(10,396)	(3,707)	(625)	(5,317)	(628)	(39)	(80)
- 31 Disember 2013	(7,864)	(2,429)	(377)	(4,681)	(322)	(18)	(37)

c. Risiko kecairan

Risiko kecairan PIDM berkait rapat dengan keupayaan PIDM memenuhi obligasinya apabila diperlukan, tanpa menyebabkan kerugian yang tidak boleh diterima. Ini mungkin disebabkan ketidakupayaan untuk membubarkan aset apabila diperlukan atau memperoleh pembiayaan untuk memenuhi keperluan kecairannya. Sejumlah besar dana daripada kumpulan dana yang diperuntukkan untuk tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek. PIDM berusaha untuk menguruskan profil kematangan sekuriti ini secara berterusan bagi memastikan terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk menampung keperluan modal kerja harian atau untuk menangani mana-mana pendedahan risiko kewangan mengikut had pendedahan yang diluluskan. Nilai pelaburan mengikut profil kematangan didedahkan di dalam Nota 21 (b). Jadual berikut menetapkan aset jangka pendek PIDM dan profil liabiliti matang.

	NOTA	31 Disember 2014					JUMLAH RM'000
		KURANG DARI 30 HARI RM'000	31 – 60 HARI RM'000	60 - 90 HARI RM'000	LEBIH DARI 90 HARI RM'000		
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	15,290	-	-	-	15,290	
Pelaburan	5	225,713	276,178	464,215	1,209,612	2,175,718	
Akaun belum bayar	9	(10,021)	(66)	-	(1,281)	(11,368)	
Aset jangka pendek bersih		230,982	276,112	464,215	1,208,331	2,179,640	

	NOTA	31 Disember 2013					JUMLAH RM'000
		KURANG DARI 30 HARI RM'000	31 – 60 HARI RM'000	60 - 90 HARI RM'000	LEBIH DARI 90 HARI RM'000		
Tunai dan kesetaraan tunai	4a	39,554	141,147	-	-	180,701	
Pelaburan	5	248,900	255,016	189,624	1,023,281	1,716,821	
Akaun belum bayar	9	(5,746)	(86)	-	(1,197)	(7,029)	
Aset jangka pendek bersih		282,708	396,077	189,624	1,022,084	1,890,493	

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

21. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

c. Risiko kecairan (sambungan)

PIDM juga mempunyai rangka kerja pembiayaan untuk menguruskan keperluan pembiayaan aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Objektif utama rangka kerja itu adalah untuk memastikan PIDM mempunyai sumber kewangan mencukupi bagi operasi Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans yang kukuh dan mantap. Rangka kerja pembiayaan itu juga mengambil kira peranan PIDM dalam jaringan keselamatan kewangan dan kuasa perundangannya berkaitan dengan sumber pembiayaan serta objektif yang jelas bagi sumber pembiayaan dalaman dan luaran.

- i. **Pembiayaan dalaman** disediakan menerusi pengumpulan lebih bersih operasi. Pengumpulan lebih bersih dikreditkan ke dalam Dana masing-masing sebagai rizab bagi memenuhi obligasi masa depan yang mungkin timbul hasil daripada penyediaan program perlindungan konsumen kewangan.
- ii. **Pembiayaan luaran** boleh diperolehi menerusi pinjaman daripada Kerajaan, pinjaman daripada pasaran modal atau sumber-sumber lain yang dianggap perlu dan sesuai. Akta PIDM memberi kuasa kepada PIDM untuk meminjam atau memperolehi dana bagi memenuhi obligasinya. PIDM boleh meminjam daripada Kerajaan dengan kelulusan Menteri Kewangan dengan terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh Menteri.

d. Risiko pasaran

Risiko pasaran PIDM berkait rapat dengan risiko kerugian yang disebabkan oleh perubahan negatif dalam nilai pegangan aset berikutan pergerakan dalam kadar atau harga pasaran. Risiko pasaran bagi PIDM termasuk risiko yang berkaitan dengan pelaburan. Pendedahan risiko pasaran PIDM boleh berubah semasa operasi biasa atau kesan daripada aktiviti intervensi atau resolusi kegagalan. Pelaburan PIDM dalam sekuriti jangka pendek dan sederhana adalah bertujuan untuk dipegang sehingga matang. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini ialah minimum.

e. Risiko kredit

PIDM melabur dalam Sekuriti dan Pelaburan Kerajaan Malaysia, Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya akan gagal dalam pembayaran dan oleh itu, mengangap risiko kredit ke atas aset pelaburannya amat minimum.

Selain sekuriti pelaburan Kerajaan dan nota Bank Negara Malaysia, PIDM juga mempunyai pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta yang merupakan sebahagian daripada aset pelaburan yang dipindahkan daripada bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans dalam tahun 2011. Daripada sekuriti-sekuriti ini, PIDM hanya mengekalkan Sekuriti Hutang Swasta yang diterbitkan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan dengan penarafan minimum AA+. Oleh kerana Sekuriti Hutang Swasta ini berpotensi mendedahkan PIDM kepada risiko kemungkiran kredit, PIDM terus memantau kedudukan kredit penerbit Sekuriti Hutang Swasta bagi sebarang potensi risiko penurunan gred dalam penarafan kredit. Risiko kredit yang dinyatakan di sini hanya berkaitan dengan Sekuriti Hutang Swasta yang dipindahkan daripada bekas Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

21. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

f. Nilai saksama

Secara amnya, nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan Kumpulan Dana Insurans Deposit dan Kumpulan Dana Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans hampir setara dengan nilai saksama mereka, kecuali bagi pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta yang diklasifikasikan sebagai aset kewangan sedia-untuk-dijual, yang mana nilai saksamanya diwakili oleh nilai pasaran sekuriti tersebut sebagaimana yang dinyatakan di dalam Nota 5.

PIDM mempunyai rangka kerja dan polisi yang mapan yang memberi panduan mengenai penilaian praktikal, prinsip dan pendekatan analitikal bagi penubuhan penilaian berhemat instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama instrumen kewangan ialah jumlah yang mana instrumen tersebut boleh ditukar atau diselesaikan antara pihak-pihak berpengetahuan dan bersetuju dalam transaksi wajar, selain daripada jualan paksa atau pembubaran. Penilaian instrumen kewangan ditentukan dengan merujuk kepada harga yang tersenarai dalam pasaran aktif atau dengan menggunakan teknik-teknik penilaian berdasarkan input boleh cerap atau input tidak boleh dicerap. Pertimbangan pengurusan telah dijalankan dalam memilih dan mengguna-pakai parameter, andaian dan teknik-teknik pemodelan yang sesuai yang mana beberapa atau kesemua input parameter tidak boleh dicerap dalam memperoleh nilai saksama.

Di samping itu, PIDM terus memantapkan reka bentuk dan metodologi serta proses pengesahan yang digunakan untuk menghasilkan penilaian. Model penilaian disahkan secara dalaman dan luaran, dengan semakan berkala bagi memastikan model masih sesuai untuk diguna.

Penilaian Nilai saksama

i. Tahap 1: Sebut harga

Merujuk kepada instrumen kewangan yang terdapat dalam pasaran aktif sekiranya sebut harga adalah mudah dan boleh didapati daripada pertukaran, peniaga, broker, perkhidmatan penetapan harga atau agensi kawal selia. Harga tersebut juga perlu mewakili urusan niaga pasaran sebenar dan kerap berlaku pada asas wajar. Instrumen kewangan sedemikian termasuk sekuriti kerajaan yang aktif diniagakan.

ii. Tahap 2: Teknik penilaian menggunakan input boleh diperhatikan

Merujuk kepada input selain daripada sebut harga yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung (iaitu harga) atau secara tidak langsung (iaitu diperoleh daripada harga). Contoh Tahap 2 instrumen kewangan termasuk bon korporat dan bon kerajaan yang lain.

iii. Tahap 3: Teknik penilaian menggunakan input tidak boleh diperhatikan secara ketara

Merujuk kepada instrumen kewangan yang mana nilai saksama diukur menggunakan input pasaran tidak boleh diperhatikan secara ketara. Teknik penilaian adalah konsisten dengan Tahap 2. Teknik penilaian yang dipilih menggabungkan andaian sendiri PIDM dan datanya. Contoh Tahap 3 instrumen termasuk bon korporat dalam pasaran yang kurang kecairan.

Nota Kepada Penyata Kewangan

31 Disember 2014

22. LIABILITI LUAR JANGKA

Pendedahan kepada kerugian daripada menginsuranskan deposit

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat menginsuranskan deposit di bawah Sistem Insurans Deposit serta polisi insurans dan sijil takaful di bawah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan atau dianggarkan dengan sebarang kadar penerimaan yang boleh diyakini. Sepanjang tahun, tiada kejadian berlaku yang memerlukan PIDM membuat peruntukan khusus di dalam penyata kewangan selaras dengan MFRS 137 *Provisions, Contingent Liabilities and Contingent Assets*.

Sebagai sebahagian daripada mandat, PIDM melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko terhadap semua institusi ahli dan bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk memastikan sebarang kemusykilan berkenaan perihal urusan dan hal ehwal institusi ahli ditangani dengan segera. Walaubagaimanapun, PIDM bergantung kepada badan kawal selia untuk mengambil tindakan awal yang perlu untuk mengelakkan daripada kegagalan institusi ahli.

PIDM mengukuhkan disiplin kewangan menerusi Sistem Premium Berbeza dan Sistem Levi Berbeza yang menyediakan insentif yang kukuh kepada bank ahli dan ahli penginsurans konvensional untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang utuh dan mantap termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Satu Sistem Levi Berbeza bagi pengendali takaful sedang melalui proses perundingan industri dan dirancang untuk dilaksanakan dalam tahun 2016.

Jika suatu institusi ahli dianggap tidak berdaya maju oleh badan kawal selia, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan menyelesaikan institusi ahli dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun peruntukan tidak dicatatkan melainkan kejadian tertentu berlaku, PIDM terus meningkatkan Kumpulan Dananya menerusi pengumpulan lebih bersih operasi tahunan daripada aktiviti-aktiviti operasi. Lebih terkumpul disimpan di dalam setiap Kumpulan Dana bagi memenuhi kewajipan untuk menampung kerugian apabila ianya berlaku. Lebih terkumpul di dalam sesuatu Kumpulan Dana tidak boleh digunakan untuk menampung kewajipan Kumpulan Dana yang lain. Seperti yang dibincangkan di Nota 10, PIDM telah menubuhkan rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Insurans Deposit. PIDM sedang memuktamadkan suatu rangka kerja Dana Sasaran bagi Kumpulan Dana Perlindungan Insurans Am yang akan dilaksanakan dalam tahun 2015. PIDM akan membangunkan suatu rangka kerja Dana Sasaran bagi Dana-Dana lain dalam Kumpulan Dana Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Sekiranya sesuatu Kumpulan Dana tersebut tidak mencukupi bagi memenuhi kewajipannya, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun mempunyai kuasa untuk meminjam daripada Kerajaan atau menerbitkan sekuriti hutang awam bagi mengumpul dana serta mentaksir dan mengenakan premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

23. PERBANDINGAN

MFRS 107 Penyata Aliran Tunai telah mentakrifkan persamaan tunai sebagai dana dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Pelaburan biasanya layak sebagai setara tunai hanya apabila ia mempunyai tempoh matang yang singkat, tiga bulan atau kurang dari tarikh pembelian.

Dalam tahun-tahun sebelumnya, termasuk dalam kesetaraan tunai adalah pelaburan dengan tempoh matang kurang daripada 90 hari walaupun kematangan asal boleh menjadi lebih daripada 90 hari. Oleh itu, PIDM telah menyatakan semula perbandingan dengan mengklasifikasi pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang lebih daripada 90 hari daripada Tunai dan kesetaraan tunai ke dalam baki Pelaburan.

Nota Kepada Penyata Kewangan
31 Disember 2014

23. PERBANDINGAN (sambungan)

Kesan klasifikasi semula ke atas Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Aliran Tunai adalah seperti berikut:

Ekstrak dari Penyata Kedudukan Kewangan

		31.12.2013			
		Seperti yang dinyatakan sebelum ini	Klasifikasi semula	Seperti yang dinyatakan semula	
Nota		RM'000	RM'000	RM'000	
ASET					
	Tunai dan kesetaraan tunai	4a	874,242	(693,541)	180,701
Pelaburan					
	Pelaburan pegangan-hingga-matang	5b	1,023,280	693,541	1,716,821
		1.1.2013			
		Seperti yang dinyatakan sebelum ini	Klasifikasi semula	Seperti yang dinyatakan semula	
Nota		RM '000	RM'000	RM'000	
ASET					
	Tunai dan kesetaraan tunai	4a	745,211	(710,918)	34,293
Pelaburan					
	Pelaburan pegangan-hingga-matang	5b	923,396	710,918	1,634,314
Petikan dari Penyata Aliran Tunai					
		31.12.2013			
		Seperti yang dinyatakan sebelum ini	Klasifikasi semula	Seperti yang dinyatakan semula	
		RM'000	RM'000	RM'000	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
	Pembelian sekuriti pelaburan	(2,932,446)	17,377	(2,915,069)	
	Aliran tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan	(97,766)	17,377	(80,389)	
	Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	129,031	17,377	146,408	
	Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	745,211	(710,918)	34,293	
	Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	874,242		180,701	



BAHAGIAN LIMA **TINJAUAN KEAHLIAN**

TINJAUAN KEAHLIAN

Institusi ahli PIDM secara keseluruhannya telah menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2014. Kedudukan teguh keseluruhan prestasi ini ditunjukkan oleh permodalan yang kukuh di tengah-tengah pengembangan perniagaan dalam kedua-dua sektor perbankan dan insurans. Kualiti aset bank-bank ahli terus bertambah baik, manakala penimbal mudah tunai kekal selesa di seluruh sistem. Sementara itu, ahli penginsurans menunjukkan prestasi penajajaminan yang lebih baik, hasil daripada penambahbaikan dalam urusan tuntutan.

Kedudukan kukuh keseluruhan institusi ahli kami menjadi lebih kritikal apabila tahun 2014 berakhir dengan situasi yang lebih mencabar. Prestasi pertumbuhan tidak sekata keseluruhan ekonomi dan penurunan mendadak harga komoditi utama telah menyumbang kepada ketidaktentuan ekonomi pada tahun 2015. Perkembangan luaran ini dan kesan yang mungkin terhadap ekonomi domestik akan terus dipantau dengan rapi.


Pada penghujung tahun 2014, jumlah institusi ahli PIDM ialah 86, terdiri daripada 43 bank ahli dan 43 ahli penginsurans. Bilangan ahli penginsurans telah berkurangan satu susulan daripada penggabungan dua pengendali takaful.

BANK AHLI

Kedudukan Permodalan yang Kukuh

Bank-bank ahli kami kekal mempunyai modal yang baik, mengekalkan permodalan yang kukuh dan berkualiti tinggi sepanjang tahun 2014. Pada bulan Disember 2014, purata ekuiti biasa Kumpulan 1 (*common equity Tier-1*), Kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal industri perbankan adalah masing-masing sebanyak 12.3%, 13% dan 15%. Ini menunjukkan keupayaan penyerapan kerugian yang mantap oleh bank-bank ahli. Pada tahap permodalan semasa, penimbal modal yang melebihi keperluan pengawalseliaan sebanyak 8% adalah kukuh pada RM98.3 bilion. Sementara itu, nisbah leveraj bank-bank ahli kekal konservatif pada nisbah purata aset-kepada-modal sebanyak 11.9 kali.

CARTA 1: PETUNJUK PERMODALAN




Nota: Mulai bulan Januari 2013, komponen modal dilaporkan berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel III

Kualiti Aset yang Mantap dan Pertumbuhan Pinjaman yang Berhemat

Kualiti aset keseluruhan kekal teguh dengan penambahbaikan berterusan dalam arah aliran kemerosotan nilai. Nisbah pinjaman terjejas kasar dan nisbah pinjaman terjejas bersih meningkat lagi kepada rekod paling rendah yang baharu, masing-masing sebanyak 1.7% dan 1.2%, manakala perlindungan kerugian pinjaman kekal selesa pada 107.2% pada bulan Disember 2014 (2013: 101.7%). Sementara itu, kadar mungkir telah kekal terurus bagi keseluruhan segmen peminjaman teras, disokong oleh kadar pengangguran yang rendah dan persekitaran kadar faedah yang kondusif.


Tinjauan Keahlian

Jumlah pinjaman dan pendahuluan berjumlah RM1.33 trilion pada bulan Disember 2014 menunjukkan pertumbuhan pinjaman yang baik sebanyak 9.5% pada tahun berkenaan (2013: 10.7%). Bank-bank ahli telah mengetatkan syarat pemberian pinjaman secara menyeluruh disebabkan gesaan untuk amalan pemberian pinjaman yang lebih berhemat. Pemberian pinjaman bagi tujuan pembelian hartanah kediaman terus menjadi pemacu utama pengembangan sebanyak 9.9% (2013: 12%) bagi pinjaman isi rumah, manakala segmen lain menyaksikan sedikit pengurangan dalam pertumbuhan. Pinjaman kepada perniagaan berkembang sebanyak 7.7% (2013: 8.8%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan dalam pinjaman kepada sektor kewangan, insurans, hartanah dan aktiviti perniagaan; sektor pembinaan; sektor perdagangan borong dan runcit serta restoran dan hotel.



Prestasi Pendapatan yang Mapan

Bank-bank ahli mencatatkan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi sebanyak RM30.8 bilion pada tahun 2014, meningkat 6.9% berbanding RM28.8 bilion pada tahun 2013. Ini disokong oleh pertumbuhan pinjaman yang baik dan penambahbaikan dalam kos kredit. Nisbah kos kepada pendapatan kekal pada 44.4% pada penghujung bulan Disember 2014 (2013: 44.4%). Walau bagaimanapun, pemeliharaan margin kekal mencabar pada tahun 2014 apabila margin faedah bersih terus mengecil sebagai tindak balas kepada persaingan yang meningkat bagi kedua-dua aset berkualiti dan pembiayaan yang stabil. Margin faedah bersih menurun sedikit daripada 2.03% pada tahun 2013 kepada 1.95% pada tahun 2014, manakala pulangan-atas-aset menurun kepada 1.46% (2013: 1.51%).




Tinjauan Keahlian

Penimbal Mudah Tunai yang Stabil

Kedudukan mudah tunai bank-bank ahli adalah stabil pada bulan Disember 2014. Deposit pelanggan meningkat sebanyak 8.1% tahun-ke-tahun (2013: 8.3%) kepada RM1.6 trilion. Nisbah pinjaman kepada deposit adalah sebanyak 83.1% (2013: 82.1%), memberikan bank-bank ahli fleksibiliti untuk menyokong lagi pertumbuhan pinjaman. Pembiayaan yang stabil daripada deposit pelanggan terus membentuk sebahagian besar daripada jumlah liabiliti sebanyak 80.7% di bank-bank ahli, manakala pergantungan terhadap deposit antara bank yang lebih tidak menentu, kekal minimum.

Perbadanan akan terus memantau arah aliran deposit dan komposisi, serta, penimbal mudah tunai. Mudah tunai merupakan aspek penting dalam penilaian, terutama berikutan daripada cabaran ekonomi baru-baru ini. Pengurusan aset-liabiliti yang baik, berserta keperluan pengawalseliaan yang lebih ketat, akan mempersiapkan lagi bank-bank ahli kami untuk menguruskan risiko pembiayaan dan mudah tunai mereka.

CARTA 4: PETUNJUK MUDAH TUNAI**AHLI PENGINSURANS****Kecukupan Modal yang Diperkukuhkan**

Tahun 2014 merupakan tahun pertama pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi pengendali takaful, susulan daripada percubaan pelaporan selari Rangka Kerja ini pada tahun 2013. Di bawah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko, ahli penginsurans kini tertakluk kepada keperluan modal lebih berhemat yang mempertingkatkan lagi daya tahan keseluruhan sektor insurans.

Bagi ahli penginsurans konvensional, kecukupan modal industri terus kukuh seperti yang ditunjukkan oleh nisbah kecukupan modal, sebanyak 254.7% pada tahun 2014 (2013: 245.7%). Penimbal sebanyak RM23.1 bilion di atas paras penyeliaan nisbah kecukupan modal sebanyak 130%, menunjukkan lagi daya tahan yang kukuh ahli penginsurans terhadap keadaan kewangan yang tidak memberansangkan.

Sementara itu, pengendali takaful mencatatkan agregat nisbah kecukupan modal sebanyak 187.3% pada tahun 2014. Kedudukan baik tersebut ditunjukkan oleh penimbal modal yang selesa melebihi paras pengawalseliaan nisbah kecukupan modal minimum sebanyak 130%. Pengendali takaful kini berusaha untuk mewujudkan sasaran modal dalaman yang sepadan dengan profil risiko masing-masing. Ini adalah satu langkah yang positif untuk industri kerana usaha ini akhirnya akan mengukuhkan tahap modal pengendali takaful dan menjadikan mereka setanding dengan ahli penginsurans konvensional.

CARTA 5: KEDUDUKAN MODAL

Nota: Carta di atas menunjukkan kedudukan modal ahli penginsurans konvensional sahaja

Tinjauan Keahlian

Pertumbuhan Aset yang Stabil

Pengembangan perniagaan yang baik dalam kedua-dua industri insurans dan takaful telah menyokong asas aset yang kukuh ahli penginsurans kami pada tahun 2014. Jumlah aset dalam industri insurans dan takaful berkembang masing-masing sebanyak 6.7% kepada RM219.3 bilion dan 8.6% kepada RM22.7 bilion pada tahun 2014.

Aset mudah tunai berkualiti tinggi membentuk sebahagian besar daripada aset dalam kumpulan dana insurans am, selaras dengan keperluan mudah tunai yang lebih tinggi bagi menyokong keperluan insurans jangka pendek. Sebaliknya, aset ahli penginsurans hayat sebahagian besarnya masih dilaburkan dalam hutang korporat dan sekuriti yang menyediakan padanan yang lebih baik terhadap liabiliti jangka panjang. Sementara itu, usaha pengendali takaful untuk meningkatkan perolehan menerusi lebihan pelaburan ditunjukkan oleh pegangan ketara sekuriti hutang Islam di kedua-dua kumpulan dana takaful am dan keluarga.

Prestasi Perolehan yang Positif


Industri insurans dan takaful terus menunjukkan prestasi operasi yang baik pada tahun 2014. Industri insurans am mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.0% (2013: 6.4%) dalam premium kasar, terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi daripada segmen insurans bukan motor. Walau bagaimanapun, insurans motor masih merupakan segmen terbesar perniagaan insurans am dan berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2014. Ini adalah sejajar dengan peningkatan dalam jualan kenderaan bermotor pada tahun ini, serta premium lebih tinggi yang diperolehi daripada pelarasan menaik secara beransur-ansur terhadap premium motor di bawah rangka kerja perlindungan motor baharu yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2012. Industri insurans am terus menghasilkan keputusan penajajaminan positif dengan nisbah margin penajajaminan sebanyak 12.6% (2013: 12.5%), disokong oleh peningkatan dalam urusan tuntutan keseluruhan sebanyak 56.5% (2013: 56.7%).

Bagi industri insurans hayat, premium bersih meningkat sebanyak 8.9% (2013: 5.6%), didorong oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam perniagaan berkaitan pelaburan pada tahun 2014. Perniagaan baharu terus didominasi oleh polisi premium tunggal. Untuk kemampuan jangka panjang industri insurans hayat, komposisi yang lebih tinggi bagi premium polisi tetap adalah dikehendaki kerana ini akan memastikan aliran pendapatan yang stabil dalam jangka panjang.

Industri takaful am mencatatkan pertumbuhan dua angka bagi caruman kasar sebanyak 13.1% (2013: 9.8%) dengan pengembangan berterusan dalam sektor motor takaful, yang menjadi bahagian perniagaan yang dominan. Seperti mana dengan industri insurans am, jualan kenderaan bermotor yang lebih tinggi di negara ini telah meningkatkan pertumbuhan sektor motor takaful. Dengan urusan tuntutan yang lebih baik, keuntungan penajajaminan dalam industri takaful am telah bertambah baik kepada 18.0% pada tahun 2014 daripada 14.9% pada tahun sebelumnya.


Sebaliknya, industri takaful keluarga menyaksikan pengurangan dalam caruman bersih sebanyak 0.4% pada tahun 2014 (2013: + 4.7%). Memandangkan majoriti ahli takaful keluarga adalah amat bergantung kepada takaful keluarga bertempoh gadai janji sebagai sumber utama perniagaan, pengurangan perniagaan ini telah menjejaskan pertumbuhan caruman bersih keseluruhan industri. Oleh yang demikian, adalah penting bagi pengendali takaful keluarga untuk mempelbagaikan dan mengimbangi portfolio perniagaannya untuk memastikan aliran pendapatan yang berterusan.

CARTA 6: PREMIUM / CARUMAN KASAR



Tinjauan Keahlian

CARTA 7: PREMIUM / CARUMAN BERSIH



TINJAUAN DAN KESIMPULAN

Meskipun cabaran yang dihadapi pada penghujung tahun 2014, institusi ahli kami telah melangkah ke tahun ini dengan kedudukan yang lebih kukuh. Walaupun jangkaan keadaan makroekonomi yang lebih perlahan dan persekitaran operasi yang rendah bagi tahun 2015 mungkin akan menjadi ujian daya tahan, kami tidak menjangka apa-apa isu yang akan mempengaruhi daya maju institusi ahli kami dalam tempoh terdekat ini.

Tahun 2015 dijangka akan menjadi tahun yang mencabar bagi industri perbankan. Kemungkinan terdapat peningkatan kadar faedah serta sentimen pengguna dan / atau perniagaan yang malap boleh memberi kesan kepada prospek pertumbuhan ekonomi. Dengan berlatarbelakangkan kemungkinan ini, perolehan bank-bank ahli boleh terjejas disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman yang berpotensi yang lebih perlahan dan / atau kos kredit yang lebih tinggi. Secara positifnya, pengukuhan progresif untuk amalan pengurusan risiko yang dilaksanakan pada tahun-tahun kebelakangan ini telah menambah naik dengan ketara asas bank ahli. Selain itu, modal aktif dan pengurusan mudah tunai akan memastikan penimbal yang mencukupi untuk menyokong keperluan perniagaan dan menampung potensi tekanan ekonomi.

Bagi industri insurans dan takaful, secara amnya dijangka kekal stabil, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan kesedaran konsumen yang semakin meningkat terhadap perlindungan insurans dan takaful. Bagi meraih manfaat daripada penyahkawalseliaan insurans motor pada tahun 2016, ahli-ahli syarikat insurans am dan pengendali takaful am perlu memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kemahiran pengurusan data dan kemahiran analitikal serta meningkatkan kecekapan operasi.

PIDM akan memantau risiko sektor kewangan secara berterusan dan akan terus memberi insentif kepada amalan pengurusan risiko yang berhemat oleh institusi ahli.



BAHAGIAN ENAM ARTIKEL

183

Sistem Premium Berbeza –
Suatu Evolusi kepada Pendekatan Matriks

ARTIKEL: SISTEM PREMIUM BERBEZA – SUATU EVOLUSI KEPADA PENDEKATAN MATRIKS

PENGENALAN

Sistem premium berasaskan risiko atau lebih dikenali sebagai Sistem Premium Berbeza, telah memainkan peranan penting kepada PIDM dalam mencapai mandatnya untuk mentadbir sistem insurans deposit melalui sistem berasaskan insentif bagi menggalakkan kestabilan kewangan. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2008, Sistem Premium Berbeza berkesan dalam membezakan profil risiko bank-bank ahli dan menyediakan insentif untuk meningkatkan keseluruhan profil risiko mereka.

Rangka kerja Sistem Premium Berbeza telah disemak semula pada tahun 2011 untuk menunjukkan perubahan dan perkembangan dalam persekitaran pengawalseliaan dan operasi, di samping mengekalkan matlamat untuk menyediakan insentif kepada bank-bank ahli bagi menambah baik profil risiko mereka. Semakan pertama rangka kerja Sistem Premium Berbeza ini menunjukkan beberapa petunjuk kuantitatif telah dikeluarkan atau diperhalusi, dan sebahagian daripada nilai ambang bagi petunjuk tersebut telah disemak semula.

Tahun 2015 mencatatkan satu lagi pencapaian penting dalam mengukuhkan rangka kerja Sistem Premium Berbeza dengan pengenalan pendekatan matriks dua dimensi dalam penilaian kriteria kuantitatif. Perkembangan ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan PIDM bagi memastikan rangka kerja Sistem Premium Berbeza kekal berkesan.

GAMBAR RAJAH 1: EVOLUSI RANGKA KERJA SISTEM PREMIUM BERBEZA




RANGKA KERJA SISTEM PREMIUM BERBEZA YANG DISEMAK SEMULA – SUATU PENDEKATAN MATRIKS

Pengenalan pendekatan matriks akan membolehkan profil risiko bank-bank ahli dibezakan dengan lebih baik berdasarkan dua komponen penilaian bebas.

Menerusi pendekatan matriks, salah satu dimensi penilaian ialah tahap penimbal modal bank-bank ahli. Penilaian berasingan bagi tahap penimbal modal bank-bank ahli ini menunjukkan penekanan yang diberikan terhadap kepentingan mempunyai tahap modal yang kukuh, sejajar dengan perkembangan kawal selia dan pengajaran daripada krisis kewangan yang lalu.

Penilaian keseluruhan prestasi dan keadaan kewangan bank-bank ahli merupakan penilaian dimensi yang lain dan akan berasaskan kepada lapan petunjuk yang digabungkan di bawah tiga kriteria utama, iaitu Keberuntungan, Profil Aset dan Profil Pembiayaan. Profil Pembiayaan merupakan kriteria baru yang diperkenalkan di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang disemak semula ini. Sudah tiba masanya untuk memperkenalkan kriteria pembiayaan berikutan krisis kewangan global yang telah menunjukkan kepentingan pengurusan pembiayaan dan mudah tunai serta kesannya terhadap institusi kewangan apabila pembiayaan dan mudah tunai tidak diurus dengan baik. Rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang disemak semula diringkaskan dalam Gambar Rajah 2.

Artikel: Sistem Premium Berbeza – Suatu Evolusi kepada Pendekatan Matriks




KRITERIA KUANTITATIF

Di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang sedia ada, penilaian kriteria kuantitatif adalah berasaskan kepada pendekatan linear, yang merupakan agregat skor daripada kesemua petunjuk Sistem Premium Berbeza untuk mencapai skor maksimum sebanyak 60.

Sebaliknya, pendekatan matriks direka bentuk untuk menggambarkan kesalinghubungan antara penimbal modal yang kukuh dan prestasi kewangan yang mampan. Objektifnya adalah untuk memberi insentif kepada bank-bank ahli agar mempunyai tahap penimbal modal yang kukuh serta prestasi dan keadaan kewangan yang kukuh untuk mencapai skor maksimum 60 bagi kriteria kuantitatif.

Artikel: Sistem Premium Berbeza – Suatu Evolusi kepada Pendekatan Matriks

GAMBAR RAJAH 3: MATRIKS KRITERIA KUANTITATIF



Mengikut pendekatan matriks, tahap penimbal modal dinilai pada paksi mendatar matriks manakala penilaian keseluruhan prestasi dan keadaan kewangan dinilai pada paksi menegak matriks, dibezakan oleh empat tahap skor nilai ambang seperti yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 3.

Pemetaan skor daripada penilaian prestasi dan keadaan kewangan, dan tahap penimbal modal akan menentukan kedudukan sesebuah bank ahli dalam matriks. Setiap kategori matriks diterjemahkan kepada skor kuantitatif tetap dengan skor maksimum sebanyak 60 di M1 dan skor minimum sebanyak 15 di M7.

Kategori matriks M1 hingga M7, dan skor kuantitatif yang sepadan, telah direka bentuk agar terdapat tahap yang berbeza dalam insentif dan penekanan yang diberikan ke atas bank-bank ahli. Bagi bank ahli dengan penimbal modal sebanyak 3% dan ke atas, penekanan akan diberi kepada penambahbaikan dalam prestasi dan keadaan kewangan. Apabila skor untuk prestasi dan keadaan kewangan bertambah baik, begitu juga kategori matriks dan skor kuantitatif.

Bagi bank-bank ahli dengan penimbal modal kurang daripada 3%, peningkatan dalam tahap penimbal modal akan mempunyai kesan yang lebih besar ke atas kategori matriks. Sebagai contoh, sebuah bank ahli mempunyai penimbal modal sebanyak 2.5% dan skor sebanyak 49 bagi penilaian prestasi dan keadaan kewangan. Ini akan meletakkan bank ahli tersebut dalam kategori matriks M7 dengan skor kuantitatif sebanyak 15. Dalam tahun taksiran berikutnya, sekiranya bank ahli tersebut menambah baik tahap penimbal modal kepada 3%, kategori matriksnya akan beralih kepada M5, dengan skor kuantitatif sebanyak 30. Sebaliknya, sekiranya tiada sebarang perubahan kepada paras penimbal modal tetapi bank ahli telah menambah baik skor bagi penilaian prestasi dan keadaannya kepada 55, kategori matriks bagi bank ahli tersebut hanya akan beralih kepada M6, dengan skor kuantitatif sebanyak 25.

Penilaian Penimbal Modal

Penimbal modal di bawah rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang ditakrifkan sebagai lebih Nisbah Jumlah Modal bank ahli terhadap Nisbah Jumlah Modal minimum. Di bawah rangka kerja kecukupan modal yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Nisbah Jumlah Modal minimum adalah sebanyak 8%. Oleh yang demikian, sekiranya Nisbah Jumlah Modal bank ahli adalah 14% pada tarikh pelaporan, penimbal modalnya adalah sebanyak 6%.

Artikel: Sistem Premium Berbeza – Suatu Evolusi kepada Pendekatan Matriks

Penilaian Prestasi dan Keadaan Kewangan

Terdapat tiga kriteria utama yang digunakan bagi penilaian prestasi dan keadaan kewangan bank ahli, iaitu Keberuntungan, Profil Aset dan Profil Pembiayaan dengan wajaran masing-masing sebanyak 25:50:25. Petunjuk bagi setiap kriteria dan skor masing-masing adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

JADUAL 1: KRITERIA DAN PETUNJUK BAGI PENILAIAN PRESTASI DAN KEADAAN KEWANGAN			
Kriteria	Petunjuk	Skor	Objektif
Keberuntungan (25%)	Nisbah Pulangan Aset Berwajaran Risiko	15	Untuk mengukur kecukupan dan kemampuan perolehan bank ahli.
	Naik Turun Min Pulangan Terlaras	10	
Profil Aset (50%)	Nisbah Jumlah Pinjaman / Pembiayaan Terjejas	15	Untuk mengukur tahap pinjaman terjejas dalam portfolio pinjaman / pembiayaan bank ahli.
	Nisbah Rizab Kerugian Pinjaman / Pembiayaan	10	Untuk mengukur tahap rizab kerugian pinjaman yang dipegang terhadap pinjaman / pembiayaan terjejas bank ahli.
	Profil Penumpuan Pinjaman / Pembiayaan	10	Untuk mengukur tahap penumpuan portfolio pinjaman / pembiayaan bank ahli kepada sektor ekonomi tertentu.
	Nisbah Aset Berwajaran Risiko kepada Jumlah Aset dan Nisbah Jumlah Pertumbuhan Aset	15	Untuk mengukur kadar pertumbuhan tahunan jumlah aset asas bank ahli berbanding profil risikonya.
Profil Pembiayaan (25%)	Nisbah Pinjaman / Pembiayaan kepada Deposit	15	Untuk mengukur tahap pinjaman / pembiayaan yang dibiayai oleh deposit pelanggan.
	Komposisi Pendeposit Individu	10	Untuk mengukur komposisi pendeposit individu dalam asas deposit bank ahli.
Skor Maksimum		100	

Dalam memilih kriteria dan petunjuk untuk penilaian prestasi dan keadaan kewangan, PIDM telah menjalankan analisis yang menyeluruh bagi memastikan kewajaran dan kesesuaian petunjuk untuk bank-bank ahli konvensional dan Islam. Sementara itu, nilai ambang bagi setiap petunjuk ditentukan berdasarkan perkembangan semasa dan yang dijangka dalam persekitaran operasi.

KRITERIA KUALITATIF

Tiada perubahan dibuat berkenaan dengan penilaian kualitatif yang merupakan komponen asas rangka kerja Sistem Premium Berbeza dengan skor maksimum sebanyak 40.

Penggunaan 'Penarafan Penyeliaan' sebagai sebahagian daripada penilaian kualitatif bertindak sebagai insentif kepada bank-bank ahli untuk meningkatkan keupayaan keseluruhan pengurusan risiko mereka. Oleh sebab itu, skor maksimum sebanyak 35 diperuntukkan kepada 'Penarafan Penyeliaan' kekal relevan untuk menunjukkan penilaian penyeliaan terhadap profil risiko bank-bank ahli termasuk fungsi kawalan pengurusan risiko oleh BNM.

Komponen 'Maklumat Lain' juga dikekalkan dengan skor maksimum sebanyak 5. Komponen ini bertujuan untuk mengenal pasti mana-mana isu yang boleh memberi kesan ketara ke atas prestasi kewangan dan / atau reputasi bank-bank ahli. Antara faktor yang tertakluk kepada penilaian ini ialah pematuhan bank-bank ahli terhadap peraturan-peraturan, garis panduan dan keperluan perundangan yang lain, yang mungkin termasuk kebimbangan penyeliaan dan tindakan intervensi.

Artikel: Sistem Premium Berbeza – Suatu Evolusi kepada Pendekatan Matriks

JULAT SKOR, KATEGORI PREMIUM DAN KADAR PREMIUM SISTEM PREMIUM BERBEZA

Penjumlahan skor daripada kriteria kuantitatif dan kualitatif akan menentukan skor keseluruhan Sistem Premium Berbeza dan kategori premium bagi setiap bank ahli.

Julat skor Sistem Premium Berbeza sedia ada dan empat tahap kategori premium telah dikekalkan dalam rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang disemak semula.

Setiap kategori premium mempunyai kadar premium dan premium minimum¹ yang ditetapkan bagi tujuan pengiraan jumlah premium yang perlu dibayar kepada PIDM bagi tahun taksiran yang berkenaan, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.

JADUAL 2: JULAT SKOR, KATEGORI PREMIUM, KADAR PREMIUM DAN PREMIUM MINIMUM SISTEM PREMIUM BERBEZA				
Skor	Kategori Premium	Kadar Premium	Premium Minimum	
≥ 85	1	0.06%	RM100,000	
≥ 65 tetapi < 85	2	0.12%	RM200,000	
≥ 50 tetapi < 65	3	0.24%	RM400,000	
< 50	4	0.48%	RM800,000	

Kadar premium ini direka bentuk mengikut pendekatan dua kali ganda daripada setiap kategori untuk memberi insentif kepada bank-bank ahli untuk menambah baik keseluruhan profil risiko mereka.

SUATU PERJALANAN YANG BERTERUSAN

Sejak pelaksanaan Sistem Premium Berbeza, penambahbaikan ketara telah ditunjukkan dalam profil risiko bank-bank ahli. Namun demikian, PIDM komited untuk terus mengkaji semula rangka kerja Sistem Premium Berbeza bagi memastikan ia kekal terkini dan relevan, memandangkan persekitaran operasi dan landskap pengawalseliaan yang sentiasa berubah-ubah.

Proses kajian semula bagi rangka kerja Sistem Premium Berbeza melibatkan perundingan dengan pemegang kepentingan kami, terutamanya bank-bank ahli dan BNM, bagi mengenal pasti bidang yang berkaitan bertujuan untuk mengukuhkan rangka kerja Sistem Premium Berbeza.

Penggunaan pakai pendekatan matriks dalam rangka kerja Sistem Premium Berbeza yang disemak semula daripada tahun taksiran 2015, membolehkan pembezaan yang lebih terperinci terhadap profil risiko bank-bank ahli dan penyediaan insentif yang berbeza, bergantung kepada kedudukan bank-bank ahli dalam matriks. Pengenal petunjuk baharu berserta dengan pengukuhan kepada petunjuk yang sedia ada bagi penilaian kriteria kuantitatif juga dijangka memberi insentif kepada bank-bank ahli untuk mengekalkan penimbil modal yang kukuh dan memastikan kekukuhan kewangan secara keseluruhannya.

Perbadanan komited dalam memastikan rangka kerja Sistem Premium Berbeza terus menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap dalam kalangan bank ahli dan akhirnya, menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan negara.

¹ Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berhubung Ahli Pengambilan Deposit) 2011 dan Perintah Perbadanan Insurans Deposits Malaysia (Premium Tahunan dan Premium Pertama Berhubung Ahli Pengambilan Deposit) (Pindaan) 2012



BAHAGIAN TUJUH INISIATIF KOMUNIKASI DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

189

Inisiatif Komunikasi

194

Tanggungjawab Sosial Korporat

INISIATIF KOMUNIKASI

“Program kesedaran awam yang berjaya perlu direka bentuk untuk membina keyakinan awam terhadap sistem insurans deposit. Program tambahan boleh direka bentuk untuk mencapai objektif sokongan dan pelengkap, termasuk membina kredibiliti dan autoriti penginsurans deposit, membina imej, meningkatkan kesedaran awam tentang manfaat dan had perlindungan sistem insurans deposit, mencapai penerimaan pemegang kepentingan, dan meningkatkan kesedaran pemegang kepentingan.

Program kesedaran awam yang baik dapat menyampaikan mesej yang betul, mendidik audiens sasarannya, mengubah persepsi dan tingkah laku, dan membina imej jenama yang positif dan boleh dipercayai bagi sistem tersebut dan penginsurans, dan dengan itu dapat mengukuhkan kestabilan kewangan.

Daripada awal lagi, organisasi insurans deposit yang baru ditubuhkan perlu menggalakkan kesedaran tentang sistem insurans deposit dan mengetengahkan manfaat dan had perlindungannya. Orang awam perlu memahami bagaimana sistem ini berfungsi agar tiada jurang pemahaman mengenainya.”

Garis Panduan yang Diperkukuhkan bagi Kesedaran Awam (2012), Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa, halaman 6-7

Pada tahun 2014, PIDM terus berusaha menjayakan inisiatif komunikasinya bagi memastikan keyakinan awam terhadap sistem kewangan, sejajar dengan mandatnya untuk menggalakkan kestabilan kewangan, dan sejajar dengan Garis Panduan yang Diperkukuhkan bagi Kesedaran Awam yang dikeluarkan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*) pada tahun 2012.

Pelan Komunikasi Bersepadu 2012 - 2016 kedua Perbadanan berasaskan kepada tiga teras strategik – mengukuhkan kesedaran mengenai PIDM dan sistem perlindungan kami; menyumbang kepada kesedaran dan celik kewangan yang lebih baik; dan meningkatkan interaksi dengan institusi ahli dan rakan kongsi strategik yang berkaitan.

Sejajar dengan objektif yang digariskan bagi tahun ketiga pelaksanaan Pelan Komunikasi Bersepadu, inisiatif-inisiatif komunikasi kami bagi tahun 2014 terus ditumpukan kepada:

- memupuk keyakinan terhadap peranan Perbadanan sebagai sebahagian penting daripada jaringan keselamatan kewangan;
- meningkatkan kesedaran mengenai Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans dalam kalangan audiens sasaran yang semakin berkembang; dan
- meningkatkan pemahaman dengan lebih baik mengenai ciri-ciri, manfaat dan had perlindungan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, agar tiada jurang jangkaan.



Inisiatif Komunikasi

SOROTAN INISIATIF KAMI PADA TAHUN 2014

Pengiklanan dan Publisiti

Bagi tahun 2014, kempen pengiklanan kami dijalankan dalam dua fasa. Pada separuh pertama tahun ini, kami meneruskan pelaksanaan kempen taktikal saranan (*call-for-action*) dan interaksi kami yang menampilkan siri iklan “Tahukah Anda”. Bahan pengiklanan ini mengemphasikan maklumat penting mengenai had perlindungan, produk diinsuranskan, manfaat perlindungan automatik dan institusi ahli kami. Pada separuh kedua 2014, bahan kempen taktikal baharu dihasilkan untuk memperkenalkan fasa seterusnya siri “Tahukah Anda”. Ini bertujuan untuk menggalakkan orang awam memainkan peranan mereka dalam mendapatkan maklumat lanjut mengenai Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Bahan komunikasi baharu juga dikeluarkan bagi media cetak, penyiaran dan dalam talian untuk kempen sokongan PIDM MoneySmart 123. Ia memberi penekanan kepada tiga mesej utama kempen, iaitu:

1. Ketahui Produk Anda – memahami jenis produk kewangan yang ditawarkan dan menempatkan dana dengan institusi kewangan dan penasihat atau perancang kewangan yang sah atau berlesen.
2. Ketahui Risiko Kewangan Anda – menilai matlamat kewangan dan toleransi risiko individu dan memahami risiko berkaitan dengan setiap produk kewangan.
3. Ketahui Hak Kewangan Anda – kesedaran mengenai hak dan tanggungjawab konsumer serta perlindungan yang disediakan menerusi PIDM.

Langkah 3: Ketahui Hak Kewangan anda
 Ketahui hak kewangan yang anda dalam produk simpanan atau pabawaran adalah penting anda mengenai hak hak dan tanggungjawab kewangan anda.

- **Sagaimana saya boleh mengetahui hak-hak kewangan?**
 Buat kajian dan lakukan semakan atas keselamatan bagi memastikan anda membuat keputusan kewangan yang baik baik atau daripada sebarang penipuan. Amalan menyimpan simpanan-simpanan kewangan anda, menandakan masa untuk membolehkan basikal dengan betul dan membuat keputusan mengikut kemampuan anda membuat satu pembelian yang baik.
- **Sagaimana FTSB melindungi saya?**
 PIDM melindungi anda daripada kehilangan simpanan bank sehingga RM500,000 serta manfaat insurans dan insurans sehingga RM500,000 sekiranya sebarang institusi ahli menjadi muflis. Perindungan ini disediakan oleh PIDM secara automatik – tanpa permohonan atau pembayaran dipertah.

Sekiranya sebarang bank atau ahli pengurusan menjadi muflis, PIDM akan membuat baik simpanan deposit anda dan akan menjamin bantuan manfaat insurans dan insurans anda yang baik. Sagaimana, pertubuhan PIDM tidak termasuk kewangan akibat kecurian, penipuan atau penipuan.

Tip Bijak Wang Apabila membuat perencanaan kewangan simpanan-deposit atau produk insurans, pastikan kepada bank atau perancang kewangan anda mengenai perlindungan PIDM.

Di mana saya boleh dapatkan bantuan?
 Terdapat agensi kewangan dan organisasi pengurusan yang boleh anda dapatkan bantuan mengenai hal hal kewangan. Fasiliti perlesen dan tanggungjawab setiap organisasi tersebut dan cara organisasi ini boleh membantu anda untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat, serta membantu anda menanganai masalah berkaitan kewangan.

Maklumat Berguna boleh diperoleh daripada:

- Bank Negara Malaysia (BNM) www.bnm.gov.my
- Bilu Pengurusan Kewangan (FMB) www.fmb.org.my
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) www.akpk.org.my
- Gabungan Perlesen Perlesen Perlesen Malaysia (FOMCU) www.fomcu.org.my

Laman www.pidm.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai PIDM atau hubungi talian bebas tol 1-800-88-1268 dan talian harga rendah 03-88-1268 untuk maklumat dan perlesen. 8:30 pagi hingga 5:30 petang.

QR Code:

PIDM
 Pertubuhan Insurans Deposit dan Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans
 100, Jalan Duta, 50480 Kuala Lumpur
 Tel: 03-2172 7488 Fax: 03-2172 7227 / 2260 7420

Jadilah pengguna kewangan yang bijak hari ini!

1 Ketahui Produk Anda
2 Ketahui Risiko Kewangan Anda
3 Ketahui Hak Kewangan Anda

Tip-tip mudah untuk membantu anda mengurus kewangan dengan lebih baik

Satu risalah maklumat awam diterbitkan dalam empat bahasa untuk memaklumkan kepada orang awam tentang mesej-mesej ini. Maklumat ini juga boleh didapati di sebuah laman mikro khas yang diwujudkan bagi kempen ini dalam laman web korporat kami.

Pada tahun ini, PIDM memperluaskan kegunaan pengiklanan media sosial sebagai satu saluran komunikasi, sebagai sebahagian daripada taktik untuk mendekatkan diri dengan golongan belia di bandar. Video YouTube kami, “PIDM Alkisah 3 dalam 1”, dilancarkan sebagai instrumen kesedaran utama kempen sokongan PIDM MoneySmart 123. Video ini berjaya menarik hampir 180,000 tontonan.



Kami juga memperkenalkan laman web korporat kami yang diperbaharui, yang tersedia dalam empat bahasa, dengan susun atur dan ciri-ciri yang lebih praktikal dan mesra pengguna. Laman web ini merupakan saluran rujukan berguna dan menyediakan maklumat menyeluruh mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, dan juga menerbitkan Rancangan Korporat, Laporan Tahunan, garis panduan, polisi dan kertas perundingan bagi ulasan dan maklum balas umum. Pada tahun 2014, kunjungan ke laman web kami meningkat sebanyak 3% kepada 161,523 daripada 156,825 pada tahun 2013. Kira-kira 82% daripada kunjungan adalah daripada pengunjung baharu ke laman web tersebut.

Kesedaran dan Celik Kewangan

Kami juga meneruskan program pendidikan Projek PIDM MoneySmart kami yang disasarkan kepada generasi muda.

Projek PIDM MoneySmart meraih pencapaian penting pada tahun 2014, yang mana, projek ini berjaya melibatkan penyertaan kesemua sekolah menengah kebangsaan di Malaysia dan 150 institusi pengajian tinggi sejak dilancarkan pada tahun 2010. Kami bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pengajian Tinggi dalam melaksanakan program ini. Projek PIDM MoneySmart kini boleh didapati sebagai pilihan kokurikulum bagi kesemua sekolah menengah.

Inisiatif Komunikasi

Pada tahun 2014, pencapaian program pendidikan Projek PIDM MoneySmart termasuk yang berikut:

- pengiktirafan PIDM sebagai “Rakan Kokurikulum” oleh Kementerian Pendidikan;
- liputan program di sekolah yang terletak di kawasan pedalaman dan terpencil, terutamanya di Malaysia Timur;
- taklimat pusat kepada 578 pentadbir dan guru sekolah menengah;
- taklimat di 650 sekolah menengah melibatkan 450,000 pelajar;
- 30 jeryawara di 20 institusi pengajian tinggi melibatkan kira-kira 10,000 penuntut;
- penyertaan oleh 95 sekolah menengah dalam Cabaran Sekolah Projek PIDM MoneySmart 2014. Ini termasuk sekolah pendidikan khas, SMPK Vokasional Indahpura, Johor, yang memenangi tempat ketiga dalam pertandingan ini;
- pertandingan kuiz yang baru diperkenalkan mendapat sejumlah 15,000 penyertaan daripada pelajar sekolah menengah seluruh negara;
- kira-kira 8.7 juta pelajar dan guru mengunjungi laman Facebook Projek PIDM MoneySmart;
- Pertandingan Permainan Dalam Talian Projek PIDM MoneySmart mencatatkan penyertaan hampir 1,000 pelajar, dengan pelawaan dihantar oleh pelajar kepada 44,000 rakan untuk menyertai Permainan Dalam Talian ini;
- Pertandingan “Rakam atau Lukis, Hantar dan Menang” menerima hampir 60 penyertaan; dan
- Cabaran Kampus Projek PIDM MoneySmart menerima 11 penyertaan bagi Kategori Lagu Terbaik dan 17 penyertaan bagi Kategori Video Terbaik.

Pada bulan November, Majlis Anugerah dan Pengiktirafan Program Pendidikan PIDM 2014 diadakan dan dirasmikan oleh Puan Hajah Rozainum Binti Ahmad, Pengarah, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan. Hadiah disampaikan kepada lima pasukan finalis Cabaran Sekolah Projek PIDM MoneySmart 2014 serta pemenang-pemenang Cabaran Kampus Projek PIDM MoneySmart 2014. Seramai 16 guru yang memberi sumbangan besar ke arah meningkatkan kesedaran dan celik kewangan di sekolah mereka masing-masing diberi penghargaan sebagai “Duta PIDM Terbaik 2014” dengan seorang guru diberi anugerah “Duta PIDM Paling Cemerlang”.



Hubungan Komuniti

Capaian Korporat

Sejak penubuhan PIDM pada tahun 2005, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan PIDM telah bertemu dengan pegawai Kerajaan, pemimpin masyarakat serta orang awam di sembilan negeri di seluruh Malaysia menerusi program Capaian Korporat tahunannya. Tahun ini, program capaian ini diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu.

Sebagai sebahagian daripada aktiviti capaian tersebut, PIDM menganjurkan Ceramah Khas bagi wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri serta sektor perbankan dan insurans pada 16 Jun 2014, yang dihadiri 60 peserta. Satu ceramah awam bertajuk “Perlindungan Konsumer Kewangan yang Efektif” telah diadakan pada hari berikutnya dan disertai kira-kira 170 peserta. Ceramah tersebut dianjurkan untuk mendidik komuniti tempatan tentang peranan PIDM dalam sistem kewangan dan meningkatkan kesedaran tentang organisasi lain yang menyediakan perlindungan dan pendidikan konsumer kewangan, iaitu Bank Negara Malaysia (BNM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dan Biro Pengantaraan Kewangan (*Financial Mediation Bureau – FMB*).



Inisiatif Komunikasi

Pameran dan Jerayawara

Sepanjang tahun ini, PIDM menyertai sejumlah 11 pameran, yang mana enam pameran dianjurkan oleh Money Compass (majalah perancangan kewangan dalam bahasa Cina) sebagai sebahagian daripada jerayawaranya, iaitu "Save and Invest".

Pameran-pameran lain termasuklah acara yang dianjurkan oleh Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (*Federation of Malaysian Consumers Associations* – FOMCA) bersempena dengan Majlis Penutup Hari Pengguna Malaysia, "Investor Education Weekend" anjuran Suruhanjaya Sekuriti dan Karnival Kerjaya, Pendidikan dan Inovasi anjuran Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

Perbadanan juga menyertai pameran di Program Interaksi "Every Pensioner is a VIP" dengan bakal pesara anjuran Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Karnival Maal Hijrah anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Bagi senarai lengkap penyertaan kami dalam pameran dan jerayawara, rujuk kepada Kalendar Peristiwa 2014 di Bahagian 8.

Interaksi Dengan Pemegang Kepentingan

Program interaksi dengan pemegang kepentingan Perbadanan pada tahun 2014 menumpukan kepada perancangan kerjasama dengan institusi ahli menerusi jabatan latihan mereka, Institut Insurans Malaysia (*Malaysian Insurance Institute* – MII), FOMCA dan Money Compass.

Sepanjang tahun ini, sejumlah 100 taklimat diadakan di seluruh negara, melibatkan lebih 10,000 peserta terdiri daripada pegawai bank dan pegawai di barisan hadapan, ejen takaful dan insurans, kakitangan syarikat, pegawai Kerajaan dan korporat, kumpulan komuniti serta para pelajar. Taklimat-taklimat ini dianjurkan secara kerjasama dengan rakan kongsi strategik termasuk MII, FOMCA, Money Compass dan pusat latihan bank, serta pengendali takaful dan syarikat insurans.

Selain daripada pakar dalaman, PIDM melatih pelatih bebas daripada MII dan FOMCA untuk mengendalikan taklimat mengenai Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans. Perbadanan terus menjalankan latihan bagi kakitangan institusi ahli sebagai pemegang kepentingan utama dalam meningkatkan kesedaran awam, serta taklimat kepada orang awam. Pada tahun 2014, kami juga mendapatkan lebih banyak bank ahli untuk menyertai program akreditasi "Melatih Pelatih" kami.



Pada permulaan setiap tahun, PIDM mengadakan mesyuarat tahunan dengan pegawai perhubungan institusi ahli kami untuk memaklumkan maklumat terkini mengenai inisiatif korporat baharu dan garis panduan mengenai perkara-perkara berkaitan kawal selia dan pematuhan. Mesyuarat tersebut diadakan pada 19 dan 20 Februari 2014 masing-masing dengan pegawai perhubungan bank ahli dan ahli penginsurans.

Bagi senarai lengkap taklimat dan program interaksi dengan pemegang kepentingan kami, rujuk kepada Kalendar Peristiwa 2014 di Bahagian 8.

Hubungan Media

Perbadanan mengadakan tiga sesi pendidikan media pada tahun 2014, yang meliputi editor dan wartawan di Lembah Klang, Sabah dan Sarawak. Sesi pendidikan media merupakan sesi perkongsian pengetahuan untuk mendidik pihak media mengenai PIDM serta peranan dan fungsi-fungsinya.

Sepanjang tahun ini, Pengurusan Kanan PIDM mengadakan pelbagai sesi temu bual dengan media massa, termasuk temu bual langsung semasa program "Berita Nasional" (Segmen Perniagaan) di saluran televisyen RTM1 dan program "Sembang Petang" di saluran radio Nasional FM. Temu bual bagi media cetak termasuklah Bernama dan Kosmo. PIDM juga mengeluarkan enam kenyataan akhbar dan mengadakan sidang akhbar bersempena dengan pengeluaran Laporan Tahunan PIDM 2013 dan Majlis Anugerah dan Pengiktirafan Program Pendidikan PIDM 2014.

Inisiatif Komunikasi

Dalam usaha berterusan untuk mengukuhkan hubungan kerja dengan ahli media, sesi ramah mesra dengan editor media cetak, dalam talian dan elektronik serta wakil media Malaysia Timur diteruskan sepanjang tahun ini. Antaranya ialah Majlis Berbuka Puasa tahunan bersama media yang diadakan pada 1 Julai 2014, yang dihadiri oleh para editor kanan dan wartawan.



KEPUTUSAN KAJI SELIDIK KONSUMER SELURUH NEGARA

Seperti yang disyorkan oleh Garis Panduan yang Diperkukuhkan bagi Kesedaran Awam IADI, PIDM menjalankan kaji selidik konsumen tahunan di seluruh negara menerusi agensi penyelidikan bebas. Ia bertujuan untuk menilai tahap kesedaran awam mengenai PIDM dan sistem perlindungannya, terutamanya, persepsi, sikap, isu dan imej jenama PIDM. Ini juga membolehkan PIDM menilai keberkesanan instrumen komunikasinya dan menggunakan keputusan kaji selidik ini sebagai input bagi strategi dan inisiatif PIDM.

Dapatan utama bagi tahun 2014 ialah masih terdapat tahap kesedaran yang tinggi bahawa deposit dilindungi sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank ahli. Tahap kesedaran ini meningkat daripada 48% pada 2012, kepada 52% pada 2013, dan kepada 56% pada 2014.

Bagaimanapun, kefahaman mendalam mengenai kesedaran tersebut didapati berkurangan. Pada keseluruhannya kesedaran mengenai PIDM menyusut kepada 47% daripada 53% pada tahun 2013, dan kesedaran mengenai Sistem Insurans Deposit turun kepada 38% daripada 46% dalam tempoh yang sama. Kesedaran awam mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans kekal pada kira-kira 30%.

Penurunan ini secara umumnya disebabkan oleh pendekatan informatif dan saluran media sosial yang diguna pakai pada tahun 2014 kurang menarik minat kumpulan pendapatan isi rumah rendah, golongan yang berusia melebihi 25 tahun dan audiens sasaran Melayu. Walaupun tahap kesedaran menurun secara keseluruhannya, tahap kesedaran mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans meningkat dalam kalangan golongan berpendapatan tinggi. Dapatan kaji selidik ini menunjukkan, dalam kalangan mereka yang tahu mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans, terdapat kefahaman yang lebih baik mengenai mesej utama serta manfaat dan had perlindungan Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dapatan kaji selidik ini menunjukkan bahawa media tradisional serta paparan lambang dan logo PIDM di cawangan bank masih kekal sebagai saluran utama untuk menyampaikan mesej. Selain daripada itu, dalam kalangan audiens sasaran tertentu, pendekatan emotif adalah cara yang terbaik. Bagi audiens yang telah melihat iklan PIDM, mereka memahami dengan lebih baik butiran terperinci mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit serta Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

MELANGKAH KE HADAPAN

Pada masa hadapan, dan berasaskan kepada dapatan penyelidikan kami, Perbadanan akan terus mengkaji semula serta mengukuhkan strategi dan inisiatif komunikasi, bagi memastikan usaha kesedaran awam kami terus efektif dan memenuhi objektif dan keutamaan Perbadanan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

PENGENALAN

“Kebajikan merupakan satu-satunya pelaburan yang tidak pernah gagal” (*Goodness is the only investment that never fails*)
- Henry David Thoreau

Di PIDM, kami percaya dengan usaha untuk melakukan kebaikan dan kebajikan. Tanggungjawab Sosial Korporat merupakan sebahagian penting daripada operasi urusan kami. Setiap kakitangan digalakkan menyertai secara aktif dalam inisiatif tanggungjawab sosial korporat kami, yang menumpukan kepada aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat serta memulihara dan melestarikan alam sekitar.

PROGRAM BIASISWA

Program Biasiswa Sarjana Muda PIDM diperkenalkan pada tahun 2010. Pada tahun 2014, biasiswa dianugerahkan kepada 10 lagi individu yang layak dari pelbagai negeri di Malaysia. Bidang kursus mereka terdiri daripada pelbagai jurusan termasuklah Perangkaan, Pentadbiran Perniagaan, Perakaunan, Ekonomi, dan Perdagangan sehinggalah kepada Kejuruteraan Perisian.

Setakat ini, Program Biasiswa Sarjana Muda PIDM yang memasuki tahun kelimanya telah menyokong dan membantu 45 penerima biasiswa, yang mana enam daripada mereka telah menamatkan pengajian dan kini bekerja dengan organisasi terkemuka. Pencapaian akademik penerima biasiswa ini sangat memuaskan dengan 22 penerima biasiswa memperoleh senarai Dekan bagi satu semester atau lebih. Tambahan lagi, empat penerima biasiswa telah dipilih bagi program pertukaran pelajar di Australia, Taiwan, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Kriteria pemilihan bagi program pertukaran ini biasanya berdasarkan kepada syarat-syarat ketat, seperti pencapaian akademik cemerlang yang konsisten serta pembabit aktif dan dinamik dalam aktiviti kokurikulum. Sebagai contoh, seorang daripada penerima biasiswa PIDM yang berjaya menyertai program pertukaran ini bersama dengan hanya empat pemohon yang lain, telah dipilih daripada lebih 200 pemohon.

PIDM komited membangunkan generasi masa depan golongan muda Malaysia yang bukan sahaja berjaya daripada segi akademik tetapi juga bidang-bidang lain. Biasiswa PIDM bukan sahaja menawarkan sokongan kewangan tetapi juga peluang menjalankan latihan praktikal di PIDM, bagi membolehkan mereka mendapat pengalaman dalam dunia pekerjaan. Ramai daripada penerima biasiswa kami mendapati latihan praktikal ini berguna untuk membantu mereka menyiapkan diri bagi menghadapi dunia pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Pada tahun ini, seramai tiga penerima biasiswa telah berjaya menyertai program latihan praktikal masing-masing di Jabatan Kewangan, Bahagian Perundangan, serta Bahagian Polisi dan Antarabangsa, bagi tempoh dua hingga enam bulan.

PIDM berharap dapat membawa perubahan hidup kepada penerima biasiswa menerusi sokongan sedemikian. Program Biasiswa ini akan terus mengenal pasti individu yang layak yang hanya dipilih berdasarkan kepada meritokrasi dan keperluan kewangan.

AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT LAIN

Meneruskan Program Celik Kewangan Kami

Kami meneruskan usaha untuk menyumbang kepada celik kewangan bagi golongan cacat pendengaran. Inisiatif ini dimulakan susulan satu kaji selidik yang dijalankan oleh kami yang mendedahkan bahawa terdapat keperluan untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan golongan cacat penglihatan, pendengaran dan anggota badan.

Pada tahun 2014, kami meneruskan program pendidikan kami, Projek PIDM MoneySmart, ke sekolah-sekolah terpilih bagi golongan cacat pendengaran di Lembah Klang. Para pelajar ini dapat mempelajari mengenai perlindungan konsumen kewangan PIDM dengan cara yang menarik dan menyeronokkan.

PIDM juga dijemput oleh St Nicholas' Home, sebuah organisasi yang menyediakan khidmat kepada golongan cacat penglihatan, untuk mengadakan taklimat tentang PIDM dan sistem perlindungan konsumen kewangannya. Taklimat ini mendapat sambutan baik daripada para peserta.



Tanggungjawab Sosial Korporat



Pembabitan Kakitangan

PIDM menyokong penyertaan kakitangannya dalam aktiviti-aktiviti yang sejajar dengan Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat, sama ada meluangkan masa mereka ataupun mengumpul dana bagi badan amal atau organisasi komuniti, yang mana perlu.

Wisma Harapan, sebuah sekolah bagi golongan kurang upaya dari segi mental, menerima bantuan kewangan daripada beberapa kakitangan kami sejak tahun 2013. Pada tahun 2014, satu kutipan derma dianjurkan di seluruh organisasi yang mana kakitangan menyumbang wang tunai dan pelbagai barangan untuk sekolah tersebut. Menerusi sumbangan wang tunai, kami membekalkan barangan runcit bagi kegunaan setahun dan membayar bil-bil utilitinya bagi tempoh empat bulan. Terdapat sesetengah kakitangan kami yang terus memberi sokongan kepada sekolah tersebut walaupun selepas kutipan derma berakhir.

Pusat Kebajikan Good Shepherd (PKGS) ialah sebuah pertubuhan bukan keuntungan yang menyediakan sokongan kepada mereka yang dipinggirkan, terutamanya wanita, gadis serta keluarga mereka. Pusat Remaja di Jalan Hulu Kelang, Selangor ini menyediakan tempat perlindungan kediaman bagi gadis remaja yang datang daripada keluarga bermasalah dan mengalami masalah didera atau diabaikan. Sebagai sokongan kepada rayuan mereka yang memerlukan dana bagi pemasangan semula sebahagian bumbung Pusat Remaja tersebut, PIDM melancarkan program dalaman "Dare to Bare", yang mana kakitangan dicabar untuk mendapatkan sumbangan dana wang tunai bagi PKGS sebagai pertukaran bagi mereka membuang bulu atau rambut di bahagian anggota badan. Ramai kakitangan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif kami dan Pengurus-Pengurus Besar Eksekutif menyahut cabaran tersebut dan berjaya mengumpul sebanyak RM53,178 untuk PKGS.



Melaksanakan Usaha Memelihara Alam Sekitar

PIDM komited memastikan operasi dan amalan urusan mesra alam bagi melindungi alam sekitar dan mengekalkan sumber semula jadi untuk generasi semasa dan akan datang. Kami menyasar untuk meminimumkan penggunaan dan pembaziran serta meneruskan usaha mengasingkan sisa sampah pejabat. Hasil daripada jualan barangan kitar semula disalurkan ke dana Tanggungjawab Sosial Korporat dan dipadankan dengan sumbangan ringgit bagi ringgit oleh Perbadanan. Dana Tanggungjawab Sosial Korporat ini dipegang atas amanah untuk tujuan amal yang akan dipilih oleh Perbadanan dari semasa ke semasa. Kakitangan juga digalakkan mengasingkan sisa sampah di rumah mereka dan membawa barangan kitar semula yang sama dari rumah mereka ke pejabat bagi tujuan ini.

Satu lagi inisiatif memelihara alam sekitar pada tahun 2014 ialah kutipan karton terpakai Tetra Pak yang akan dikitar semula oleh Tetra Pak di bawah Projek CARETON untuk membina kediaman bagi masyarakat Orang Asli. Lapisan plastik dan aluminium karton Tetra Pak akan dikeluarkan dan dikitar semula untuk menjadi jubin bumbung. Satu pertandingan antara bahagian telah diadakan bermula dari bulan April hingga Disember dan sejumlah 205 kilogram karton Tetra Pak telah berjaya dikutip. Bahagian yang memenangi pertandingan ini menerima baucar bernilai RM1,000, untuk didermakan kepada dana amal pilihan mereka.

KESIMPULAN

Kami percaya setiap orang memainkan peranan, tidak kira besar atau kecil, untuk melakukan perubahan. Apa yang penting adalah aktiviti tanggungjawab sosial korporat kami, walaupun sederhana, dijayakan dengan penuh semangat dan ikhlas. Kami akan meneruskan usaha kami untuk menyumbang semula kepada masyarakat. Memetik kata-kata pemenang Hadiah Keamanan Nobel, Mother Teresa, "la bukan tentang berapa banyak yang kita berikan tetapi sebanyak mana kasih sayang yang kita berikan". (*It's not how much we give but how much love we put into giving*).



BAHAGIAN LAPAN **KALENDAR PERISTIWA**

KALENDAR PERISTIWA

JAN

7 JAN : PIDM, KUALA LUMPUR

Menyertai Mesyuarat Majlis Eksekutif Forum Antarabangsa Skim Jaminan Insurans (*International Forum of Insurance Guarantee Schemes – IFIGS*)

11 JAN : SIBU, SARAWAK

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

20 JAN : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Khas

21 JAN : PUTRAJAYA

Pengiktirafan PIDM sebagai “Rakan Kokurikulum” di Majlis Penghargaan Pelanggan Kementerian Pendidikan 2014

22 JAN : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

22-23 JAN : OAXACA, MEXICO

Menyertai mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama Pertama mengenai Prinsip-Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit yang Efektif, Jawatankuasa Basel bagi Penyeliaan Perbankan (*Basel Committee on Banking Supervision – BCBS*) – Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*)

23 JAN : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus

24 JAN : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian



FEB

11-13 FEB : PIDM, KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Garis Panduan Program Pengesahan: Sistem Levi Berbeza dan Pengiraan Premium bagi ahli penginsurans dan juruaudit luaran

13 FEB : PIDM, KUALA LUMPUR

Inisiatif Keselamatan dan Kesihatan PIDM – Ceramah mengenai Kesedaran Denggi

13 FEB : KUALA LUMPUR

Program pendidikan Projek PIDM MoneySmart – Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Cabaran Kampus 2013

14 FEB : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas

14 FEB : PIDM, KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi pelajar dan kakitangan akademik Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

17 FEB : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Melatih Pelatih bagi pemudah cara Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (*Federation of Malaysian Consumers Associations – FOMCA*)

17 FEB : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

19 FEB : KUALA LUMPUR

Mesyuarat Tahunan dengan Pegawai Perhubungan Bank Ahli

20 FEB : KUALA LUMPUR

Mesyuarat Tahunan dengan Pegawai Perhubungan Ahli Penginsurans

24 FEB : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Lembaga Pengarah

24 FEB : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran Khas

24-25 FEB : BASEL, SWITZERLAND

Menyertai Mesyuarat Majlis Eksekutif IADI Ke-41



Kalendar Peristiwa

MAC

4-6 MAC : HONG KONG

Menyertai mesyuarat Kumpulan Pengurusan Krisis *Hongkong and Shanghai Banking Corporation* (HSBC) Asia

6 MAC : PIDM, KUALA LUMPUR

Majlis Penyampaian Sijil bagi pelatih bertauliah di bawah Program Melatih Pelatih PIDM 2013

10-12 MAC : BALI, INDONESIA

Mesyuarat Tiga Pihak Ke-5 antara PIDM, Lembaga Penjamin Simpanan Indonesia (*Indonesia Deposit Insurance Corporation – IDIC*) dan *Deposit Protection Agency* (DPA), Thailand

13 MAC : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Pengukuhan Garis Panduan Program Pengesahan: Sistem dan Pengemukaan Maklumat Deposit bagi bank ahli

13 MAC : BANGI, SELANGOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan *Malayan Banking Berhad*

13-14 MAC : KUALA LUMPUR

Lawatan Sambil Belajar oleh Taiwan Academy of Banking and Finance

13-15 MAC : BALI, INDONESIA

Penyampaian oleh PIDM mengenai Pengalaman Negara: Tinjauan dan Cabaran Masa Depan di Bengkel Kerja Antarabangsa mengenai Skim Perlindungan Bersepadu

14-16 MAC : SHAH ALAM, SELANGOR

Sesi Melatih Pelatih program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014 bagi Duta PIDM

16 MAC : KUALA LUMPUR

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

17-19 MAC : PIDM, KUALA LUMPUR

Lawatan Sambil Belajar oleh Depositor's Insurance Fund of Libya

20 MAC : PIDM, KUALA LUMPUR

Lawatan Sambil Belajar oleh DPA, Thailand

21 MAC : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran Khas

23 MAC : TAIPING, PERAK

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

31 MAC-1 APR : WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT

Menyertai mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama Ke-2 mengenai Prinsip-Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit yang Efektif IADI-BCBS



APR

2 APR : JERANTUT, PAHANG

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

3 APR : PIDM, KUALA LUMPUR

Pelancaran Program Kecergasan "Get Fit!" PIDM

3-6 APR : AYER KEROH, MELAKA

Pameran dan Taklimat di Karnival Pendidikan, Kerjaya dan Inovasi 2014

7-10 APR : WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT

Lawatan Sambil Belajar ke Federal Deposit Insurance Corporation, Amerika Syarikat

11 APR : KOTA BHARU, KELANTAN

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen *Takaful Ikhlas Berhad*

12 APR : KUANTAN, PAHANG

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen *Takaful Ikhlas Berhad*



APR

13 APR : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

14 APR : LABUAN

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

14 APR : LABUAN

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan

14 APR : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Khazanah Nasional Berhad

16 APR : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi para peserta Kursus Penyeliaan Perbankan Ke-11 anjuran Bank Negara Malaysia (BNM)

17 APR : SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

17 APR : IPOH, PERAK

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

18 APR : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

18 APR : KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

19 APR : SUNGAI PETANI, KEDAH

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

19 APR : MELAKA

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

20 APR : KUCHING, SARAWAK

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

20 APR : BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

21 APR : GEORGETOWN, PULAU PINANG

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM di St Nicholas' Home

23 APR : KUALA LUMPUR

Menyertai Forum mengenai Pelaporan Bersepadu: Merevolusikan Ketelusan Korporat di Malaysia

23-24 APR : CEBU, FILIPINA

Penyampaian oleh PIDM mengenai Kerjasama Rentas Sempadan dalam Perancangan Resolusi dan Pemulihan di Bengkel Kerja Kumpulan Perundingan Serantau, *Financial Stability Board* (FSB) mengenai Perancangan Resolusi dan Pemulihan

23-25 APR : KYOTO, JEPUN

Penyampaian oleh PIDM mengenai Perancangan Kontingensi dan Infrastruktur Teknologi Maklumat (IT): Bagaimana Mereka Bentuk Infrastruktur IT yang Efisien di Mesyuarat dan Persidangan Antarabangsa Tahunan, Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik (*Asia-Pacific Regional Committee – APRC*) IADI Ke-12

24 APR : JOHOR BAHRU, JOHOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

24 APR : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

24 APR : ALOR SETAR, KEDAH

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

25 APR : BUTTERWORTH, PULAU PINANG

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

26 APR : KOTA KINABALU, SABAH

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

26 APR : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

27 APR : BATU PAHAT, JOHOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Takaful Ikhlas Berhad

28 APR : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran



Kalendar Peristiwa

MEI

4 MEI : RAWANG, SELANGOR

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

6 MEI : KUALA LUMPUR

Pelancaran Laporan Tahunan PIDM 2013 serta Dialog Tahunan dengan Institusi Ahli

7-9 MEI : KUALA LUMPUR

Seminar Teknikal APRC IADI, Mengelola Instutusi Terlalu Besar untuk Gagal (*Too Big to Fail*): Mengukuhkan Kerjasama Rentas Sempadan dan Melaksanakan Pelan Pemulihan dan Resolusi Efektif anjuran PIDM

8 MEI : MELAKA

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan bagi institusi ahli

8 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Melatih Pelatih bagi pelatih program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014

9 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah

9 MEI : PULAU PINANG

Pameran dan Taklimat di program "Every Pensioner is a VIP" anjuran Bahagian Perkhidmatan Awam, Pejabat Perdana Menteri Malaysia

11 MEI : TAIPING, PERAK

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

12 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah

12 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi pelajar dan kakitangan akademik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

13 MEI : PARIS, PERANCIS

Penyampaian oleh PIDM mengenai Skim Dilindungi Bersepadu di Mesyuarat Majlis Eksekutif IFIGS Eropah

14 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Lawatan Sambil Belajar oleh Central Bank of Laos

15 MEI : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

15 MEI : KUALA LUMPUR

Bengkel Kerja Penilaian Risiko Pengurusan Risiko Organisasi Peringkat Korporat 2014

17 MEI : KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

19 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi pelajar dan kakitangan akademik Politeknik Nilai, Negeri Sembilan

19 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

20 MEI : IPOH, PERAK

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

21-22 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Melatih Pelatih bagi kakitangan institusi ahli

22 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Lembaga Pengarah

23 MEI : BACHOK, KELANTAN

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

24 MEI : KOTA BHARU, KELANTAN

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

24 MEI : SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

27 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Perkongsian Pengetahuan mengenai Pengurusan Risiko Organisasi dan Pengurusan Kesenambungan Urusan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

28 MEI : PIDM, KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi pelajar dan kakitangan akademik USIM



Kalendar Peristiwa

JUN

4-5 JUN : WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT

Menyertai mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama Ke-3 mengenai Prinsip-Prinsip Teras bagi Sistem Insurans Deposit yang Efektif IADI-BCBS

6 JUN : SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

14 JUN : ALOR GAJAH, MELAKA

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

16-17 JUN : KUALA TERENGGANU, TERENGGANU

Program Capaian Korporat PIDM 2014

17 JUN : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

18 JUN : PIDM, KUALA LUMPUR

Lawatan Sambil Belajar oleh IDIC

18 JUN : KUCHING, SARAWAK

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

19 JUN : BANGI, SELANGOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Kumpulan Public Bank

19-20 JUN : KUALA LUMPUR

Bengkel Kerja Perancangan Strategik bagi Pengurusan Kanan PIDM

21 JUN : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Bangkok Bank Berhad

21 JUN : ALOR SETAR, KEDAH

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

23-26 JUN : WARSAW, POLAND

Penyampaian oleh PIDM mengenai Cabaran Asas bagi Sistem Insurans Deposit Dalam Kes Permohonan Melaksanakan Intervensi Menggunakan Sumber Dalam di Mesyuarat Majlis Eksekutif dan Seminar Peringkat Tinggi IADI Ke-42

28 JUN : BINTULU, SARAWAK

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

JUL

1 JUL : KUALA LUMPUR

Majlis Berbuka Puasa bersama ahli-ahli media

1-3 JUL : WASHINGTON, AMERIKA SYARIKAT

Penyampaian oleh PIDM mengenai Tinjauan Kertas Kerja Panduan yang Diperkukuhkan bagi Pembiayaan di Seminar Latihan Eksekutif IADI mengenai Pembiayaan Insurans Deposit: Soalan-Soalan Utama, Pendekatan Berbeza

5 JUL : BATU PAHAT, JOHOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

11 JUL : KUALA LUMPUR

Majlis Berbuka Puasa bagi kakitangan PIDM dan keluarga

16-18 JUL : PIDM, KUALA LUMPUR

Lawatan Sambil Belajar oleh Central Bank of Namibia

17 JUL : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Pendidikan Media PIDM

19 JUL : SANDAKAN, SABAH

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

21 JUL : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Bangkok Bank Berhad



Kalendar Peristiwa

OGOS

5-7 OGOS : SINGAPURA

Penyampaian oleh PIDM mengenai Mencapai Perkongsian dan Penyelarasan Maklumat Rentas Sempadan, Rentas Sektor yang Efektif dalam Pengurusan dan Resolusi Krisis serta Insurans Deposit – Peranan Insurans Deposit dalam Pencegahan dan Pengurusan Krisis di Kursus Pengenalan Bank-Bank Pusat Asia Tenggara (*South East Asian Central Banks – SEACEN*) mengenai Pengurusan dan Resolusi Krisis

6 OGOS : ALOR SETAR, KEDAH

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

6-8 OGOS : BAKU, AZERBAIJAN

Penyampaian oleh PIDM mengenai Sistem Premium berasaskan Risiko dan Sistem Amaran Awal dan Menubuhkan Sistem Premium berasaskan Risiko bagi bank-bank Islam di Seminar IADI APRC

9 OGOS : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

11 OGOS : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan dan ejen Etiqa Group of Companies

12-14 OGOS : KUALA LUMPUR

Lawatan Sambil Belajar oleh IDIC dan Centre for Islamic Business and Economic Studies, Indonesia

14 OGOS : KUANTAN, PAHANG

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

16 OGOS : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi orang awam

16 OGOS : KUALA LUMPUR

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

18 OGOS : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

18-22 OGOS : KUALA LUMPUR

Penyampaian oleh PIDM mengenai Komunikasi ketika Tempoh Krisis di Bengkel Kerja mengenai Persediaan Krisis, Menangani Bank Bermasalah dan Pilihan Resolusi anjuran PIDM dan BNM

19-22 OGOS : KUALA LUMPUR

Penyampaian oleh PIDM mengenai Kepentingan Insurans Deposit sebagai Jaringan Keselamatan bagi Kestabilan Kewangan di program pembinaan kapasiti BNM bertajuk Kestabilan Kewangan, Pengawasan Kewangan dan Polisi Berhemat Makro

21-22 OGOS : PIDM, KUALA LUMPUR

Program Induksi dan Latihan Biasiswa PIDM

22 OGOS : KUALA LUMPUR

Majlis Sambutan Hari Raya bagi kakitangan PIDM

23 OGOS : PIDM, KUALA LUMPUR

Majlis Anugerah Biasiswa PIDM

23 OGOS : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan dan ejen Great Eastern Takaful Berhad

23-28 OGOS : DHAKA, BANGLADESH

Penyampaian oleh PIDM mengenai Sistem Insurans Deposit – Asas Kritikal bagi Kestabilan Sistem Kewangan di Kursus Perbankan Pusat Asia Tenggara, New Zealand, Australia (*South East Asia, New Zealand, Australia – SEANZA*) Ke-29

24 OGOS : BAHAU, NEGERI SEMBILAN

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

26 OGOS : BANGKOK, THAILAND

Mesyuarat Kumpulan Penasihat Ke-19 Inisiatif Latihan Badan Kawal Selia Kewangan, Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (*Asia-Pacific Economic Cooperation – APEC*) dan menyertai Persidangan APEC bagi Badan Kawal Selia Kewangan yang dipengerusikan oleh PIDM

26 OGOS : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan dan ejen Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad

26-27 OGOS : KUALA LUMPUR

Sesi Melatih Pelatih bagi kakitangan bank ahli

27 OGOS : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah

28 OGOS : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

28 OGOS : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Kumpulan Affin Bank



Kalendar Peristiwa

SEP

2-4 SEP : PIDM, KUALA LUMPUR

Rumah Terbuka PIDM Ke-3 bagi Rantau Afrika

5 SEP : PETALING JAYA, SELANGOR

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Taklimat mengenai program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014 bagi pelajar cacat pendengaran

6 SEP : KUALA LUMPUR

Pameran dan Ceramah Komuniti di Hari Pengguna Malaysia 2014

8 SEP : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

9 SEP : KUALA LUMPUR

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Taklimat mengenai program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014 bagi pelajar cacat pendengaran

9-11 SEP : BASEL, SWITZERLAND

Penyampaian oleh PIDM mengenai Perkongsian Maklumat dalam Resolusi Bank Rentas Sempadan di Seminar *Financial Stability Institute (FSI)-IADI* mengenai Resolusi Bank, Pengurusan Krisis dan Isu Insurans Deposit

9-14 SEP : PETALING JAYA, SELANGOR

Pameran di InvestSmart Fest 2014 anjuran Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

10 SEP : KOTA KINABALU, SABAH

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

10 SEP : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus

11-13 SEP : COLOMBO, SRI LANKA

Penyampaian oleh PIDM mengenai Infrastruktur Persediaan Krisis di Forum Kestabilan Kewangan Timbalan Gabenor SEACEN Tahunan Ke-5 dan Seminar Peringkat Tinggi SEACEN bagi Timbalan Gabenor

19 SEP : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah

19 SEP : MUKAH, SARAWAK

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

21 SEP : KUALA LUMPUR

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

22 SEP : KAJANG, SELANGOR

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Taklimat mengenai program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014 bagi pelajar cacat pendengaran

22-30 SEP : KUALA LUMPUR

Penyampaian oleh PIDM mengenai Sistem Insurans Deposit: Asas Kritikal bagi Kestabilan Sistem Kewangan di Kursus Perbankan Pusat Perantara BNM Ke-36

23 SEP : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Standard Chartered Bank Malaysia Berhad

24 SEP : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Pendidikan Lembaga Pengarah

24 SEP : KUALA LUMPUR

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Taklimat mengenai program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014 bagi pelajar cacat pendengaran

25 SEP : SUNGAI BULOH, SELANGOR

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Taklimat mengenai program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014 bagi pelajar cacat pendengaran

25-27 SEP : LABUAN

Penyampaian oleh PIDM mengenai Tadbir Urus Korporat yang Baik: *Wither Without It* di Siri Ceramah Kewangan Antarabangsa Labuan 2014

26 SEP : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

28 SEP : JASIN, MELAKA

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

30 SEP : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Lembaga Pengarah



Kalendar Peristiwa

OKT

2 OKT : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

9 OKT : GEORGETOWN, PULAU PINANG

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Hong Leong Assurance Berhad

14 OKT : SEBERANG JAYA, PULAU PINANG

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

14 OKT : KOTA KINABALU, SABAH

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

15 OKT : TAMPARULI, SABAH

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

16 OKT : DONGGONGON, SABAH

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

17 OKT : MENGGATAL, SABAH

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

18 OKT : KOTA KINABALU, SABAH

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

19 OKT : PORT OF SPAIN, TRINIDAD & TOBAGO

Menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Prinsip-Prinsip Teras IADI

20-23 OKT : PORT OF SPAIN, TRINIDAD & TOBAGO

Menyertai Mesyuarat Agung Tahunan dan Persidangan IADI Ke-13

21 OKT : PORT OF SPAIN, TRINIDAD & TOBAGO

Menyertai Mesyuarat Majlis Eksekutif IADI Ke-43

23-24 OKT : AMSTERDAM, BELANDA

Menyertai Persidangan Tahunan *International Association of Insurance Supervisors* (IAIS) Ke-21

24-26 OKT : SETIAWANGSA, KUALA LUMPUR

Pameran dan Taklimat di Karnival Maal Hijrah 2014 anjuran USIM

28-29 OKT : PIDM, KUALA LUMPUR

Sesi Melatih Pelatih bagi kakitangan bank ahli

28-30 OKT : SEOUL, KOREA

Lawatan Sambil Belajar ke *Korea Deposit Insurance Corporation* (KDIC)

29 OKT : KUALA LUMPUR

Penyampaian oleh PIDM mengenai Mengukuhkan Jaringan Keselamatan menerusi Insurans Deposit di Program Pembangunan Sektor Kewangan BNM di Malaysia

NOV

5 NOV : JOHOR BAHRU, JOHOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi institusi ahli

5 NOV : KUALA LUMPUR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi belajar dan kakitangan akademik *Financial Sector Talent Enrichment Programme* (FSTEP)

10 NOV : BANGI, SELANGOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Kumpulan Public Bank

11 NOV : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

11 NOV : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran

13 NOV : KUALA LUMPUR

Menyertai Mesyuarat Meja Bulat mengenai Strategi Celik Kewangan Nasional anjuran FOMCA

14 NOV : IPOH, PERAK

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi ejen Hong Leong Assurance Berhad

18 NOV : KLANG, SELANGOR

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Taklimat mengenai program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014 bagi pelajar cacat pendengaran



Kalendar Peristiwa

NOV

18 NOV : SABAK BERNAM, SELANGOR

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat PIDM – Taklimat mengenai program pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014 bagi pelajar cacat pendengaran

19-20 NOV : PIDM, KUALA LUMPUR

Bengkel Kerja Lintas Semak Sistem Pembayaran Balik

20 NOV : KUALA LUMPUR

Majlis Penyampaian Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) 2014

25 NOV : PIDM, KUALA LUMPUR

Latihan Simulasi Kesenambungan Urusan

25 NOV : KUALA LUMPUR

Majlis Penutup Program Kecergasan "Get Fit!" PIDM

25-26 NOV : KUALA LUMPUR

Peringkat Akhir Pertandingan Cabaran Sekolah Projek PIDM MoneySmart 2014

27 NOV : KUALA LUMPUR

Majlis Anugerah dan Pengiktirafan Program Pendidikan Projek PIDM MoneySmart 2014

27 NOV : SEGAMAT, JOHOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi pelajar dan kakitangan akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Segamat



DIS

2-4 DIS : SEOUL, KOREA

Penyampaian oleh PIDM mengenai Program Pembinaan Kapasiti bagi Organisasi Ahli IADI di Seminar Antarabangsa IADI-KDIC bagi Perkongsian Kepakaran mengenai Insurans Deposit

4 DIS : PIDM, KUALA LUMPUR

Mesyuarat Lembaga Pengarah

5 DIS : KUALA LUMPUR

Penyampaian oleh PIDM mengenai Pengurusan dan Resolusi Krisis di Kursus Analisis dan Pengawasan Kestabilan Sistem Kewangan SEACEN-Bank of Japan

6 DIS : KUALA LUMPUR

Majlis Makan Malam Tahunan 2014

9-11 DIS : TIRANA, ALBANIA

Penyampaian oleh PIDM mengenai Pembiayaan Insurans Deposit: Soalan-Soalan Utama, Pendekatan Berbeza di Seminar Latihan Eksekutif IADI

10 DIS : KOTA KINABALU, SABAH

Sesi Pendidikan Media PIDM

11 DIS : KUCHING, SARAWAK

Sesi Pendidikan Media PIDM

15 DIS : PASIR GUDANG, JOHOR

Taklimat mengenai Perlindungan Konsumer Kewangan PIDM bagi kakitangan Idemitsu SM (Malaysia) Sdn. Bhd.

23 DIS : MERLIMAU, MELAKA

Ceramah Komuniti PIDM anjuran FOMCA

30 DIS : PIDM, KUALA LUMPUR

Inisiatif Keselamatan dan Kesihatan PIDM - Pemanduan Berhemah





LAMPIRAN

	207		220
Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus		Kad Skor Korporat 2015 - 2017	
	210		222
Piagam Jawatankuasa Ganjaran		Senarai Institusi Ahli	
	212		223
Piagam Jawatankuasa Audit		Glosari Istilah	
	217		226
Piagam Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian		Butir-Butir Hubungan	

PIAGAM JAWATANKUASA TADBIR URUS

1.0 MANDAT

Menurut seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu Jawatankuasa Tadbir Urus ditubuhkan.

2.0 OBJEKTIF

Jawatankuasa Tadbir Urus (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perbadanan) bertanggungjawab untuk mengarahkan pelaksanaan dan pematuhan kepada prinsip tadbir urus yang utuh dalam Perbadanan. Sehubungan ini, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan: pengekalan prinsip dan amalan tadbir urus korporat yang berkesan; penilaian dan penaksiran fungsi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan; pencalonan individu yang berkelayakan untuk menjadi Pengarah selaras dengan kriteria yang diluluskan oleh Perbadanan; dan perancangan pengurusan penggantian.

3.0 PRINSIP OPERASI

3.1 Fungsi dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- (b) Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada Pengurusan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang dianggap perlu atau sesuai oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah.

3.2 **Pengerusi** – Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah. Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa tidak hadir di mana-mana mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat, ahli-ahli yang hadir akan melantik salah seorang ahli yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

3.3 **Kuorum** – Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa.

3.4 **Pengundian** – Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

3.5 **Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat** – Tertakluk kepada Piagam ini dan mana-mana resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan perkara tertentu, Pengerusi akan menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

3.6 **Setiausaha dan Minit** – Setiausaha Korporat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Korporat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila minit telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

3.7 **Kekerapan Mesyuarat** – Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi, tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada dua kali setahun. Pengerusi hendaklah memanggil untuk bermesyuarat sekiranya diminta oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, dan memutuskan sekiranya sesuatu mesyuarat perlu diadakan sekiranya diminta oleh ahli Jawatankuasa lain.

3.8 **Notis Mesyuarat** – Tempoh notis wajar untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa adalah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

3.9 **Agenda Mesyuarat** – Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta dokumen berkaitan, sekiranya ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

3.10 **Kehadiran Tambahan** – Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya akan dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

3.11 **Terma Pelantikan / Penggiliran / Pelantikan Semula Ahli** – Keahlian Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu-satu masa. Nasihat daripada Pengerusi mengenai prestasi seseorang ahli Jawatankuasa hendaklah dipertimbangkan apabila pelantikan tempoh perkhidmatan atau pelantikan semula ahli tersebut sedang dipertimbangkan.

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus

- 3.12 **Pelaporan** – Sekiranya perlu, Jawatankuasa akan menyediakan satu laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.
- 3.13 **Semakan Piagam** – Jawatankuasa hendaklah menyemak semula dan menilai kecukupan Piagam ini dua tahun sekali. Sekiranya Jawatankuasa mencadangkan apa-apa pindaan, Jawatankuasa hendaklah mengemukakan Piagam yang disemak semula kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.
- 3.14 **Penilaian Kendiri** – Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa akan menyemak semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang dinyatakan dalam Piagam ini.
- 3.15 **Pendedahan** – Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan komposisi keahliannya didedahkan kepada umum.
- 3.16 **Penasihat Bebas atau Penasihat Lain** – Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi menyemak semula apa-apa perkara di bawah tanggungjawabnya mengikut resolusi atau polisi Lembaga Pengarah yang relevan.
- 3.17 **Konflik Kepentingan** – Sekiranya perkara yang sedang dipertimbangkan adalah mengenai pelantikan semula Pengerusi atau pelantikan semula Pengarah bukan *ex officio* Lembaga Pengarah yang merupakan seorang ahli Jawatankuasa, Pengerusi atau Pengarah bukan *ex officio* tersebut hendaklah tidak mengambil bahagian dalam mesyuarat ketika Jawatankuasa membincangkan, mengulas atau membuat keputusan mengenai perkara tersebut. Pada ketika itu, Pengerusi atau Pengarah bukan *ex officio* tidak akan hadir dalam mesyuarat tersebut.

4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

4.1 Pengawasan Tadbir Urus Korporat

- (a) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula secara berkala pendekatan Perbadanan terhadap isu tadbir urus dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan semakan terhadap polisi tadbir urus Perbadanan. Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai polisi berkenaan tempoh perkhidmatan, persaraan dan penggantian pengarah.

- (b) Jawatankuasa hendaklah memastikan terdapat pentadbiran polisi dan prosedur yang berterusan yang membolehkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah atau ahli Lembaga Pengarah mendapatkan khidmat penasihat bebas atau penasihat lain yang berasingan dalam keadaan yang sesuai, dan perbelanjaannya ditanggung oleh Perbadanan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula mandat Perbadanan sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia secara berkala dan membuat sebarang cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.
- (d) Jawatankuasa hendaklah mengikuti perkembangan mutakhir mengenai tadbir urus korporat untuk memastikan amalan urus tadbir Perbadanan adalah sejajar dengan amalan terbaik.
- (e) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan inisiatif tadbir urus lain yang perlu atau dikehendaki bagi memastikan bahawa terdapat proses, struktur dan maklumat yang sesuai dan perlu bagi hala tuju dan pengawasan yang berkesan agar dapat menyumbang kepada keutuhan tadbir urus dan pengurusan Perbadanan.

4.2 Penilaian Operasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- (a) Melalui rundingan dengan Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa hendaklah menilai keperluan Lembaga Pengarah mengenai kekerapan dan lokasi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, agenda mesyuarat, dokumen dan maklumat dan pengendalian mesyuarat, serta membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah seperti yang dikehendaki.
- (b) Jawatankuasa hendaklah menyemak secara berkala, mandat dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- (c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan, menyemak secara kerap, pada setiap tahun, proses untuk membantu Lembaga Pengarah menentukan sama ada Lembaga Pengarah berpuas hati dengan cara, kekerapan dan ketepatan masa terhadap isu penting yang dibawa kepada perhatiannya serta kesesuaian maklumat tersebut.

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus

- (d) Jawatankuasa hendaklah, melaksanakan dan menyemak secara kerap, pada setiap tahun, kaedah untuk menilai dan menaksir secara tetap keberkesanan Lembaga Pengarah dan setiap ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan serta mencadangkan sebarang pelan tindakan untuk menangani mana-mana dapatan yang ketara.
- (e) Jawatankuasa hendaklah menyemak, Piagam Jawatankuasa Lembaga Pengarah secara bersama, selepas Jawatankuasa berkenaan telah menjalankan semakan terhadap Piagam masing-masing, dan mencadangkan pindaan (sekiranya ada) terhadap Piagam Jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah.
- (f) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, jenis dan struktur Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang akan diwujudkan oleh Lembaga Pengarah.

4.3 Pencalonan Lembaga Pengarah

- (a) Jawatankuasa hendaklah membuat semakan secara berkala, kedua-dua profil Lembaga Pengarah dan profil kelayakan dan kemahiran serta ciri-ciri individu setiap ahli Lembaga Pengarah dengan mengambil kira kekuatan, kemahiran dan pengalaman semasa Lembaga Pengarah, terma, tarikh persaraan dan hala tuju strategik Perbadanan.
- (b) Jawatankuasa hendaklah mengenal pasti senarai calon Lembaga Pengarah yang berpotensi yang mempunyai kemahiran, pengetahuan dan ciri-ciri yang menepati profil dan mengemas kini senarai tersebut secara tetap.
- (c) Apabila terdapat kekosongan dalam Lembaga Pengarah atau menjangkakan terdapat kekosongan tersebut, Jawatankuasa hendaklah menyediakan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah senarai calon yang berpotensi.
- (d) Membangunkan dan melaksanakan strategi untuk mengemukakan profil dan calon berpotensi kepada Menteri.
- (e) Jawatankuasa hendaklah menyemak secara berkala program ganjaran ahli Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- (f) Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan mengenai program orientasi, latihan dan pembangunan berterusan bagi ahli Lembaga Pengarah.

4.4 **Perancangan Pengurusan Penggantian** – Jawatankuasa perlu mengkaji semula rancangan pengurusan penggantian bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai korporat lain serta membuat cadangan mengenainya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

4.5 **Keperluan Kepimpinan** – Jawatankuasa hendaklah sentiasa meneliti keperluan kepimpinan Perbadanan, bagi kedua-dua eksekutif dan bukan eksekutif, bagi memastikan keupayaan Perbadanan untuk memenuhi mandatnya dengan cekap dan berkesan.

4.6 **Pelaporan dan Pendedahan** – Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah kandungan laporan tadbir urus seperti yang diperlukan atau dianggap wajar untuk didedahkan kepada umum.

4.7 **Kesedaran dan Penglibatan Pihak Berkepentingan** – Jawatankuasa hendaklah:

- (a) menyemak dan mencadangkan apa-apa pindaan kepada Polisi Komunikasi Perbadanan untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- (b) menyemak dan mencadangkan strategi jangka panjang kesedaran awam Perbadanan dan menerima pelan aktiviti kesedaran awam bagi tahun seterusnya untuk kelulusan Lembaga Pengarah; dan
- (c) menerima dan menyemak secara kerap hasil pelan tersebut.

PIAGAM JAWATANKUASA GANJARAN

1.0 MANDAT

Menurut seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu Jawatankuasa Ganjaran ditubuhkan.

2.0 OBJEKTIF

Jawatankuasa Ganjaran (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perbadanan) bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Perbadanan mempunyai polisi sumber manusia yang adil dan saksama dalam menetapkan profil bagi pelantikan dan pengekalan kakitangan yang mempunyai kepakaran dan kelayakan yang sesuai. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan: sumber manusia dan perihal ganjaran; perancangan pengurusan penggantian secara amnya; penyemakan semula dan kelulusan objektif tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan melaksanakan penilaian tahunan.

3.0 PRINSIP OPERASI

3.1 Fungsi dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- (b) Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada Pengurusan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang dianggap perlu dan sesuai oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah.

3.2 **Pengerusi** – Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh salah seorang ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa tidak hadir di mana-mana mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat, ahli-ahli yang hadir akan melantik salah seorang ahli yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

3.3 **Kuorum** – Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa.

3.4 **Pengundian** – Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majority dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

3.5 **Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat** – Tertakluk kepada Piagam ini dan mana-mana resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan perkara tertentu, Pengerusi akan menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

3.6 **Setiausaha dan Minit** – Setiausaha Korporat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Korporat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila minit telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

3.7 **Kekerapan Mesyuarat** – Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada dua kali setahun. Pengerusi hendaklah memanggil untuk bermesyuarat sekiranya diminta oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, dan memutuskan sekiranya sesuatu mesyuarat perlu diadakan sekiranya diminta oleh ahli Jawatankuasa lain.

3.8 **Notis Mesyuarat** – Tempoh notis wajar untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa adalah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

3.9 **Agenda Mesyuarat** – Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta dokumen berkaitan, sekiranya ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

3.10 **Kehadiran Tambahan** – Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya akan dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

3.11 **Terma Pelantikan / Penggiliran / Pelantikan Semula Ahli** – Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu-satu masa. Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran hendaklah member nasihat kepada Pengerusi Lembaga Pengarah mengenai prestasi seseorang ahli Jawatankuasa apabila pelanjutan tempoh perkhidmatan atau pelantikan semula ahli tersebut sedang dipertimbangkan.

Piagam Jawatankuasa Ganjaran

- 3.12 **Pelaporan** – Sekiranya perlu, Jawatankuasa akan menyediakan satu laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.
- 3.13 **Semakan Piagam** – Jawatankuasa hendaklah menyemak semula dan menilai kecukupan Piagam ini dua tahun sekali. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Piagam akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah.
- 3.14 **Penilaian Kendiri** – Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa akan menyemak semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang dinyatakan dalam Piagam ini.
- 3.15 **Pendedahan** – Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan komposisi keahliannya didedahkan kepada umum.
- 3.16 **Penasihat Bebas atau Penasihat Lain** – Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi menyemak semula apa-apa perkara di bawah tanggungjawabnya mengikut resolusi atau polisi Lembaga Pengarah yang relevan.
- 4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA**
- 4.1 **Polisi dan Strategi**
- (a) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula polisi dan strategi utama sumber manusia dan mencadangkan sebarang perubahan yang perlu.
- (b) Jawatankuasa hendaklah menyemak semula falsafah ganjaran Perbadanan dan polisi yang berkaitan serta membuat cadangan, sekiranya ada, kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Perbadanan membangunkan secara berterusan, polisi, strategi, kawalan, proses dan prosedur yang mencukupi, sesuai dan berkesan dalam Perbadanan untuk mengekalkan persekitaran organisasi yang memupuk amalan urusan dan tingkah laku beretika kakitangan, komitmen mereka terhadap operasi Perbadanan dan tahap kepuasan yang tinggi dalam kalangan kakitangan serta menyemak semula polisi dan kod yang berkaitan serta membuat cadangan, sekiranya ada, kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- 4.2 **Pematuhan dan Laporan** – Jawatankuasa hendaklah menyemak semula laporan mengenai:
- (a) pematuhan terhadap keperluan perundangan dan polisi utama korporat berhubung hal-hal sumber manusia pada setiap tahun; dan
- (b) pematuhan terhadap polisi berkenaan amalan urusan dan tingkah laku beretika kakitangan pada setiap tahun atau sebaik sahaja keadaan memerlukan. Sekiranya perlu, Jawatankuasa hendaklah meminta Pengurusan untuk mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Audit sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau telah timbul sesuatu perkara yang memerlukan pengemukaan laporan.
- 4.3 **Perkara yang Dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif** – Jawatankuasa hendaklah menyemak apa-apa perkara berhubung sumber manusia dan hal-hal ganjaran yang dirujuk kepadanya oleh Ketua Pegawai Eksekutif.
- 4.4 **Laporan kepada Lembaga Pengarah** – Sekiranya perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat laporan kepada Lembaga Pengarah mengenai hal-hal sumber manusia dan perihal ganjaran serta prestasi Pengurusan berkaitan perkara ini.
- 4.5 **Pemberian dan Kadar Bonus** – Jawatankuasa akan mengkaji semula dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berkenaan kadar bonus tahunan dan pemberian bonus tahunan kepada setiap kakitangan sebagaimana yang disyorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa juga hendaklah menjalankan semakan semula terhadap polisi Perbadanan mengenai pemberian bonus dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah, sekiranya diperlukan.
- 4.6 **Aduan** – Jawatankuasa hendaklah bertindak sebagai titik perhubungan awal di peringkat Lembaga Pengarah bagi sebarang aduan mengenai Ketua Pegawai Eksekutif yang sampai kepada pengetahuan Lembaga Pengarah dengan pemahaman bahawa mekanisme penyelesaian yang lazim hendaklah diikuti dan aduan akan hanya diajukan apabila proses rayuan yang lain telah gagal, melainkan ia dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana Piagam atau polisi lain Lembaga Pengarah.

PIAGAM JAWATANKUASA AUDIT

1.0 MANDAT

Menurut seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu Jawatankuasa Audit ditubuhkan.

2.0 OBJEKTIF

Jawatankuasa Audit (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perbadanan) bertanggungjawab untuk memastikan bahawa pengauditan, prinsip dan amalan perakaunan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan Malaysia serta mematuhi kesemua keperluan perundangan. Sehubungan ini, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan: integriti penyata kewangan Perbadanan; proses pelaporan kewangan; sistem kawalan dalaman bagi perakaunan dan kewangan; prestasi fungsi audit dalaman Perbadanan; pengenalpastian dan pengurusan risiko utama Perbadanan; serta pematuhan Perbadanan kepada polisi yang berkaitan dengan etika serta keperluan perundangan dan pengawalseliaan.

3.0 PRINSIP OPERASI

- 3.1 (a) **Fungsi dan Komposisi** – Jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada Pengurusan. Jawatankuasa akan menjalankan apa-apa fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah.
- (b) **Kecekapan** – Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah sama ada:
- (i) arif dalam bidang kewangan semasa pelantikan, iaitu mempunyai kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai; atau
 - (ii) memperoleh pengetahuan dalam bidang kewangan dalam tempoh masa yang munasabah selepas pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa.

Pengerusi dan Naib Pengerusi (sekiranya dilantik) hendaklah mempunyai kepakaran kewangan. "Kepakaran kewangan" bermaksud seorang yang mempunyai kelayakan profesional sebagai akauntan dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengauditan.

Sekiranya perlu, ahli Jawatankuasa akan meningkatkan pengetahuan mereka tentang amalan kewangan dan perakaunan serta bidang lain yang berkaitan dengan tanggungjawab mereka dengan mengikuti perkembangan arah aliran dan amalan terbaik dalam bidang-bidang tersebut termasuk mempertimbangkan isu semasa dan aplikasinya kepada Perbadanan serta dengan mengambil bahagian dalam sesi pendidikan atau peluang latihan lain.

- 3.2 **Pengerusi** – Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- 3.3 **Naib Pengerusi** – Naib Pengerusi, sekiranya difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah, bagi tujuan perancangan pengurusan penggantian, dilantik dalam kalangan Pengarah bukan *ex officio*, sebagaimana yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah. Ketika ketiadaan Pengerusi, sekiranya terdapat Naib Pengerusi, beliau akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa, dan ketika itu, beliau mempunyai semua kuasa Pengerusi. Sekiranya Pengerusi atau Naib Pengerusi tidak hadir atau tiada Naib Pengerusi, seorang Pengerusi akan dilantik oleh ahli-ahli yang hadir, yang akan mempengerusikan mesyuarat tersebut, atau sehingga ketibaan Pengerusi atau Naib Pengerusi, tertakluk kepada keadaan. Naib Pengerusi (sekiranya dilantik) ialah timbalan Pengerusi, dan akan menjalankan tugas bagi pihak Pengerusi sebagaimana yang diwakilkan oleh Pengerusi.
- 3.4 **Kuorum** – Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa. Kuorum hanya akan terbentuk apabila Pengerusi atau Naib Pengerusi hadir di mesyuarat.
- 3.5 **Pengundian** – Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.
- 3.6 **Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat** – Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan perkara tertentu, Pengerusi akan menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.
- 3.7 **Setiausaha dan Minit** – Setiausaha Korporat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Korporat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila minit telah diluluskan oleh Jawatankuasa.
- 3.8 **Kekerapan dan Panggilan Mesyuarat** – Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setahun. Pengerusi hendaklah memanggil untuk bermesyuarat sekiranya diminta oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, dan memutuskan sekiranya

Piagam Jawatankuasa Audit

- sesuatu mesyuarat perlu diadakan sekiranya diminta oleh ahli Jawatankuasa lain.
- 3.9 **Notis Mesyuarat** – Tempoh notis wajar untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa adalah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.
- 3.10 **Ketua Audit Negara** – Ketua Audit Negara, menurut Akta Audit 1957 (Pindaan 1972) (Akta 62):
- (i) berhak menerima notis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh Perbadanan untuk menghadiri dan didengari pada setiap mesyuarat dan akan dijemput menghadiri mana-mana atau bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa; dan
 - (ii) boleh meminta untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa.
- 3.11 **Mesyuarat Sulit** – Jawatankuasa boleh bermesyuarat secara sulit sebagai suatu jawatankuasa dan secara berkala dengan Pengurusan, Ketua Audit Negara dan ketua-ketua pengurusan risiko organisasi dan fungsi audit dalaman dalam sesi sulit yang berasingan.
- 3.12 **Agenda Mesyuarat** – Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta dokumen berkaitan, sekiranya ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 3.13 **Kehadiran Tambahan** – Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya akan dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.
- 3.14 **Terma Pelantikan / Penggiliran / Pelantikan Semula Ahli** – Ahli Jawatankuasa hendaklah diganti mengikut kesesuaian dan secara tetap. Penggantian itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak diganti dalam satu-satu masa. Pengerusi Jawatankuasa Audit hendaklah memberi nasihat kepada Pengerusi Lembaga Pengarah mengenai prestasi seseorang ahli Jawatankuasa apabila pelanjutan tempoh perkhidmatan atau pelantikan semula ahli tersebut sedang dipertimbangkan.
- 3.15 **Pelaporan** – Sekiranya perlu, Jawatankuasa akan menyediakan satu laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.
- 3.16 **Semakan Piagam** – Jawatankuasa hendaklah menyemak dan menilai kecukupan Piagam ini dua tahun sekali. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Piagam akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah.
- 3.17 **Penilaian Kendiri** – Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa akan menyemak semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang dinyatakan dalam Piagam ini.
- 3.18 **Pendedahan** – Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan komposisi keahliannya didedahkan kepada umum.
- 3.19 **Penasihat Bebas atau Penasihat Lain** – Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding audit bebas dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi menyemak semula apa-apa perkara di bawah tanggungjawabnya mengikut resolusi atau polisi Lembaga Pengarah yang relevan.
- 4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA**
- 4.1 **Nasihat dan Cadangan kepada Lembaga Pengarah** – Jawatankuasa bergantung kepada kepakaran Pengurusan, fungsi audit dalaman Perbadanan dan Ketua Audit Negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Jawatankuasa Audit tidak menjalankan audit dalaman, Jawatankuasa memantau audit yang dibuat dan menyemak semula laporan serta membuat siasatan yang munasabah bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.
- 4.2 **Penyiasatan** – Jawatankuasa diberi kuasa untuk menyiasat sebarang perkara yang dibawa kepada perhatiannya dengan akses penuh kepada semua buku, rekod, kemudahan, Ketua Audit Negara dan kakitangan Perbadanan, bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan peranan penyeliaannya. Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah supaya penyiasatan khas dijalankan ke atas perkara yang difikirkan sesuai berdasarkan maklumat yang diberikan kepadanya.
- 4.3 **Pelaporan Kewangan** – Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah memainkan peranan pengawasannya terhadap pelaporan kewangan yang benar, tepat dan jelas, termasuk menyemak semula penyata kewangan tahunan Perbadanan serta laporan Perbincangan dan Analisis Pengurusan sebelum memperoleh kelulusan Lembaga Pengarah dan menyemak dengan sewajarnya serta menerbitkan kepada umum maklumat kewangan bukan umum yang penting. Semakan tersebut, sekiranya perlu, tetapi sekurang-kurangnya sekali setahun, harus merangkumi perbincangan dengan Pengurusan, fungsi audit dalaman dan Ketua Audit Negara berkenaan isu penting mengenai prinsip perakaunan, polisi perakaunan Perbadanan serta anggaran dan pertimbangan penting yang dibuat oleh Pengurusan, termasuk kualiti dan kebolehterimaan prinsip perakaunan yang diterima umum.

Piagam Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa prosedur yang mencukupi tersedia bagi semakan pendedahan awam maklumat kewangan Perbadanan yang disediakan atau dipetik daripada penyata kewangan Perbadanan, selain daripada pendedahan awam di dalam penyata kewangan tahunan Perbadanan dan laporan Perbincangan dan Analisis Pengurusan, dan mesti menilai secara berkala, kecukupan prosedur tersebut.

4.4 Proses Pelaporan Kewangan, Polisi Perakaunan dan Struktur Kawalan Dalaman – Pengurusan bertanggungjawab dalam penyediaan, pengemukaan dan integriti penyata kewangan Perbadanan dan penyenggaraan prinsip, polisi, kawalan dalaman dan prosedur pelaporan perakaunan dan kewangan yang dirangka bagi memastikan pematuhan kepada piawaian perakaunan serta undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Jawatankuasa hendaklah mendapat pandangan Pengurusan dan Ketua Audit Negara tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk menambah baik kualiti prinsip perakaunan Perbadanan yang diguna pakai dalam laporan kewangannya, menyiasat pelaksanaan alternatif yang telah dipertimbangkan tetapi ditolak kemudiannya, mengkaji keagresifan atau konservatisme prinsip dan anggaran perakaunan Perbadanan, dan menyemak semula situasi yang mana nasihat Ketua Audit Negara atas perkara berkaitan perakaunan atau pendedahan tidak diambil kira.

Secara khususnya, Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan proses pelaporan kewangan Perbadanan termasuklah:

- (a) menyemak semula dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyata kewangan tahunan Perbadanan;
- (b) menyemak semula dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan laporan audit tahunan Ketua Audit Negara;
- (c) mengkaji semula perubahan utama yang berlaku kepada prinsip dan amalan pengauditan dan perakaunan Perbadanan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ketua Audit Negara, fungsi audit dalaman atau Pengurusan;
- (d) memastikan bahawa Pengurusan mempunyai polisi dan prosedur berkaitan kawalan dalaman, menurut undang-undang, peraturan dan panduan yang diguna pakai, bagi memberikan jaminan yang wajar tentang kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman Perbadanan; dan menyemak semula pelaporan berkaitan daripada Pengurusan dan fungsi audit dalaman tentang kawalan dalaman tersebut;

- (e) mengkaji semula integriti proses dan struktur kawalan dalaman pelaporan kewangan Perbadanan;
- (f) mengkaji semula proses berhubung perakuan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tentang integriti penyata kewangan Perbadanan;
- (g) mengkaji semula pelan bagi audit tahunan dengan menilai kewajaran skop dan pelan audit serta menentukan sama ada Perbadanan menerima liputan audit dan usaha keseluruhan yang sewajarnya, memastikan bahawa Ketua Audit Negara telah mempertimbangkan kerja fungsi audit dalaman dalam membangunkan strategi audit keseluruhannya dan menilai tahap jaminan bahawa Lembaga Pengarah berupaya mengambil alihnya daripada kerja Ketua Audit Negara. Oleh itu, Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa skop audit tidak terhad dalam mana-mana cara sekalipun dan bahawa bidang yang penting kepada Lembaga Pengarah diambil kira dengan sewajarnya;
- (h) mengkaji semula dan memantau pelaksanaan cadangan yang dibuat melalui audit tahunan oleh Ketua Audit Negara dan sebarang surat pengurusan yang disediakan oleh Ketua Audit Negara serta maklum balas Pengurusan terhadap laporan dan surat tersebut;
- (i) mewujudkan sistem pelaporan kepada Jawatankuasa oleh Pengurusan, Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman berkenaan apa-apa pertimbangan penting yang dibuat dalam penyediaan penyata kewangan oleh Pengurusan dan sebarang kesulitan yang dihadapi ketika semakan atau audit, termasuklah apa-apa halangan ke atas skop kerja atau akses kepada maklumat yang dikehendaki; dan
- (j) melalui pengawasan ke atas fungsi audit dalaman, memastikan bahawa Perbadanan menyenggarakan buku akaun, rekod berkaitan kawalan kewangan dan pengurusan serta sistem maklumat dan amalan pengurusan mengikut cara yang boleh memberikan jaminan yang wajar bahawa:
 - (i) aset Perbadanan dilindungi dan terkawal;
 - (ii) transaksi Perbadanan adalah menurut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), peruntukan perundangan, arahan, pekeliling atau garis panduan lain (yang diguna pakai) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan atau Jabatan Perdana Menteri; dan
 - (iii) sumber kewangan, manusia dan fizikal Perbadanan diuruskan dengan cermat dan cekap dan operasi Perbadanan dijalankan dengan berkesan.

Piagam Jawatankuasa Audit

4.5 Pengawasan Strategik dan Pengurusan Kewangan

- (a) Pelan Korporat dan Bajet Modal Operasi – semakan semula dan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan Rancangan Korporat Perbadanan dan memantau serta menasihati Lembaga Pengarah mengenai prestasi Pengurusan berbanding rancangan tersebut.
- (b) Pembiayaan – menyemak semula dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dengan polisi dan prosedur Perbadanan yang berkaitan dengan terma dan syarat apa-apa pembiayaan luaran yang hendak dibuat atau diambil oleh Perbadanan melalui hutang Perbadanan atau selainnya.
- (c) Pelaburan – menyemak semula dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan polisi dan prosedur Perbadanan yang berkaitan dengan terma dan syarat pelaburan aset tunai Perbadanan dalam sekuriti jangka pendek dan jangka panjang.
- (d) Perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai – menerima laporan daripada Pengurusan dan menyemak semula laporan tersebut daripada fungsi audit dalaman dan / atau Ketua Audit Negara tentang semakan mereka ke atas akaun perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai Perbadanan.

4.6 **Fungsi Audit Dalaman** – Fungsi audit dalaman adalah untuk menyiasat serta memberi maklumat dan jaminan kepada Jawatankuasa dan Pengurusan tentang buku akaun dan rekod Perbadanan; keberkesanan dan prestasi kawalan kewangan dan pengurusan; sistem maklumat dan amalan pengurusan; serta jaminan bahawa operasi Perbadanan dijalankan secara efektif mengikut perundangan yang berkaitan.

Bagi memenuhi tanggungjawabnya, fungsi audit dalaman memerlukan status bebas dan oleh itu, melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa, dan dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan Jawatankuasa dan fungsi audit dalaman mempunyai akses secara langsung tanpa sekatan antara satu sama lain.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab bagi pengawasan kerja fungsi audit dalaman serta ganjaran dan pengawasan Ketua Juruaudit Dalaman. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding sebelum pelantikan atau penamatan perkhidmatan Ketua Juruaudit Dalaman dan hendaklah mengadakan temu duga pelantikan dan penamatan perkhidmatan dengannya. Pelantikan Ketua Juruaudit Dalaman mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Audit menyelia audit dalaman Perbadanan. Tanggungjawab khusus Jawatankuasa termasuklah:

- (a) menyemak semula mandat fungsi audit dalaman setiap tahun;

- (b) menilai keupayaan fungsi audit dalaman;
- (c) menyemak semula perhubungan kebebasan dan struktur pelaporan fungsi audit dalaman;
- (d) menyemak semula pelan audit, bajet, kualiti dan kuantiti kakitangan fungsi audit dalaman, dan sumber lain yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan;
- (e) menyemak semula prestasi fungsi audit dalaman termasuk prestasi terhadap pelan audit dan bajetnya;
- (f) menyemak semula laporan fungsi audit dalaman;
- (g) memantau pelaksanaan laporan dan syor fungsi audit dalaman;
- (h) memastikan penyelarasan fungsi audit dalaman dengan audit dan pemeriksaan khas tahunan Ketua Audit Negara; dan
- (i) menyemak semula operasi keseluruhan fungsi audit dalaman dengan mengambil kira mandatnya dan piawaian audit dalaman semasa.

4.7 **Pengurusan Risiko** – Fungsi pengurusan risiko organisasi menyediakan nasihat bebas, memantau dan menyenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi Perbadanan, menggalakkan pengurusan berkesan bagi semua kategori risiko dan memupuk serta mengekalkan budaya risiko berkesan dalam operasi Perbadanan.

Ketua Pegawai Risiko sebagai ketua fungsi pengurusan risiko organisasi, bertanggungjawab ke atas pelaksanaan, dan menyenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi membantu dan menyediakan maklumat kepada Jawatankuasa berhubung semua aktiviti pengurusan risiko organisasi dan hasil proses pengurusan risiko organisasi, iaitu, pengenalpastian, penaksiran, penilaian, pengendalian, pemantauan dan komunikasi risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi juga menyediakan penilaian bebas berhubung keupayaan pengurusan risiko Perbadanan, dan memberikan cadangan untuk menambah baik keupayaan ini, mengikut kesesuaian. Ketua Pegawai Risiko hendaklah membuat pelaporan secara tetap kepada Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa.

Bagi menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan, Ketua Pegawai Risiko memerlukan status bebas, justeru, melapor terus secara fungsian kepada Jawatankuasa dan melapor dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan Jawatankuasa dan Ketua Pegawai Risiko mempunyai akses tanpa had kepada antara satu sama lain secara langsung.

Piagam Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa juga bertanggungjawab bagi pengawasan tugas fungsi pengurusan risiko organisasi dan bagi prestasi dan pengawasan Ketua Pegawai Risiko, dan perlu memastikan fungsi pengurusan risiko organisasi mempunyai sumber yang berkualiti dan mencukupi, bagi memenuhi peranannya. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding sebelum pelantikan atau penamatan perkhidmatan Ketua Pegawai Risiko dan hendaklah mengadakan temu duga pelantikan dan tamat perkhidmatan dengannya. Pelantikan Ketua Pegawai Risiko mesti diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa hendaklah:

- (a) memastikan bahawa polisi, garis panduan dan amalan yang utuh dilaksanakan bagi pengurusan risiko korporat yang penting;
- (b) menerima maklumat yang mencukupi bagi memahami keadaan dan saiz risiko utama yang dihadapi oleh Perbadanan;
- (c) menyemak semula bersama Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah tentang polisi dan garis panduan yang dilaksanakan bagi mengurus pendedahan risiko Perbadanan, serta mengkaji semula polisi dan garis panduan itu sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan bahawa ia masih sesuai dan berhemat;
- (d) mendapatkan jaminan yang wajar secara tetap bahawa polisi dan garis panduan pengurusan risiko penting Perbadanan dipatuhi;
- (e) melapor kepada Lembaga Pengarah tentang: profil risiko utama; pelan dan kawalan yang tersedia bagi mengurus risiko utama ini; dan keberkesanan keseluruhan proses pengurusan risiko itu;
- (f) mempertimbangkan peranan Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman secara berkala berkenaan pengurusan risiko dalam Perbadanan dan menilai prestasi Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman pada setiap tahun berhubung peranan itu;
- (g) meminta laporan daripada fungsi audit dalaman yang mengesahkan penilaian risiko Pengurusan; dan
- (h) menyemak semula bersama Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah sama ada pendekatan yang utuh dan berkesan telah diambil dalam membangunkan pengaturan pelan kesinambungan urusan Perbadanan, termasuk sama ada pelan pemulihan bencana telah diuji secara berkala.

4.8 **Pematuhan Etika dan Perundangan** – Jawatankuasa hendaklah:

- (a) menyemak semula bersama penasihat Perbadanan sebarang hal perundangan yang boleh mempunyai kesan yang ketara terhadap penyata kewangan Perbadanan;
- (b) memastikan pengawasan etika dan integriti serta pengekalan reputasi Perbadanan dengan menerima laporan tentang pematuhan polisi atau kod amalan urusan dan etika tingkah laku Perbadanan daripada Pengurusan dan apa-apa perkara lain yang boleh mendatangkan liabiliti kepada Perbadanan; dan dengan menyemak semula mana-mana laporan yang diterima daripada fungsi audit dalaman, Ketua Audit Negara dan / atau Pengerusi Jawatankuasa lain tentang semakan semula pematuhan mereka;
- (c) memastikan terdapat sistem bagi memantau pematuhan Perbadanan terhadap undang-undang dan peraturan serta mendapatkan laporan pada setiap tahun bahawa Perbadanan mematuhi kehendak perundangan yang diguna pakai;
- (d) menyemak semula hasil penyiasatan Pengurusan dan tindakan yang diambil berkaitan mana-mana kawalan dalaman atau hal-hal perakaunan yang boleh dipersoalkan;
- (e) memantapkan dan mengkaji semula dari masa ke semasa, proses bagi (i) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan atau kebimbangan berkenaan hal-hal perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan; (ii) pengemukaan rahsia dan tanpa nama, mengikut polisi korporat yang mantap oleh kakitangan Perbadanan berkaitan hal-hal perakaunan atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan (iii) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan Perbadanan. Jawatankuasa juga memantapkan dan mengkaji semula dari masa ke semasa, proses bagi penilaian, penyiasatan dan resolusi berkenaan hal-hal perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan
- (f) menyiasat apa-apa dakwaan bahawa mana-mana pegawai atau Pengarah Perbadanan atau pihak lain yang bertindak di bawah arahan mereka telah mengambil tindakan untuk mempengaruhi, memaksa, memanipulasi atau mengelirukan pihak yang dilantik untuk melaksanakan audit penyata kewangan Perbadanan bagi tujuan menyebabkan penyata kewangan itu mengelirukan dan memaklumkan atau mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tindakan disiplin yang sewajarnya, jika dakwaan itu terbukti benar.

PIAGAM JAWATANKUASA PERANCANGAN PENGURUSAN PENGGANTIAN

1.0 MANDAT

Menurut seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkan perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian ditubuhkan.

2.0 OBJEKTIF

Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Perbadanan) bertanggungjawab untuk menasihati dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai Perancangan Pengurusan Penggantian Ketua Pegawai Eksekutif. Secara khususnya, Jawatankuasa:

- (a) mengkaji semula rancangan pengurusan penggantian jangka panjang sedia ada bagi Ketua Pegawai Eksekutif yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk memastikan pengenalpastian calon yang sesuai bagi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif apabila Ketua Pegawai Eksekutif yang sedia ada bersara;
- (b) mengkaji semula rancangan jangka pendek sedia ada apabila berlaku kekosongan yang tidak dirancang bagi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif; dan
- (c) mengenal pasti calon yang sesuai bagi jawatan Ketua Pegawai Eksekutif PIDM untuk mengambil alih jawatan tersebut apabila tempoh perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif sedia ada tamat.

Perancangan pengurusan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif merupakan tanggungjawab utama Lembaga Pengarah, termasuk pengawasan struktur program, penetapan kriteria pemilihan, menilai calon-calon, dan membuat pemilihan terakhir seorang Ketua Pegawai Eksekutif. Jawatankuasa ini akan membantu Lembaga Pengarah dengan memberi tumpuan dan ketekunan yang wajar ke atas perancangan pengurusan penggantian dan kerja praktikal yang terperinci. Jawatankuasa akan menyelaras bersama Jawatankuasa-jawatankuasa lain dan Pengurusan bagi memastikan pelaksanaan rancangan tersebut dengan berkesan.

3.0 PENYELARASAN BERSAMA JAWATANKUASA LAIN

- 3.1 Di bawah Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus, Jawatankuasa Tadbir Urus akan mengkaji semula perancangan

penggantian Pengurusan bagi pegawai-pegawai korporat dan membuat cadangan berhubung dengan perancangan tersebut kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan¹ dan terus mengkaji semula keperluan kepimpinan Perbadanan, eksekutif dan bukan eksekutif, dengan tujuan untuk memastikan keupayaan berterusan Perbadanan dalam memenuhi mandatnya dengan cekap dan berkesan. Jawatankuasa Ganjaran membantu Lembaga Pengarah dengan pengawasan secara am terhadap polisi-polisi pengurusan penggantian.²

- 3.2 Di bawah Piagam Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan bahawa polisi, garis panduan dan amalan yang kukuh dilaksanakan bagi pengurusan risiko korporat utama; iaitu Jawatankuasa menerima maklumat yang secukupnya untuk memahami jenis dan magnitud risiko utama yang dihadapi oleh Perbadanan; bahawa Jawatankuasa mengkaji semula bersama Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai polisi dan garis panduan Perbadanan yang dilaksanakan untuk mengurus pendedahan risiko Perbadanan, dan mengkaji semula polisi dan garis panduan tersebut sekurang-kurangnya setahun sekali bagi memastikan ia kekal sesuai dan berhemat.³

- 3.3 Tertakluk kepada perenggan 3.4 di bawah, bagi memastikan bahawa Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan boleh meneruskan fungsi mereka, Jawatankuasa akan menyediakan laporan kepada Lembaga Pengarah hasil tugasannya secara keseluruhannya yang mana:

- (a) Jawatankuasa Tadbir Urus dan Jawatankuasa Ganjaran akan mempunyai maklumat yang cukup untuk melaksanakan peranan pemantauan mereka berhubung dengan perancangan pengurusan penggantian termasuk pembangunan tenaga kerja; dan
- (b) Jawatankuasa Audit akan mempunyai maklumat yang cukup untuk melaksanakan peranan pemantauannya berhubung dengan hal-hal risiko yang berkaitan dengan perancangan pengurusan penggantian termasuk pembangunan tenaga kerja.

- 3.4 Sekiranya diperlukan, Jawatankuasa akan menyelaras tugasnya dengan tugas Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan dengan memaklumkan isu-isu penting atau rancangan yang dicadangkan melalui Pengerusi Jawatankuasa berkenaan sebagaimana yang dikehendaki atau melalui mesyuarat.

- 3.5 Tanggungjawab Jawatankuasa Tadbir Urus di bawah perenggan 4.4 Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus dianggap telah dipenuhi.

¹ Perenggan 4.4 Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus

² Perenggan 2 Piagam Jawatankuasa Ganjaran

³ Perenggan 4.7 Piagam Jawatankuasa Audit

Piagam Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

4.0 PRINSIP OPERASI

- 4.1 (a) **Fungsi dan Komposisi** – Jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Keahlian hendaklah termasuk Pengerusi kepada Lembaga Pengarah. Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada Pengurusan. Jawatankuasa akan menjalankan apa-apa fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah.
- (b) **Kecekapan** – Sekurang-kurangnya salah seorang daripada ahli Jawatankuasa yang dilantik mesti mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan mengenai Perancangan Pengurusan Penggantian Ketua Pegawai Eksekutif.
- 4.2 **Pengerusi** – Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah. Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat, ahli-ahli yang hadir akan melantik salah seorang ahli yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.
- 4.3 **Kuorum** – Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa dan sekurang-kurangnya salah seorang daripada dua orang ahli akan menjadi Pengerusi.
- 4.4 **Pengundian** – Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.
- 4.5 **Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat** – Tertakluk kepada mana-mana resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan perkara tertentu, Pengerusi akan menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.
- 4.6 **Setiausaha dan Minit Mesyuarat** – Setiausaha Korporat hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Korporat kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila minit telah diluluskan oleh Jawatankuasa.
- 4.7 **Kekerapan dan Panggilan Mesyuarat** – Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa, tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada dua kali setahun. Pengerusi hendaklah memutuskan sekiranya sesuatu mesyuarat perlu diadakan sekiranya diminta oleh ahli Jawatankuasa lain.
- 4.8 **Notis Mesyuarat** – Tempoh notis wajar untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa adalah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.
- 4.9 **Mesyuarat Sulit** – Jawatankuasa boleh bermesyuarat secara sulit sebagai suatu Jawatankuasa.
- 4.10 **Agenda Mesyuarat** – Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa serta dokumen berkaitan, sekiranya ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 4.11 **Kehadiran Tambahan** – Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya akan dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa. Di samping itu, individu-individu lain seperti Pengarah lain, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Bahagian Sumber Manusia akan dijemput untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa atau sebahagian daripada mesyuarat sekiranya diperlukan dan bersesuaian.
- 4.12 **Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli** – Ahli-ahli Jawatankuasa tidak akan diganti, kecuali sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.
- 4.13 **Pelaporan** – Sekiranya perlu, Jawatankuasa akan menyediakan satu laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.
- 4.14 **Mesyuarat bersama Jawatankuasa Lain** – Sekiranya sesuai, Jawatankuasa boleh memohon untuk bermesyuarat dengan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkaitan untuk memperjelas penyelarasan kerja dalam bidang ini atau membincangkan apa-apa isu atau rancangan sebelum mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah. Prinsip operasi ini akan diguna pakai kecuali bagi perenggan 4.3. Kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah dan sekurang-kurangnya seorang ahli lain bagi setiap Jawatankuasa akan membentuk sebuah kuorum.
- 4.15 **Semakan Piagam** – Jawatankuasa hendaklah menyemak semula dan menilai kecukupan Piagam ini dua tahun sekali. Apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada Piagam akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah.
- 4.16 **Penilaian Kendiri** – Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan pada penghujung tempoh khidmatnya, yang mana Jawatankuasa akan menyemak semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang dinyatakan dalam Piagam ini.
- 4.17 **Pendedahan** – Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan komposisi keahliannya didedahkan kepada umum.
- 4.18 **Akses kepada maklumat** – Jawatankuasa mempunyai akses secara langsung kepada, dan komunikasi yang lengkap dan terbuka dengan Pengurusan, dan boleh mendapatkan nasihat dan bantuan daripada pakar modal insan dalaman dan penasihat lain.
- 4.19 **Penasihat Bebas atau Penasihat Lain** – Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, dan / atau pakar lain yang diperlukan bagi menyemak semula apa-apa perkara di bawah tanggungjawabnya mengikut

Piagam Jawatankuasa Perancangan Pengurusan Penggantian

polisi Lembaga Pengarah⁴ yang relevan. Bagi tujuan menjalankan peranan dan tanggungjawabnya menurut Piagam ini, kelulusan daripada Lembaga Pengarah bagi pelantikan penasihat luar, adalah dianggap telah diperolehi.

5.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

5.1 **Nasihat dan Cadangan kepada Lembaga Pengarah** – Jawatankuasa bergantung kepada kepakaran Pengurusan termasuk Ketua Bahagian Sumber Manusia dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Jawatankuasa akan mengkaji semula rancangan penggantian jangka panjang sedia ada bagi Ketua Pegawai Eksekutif yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah (Rancangan Pengurusan Penggantian Ketua Pegawai Eksekutif) dan mencadangkan, sekiranya perlu, perubahan kepada rancangan tersebut kepada Lembaga Pengarah untuk semakan dan kelulusan.

5.2 **Rancangan Pengurusan Penggantian Ketua Pegawai Eksekutif** – Secara khusus, Jawatankuasa akan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan Rancangan Pengurusan Penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan tugas-tugasnya berkaitan dengan yang berikut:

- (a) bekerjasama dengan Ketua Pegawai Eksekutif, membangunkan profil calon dan kelayakan yang terperinci (termasuk pengalaman, kecekapan dan ciri-ciri peribadi) bagi pengganti Ketua Pegawai Eksekutif tersebut, supaya keperluan kepimpinan Perbadanan dapat dipenuhi. Ini hendaklah mengambil kira visi organisasi, strategi jangka panjangnya, dan apa-apa perkembangan dalam sektor;
- (b) bekerjasama dengan Ketua Pegawai Eksekutif, mengenal pasti dan menilai calon-calon dalaman menurut profil calon, termasuk tahap kesediaan untuk memikul peranan yang lebih besar;
- (c) bersetuju dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan / atau Ketua Bahagian Sumber Manusia mengenai peluang pembangunan yang akan disediakan kepada calon-calon yang dikenal pasti bagi mengatasi kekurangan dari segi pengalaman dan / atau pendidikan serta peluang untuk meningkatkan pendedahan kepada Lembaga Pengarah dalam pembabitan urusan dan sosial;
- (d) mengenal pasti dan menilai calon-calon luar berpotensi yang dikenal pasti dan ditanda aras terhadap calon-calon dalaman; dan
- (e) mengenal pasti dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pengganti Ketua Pegawai Eksekutif yang kekal.

5.3 **Pelan Kecemasan** – Dengan wujudnya pelan pengurusan penggantian kecemasan (Pelan Kecemasan) yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa juga akan membuat

cadangan kepada Lembaga Pengarah berkenaan tugas-tugasnya berkaitan dengan yang berikut:

- (a) kajian semulanya terhadap Pelan Kecemasan sedia ada; dan
- (b) menjalankan proses terperinci bagi pelaksanaan rancangan Pelan Kecemasan sekiranya perlu.

5.4 Pelan Kecemasan merupakan rancangan bagi sesuatu kekosongan jawatan yang tidak dirancang, yang mana Lembaga Pengarah sama ada boleh memutuskan seorang pengganti, atau, sekiranya tiada pilihan yang sesuai, melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif sementara, dan sekiranya perlu, melaksanakan penugasan semula kerja secara sementara dalam kalangan Pengurusan. Rancangan tersebut termasuk, antara lain, pelan komunikasi, dan dokumen dan mengesahkan dengan pihak berkuasa agar terdapat kejelasan mengenai penugasan semula kerja tersebut dan individu yang mempunyai kuasa untuk mengawasi pelaksanaan penugasan kerja tersebut. Sekiranya Lembaga Pengarah merancang untuk menjalankan penyumberan calon-calon dari luar, rancangan tersebut hendaklah merangkumi cara untuk mengurus komunikasi dengan penyandang Ketua Pegawai Eksekutif tersebut, agar beliau dapat dikekalkan dalam Perbadanan.

5.5 Menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah Jawatankuasa akan melaksanakan fungsi-fungsi Jawatankuasa Tadbir Urus (dan bukan Jawatankuasa Tadbir Urus sebenar) yang dirancang di bawah Rancangan Pengurusan Penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan Pelan Kecemasan. Ini termasuk bekerjasama dengan Ketua Pegawai Eksekutif, mana-mana firma pencarian eksekutif, dan Ketua Bahagian Sumber Manusia untuk mengenal pasti atau menemuduga mana-mana calon dan melalui komunikasi dalaman dan luaran berhubung dengan Rancangan Pengurusan Penggantian Ketua Pegawai Eksekutif, dan Pelan Kecemasan, atau pelaksanaannya.

5.6 **Tugas dan Tanggungjawab Lain Jawatankuasa** – Jawatankuasa akan:

- (a) sekiranya calon dari luar dipilih dan dilantik, mencadangkan kaedah bagi memastikan satu Jawatankuasa Lembaga Pengarah boleh membantu Lembaga Pengarah dalam memantau dan menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif secara berterusan, kaedah untuk menentukan kesesuaian Ketua Pegawai Eksekutif tersebut dengan budaya kerja, keperluan masa hadapan Perbadanan, serta kefahaman beliau terhadap urusan dan hal ehwal Perbadanan;
- (b) mempertimbangkan cara Lembaga Pengarah berkomunikasi dengan Menteri Kewangan untuk mendapatkan kelulusan bagi pelantikan mana-mana pengganti bagi Ketua Pegawai Eksekutif; dan
- (c) membuat cadangan mengenai peranan Ketua Pegawai Eksekutif yang bakal menamatkan perkhidmatan, bagi satu tempoh peralihan, sekiranya difikirkan sesuai.

⁴ Perenggan 2.2 Polisi dan Prosedur bagi Pelantikan Penasihat Undang-undang Bebas atau Penasihat Lain Berasingan memperuntukkan bahawa "Selain daripada Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa atau mana-mana Pengarah individu hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pengerusi Lembaga Pengarah atau Lembaga Pengarah bagi melantik penasihat bebas atau penasihat lain untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing."

KAD SKOR KORPORAT 2015 - 2017

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran		
		2015	2016	2017
A PEMEGANG KEPENTINGAN Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	1. Indeks kesedaran awam:			
	a. Kesedaran umum mengenai PIDM	53%	58%	63%
	b. Kesedaran umum mengenai Sistem Insurans Deposit	42%	46%	50%
	c. Kesedaran umum mengenai Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	33%	36%	40%
	2. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
	a. Pelan Komunikasi Bersepadu	Dilaksanakan dan kajian semula	Dilaksanakan dan kajian semula	Dilaksanakan dan kajian semula
B Perkongsian efektif	3. Hubungan PIDM dengan:			
	a. Bank Negara Malaysia (BNM)	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	b. Institusi ahli	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan
	c. Kementerian-kementerian dan agensi kawal selia Kerajaan lain	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	d. Penyedia perkhidmatan utama dan rakan kongsi strategik	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	e. Penginsurans deposit dan skim jaminan insurans	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	f. Pemegang kepentingan utama lain	Memuaskan	Memuaskan	Memuaskan
4. Forum antarabangsa lain	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	
C Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	5. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap:			
	a. Amalan terbaik tadbir urus yang diguna pakai dan dikekalkan	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi
	b. Polisi dan amalan utama yang dipatuhi serta kekal terkini dan relevan	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi
	c. Kualiti sokongan pengurusan kepada Lembaga Pengarah	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi	Tahap kepuasan tinggi
	6. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
a. Perundangan PIDM	Dikekalkan	Dikekalkan	Dikekalkan	
D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	7. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
	a. Rangka kerja Sistem Levi Berbeza bagi Takaful	Disempurnakan	Dilaksanakan	Kajian semula
	b. Sistem Amaran Awal bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	Dibangunkan dan disahkan	Dilaksanakan
	c. Model Penilaian bagi Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dibangunkan	Dibangunkan dan disempurnakan	Simulasi
d. Pelan intervensi dan resolusi bagi institusi kewangan kompleks	Dibangunkan	Dibangunkan	Dibangunkan	

Kad Skor Korporat 2015 - 2017

Objektif Korporat	Petunjuk Prestasi Utama / Inisiatif Korporat	Sasaran		
		2015	2016	2017
D Keupayaan penilaian dan pemantauan risiko, intervensi dan resolusi yang kukuh	e. Sistem, polisi dan prosedur pengurusan tuntutan bagi ahli penginsurans:			
	i. Sistem Pembayaran Balik Premium dan Pengurusan Tuntutan	Dibangunkan	Disempurnakan	Dilaksanakan
	ii. Sistem Pengurusan Sokongan Pemilik Polisi	-	Dibangunkan	Dilaksanakan
	iii. Sistem Pengurusan Pembayaran	-	Dibangunkan	Dilaksanakan
	f. Peraturan-Peraturan:			
	i. Peraturan-Peraturan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	Dipantau	Dipantau
	ii. Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keahlian – Sistem Insurans Deposit dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans	Dilaksanakan	Dipantau	Dipantau
	g. Program pematuhan institusi ahli dengan perundangan PIDM bagi ahli penginsurans	-	Dibangunkan	Dilaksanakan
E Amalan urusan dan kewangan yang mantap	8. Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (FIDE) dan FIDE FORUM	Penyertaan aktif dan disokong	Penyertaan aktif dan disokong	Penyertaan aktif dan disokong
	9. Pelaporan menerusi:			
	a. Laporan Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	b. Rancangan Korporat	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
	10. Prestasi kewangan berbanding bajet yang diluluskan	±10% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
	11. Kawalan Dalaman dan Pematuhan Pengurusan Risiko	Kukuh	Kukuh	Kukuh
	12. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
	a(i). Dana Sasaran bagi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans:			
	i(1). Dana Am	Dilaksanakan	Kajian semula	Kajian semula
	i(2). Dana Hayat	Dibangunkan	Dilaksanakan	Kajian semula
	i(3). Kumpulan Dana Takaful	Dikaji selidik	Dibangunkan	Disempurnakan
	a(ii). Rancangan pembiayaan alternatif	Disempurnakan	Kajian semula	Kajian semula
b. Pelan Strategik Teknologi Maklumat Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan	
c. Pusat Pemulihan Bencana dan infrastruktur	Pembinaan	Disempurnakan	Dikekalkan	
d. Pengurusan Keselamatan Maklumat Korporat	Dibangunkan	Kajian semula	Kajian semula	
F Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan	13. Pelan Strategik Modal Insan Tahunan	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
G Persekitaran korporat yang kondusif	14. Indeks Tahap Komitmen dan Kepuasan Kerja Kakitangan (tinjauan dijalankan dua tahun sekali bagi mengukur tahap kepuasan kakitangan)	80%	-	80%

SENARAI INSTITUSI AHLI

Pada 31 Disember 2014, institusi ahli PIDM ialah seperti berikut:

Bank Perdagangan

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad *
8. BNP Paribas Malaysia Berhad *
9. CIMB Bank Berhad
10. Citibank Berhad *
11. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad *
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. India International Bank (Malaysia) Bhd
15. Industrial and Commercial Bank of China (Malaysia) Berhad
16. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
17. Malayan Banking Berhad
18. Mizuho Bank (Malaysia) Berhad
19. National Bank of Abu Dhabi Malaysia Berhad
20. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
21. Public Bank Berhad
22. RHB Bank Berhad
23. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
24. Sumitomo Mitsui Banking Corporation Malaysia Berhad
25. The Bank of Nova Scotia Berhad
26. The Royal Bank of Scotland Berhad
27. United Overseas Bank (Malaysia) Bhd

Bank Islam

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad
3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. Amlslamic Bank Berhad
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. Hong Leong Islamic Bank Berhad
10. HSBC Amanah Malaysia Berhad
11. Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad
12. Maybank Islamic Berhad
13. OCBC Al-Amin Bank Berhad
14. Public Islamic Bank Berhad
15. RHB Islamic Bank Berhad
16. Standard Chartered Saadiq Berhad

Syarikat Insurans

1. ACE Jerneh Insurance Berhad
2. AIA Bhd.
3. AIG Malaysia Insurance Berhad
4. Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad
5. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad
6. AmGeneral Insurance Berhad
7. AmMetLife Insurance Berhad (dahulu dikenali sebagai AmLife Insurance Berhad)
8. AXA Affin General Insurance Berhad
9. AXA Affin Life Insurance Berhad
10. Berjaya Sompo Insurance Berhad
11. Etiqa Insurance Berhad
12. Gibraltar BSN Life Berhad (dahulu dikenali sebagai Uni. Asia Life Assurance Berhad)
13. Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad
14. Hong Leong Assurance Berhad
15. Lonpac Insurance Bhd
16. Manulife Insurance Berhad
17. MCIS Insurance Berhad (dahulu dikenali sebagai MCIS Zurich Insurance Berhad)
18. MSIG Insurance (Malaysia) Bhd.
19. Multi-Purpose Insurans Bhd
20. Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad
21. Pacific & Orient Insurance Co. Berhad
22. Progressive Insurance Bhd
23. Prudential Assurance Malaysia Berhad
24. QBE Insurance (Malaysia) Berhad
25. RHB Insurance Berhad
26. The Pacific Insurance Berhad
27. Sun Life Malaysia Assurance Berhad
28. Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
29. Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.
30. Tune Insurance Malaysia Berhad
31. Uni.Asia General Insurance Berhad
32. Zurich Insurance Malaysia Berhad

Pengendali Takaful

1. AIA Public Takaful Bhd (dahulu dikenali sebagai ING Public Takaful Ehsan Berhad)
2. AmMetLife Takaful Berhad (dahulu dikenali sebagai AmFamily Takaful Berhad)
3. Etiqa Takaful Berhad
4. Great Eastern Takaful Berhad
5. Hong Leong MSIG Takaful Berhad
6. HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad
7. MAA Takaful Berhad
8. Prudential BSN Takaful Berhad
9. Sun Life Malaysia Takaful Berhad
10. Syarikat Takaful Malaysia Berhad
11. Takaful Ikhlas Berhad

* menandakan bank ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI). SPI ditakrifkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai skim perbankan Islam yang disediakan oleh institusi berlesen untuk menjalankan perniagaan perbankan berasaskan prinsip-prinsip Islam.

GLOSARI ISTILAH

Ahli penginsurans

Semua syarikat insurans (termasuk subsidiari syarikat-syarikat insurans asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 untuk menjalankan perniagaan insurans hayat dan / atau am di Malaysia, serta pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menjalankan perniagaan takaful keluarga dan / atau am di Malaysia, seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2011. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh ahli penginsurans ini boleh didapati di halaman 222.

Bahaya moral

Insentif bagi pengambilan risiko tambahan yang boleh timbul daripada penyediaan insurans deposit atau jaminan deposit dan institusi-institusi kewangan tidak akan mengalami kerugian akibat pengambilan risiko ini.

Bank ahli

Semua bank perdagangan (termasuk subsidiari bank-bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Keahlian adalah wajib di bawah Akta PIDM. Senarai penuh bank ahli ini boleh didapati di halaman 222.

Dana Insurans Deposit Islam

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank-bank Islam ahli atau bank-bank perdagangan ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat, ditolak kos langsung operasi Sistem Insurans Deposit Islam.

Dana Insurans Deposit Konvensional

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank ahli yang menyediakan perkhidmatan perbankan konvensional dan faedah diperolehi, ditolak kos langsung operasi Sistem Insurans Deposit Konvensional.

Dana Perlindungan Insurans Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans am dan faedah diperolehi, ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Insurans Hayat

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan insurans hayat dan faedah diperolehi, ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Am

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful am dan faedah diperolehi, ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada ahli penginsurans yang menjalankan perniagaan takaful keluarga dan pulangan dibuat, ditolak kos langsung operasi Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans.

Dana sasaran

Dana sasaran, pada umumnya, merupakan paras dana terkumpul yang diperlukan bagi menanggung dengan sewajarnya kerugian yang dijangkakan daripada aktiviti intervensi dan resolusi kegagalan.

Format Fail Piawaian

Fail teks maklumat deposit yang berkaitan yang disediakan oleh bank-bank ahli berpandukan format yang ditetapkan dalam Garis Panduan Sistem Maklumat Deposit dan Pengemukaan yang dikeluarkan oleh Perbadanan. Format Fail Piawaian mempunyai dua matlamat, iaitu, untuk membantu Perbadanan mengesahkan pengiraan tahunan deposit yang diinsuranskan oleh bank-bank ahli serta untuk memudahkan Perbadanan melaksanakan mandatnya dengan membuat pembayaran balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit.

Institusi ahli

Institusi ahli PIDM yang terdiri daripada bank ahli dan ahli penginsurans.

Institusi perantara (Bridge institution)

Sebuah institusi yang merupakan subsidiari PIDM yang akan mengambil alih dan menjalankan operasi sebahagian atau kesemua perniagaan, aset dan liabiliti institusi ahli yang mengalami kegagalan, dan terus menyediakan perkhidmatan kepada pendeposit, sehingga pembeli bagi perniagaan, aset dan liabiliti boleh dikenal pasti bagi membeli institusi perantara tersebut. Di negara lain, institusi perantara sering digunakan sebagai pilihan resolusi bagi memelihara nilai francais institusi yang bermasalah, serta membolehkan peruntukan masa yang lebih lama untuk menangani masalah institusi dan mengenal pasti pembeli.

Intervensi dan resolusi kegagalan

Intervensi merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi ahli bagi menangani keprihatinan tertentu terhadap institusi ahli. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi ahli tersebut. Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan dalam menangani sesebuah institusi ahli yang gagal yang telah diisytiharkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai tidak berdaya maju.

Glosari Istilah

Jaminan Deposit Kerajaan

Jaminan Deposit Kerajaan yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Oktober 2008 merupakan suatu jaminan deposit sementara yang memberi perlindungan sepenuhnya kepada deposit dan instrumen yang dijamin dalam institusi ahli dan institusi kewangan lain yang dijamin. Jaminan Deposit Kerajaan ini merupakan suatu langkah awal dan berjaga-jaga sejajar dengan langkah yang diambil oleh negara jiran bagi mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan. Jaminan deposit ini berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010.

Jaringan keselamatan kewangan

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit pemantauan dan pengawalseliaan berhemat, dan pemberi pinjaman usaha akhir.

Jumlah Deposit yang Diinsuranskan

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM dalam institusi ahli.

Jumlah Nisbah Modal

Jumlah Nisbah Modal dikira sebagai peratusan modal bank ahli daripada aset berwajaran risikonya. Modal ini terdiri daripada Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 manakala aset berwajaran risiko dikira berdasarkan pengagregatan aset bank berwajaran terhadap faktor-faktor berkaitan dengan risiko bank.

Kumpulan Dana Perlindungan Islam

Kumpulan Dana Perlindungan Islam merujuk kepada Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam; Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am; dan Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga.

Kumpulan Dana Perlindungan Takaful

Kumpulan Dana Perlindungan Takaful merujuk kepada Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Am; dan Kumpulan Dana Perlindungan Takaful Perpaduan Keluarga.

Levi

Premium yang perlu dibayar oleh ahli penginsurans kepada PIDM. "Levi" ini hendaklah difahami sebagai mempunyai erti yang sama seperti "premium" dalam Akta PIDM.

Manfaat insurans

Agregat manfaat insurans yang ditanggung oleh sesebuah syarikat insurans atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan insurans bagi syarikat insurans tersebut.

Manfaat takaful

Agregat manfaat takaful yang ditanggung oleh sesebuah pengendali takaful atas mana-mana individu dalam urusan biasa perniagaan takaful bagi pengendali takaful tersebut.

Mata wang asing

Mana-mana mata wang selain Ringgit, mata wang Malaysia.

Model Ramalan Penarafan

Model Ramalan Penarafan ialah model bagi Sistem Amaran Awal yang direka bentuk untuk meramalkan perubahan dalam penarafan risiko institusi ahli, menganggarkan kebarangkalian penurunan penarafan dan untuk menunjukkan bahagian tertentu yang menyumbang kepada perubahan penarafan tersebut.

Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah Kecukupan Modal ialah nisbah kedudukan modal pengawalseliaan institusi kewangan terhadap pendedahan risikonya, iaitu modal yang diperlukan. BNM telah menetapkan Tahap Modal Sasaran Pengawalseliaan sebanyak 130% Nisbah Kecukupan Modal bagi syarikat insurans dan sekiranya kurang daripada sasaran tersebut, tindakan pengawalseliaan yang terperinci akan diambil bagi menyelesaikan kedudukan kewangan syarikat insurans. Bagi bank, bermula pada tahun 2013, komponen modal adalah dilaporkan berdasarkan Rangka Kerja Kecukupan Modal Basel III. Rangka kerja tersebut menggariskan pendekatan bagi pengiraan nisbah kecukupan modal pengawalseliaan, serta pada tahap nisbah-nisbah yang mana institusi perbankan dikehendaki beroperasi. Keperluan modal pengawalseliaan bertujuan untuk memastikan bank-bank mempunyai modal berkualiti tinggi yang mencukupi untuk menyerap kerugian atas dasar berterusan. BNM menghendaki bank-bank untuk mengekalkan Nisbah Jumlah Modal sebanyak 8%, pada setiap masa.

Pelan Komunikasi Bersepadu

Pelan lima tahun ini mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran mengenai sistem-sistem perlindungan.

Pembayaran Balik

Proses yang dilaksanakan oleh PIDM untuk membayar balik deposit yang diinsuranskan kepada pendeposit yang layak, atau manfaat yang dilindungi kepada benefisiari takaful atau orang yang diinsuranskan yang layak bagi institusi ahli yang tidak berdaya maju menurut seksyen 56 dan 57, serta seksyen 80 dan 81 Akta PIDM.

Pemilik polisi

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada polisi insurans dan termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik polisi yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Pemilik sijil

Individu yang mempunyai hak milik sah kepada sijil takaful dan termasuk pemilik serah hak, wakil persendirian pemilik sijil yang telah meninggal dunia dan penerima anuiti.

Glosari Istilah

Pengurusan pembayaran

Satu proses bagi mengendalikan pembayaran balik kepada pendeposit yang diinsuranskan, benefisiari takaful dan orang yang diinsuranskan, termasuk menyediakan penyata pembayaran, menyimpan fail dokumen pembayaran dan memantau status pembayaran.

Pengurusan Risiko Organisasi

Rangka kerja ini diguna pakai secara menyeluruh dalam organisasi untuk memastikan dan menunjukkan bahawa risiko utama sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Prinsip Syariah

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, Sunnah (hadis dan pelakuan Nabi Muhammad S.A.W), Ijma' (persetujuan cendekiawan Islam) dan Qiyas (perumpamaan).

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful merujuk kepada rangka kerja yang diperkenalkan oleh BNM, yang antara lain, adalah untuk mentadbir pengiraan kecukupan modal pengendali takaful. Ia juga menetapkan jangkaan BNM terhadap pengekalan tahap kecukupan modal pengendali takaful agar setara dengan profil risiko operasi takaful, dan bertindak sebagai penimbal kewangan terhadap pendedahan risiko bagi takaful.

Rosot Nilai

Sesuatu pinjaman / aset pembiayaan dianggap merosot nilai sekiranya bukti objektif rosot nilai adalah disebabkan oleh (i) suatu peristiwa kerugian yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset tersebut; (ii) suatu peristiwa kerugian mempunyai impak terhadap aliran tunai masa depan yang dianggarkan dan (iii) anggaran jumlah kerugian yang andal boleh dibuat.

Sistem Amaran Awal

Sistem Amaran Awal ialah instrumen yang digunakan untuk memantau tanda-tanda awal risiko yang akan dihadapi oleh institusi ahli bagi memudahkan tindakan awal untuk melaksanakan langkah-langkah pembetulan dengan segera. Sistem ini menggunakan model statistik untuk mengesan, mengukur dan menanda kelemahan sedia ada atau berpotensi menggugat institusi ahli. Sistem ini juga berfungsi sebagai sistem pengawasan yang melengkapi rangka kerja penilaian risiko yang sedia ada.

Sistem Levi Berbeza

Sistem premium berbeza yang mengenakan levi kepada ahli penginsurans konvensional pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

Sistem Pendaftaran Produk

Sistem dalaman PIDM untuk menilai dan menentukan status kebolehininsuransan produk deposit berasaskan kepada maklumat produk deposit yang dikemukakan oleh bank-bank ahli kepada PIDM.

Sistem Pengurusan Maklumat Liabiliti Deposit

Sistem dalaman PIDM yang digunakan untuk memproses butiran terperinci dan akaun deposit yang dipegang oleh pendeposit, dengan tujuan mengira jumlah deposit yang diinsuranskan mengikut entiti. Sistem ini mengendalikan proses yang termasuk pengagregatan akaun deposit bagi entiti yang sama, membuat pelarasan pembayaran, penahanan pembayaran dan penghasilan fail dokumen pembayaran bagi memprosesan seterusnya oleh pengurusan pembayaran.

Sistem Premium Berbeza

Sistem yang mengenakan premium kepada bank ahli pada kadar yang berbeza, berdasarkan profil risiko masing-masing.

BUTIR-BUTIR HUBUNGAN



Hubungi Talian Maklumat Bebas Tol PIDM 1-800-88-1266,
dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat
Talian Am PIDM : **603 - 2173 7436 / 2265 6565**
Faks PIDM : **603 - 2173 7527 / 2260 7432**



Layari laman web kami di: www.pidm.gov.my
Soalan-soalan lazim mengenai PIDM, Sistem Insurans Deposit
dan Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans boleh
didapati di laman web kami



Emel kepada: info@pidm.gov.my



Tulis kepada:
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Aras 12, Menara Axiata (dahulu dikenali sebagai Quill 7),
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Aras 12, Menara Axiata (dahulu dikenali sebagai Quill 7),
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur.

Tel: 603 2173 7436 / 2265 6565 Faks: 603- 2173 7527 / 2260 7432
Talian Bebas Tol: 1-800-88-1266 Emel: info@pidm.gov.my

www.pidm.gov.my